

**TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT: ANALISIS
PERBANDINGAN DI BANK MUAMALAT MALAYSIA
BERHAD DAN AFFIN BANK BERHAD**

NORAJILA BINTI CHE MAN

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2011

**TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT: ANALISIS
PERBANDINGAN DI BANK MUAMALAT MALAYSIA
BERHAD DAN AFFIN BANK BERHAD**

NORAJILA BINTI CHE MAN

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA DISERTASI)**

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2011

ABSTRAK

Konsep tanggungjawab sosial korporat (CSR) mula diperkatakan apabila Henry Ford mengetengahkan idea ‘perniagaan adalah perkhidmatan’. Namun masyarakat ketika itu menolak sama sekali idea tersebut dan tetap mempertahankan matlamat utama perniagaan iaitu untuk memperoleh keuntungan maksimum. Hanya beberapa dekad kemudian, barulah idea ini mula bercambah kembali dan semakin hangat diperbincangkan terutamanya dalam dekad-dekad kebelakangan ini. Apakah yang dimaksudkan dengan CSR ini? Bagaimanakah ianya bermula? Mengapakah ianya kembali hangat diperkatakan? Kajian yang dilakukan ini akan membincangkan mengenai konsep CSR yang dilihat dari dua perspektif iaitu perspektif konvensional dan juga perspektif Islam. Perbincangan ini dilanjutkan lagi dengan konsep dan pelaksanaan CSR dalam perbankan Islam iaitu di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad. Kajian ini turut melihat bentuk-bentuk program CSR yang dijalankan di kedua-dua buah bank ini serta melihat kesan dan impak yang diperolehi sama ada oleh institusi perbankan Islam ataupun masyarakat keseluruhannya. Bagi mendapatkan hasil yang diperlukan bagi kajian ini, penulis menggunakan metode temubual untuk menemubual pihak institusi perbankan Islam yang berautoriti. Hasil yang diperolehi dari kajian ini mendapati bahawa mendapati bahawa pelaksanaan CSR telah dianggap sebagai satu obligasi atau tuntutan agama terhadap syarikat korporat terutamanya syarikat korporat Islam. Syarikat korporat Islam tidak hanya melaksanakan CSR sebagai memenuhi keperluan polisi sama ada polisi syarikat ataupun polisi kerajaan tetapi lebih kepada kesedaran untuk memenuhi tanggungjawab sosial yang telah ditetapkan. Dari segi peruntukan dana, terdapat tiga sumber utama dana kewangan bagi bank Islam dalam melaksanakan CSR. Sumber utama datangnya dari dana zakat perniagaan yang dibayar oleh perbankan Islam tersebut. Sebagai institusi perniagaan Islam, perbankan Islam wajib membayar zakat perniagaan pada kadar 2.5% dari jumlah keuntungan. Aktiviti-aktiviti CSR yang dilaksanakan adalah tertakluk di bawah bidang-bidang CSR iaitu alam sekitar, sumber tenaga, kebajikan pekerja, produk-produk yang dihasilkan, dan komitmen dalam masyarakat.

ABSTRACT

The concept of corporate social responsibility (CSR) started to discuss when Henry Ford highlighted the idea of “business is a service”. Unfortunately, the idea was derided and rejected by the society that emphasized the maximum profit as main objective for the business. Only a few decades later, this idea began to arise again in discussion among academicians, stakeholders and also the society at large. Then, why did the society respond so differently in the two periods? To answer this question we must first know, what exactly is CSR? How did it start? And why this issue began to discuss again? The study was conducted to discuss about the concept of CSR viewed from two different perspectives, namely the perspective of conventional and Islamic perspective. The discussion then further extended with the concept and implementation of CSR in Islamic banking in Malaysia, focused on Bank Muamalat Malaysia Berhad and Affin Bank Berhad. This study also aim on the CSR programmes that have been conducted by the two banks mention earlier and also its impacts and effects on the institutions and society at whole. To obtain the data needed, the interview method has been used. A structured interview has been conducted with the key person of the Islamic banking institutions mention earlier. This study found that the implementation of CSR is regard as an religious obligation towards corporations especially Islamic corporates. CSR not only implemented to fulfill the policies either by corporations or the goverment but has something more than that - to fulfill their responsibility towards the society at large. In term of funding, there are three main sources for funding in implemented the CSR by Islamic bank. The main source come from business zakah that has to be paid by Islamic banking institutions. Business zakah is regard as one of ‘wajib’ CSR that has to be paid at 2.5% rate from profit gained by the Islamic corporations. Besides, this study also reviewed on programmes that have been conducted by Bank Muamalat Malaysia Berhad and Affin Bank Berhad. Under CSR, the activities are carry out in the areas of environment, energy, welfare to the workers, the product produced and the commitment to the community.

PENGHARGAAN



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, penulis dapat menyiapkan disertasi ini dalam masa yang ditetapkan walaupun berdepan dengan pelbagai masalah dan rintangan. Selawat dan salam untuk Junjungan Mulia Nabi Muhammad s.a.w, keluarga baginda, para sahabat, tabi'in dan umat Islam seluruhnya.

Seinfiniti penghargaan dirakamkan buat penyelia, Prof. Dr Joni Tamkin bin Borhan yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, panduan, dorongan dan nasihat yang berguna kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan disertasi ini. Tanpa tunjuk ajar dari Prof. amat sukar bagi penulis menyiapkan disertasi ini dengan baik.

Jutaan penghargaan juga dititipkan untuk para pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi iaitu Dr Patmawati binti Hj Ibrahim, Dr Asmak binti Ab Rahman, Puan Nor Aini binti Ali, Dr Ahmad Azam bin Sulaiman@ Mohamad, En. Azizi bin Che Seman dan juga En. Taqiuddin bin Mohamad yang sentiasa memberikan dorongan, dan semangat kepada penulis untuk terus menyambung pelajaran di peringkat yang tertinggi. Terima kasih juga di atas idea-idea bernas yang sentiasa diberikan oleh anda semua dalam usaha penulis menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Terima kasih di atas tunjuk ajar, bimbingan dan kritikan kalian terhadap penulis sepanjang penulis mendapatkan ilmu di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda semua.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga diberikan kepada abah (Che Man bin Ismail) dan mak (Rohayahti binti Abd Wahab) yang telah menjaga dan membesarkan penulis dan memberikan kasih sayang serta didikan yang secukupnya kepada penulis. Jasa dan pengorbanan kalian tidak mampu dibalas dengan wang ringgit. Hanya Allah yang dapat membala jasa abah dan mak. Tidak lupa juga buat adik-adik tersayang, Adik, Lan, Teng, Mail dan Syikin yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis dan sentiasa berada di sisi ketika senang mahupun susah. Persaudaraan kita tidak akan terputus walau zaman bertukar dan masa berganti. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga dititipkan untuk insan yang sentiasa menyokong dari jauh, kerana sentiasa memberi semangat dan dorongan untuk menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih diucapkan kepada teman-teman seperjuangan di JSE dan RA JSE (Kak Jidah, Zuraida, Hamdana, Syuhada, Zana) yang sentiasa menghulurkan bantuan meringankan beban penulis dalam menyiapkan disertasi ini. Kak Izah, Dayah, Kak Fazreen, perjuangan kita masih belum selesai. Selagi nyawa di kandung badan, perjuangan tetap diteruskan.

Tidak di lupa setinggi penghargaan kepada pegawai dan staf di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank (M) Berhad atas kesudian memberikan maklumat dan informasi yang diperlukan oleh penulis. Kerjasama yang diberikan kepada penulis amat membantu dalam menyiapkan disertasi ini. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan.

Akhir kata, penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah banyak menolong penulis bagi menyempurnakan disertasi ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah memberkati hidup kita semua.

Amin ya Rabbal 'alamin.

Sekian. *Wassalam.*

Norajila Binti Che Man

21 Disember 2011

No 10, Lorong Am 22,

16 Muharram 1433

Taman Aor Mesra, 34000

Taiping, Perak Darul Ridzuan.

ila_um85@yahoo.com

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
Halaman tajuk	
Dedikasi	
Abstrak	ii-iii
Penghargaan	iv-vi
Isi kandungan	vii-x
Senarai kependekkan	xi-xv
Transliterasi	xvi-xviii

BAB 1 Pendahuluan

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	3
1.2 Objektif kajian	7
1.3 Kepentingan kajian	7
1.4 Skop kajian	8
1.5 Kajian lepas	9
1.6 Metodologi penyelidikan	26

BAB 2**Teori dan konsep tanggungjawab sosial korporat**

2.0 Pengenalan	30
2.1 Konsep dan teori CSR	31
2.1.1 Perspektif konvensional	31
2.1.2 Perspektif Islam	44
2.1.2.1 Taqwa	44
2.1.2.2 Tauhid	49
2.1.2.3 <i>Ukhuwwah dan al-‘adl</i>	56
2.1.2.4 <i>Fardh</i>	66
2.2 Perbandingan teori CSR	69
2.3 Pelaksanaan CSR	73
2.4 Implementasi CSR di beberapa negara terpilih	79
2.4.1 Malaysia	86
2.4.2 United Kingdom	89
2.4.3 India	91
2.4.4 Rusia	95
2.4.5 Indonesia	97
2.5 Faktor penggalak dalam CSR	100
2.6 Kepentingan CSR	107
2.7 Bidang-bidang CSR	108
2.8 Kesimpulan	108

**Pelaksanaan CSR di BMMB dan Affin
Bank Berhad**

BAB 3

3.0	Pengenalan	111
3.1	Sistem perbankan Islam di Malaysia	112
3.2	Pelaksanaan CSR di BMMB	124
3.2.1	Pengenalan	124
3.2.2	Visi	127
3.2.3	Misi	128
3.2.4	Nilai-Nilai Yang Dipegang	128
3.2.5	Pelaksanaan CSR di BMMB	128
3.2.6	Program-program CSR	131
3.3	Pelaksanaan CSR di Affin Bank Berhad	144
3.3.1	Pengenalan	144
3.3.2	Visi	146
3.3.3	Misi	146
3.3.4	Nilai-Nilai Yang Dipegang	147
3.3.5	Pelaksanaan CSR di Affin Bank Berhad	148
3.3.6	Program-program CSR	150
3.4	Kesimpulan	161

BAB 4**Analisis perbandingan CSR di BMMB
dan Affin Bank Berhad**

4.0	Pengenalan	162
4.1	Analisis perbandingan CSR	163
4.1.1	Teori CSR menurut Ekonomi konvensional dan pelaksanaannya	163
4.1.2	Teori CSR menurut ekonomi Islam dan pelaksanaannya	165
4.1.3	Pandangan bank terhadap pelaksanaan CSR	167
4.1.4	Peruntukan dana	169
4.1.5	Program dan aktiviti CSR	173
4.1.6	Pihak berkepentingan	182
4.1.7	Implikasi CSR	186
4.2	Konsep keberkatan dalam Islam	190
4.3	Cabarannya dalam melaksanakan CSR	202
4.4	Kesimpulan	208

BAB 5**Kesimpulan**

5.0	Rumusan	210
5.1	Perancangan masa hadapan CSR	215

BIBLIOGRAFI

221-255

Senarai Kependekkan

%	: Peratus
&	: Dan
(M)	: Malaysia
/	: Atau
Ab	: Abdul
Abd	: Abdul
ACCA	<i>: The Association Of Chartered Certified Accountants</i>
AIM	: Amanah Ikhtiar Malaysia
AMMB	: AMMB Holding Berhad
APEC	<i>: Asia-Pacific Economic Corporation</i>
ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
BBMB	: Bank Bumiputera Malaysia Berhad
Bil	: Bilangan
BIMB	: Bank Islam Malaysia Berhad
BIRT	<i>: BIMB Institute Of Research And Training Sdn. Bhd.</i>

BitC	: <i>Business in the Community</i>
BMMB	: Bank Muamalat Malaysia Berhad
BNM	: Bank Negara Malaysia
BSN	: Bank Simpanan Nasional
CEO	: <i>Chief Executive Officer</i>
CFP	: <i>Corporate Financial Performance</i>
CR	: <i>Corporate Responsibility</i>
CSER	: <i>Corporate Social And Environment Responsibility</i>
CSM	: <i>Centre of Social Markets</i>
CSR	: <i>Corporate Social Responsibility</i>
Dr	: Doktor
eds	: Editor
EIU	: <i>Economist Intelligent Unit</i>
FTSE	: <i>Financial Times Stock Exchange</i>
GLC	: <i>Government Linked Company</i>
GLIC	: <i>Government Linked Investment Company</i>
HJ	: Haji

hlm	: Halaman
IAID	: <i>International Association of Islamic Banks</i>
Ibid	: <i>Ibidem</i> (rujukan kepada tempat, buku, fasal atau halaman yang sama atau sebelumnya)
ICT	: <i>Information and Communication Technology</i>
IKS	: Industri Kecil Dan Sederhana
IPTA	: Institut Pengajian Tinggi Awam
IT	: <i>Information Technology</i>
Jld	: jilid
JKP-KPM	: Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pentadbiran Korporat Malaysia
Jr.	: <i>Junior</i>
KLCI	: <i>Kuala Lumpur Composite Index</i>
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LUTH	: Lembaga Urusan Tabung Haji
MOSTI	: <i>Ministry of Science, Technology and Innovation</i>
n.d	: <i>no date</i>
NGO	: <i>Non Government Organization</i>

NPL	: <i>Non Performing Loan</i>
OKU	: Orang Kurang Upaya
<i>op.cit.</i>	: <i>Opera citato</i> (rujukan yang telah diselang rujukan lain)
PERKESO	: Pertubuhan Kebajikan Sosial Pekerja
PKS	: Perusahaan Kecil dan Sederhana
PLC	: <i>Public Listed Company</i>
PMR	: Peperiksaan Menengah Rendah
Prof.	: Profesor
r.a	: <i>Radiallahu 'anhu/ha</i>
RM	: Ringgit Malaysia
RMK-9	: Rancangan Malaysia Ke-9
s.a.w	: <i>Sallallahu 'Alaihi Wasalam</i>
s.w.t	: <i>Subhanahu Wa Taala</i>
Sdn. Bhd	: Sendirian Berhad
SME	: <i>Small and Medium Enterprise</i>
SPM	; Sijil Pelajaran Malaysia

t.t	: Tanpa tarikh
Terj.	: Terjemahan
TNC	: <i>Transnational Company</i>
UK	: <i>United Kingdom</i>
UN	: <i>United Nation</i>
UNGC	: <i>United Nation Global Impact</i>
USA	: <i>United Stated of America</i>
WBCSD	: <i>World Business Council for Sustainable Development</i>
YB	: Yang Berhormat

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut¹ :

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	alif	a / ’
ب	ba’	b
ت	ta’	t
ث	tha’	th
ج	jim	j
ح	ha’	h
خ	kha’	kh
د	dal	d
ذ	dhal	dh
ر	ra’	r
ز	zay	z
س	sin	s
ش	syin	sy
ص	sad	s
ض	dad	d

¹ Lihat Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ; *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. (2001), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

ت	<i>ta'</i>	t
ظ	<i>za'</i>	z
ع	<i>'ayn</i>	'
غ	<i>ghayn</i>	gh
ف	<i>fa'</i>	f
ق	<i>qaf</i>	q
ك	<i>kaf</i>	k
ل	<i>lam</i>	l
م	<i>mim</i>	m
ن	<i>nun</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>ha'</i>	h
ي	<i>ya'</i>	y
ة	<i>ta' marbutah</i>	h

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah) ﴿	a
	(dammah) ﻭ	u
	(kasrah) ﻯ	i
Panjang	اً	a
	أُوْ	u
	إِيْ	i
Diftong	أَوْ	aw
	أَيْ	ay
	يَّ	iy/i
	وَّ	uww

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Perbankan Islam di Malaysia semakin berkembang pesat sejak ianya bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad. Perkembangan ini sangat memberangsangkan dan ianya diterjemahkan melalui penubuhan bank-bank Islam yang baru di samping bank-bank konvensional yang mengamalkan kaunter Islam (*Islamic windows*). Perbankan Islam ini dibangunkan berdasarkan kepada kesedaran untuk menyediakan kemudahan kewangan kepada umat Islam supaya ianya selaras dengan kehendak Syariah. Ianya berdasarkan kepada dua prinsip asas iaitu membantu dalam mencapai objektif sosio-ekonomi bagi masyarakat Islam dan juga ianya dilaksanakan berlandaskan Syariah Islam. Perbankan Islam yang ditubuhkan hendaklah dapat membantu mencapai objektif sosio-ekonomi masyarakat Islam namun tidak melanggar kehendak Syariah.

Fungsi utama bank sama ada konvensional atau bank Islam ialah untuk menggalakkan simpanan dan mengerakkan dana yang terbeku dalam sistem ekonomi dan kemudian menyalurkan dana tersebut kepada unit defisit. Oleh itu, ramai yang beranggapan bahawa perbankan Islam adalah sama dengan perbankan konvensional. Namun, persepsi masyarakat ini perlu diubah kerana matlamat utama perbankan Islam ialah perkongsian untung rugi dan juga mengelakkan amalan riba di samping beroperasi berlandaskan prinsip Syariah. Matlamat-matlamat perbankan Islam ini bertujuan mewujudkan kehidupan sosial yang lebih baik di kalangan masyarakat umumnya dan umat Islam khususnya. Konsep

perkongsian untung rugi yang dilaksanakan oleh perbankan Islam dapat memupuk semangat tolong menolong dan bantu membantu di kalangan umat. Di samping itu, larangan mengenakan riba atau *interest* bertujuan untuk mengelakkan kezaliman berlaku dalam masyarakat dan menerapkan perasaan kasih sayang sesama umat. Atas sebab itu, penubuhan bank Islam ini dilihat dapat membantu mencapai objektif sosio-ekonomi masyarakat Islam khususnya dan umat manusia seluruhnya.

Sehubungan dengan itu, perkembangan dan pertumbuhan bank-bank Islam yang semakin rancak di Malaysia diharapkan dapat melaksanakan peranan sosialnya dalam meningkatkan nilai etika dan moral dalam masyarakat di samping menguatkan ikatan kerjasama dan persaudaraan di kalangan ummah. Antara peranan sosial yang perlu dimainkan oleh perbankan Islam ialah menyokong dalam mengembangkan aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Peranan ini dapat dilihat melalui keprihatinan pihak bank dalam menyokong sebarang aktiviti yang dilakukan oleh pihak tertentu melalui pembinaan bangunan, masjid-masjid, pusat-pusat zakat dan sebagainya yang bertujuan untuk menyediakan pertolongan kepada individu yang memerlukan di dalam negara. Selain itu, institusi perbankan Islam diharapkan dapat menyediakan produk-produk pembiayaan yang berasaskan *qard al-hasan* bagi memenuhi keperluan masyarakat dalam memastikan *maqasid Syariah* tercapai. Walaupun prinsip *qard al-hasan* ini dilihat dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat yang memerlukan, namun, kebanyakan bank Islam yang sedang

beroperasi sekarang tidak menawarkan sebarang produk berasaskan prinsip tersebut.

1.1 Latar belakang permasalahan kajian

Tanggungjawab sosial korporat sangat penting memandangkan perkembangan serta kemajuan sesebuah institusi korporat banyak bergantung kepada faktor-faktor lain selain keuntungan perniagaan semata-mata. Sokongan pelbagai kumpulan masyarakat seperti pengguna, pekerja, pemilik modal, kumpulan bukan pengguna serta masyarakat umum banyak membantu dalam meningkatkan prestasi dan kemajuan sesebuah institusi korporat. Ianya merupakan satu tanggungjawab sosial perniagaan bagi mengatasi masalah dan isu sosial serta mengandungi matlamat politik. Dalam erti kata yang lain, perniagaan seharusnya menjadi penyelamat dan penyelesai masalah dalam masyarakat².

Tanggungjawab sosial korporat secara umumnya ialah komitmen sesebuah organisasi untuk beroperasi secara ekonomik dan mengambil kira keadaan persekitaran sosial di sekeliling mereka. Sesebuah organisasi tidak sepatutnya hanya mementingkan keuntungan semata-mata, namun perlu mengambil kira kepentingan sosial dan kebajikan masyarakat sekeliling. Oleh sebab itu, tanggungjawab sosial korporat ini diberi penekanan oleh kerajaan kepada pihak swasta dalam membantu memastikan kebajikan masyarakat sentiasa terpelihara.

²Abdul Manaf Bohari & Nik Mutasim Abdul Rahman (2001), “Tanggungjawab Sosial Korporat Di Malaysia: Masalah, Perlaksanaan dan Cabaran” dalam Abdul Aziz Jemain *et.al* (eds), *Isu-Isu Ekonomi dan Pengurusan di Malaysia*, Petaling Jaya : Prentice Hall, hlm. 118.

Dasar Sosial Negara yang telah diluluskan oleh kabinet pada 19 Februari 2003, bermatlamat untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan mapan dari aspek sosial, ekonomi,dan teknologi³. Selaras dengan matlamat tersebut, Dasar Sosial Negara ini telah menggariskan empat objektif khusus yang saling melengkapi dengan menerapkan nilai-nilai murni di setiap peringkat pelaksanaannya iaitu memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi, membangun dan memperkasakan insan sepanjang hayat, memperkuuhkan dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial dan menjana sinergi multisektor⁴. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai objektif-objektif tersebut, beberapa strategi telah disusun dan dilaksanakan. Antaranya ialah menggalakkan sektor swasta dan sukarela menuju dan mengendalikan institusi perkhidmatan sosial yang bermutu untuk memenuhi keperluan anggota masyarakat yang memerlukan perkhidmatan sedemikian. Di samping itu juga strategi disusun bagi menggalakkan sektor swasta memenuhi tanggungjawab sosial dengan membantu menyediakan program bagi kumpulan sasar dan menangani isu sosial secara teratur selaras dengan prinsip tanggungjawab sosial korporat (CSR)⁵.

CSR merupakan komitmen syarikat-syarikat korporat dalam menyumbang terhadap pembangunan ekonomi dengan memberi perhatian terhadap pekerja, keluarga (pekerja), komuniti tempatan dan masyarakat seluruhnya bagi meningkatkan taraf hidup mereka melalui kaedah yang memberi faedah untuk perniagaan dan juga pembangunan. CSR merangkumi semua aspek dalam

³“Dasar sosial Negara”, <http://pmr.penerangan.gov.my/page.cfm?name=sosial>, 11 Julai 2009.

⁴Ibid.

⁵Ibid.

pentadbiran korporat. Ianya adalah berkaitan dengan bagaimana syarikat-syarikat mengatur perniagaan melalui cara yang beretika, dengan mengambil kira kesan-kesannya terhadap ekonomi, sosial, alam sekitar dan juga hak asasi manusia⁶. Ianya merangkumi lebih daripada pihak berkepentingan (*stakeholder*) yang biasa seperti pemegang saham ataupun pembekal-pembekal tempatan, namun ia turut merangkumi rakan-rakan sosial seperti komuniti tempatan dan tanggungjawab global seperti memelihara alam sekitar dan memastikan standard kerja yang baik bagi pembekal-pembekal luar. CSR ini juga merangkumi hubungan antara pekerja dan pelanggan. Ianya boleh dilihat sebagai satu bentuk pengurusan strategik, yang mampu menggalakkan organisasi tersebut untuk menilai dan meneliti bagaimana hubungan-hubungan tersebut boleh menyumbang terhadap keperluan utamanya dalam jangka masa yang panjang di dalam dunia yang sering berubah ini⁷.

Secara umumnya, sektor korporat boleh memainkan peranan dalam tiga aspek iaitu ekonomi atau kewangan, kemasyarakatan dan alam sekitar⁸. Dari segi ekonomi, antara tanggungjawab sosial korporat yang boleh dilakukan ialah menyumbang kepada program-program pembangunan ekonomi contohnya seperti yang dilakukan oleh AMMB Holding yang menjadi penaja pameran SMIDEX 2006 di Kuala Lumpur yang bertujuan untuk menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia⁹. Penyediaan produk-produk dan perkhidmatan yang lebih banyak dan lebih baik juga boleh dianggap sebagai telah melaksanakan

⁶“Corporate Social Responsibility”,
<http://www.cipd.co.uk/subjects/corpstrtg/corpsocres/CSRfact.htm>, 30 Mei 2009.

⁷*Ibid.*

⁸“IslamGalak Korporat Laksana Tanggungjawab Kemasyarakatan”, <http://www.ikim.gov.my>, 6 Jun 2009.

⁹“Tanggungjawab Sosial Korporat”,
<http://www.ambg.com.my/download/general/investorrelations/annualreport/2007>, 10 Julai 2009.

tanggungjawab sosial bagi syarikat-syarikat korporat. Dari segi tanggungjawab kepada masyarakat, syarikat korporat boleh memainkan peranan dalam menyediakan peruntukan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang di samping membina kemudahan komuniti¹⁰, menyumbang kepada aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan, menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan sebagainya. Tanggungjawab sosial yang dilakukan ini dapat membantu pihak kerajaan dalam memastikan kebajikan masyarakat terjamin. Syarikat korporat juga harus memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang ditawarkan tidak mencemarkan alam sekitar dan memberi kesan yang buruk terhadap persekitaran.

Persoalan mengenai CSR dari perspektif Islam bukan perkara yang baru diperbincangkan. Ia telah lama wujud dan menjadi panduan kepada mereka yang terabit dalam bidang perniagaan. Ianya bersesuaian dengan matlamat pembangunan dalam Islam yang telah menggariskan beberapa perkara yang turut menjadi agenda utama keperluan tanggungjawab sosial sektor korporat semasa, contohnya seperti pembangunan sumber manusia, penghasilan keluaran berguna, peningkatan mutu hidup dan pembangunan seimbang¹¹.

¹⁰“IslamGalak Korporat Laksana Tanggungjawab Kemasyarakatan”, *op.cit.*

¹¹*Ibid.*

1.2 Objektif kajian

Objektif utama kajian ini dilakukan ialah untuk

1.2.1 Mengetahui konsep tanggungjawab sosial korporat dari perspektif Ekonomi Islam.

1.2.2 Menganalisis pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad.

1.2.3 Membandingkan program-program CSR yang telah dilaksanakan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad.

1.2.4 Mengenal pasti kesan dan impak yang diterima oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad melalui program-program yang telah dilaksanakan.

1.3 Kepentingan kajian

Perbankan Islam sebagai salah sebuah institusi korporat Islam bertanggungjawab dalam memainkan peranannya terhadap masyarakat sekeliling di sebalik menjalankan operasi perniagaan. Oleh itu, pelaksanaan CSR oleh institusi korporat umumnya dan institusi perbankan Islam khususnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara melalui penekanan terhadap pembangunan sosio-ekonomi rakyat. Tanggungjawab sosial korporat ini dilihat dapat menjadi pemangkin dalam pembangunan masyarakat sama ada dari segi ekonomi, pendidikan dan juga sosial. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengetengahkan konsep tanggungjawab sosial bagi

sektor korporat dari sudut pandangan Islam kepada masyarakat dan juga institusi korporat sama ada secara langsung atau tidak langsung sekaligus untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan dari pihak korporat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka. Perkembangan yang pesat dalam sektor perbankan Islam di Malaysia dapat menyumbang kepada pelaksanaan tanggungjawab sosial yang lebih menyeluruh dan bersepada. Kajian yang dilakukan ini juga diharapkan dapat menambahkan sumber informasi di Universiti Malaya khususnya dan di Malaysia amnya.

1.4 Skop kajian

Kajian ini akan dijalankan di dua buah bank yang akan menjadi pusat kajian bagi melihat bagaimana tanggungjawab sosial korporat dilaksanakan oleh bank yang beroperasi sepenuhnya menurut Islam dan juga di bank yang mengamalkan dwi-sistem dalam operasi perbankannya. Kajian ini menjuruskan kepada pelaksanaan CSR oleh bank-bank tersebut dan juga bentuk program CSR yang telah dijalankan.

Bank yang menjadi pilihan kajian ialah Bank Muamalat Malaysia Berhad dan juga Affin Bank Berhad. Penulis memilih dua bank ini untuk dijadikan pusat kajian adalah kerana yang pertama, Bank Muamalat Malaysia Berhad merupakan bank Islam yang kedua ditubuhkan selepas Bank Islam Malaysia Berhad. Sebagai sebuah bank Islam yang baru sedekad ditubuhkan, penulis akan melihat bagaimana bank ini melaksanakan tanggungjawab sosialnya dan bagaimana bentuk-bentuk pelaksanaan CSR dilakukan di bank ini serta bagaimanakah dana

diperuntukkan oleh bank ini dalam menjalankan aktiviti-aktiviti CSR. Yang kedua, penulis memilih Affin Bank Berhad sebagai pusat kajian kedua kerana bank ini merupakan salah satu dari syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang tertakluk di bawah polisi kerajaan dalam menjalankan operasi perniagaan. Penulis juga akan melihat bagaimakah bentuk program CSR yang dilaksanakan di bank ini di bawah polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

1.5 Kajian lepas

Dalam membincangkan isu mengenai tanggungjawab sosial korporat ini, terdapat beberapa kajian lepas yang boleh dijadikan rujukan. Sumber rujukan bagi kajian lapangan ini terdiri daripada kertas kerja seminar, kajian ilmiah, disertasi dan juga artikel-artikel berkaitan yang diperoleh sama ada dari jurnal, web ataupun pengkalan data dalam talian. Kajian-kajian terdahulu ini ditelaah bagi memastikan ianya bukan suatu kajian yang berulang. Oleh itu beberapa buah artikel, kertas kerja seminar dan juga kajian ilmiah telah dirujuk. Penulis membahagikan kajian lepas ini kepada beberapa kumpulan kecil yang berkaitan dengan tajuk penulisan ini.

1.5.1 Kajian mengenai teori dan konsep CSR dan pelaksanaannya.

Neil H. Jacoby¹² dalam bukunya telah membincangkan mengenai tanggungjawab sosial dan institusi korporat di Amerika Syarikat bermula dengan kritikannya terhadap syarikat korporat di Amerika sehinggalah kepada tanggungjawab-tanggungjawab yang perlu dimainkan sama ada sebagai aktivis sosial, pencinta alam sekitar dan sebagainya. Penaksiran sosial terhadap institusi korporat di Amerika telah mendorong mereka untuk menganalisis isu-isu yang timbul seperti tumpuan dan pecahan institusi korporat, penyertaan dan pemisahan sektor korporat dalam politik dan juga isu autokrasi dan demokrasi dalam *corporate government*. Penulis turut mengemukakan tiga peranan sosial yang penting bagi sektor korporat di Amerika iaitu membantu menyelesaikan masalah sosial, meningkatkan kualiti alam sekitar dan juga menyediakan peralatan ketenteraan kepada pihak kerajaan. Pengertian tanggungjawab sosial ini telah diberi pengertian yang luas oleh masyarakat. Apabila berlaku isu-isu seperti kelumpuhan birokratik, pengaduan oleh pekerja tentang masa bekerja, penghasilan produk-produk yang tidak selamat, merbahaya dan rosak, penghasilan dadah, pengangguran, diskriminasi kaum dan sebagainya memberi anggapan bahawa institusi korporat tidak melaksanakan tanggungjawab sosialnya. Selain itu, penulis juga membincangkan mengenai teori tanggungjawab sosial oleh sektor korporat dalam dua model iaitu Model Pasaran Klasik (*The Classical Market Model*) dan Model Pengurusan (*Managerial Model*). Berdasarkan model-model tersebut, satu teori baru mengenai CSR dibentuk iaitu Model Persekutaran

¹²Neil H. Jacoby (1973), *Corporate Power and Social Responsibility*, New York: Macmillan Publishing Co. Inc., hh. 3-275.

Sosial (*Social Environment Model*) yang di harap dapat mengelakkan kesilapan yang telah berlaku sebelum ini dan memberikan penyelesaian yang rasional terhadap tindakan sosial korporat yang konsisten dengan motif mengoptimakan keuntungan.

Carroll Archie B.¹³ menyentuh beberapa ciri-ciri yang ada pada tanggungjawab sosial korporat yang hanya tertumpu kepada moral dan hala tuju pengurusan organisasi *stakeholders*. Perbincangan tanggungjawab sosial korporat ini digambarkan dalam bentuk piramid yang merangkumi tiga moral dan hala tuju *stakeholders* iaitu pengurusan tidak bermoral, pengurusan yang tidak berdasarkan ukuran moral dan pengurusan moral khususnya pada pelanggan dan masyarakat tempatan. Namun ianya bersesuaian dengan tajuk kajiannya yang hanya tertumpu kepada ciri-ciri yang ada pada tanggungjawab sosial terhadap organisasi *stakeholders* sahaja. Dalam kajian ini, penulis turut membincangkan mengenai empat peringkat tanggungjawab dalam piramid tanggungjawab sosial korporat. Ia terdiri daripada tanggungjawab tanggungjawab ekonomi, tanggungjawab undang-undang, tanggungjawab etika dan tanggungjawab *philanthropic*. Setiap satu kategori tanggungjawab ini memerlukan perhatian yang lebih mendalam bagi sektor korporat.

Abdul Manaf Bohari dan Nik Mutasim Nik Abdul Rahman¹⁴ pula melihat konsep tanggungjawab sosial korporat ini dari perspektif negara Malaysia dari segi masalah-masalah yang dihadapi, pelaksanaan dan juga cabarannya. Penulis turut membincangkan mengenai pihak berkepentingan bagi institusi korporat yang

¹³Carroll Archie B. (1991). "The Pyramid of Corporate Social Responsibility: Toward The Moral Management of Organizational Stakeholders". *Business Horizons*, July-August 1991, hh. 39-48.

¹⁴Abdul Manaf Bohari & Nik Mustasim Nik Abdul Rahman (2001), *op.cit*.

mana ianya merangkumi keseluruhan masyarakat yang menerima kesan daripada keputusan dan polisi korporat sesebuah institusi tersebut. Pihak berkepentingan ini boleh terdiri daripada individu, sekumpulan individu atau institusi yang mempengaruhi kejayaan dan keupayaan organisasi mencapai objektif mereka. Isu tanggungjawab sosial di Malaysia merujuk kepada masalah yang disebabkan oleh aktiviti dan operasi sektor korporat sama ada dalam bentuk pencemaran alam sekitar, kebajikan pekerja, hak pengguna atau masalah berkaitan produk keluaran syarikat yang membahayakan dan memudaratkan para pengguna. Isu dan masalah ini sentiasa berkembang dan bersifat kontemporari. Pelaksanaan CSR ini merupakan satu tuntutan moral kepada sektor korporat dan mempunyai kepentingan tertentu sama ada kepada sektor korporat tersebut ataupun pihak berkepentingannya.

David Henderson¹⁵ pula menyatakan bahawa walaupun banyak penulisan mengenai CSR dilakukan namun tiada terdapat satu penyampaian standard yang dipersetujui dan buku teks yang berautoriti yang menerangkan mengenai CSR. Namun begitu penerangan dan panduan mengenainya diperolehi dari dunia perniagaan itu sendiri melalui penerbitan-penerbitan yang dilakukan oleh firma-firma dan organisasi perniagaan, temasuklah pernyataan polisi korporat dan ucapan-ucapan oleh CEO syarikat ataupun tokoh-tokoh perniagaan yang lain. Dalam laporan yang disediakan oleh WBCSD (*World Business Council for Sustainable Development*) yang bertajuk *Corporate Social Responsibility: Making Good Business Sense* menyatakan bahawa satu definisi mengenai CSR yang boleh

¹⁵David Henderson (2001), *Misguided Virtue : False Notions of Corporate Social Responsibility*, London: The Institute of Economic Affairs, hh. 8-176.

diterima secara universal masih belum dapat dibangunkan. Namun begitu, terdapat garis panduan dan pedoman yang disediakan dalam tiga aspek utama yang berkaitan terhadap doktrin tersebut iaitu rasional atau makna yang tersirat daripadanya, amalan penglibatannya, dan kesannya yang meluas terhadap apa yang patut dilakukan oleh sesebuah organisasi perniagaan. Penulis turut menyatakan bahawa, walaupun konsep CSR ini sudah lama diperbincangkan namun, perbincangannya hari ini telah membawa satu dimensi dari dalam perkonsepsiannya. CSR merupakan satu doktrin yang radikal yang mengandungi satu konsep baru dan luas terhadap peranan yang perlu dimainkan oleh sektor swasta dan bagaimana ianya harus dilaksanakan. Organisasi korporat sepatutnya memainkan peranan yang penting dalam menjadi dunia ini tempat yang lebih baik melalui *corporate citizenship* (merakyatkan syarikat). Dalam erti kata yang lain, sektor korporat harus menyokong dan berusaha dalam mencapai pembangunan yang seimbang dari segi ekonomi, persekitaran dan sosial.

Kenneth Amaeshi¹⁶ membahaskan mengenai tanggungjawab sosial korporat yang dilihat dari perspektif “*stakeholders*” dari dua negara yang berlainan iaitu United Kingdom yang mewakili blok negara maju dan juga Nigeria yang mewakili blok negara membangun. Dalam kajian ini beliau juga menyatakan bahawa CSR sekarang sedang menuju ke arah globalisasi terutamanya melalui syarikat transnasional (TNCs), namun, bagaimana falsafah

¹⁶Amaeshi, K. (2004). “Stakeholder Framework Analysis of the Meaning and Perception of Corporate Social Responsibility: A North-South Comparison”. *The World Bank Institute and the Zicklin Center for Business Ethics Research at the Wharton School of Business Essay and Research Competition* on “The Role of Business in Development — Future Leaders’ Perspectives” finalist papers.

http://info.worldbank.org/etools/docs/library/57481/northsouth_finalist.pdf, 30 Mei 2009.

dan nilai dalam CSR ini dikongsi bersama antara ekonomi negara maju dan ekonomi negara membangun. Artikel ini juga membincangkan mengenai bagaimana penerimaan CSR di negara membangun dan apakah makna CSR tersebut di dalam ekonomi mereka. Di samping itu strategi TNCs dalam menggunakan CSR di setiap lokasi dan budaya mereka yang pelbagai turut diperbincangkan dalam kajian ini. Artikel ini juga mengambil kira analisis perbandingan UK-Nigerian dari sudut *stakeholders* dalam tanggungjawab sosial korporat tersebut.

Janet L.H Looi¹⁷ dan Tay Kay Luan¹⁸ dalam artikel yang dibentangkan di persidangan pentadbiran korporat Asia memfokuskan kepada kesesuaian tanggungjawab sosial korporat bagi perniagaan Asia. Penulis juga menyentuh mengenai perniagaan orang Asia yang secara tradisionalnya dikuasai oleh sesebuah keluarga ataupun perniagaan milik negara. Bentuk perniagaan orang Asia ini pada awalnya kurang telus dan mendiskriminasi orang luar. Pengurusan perniagaan tersebut adalah tidak seimbang iaitu kesetiaan adalah kepada ketua dan bukannya kepada syarikat secara keseluruhannya. Penulis melihat tanggungjawab sosial korporat dalam sesebuah syarikat dari perspektif *stakeholders* iaitu syarikat secara keseluruhannya, pemegang saham, pekerja atau kesatuan pekerja, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat insurans dan juga pelanggan. Selain itu penulis turut

¹⁷Janet L. H Looi (2005). The Relevance of Corporate Social Responsibility (CSR) for Asian Business., *Paper presented at The Asia Corporate Governance Conference 2005*, Prince Hotel & Residence: Kuala Lumpur.

¹⁸Tay Kay Luan (2005). The Relevance of Corporate Social Responsibility (CSR) for Asian Business, *Paper presented at The Asia Corporate Governance Conference 2005*, Prince Hotel & Residence: Kuala Lumpur.

membincangkan mengenai kesesuaian tanggungjawab sosial korporat tersebut. Menurut beliau CSR yang dijalankan oleh sesebuah syarikat dapat meningkatkan imej dan reputasi sesuatu jenama di samping dapat meningkatkan jualan dan kesetiaan pelanggan terhadap sesebuah syarikat. CSR juga mampu meningkatkan keupayaan untuk menarik dan mengekalkan pekerja bagi sesebuah syarikat. Melalui program CSR yang dijalankan kos operasi dapat dikurangkan dan menambahkan pulangan kepada pemegang saham.

Takis Katsoulacos dan Yannis Katsoulacos¹⁹ cuba melihat sama ada rangka kerja strategi pengurusan menyokong penyatuan prinsip tanggungjawab sosial korporat dan *stakeholders* mendekati arus strategi perniagaan. Kajian yang dilakukan oleh penulis-penulis artikel ini menggunakan dua bentuk pendekatan iaitu pendekatan atas ke bawah (*top-down approach*) dan juga pendekatan bawah ke atas (*bottom-up approach*). Kedua-dua pendekatan ini digunakan untuk membangunkan rangka kerja yang telah dicadangkan. Pendekatan dari atas ke bawah memfokuskan kepada menganalisis teori-teori utama pengurusan strategik termasuklah pergerakan tanggungjawab sosial untuk mengenal pasti konsep-konsep yang berkaitan dan juga mewujudkan tapak kajian yang relevan. Manakala pendekatan bawah ke atas pula adalah berdasarkan kepada kajian empirikal terhadap pandangan syarikat-syarikat perniagaan berkenaan tanggungjawab sosial korporat. Hasil kajian menunjukkan bahawa rangka kerja pengurusan strategik integratif berorientasikan *stakeholder* berhubung kait dengan

¹⁹Takis Katsoulacos, & Yannis Katsoulacos (2007), “Strategic Management Corporate Responsibility and Stakeholder Management Intergrating Corporate Responsibility Principles and Stakeholder Approaches Into Mainstream Strategy: A Stakeholder-Oriented and Integrative Strategic Management Framework”, *Corporate Governance*. Jil. 7 Bil. 4, hh. 355-369.

teori utama pengurusan strategik terhadap nilai, sambutan dan dimensi tanggungjawab.

Dirk Matten dan Jeremy Moon²⁰, dalam kajian mereka telah membincangkan mengenai mengapa bentuk-bentuk tanggungjawab korporat terhadap masyarakat berbeza antara negara dan berubah-berubah di kalangan mereka. Kajian ini memfokuskan kepada CSR di Amerika Syarikat dan juga negara-negara Eropah dari segi sejarah dan amalan kontemporarinya sekarang. Artikel ini turut menerangkan mengenai definisi CSR namun tidak secara terperinci kerana pengertian dan amalan tanggungjawab korporat di negara-negara kajian terkandung dalam soalan-soalan kajian. Pada dasarnya CSR merupakan satu idea yang mencerminkan kepentingan sosial dan kesan sosial terhadap kejayaan sesuatu perniagaan. Tambahan pula CSR ini secara empirikalnya terdiri daripada polisi-polisi yang berhubungan dan berhubung kait dengan amalan sesebuah perniagaan yang mencerminkan tanggungjawab korporat bagi kebaikan pihak-pihak tertentu dalam sesebuah masyarakat.

Min-dong Paul Lee²¹ dalam artikelnya membincangkan mengenai konsep dan teori CSR bermula dengan peringkat awal pelaksanaannya dan evolusi teori tersebut di dalam situasi dunia semasa. Menurut penulis, konsep CSR ini bukan merupakan perkara yang baru diperbincangkan bahkan ianya telah bermula sejak beberapa dekad lampau apabila Henry Ford memperkenalkan idea “perniagaan adalah perkhidmatan bukannya bonanza”. Namun idea mengenai CSR pada masa

²⁰ Dirk Matten, & Jeremy Moon (2008), “Implicit and Explicit CSR: A Conceptual Framework for A Comparative Understanding of Corporate Social Responsibility”, *Academy of Management Review*, Jil. 3 bil. 2, hh..404-424.

²¹ Min-dong Paul Lee (2008), “Theory of Corporate Social Responsibility:Its Evolutionary and The Road Ahead”, *International Journal of Management Reviews* 2008, hh. 1-37.

tersebut menjadi suatu isu yang diperlekehkan dan ditentang hebat oleh pemegang saham dan juga institusi kehakiman. Teori dan evolusi perkembangan CSR sering mendapat penentangan sejak beberapa dekad sehingga penghujung 1990-an di mana CSR mula diterima sebagai satu idea yang relevan seiring dengan peredaran zaman.

1.5.2 Kajian mengenai konsep dan teori CSR menurut perspektif Islam

Syed Othman Al-Habshi *et.al*²² membincangkan mengenai konsep tanggungjawab sosial ini dalam bukunya di mana dalam membentuk pengurusan yang cemerlang, ianya harus bermula dari rumah. Didikan awal yang diberikan sejak dari kecil dapat membentuk persekitaran sosial yang baik dan cemerlang. Perbincangan mengenai masyarakat dan juga unsur kerohanian turut disentuh oleh penulis. Pandangan dunia sekarang tidak melihat pembangunan spiritual sebagai suatu yang penting dan manusia sepatutnya tidak terikat dengan keperluan kerohanian tersebut dalam menguruskan hidupnya. Pandangan sekular tidak mempercayai dengan kewujudan Pencipta alam yang Maha Berkusa sebaliknya begitu yakin dengan kemampuan rasional yang dimiliki dalam mengatur kehidupan individu dan juga bermasyarakat. Namun begitu, umum semakin sepakat bahawa masyarakat yang mampan (*sustainable society*) adalah satu konsep yang melibatkan semua aspek yang dapat mewujudkan keseimbangan dalam masyarakat. Mewujudkan masyarakat yang mampan ini memerlukan lebih

²²Syed Othman Al-Habshi, Syed Omar Syed Agil & Nik Mustapha Nik Hassan *et.al* (1998), *Islamic Management for Excellence: Revitalizing People for The Future*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, hh. 3-309.

daripada mencapai kejayaan dalam ekonomi dan meningkatkan kekayaan bahkan ia memerlukan pendekatan bersifat multi-dimensi dalam ketamadunan manusia.

Mohd Rizal Muwazir @ Mukhazir *et.al*²³ membincangkan mengenai konsep CSR ini dengan melihat kepada pendekatan tauhid. Aktiviti perniagaan dalam Islam tidak hanya melibatkan unsur-unsur material semata-mata, namun yang lebih penting ia seharusnya menjadi pemangkin dalam melaksanakan kewajipan yang telah dituntut dalam Islam di samping untuk mencapai matlamat bukan kebendaan seperti memenuhi keperluan sosial masyarakat. Oleh sebab itu, organisasi korporat tidak hanya menjalankan operasi perniagaan mereka semata-mata namun turut menyumbang dalam membangunkan keperluan sosial masyarakat dengan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Tanggungjawab sosial dalam Islam berakar umbi dari konsep persaudaraan dan keadilan sosial. Keadilan sosial yang diamalkan akan menghalang seseorang individu Muslim dari melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Konsep ini diperkuuhkan lagi dengan konsep ukhuwwah yang menjadikan setiap individu Muslim itu bertanggungjawab terhadap saudaranya yang lain. Berdasarkan kepada prinsip tauhid, objektif utama tanggungjawab sosial adalah untuk melaksanakan tanggungjawab tidak hanya kepada Allah dan umat manusia tetapi merangkumi juga makhluk Allah yang lain. Konsep tauhid juga turut menunjukkan peranan manusia tidak hanya sebagai hamba bahkan sebagai khalifah Allah di muka bumi. Artikel ini juga turut mengemukakan model pendekatan tanggungjawab sosial korporat dari perspektif Islam. Model ini yang

²³Mohd Rizal Muwazir @ Mukhazir, Rusnah Muhamad & Kamaruzzaman Noordin (2006), “Corporate Social Responsibility Disclosure : A Tawhidic Approach”, *Jurnal Syariah*, Jil. 14 Bil. 1, hh. 125-142.

berasaskan kepada pendekatan tauhid ini menerangkan mengenai pendedahan tanggungjawab sosial korporat Islam melalui tiga hubungan iaitu hubungan dengan Allah, hubungan dengan manusia dan juga hubungan dengan persekitaran.

Asyraf Wajdi Dusuki²⁴ dalam artikelnya membincangkan mengenai pandangan Islam mengenai tanggungjawab sosial korporat. Menurut beliau, pandangan Islam terhadap CSR lebih bersifat kerohanian (*holistic*) yang mana iaanya bersandarkan kepada dua sumber utama dalam Islam iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah. Al-Quran dan Al-Sunnah telah menetapkan satu rangka kerja alternatif berkaitan dengan hubungan manusia dengan manusia dan juga makhluk Allah yang lain. Prinsip-prinsip etika dan moral yang terhasil daripada ajaran Allah adalah lebih kekal, dan bersifat mutlak yang sekaligus dapat menjadi panduan yang terbaik bagi institusi korporat dalam menjalankan aktiviti perniagaan seiring dengan tanggungjawab sosial mereka. Asas kepada kefahaman mengenai CSR dalam Islam adalah bermula dengan konsep Syariah itu sendiri yang merupakan tapak asas bagi sesuatu perkara dalam Islam. Selain itu juga, paradigma taqwa menjadi kunci kepada setiap tindakan yang dilakukan oleh seseorang Muslim. Ketaqwaan kepada Allah merupakan pendorong seseorang Muslim dalam menjaga, memahami dan menguruskan alam ini menurut kehendak Syariah berdasarkan peranan mereka di muka bumi ini. Penulis juga turut membincangkan mengenai kesan Syariah terhadap CSR. Secara umumnya, keprihatinan terhadap tanggungjawab sosial dalam Islam bertitik tolak daripada Ketaqwaan kepada

²⁴ Asyraf Wajdi Dusuki (2008), “What Does Islam Say About Corporate Social Responsibility?”, *Review Of Islamic Economics*, Jil. 12 Bil. 1, hh. 5-28.

Allah yang merupakan faktor penggalak seseorang individu Muslim dalam melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan larangannya.

Asyraf Wajdi Dusuki²⁵ dalam artikelnya membincangkan mengenai kesan dan implikasi *maqasid Syariah* dan aplikasi maslahah dalam CSR bagi menerangkan kepada umat Islam bagaimana persepsi Islam yang dinamik dan kudus terhadap CSR ini mampu mengharungi realiti hidup sekarang yang sentiasa berubah dari masa ke semasa. *Maqasid Syariah* atau objektif-objektif Syariah ini mengetengahkan konsep kesejahteraan kepada seluruh umat manusia yang terkandung dalam pemeliharaan mereka terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta benda atau kekayaan. Setiap perkara yang mengambil kira keselamatan terhadap lima objektif ini akan memastikan kepentingan awam dan kehendaknya turut terpelihara. Secara umumnya, Syariah membenarkan dan mengakui kepentingan individu begitu juga dengan masyarakat dan setiap hukumnya yang wujud dibentuk untuk memelihara kepentingan ini di samping untuk memudahkan kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Dalam erti kata yang lain, tujuan objektif-objektif Syariah ini adalah untuk memastikan setiap individu Muslim mencapai *al-falah* sama ada di dunia atau di akhirat. Berdasarkan kepada konsep *maqasid Syariah* dan maslahah, umat Islam secara umumnya tidak boleh mengasingkan dirinya atau mengabaikan peranan dan tanggungjawabnya terhadap masyarakat dan individu lain dalam apa cara sekalipun.

²⁵ Asyraf Wajdi Dusuki (n.d), “*Maqasid Al-Shariah, Maslahah and Corporate Social Responsibility*”, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Jil. 24 Bil. 1, hh. 25-45.

1.5.3 Kajian mengenai CSR dari perspektif ekonomi, kewangan dan perbankan

Monzer Kahf, *et.al*²⁶ dalam himpunan kertas kerja yang dibentangkan membincangkan mengenai konsep dan perkembangan perbankan Islam. Penulis turut menyentuh serba sedikit mengenai komitmen sosial yang perlu dilaksanakan oleh perbankan Islam. Perbankan Islam yang merupakan salah satu institusi yang membawa nama Islam telah sedia tertanam dengan nilai-nilai etika dan moral yang menjadikan institusi ini tidak boleh dipisahkan dengan pertimbangan sosio-moral walaupun di cuba untuk memisahkannya. Masyarakat sekeliling termasuk pekerja dan pelanggan mengharapkan komitmen institusi ini dalam aspek tersebut. Terdapat perbezaan bentuk pelaksanaan tanggungjawab sosial oleh perbankan Islam. Kebanyakan perbankan Islam telah membangunkan amalan menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada pelanggan yang amat memerlukan pembiayaan. Selain itu, bank-bank Islam turut menyediakan dana khas yang dibiayai oleh instrumen zakat yang akan digunakan untuk meringankan beban golongan fakir dan miskin di samping menyediakan perlindungan insuran kesihatan kepada pekerja dan ahli keluarga, memberikan pinjaman tanpa faedah, menyumbang dalam penyelidikan dan pembangunan komuniti dan sebagainya. Perbankan Islam di anggap telah melaksanakan tanggungjawab sosialnya apabila mereka terlibat dalam amalan-amalan tersebut.

²⁶Monzer Kahf, Ausaf Ahmad & Sami Homud (1998), “Islamic Banking and Development : An Alternative Banking Concept?”, http://monzer.kahf.com/papers/english/Isbnk_and_dev_alternative_banking_concept.pdf, 11 Mac 2009.

Nik Nazli Nik Ahmad *et.al*²⁷ memfokuskan kepada pendedahan tanggungjawab sosial dalam laporan tahunan syarikat-syarikat yang tersenarai dalam bursa Malaysia dalam membincangkan mengenai CSR. Walaupun kajian mengenai CSR di negara maju sudah semakin bertambah, namun perkara sebaliknya berlaku di negara-negara membangun terutamanya Malaysia. Kajian mengenai CSR ini masih baru dan sedang hangat diperbincangkan di negara-negara membangun. Namun, ianya semakin berkembang dengan bertambahnya kajian-kajian mengenai konsep CSR ini. Masyarakat sekarang mula memberi perhatian yang khusus terhadap kesan negatif aktiviti perniagaan terhadap masyarakat. Kebangkitan dan penubuhan pelbagai NGO dan kumpulan-kumpulan pencinta alam di Malaysia menunjukkan bahawa *stakeholders* semakin prihatin terhadap sikap syarikat-syarikat perniagaan dalam bertindakbalas terhadap kepentingan tanggungjawab sosial. Oleh sebab itu, organisasi korporat menggunakan laporan tahunan syarikat sebagai satu bentuk komunikasi dalam memberikan tindakbalas terhadap peningkatan keprihatinan masyarakat ini. Tambahan pula, di Malaysia tidak terdapat satu standard perakaunan yang khusus dalam melaporkan maklumat-maklumat berkaitan CSR dalam sesebuah syarikat korporat, menjadikan amalan CSR di Malaysia adalah dalam bentuk sukarela sahaja. Dari hasil kajian yang dilakukan oleh para penulis, syarikat-syarikat di Malaysia melaporkan aktiviti-aktiviti CSR mereka di dalam laporan tahunan masing-masing. Ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam melaporkan CSR oleh syarikat korporat berbanding dengan kajian-kajian terdahulu yang pernah

²⁷Nik Nazli Nik Ahmad, Maliah Sulaiman & Dodik Siswantoro (2003), “Corporate Social Responsibility Disclosure in Malaysia: An Analysis of Annual Reports of KLSE Listed Companies”, *IIUM Journal of Economics and Management*, Jil. 11 Bil. 1 2003, hh. 1-37.

dilakukan. Keprihatinan masyarakat sekeliling mendorong kepada peningkatan ini, sebagai respons kepada perubahan nilai yang berlaku dalam masyarakat tersebut.

Asyraf Wajdi Dusuki²⁸ di dalam tesis Phdnya juga membincangkan tentang tanggungjawab sosial menurut Islam tetapi dianalisis dari perspektif yang berbeza. Fokus perbincangan ilmiah ini ialah analisis teori dan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang dilihat dari sudut perspektif perniagaan di bank-bank Islam di Malaysia. Penulis juga menyentuh serba sedikit perbezaan antara konsep tanggungjawab sosial korporat dari perspektif Islam dan barat dan bukti empirikal yang berkaitan dengan *stakeholders*. Hasil dari kajian yang dilakukan, penulis merumuskan bahawa konsep CSR dalam sudut nilai pandangan Islam adalah berdasarkan pandangan yang bersifat holistik yang melatih nilai-nilai moral dalam diri individu Muslim dan penilaian etika terhadap prinsip-prinsip *Syariah Islamiyyah*. Elemen-elemen taqwa, objektif Syariah (*maqasid Syariah*) dan prinsip-prinsip maslahah menjadi asas dalam memahami pendirian Islam terhadap CSR. Penulis juga menyimpulkan bahawa, konsep CSR ini bukanlah suatu subjek yang asing dalam pandangan Islam, bahkan ianya telah lama tertanam dalam Syariah itu sendiri. Oleh itu, setiap institusi yang menjalankan operasi berasaskan prinsip Syariah sepatutnya melaksanakan CSR di dalam institusi masing-masing sementelahan ianya menggambarkan semangat Islam yang sebenar.

²⁸ Asyraf Wajdi Dusuki (2005), “Corporate Social Responsibility of Islamic Banks In Malaysia: A Synthesis of Islamic And Stakeholders’ Perspectives”, (Tesis PhD. University of Loughborough, United Kingdom).

Geoffrey Heal²⁹ membincangkan mengenai konsep tanggungjawab sosial korporat dari perspektif ekonomi dan kewangan. Analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat peruntukan sumber untuk program CSR sekiranya berlaku kegagalan pasaran melalui perbezaan kos swasta-sosial dan juga apabila terdapat perselisihan mengenai agihan berlaku. Penulis artikel ini juga mengatakan bahawa CSR merupakan bahagian yang penting dalam strategi korporat dalam sektor-sektor di mana ketidakselarasan timbul antara keuntungan korporat dan matlamat sosial atau apabila berlaku perselisihan dalam isu keadilan. Melalui program CSR, pegawai atau eksekutif sesebuah firma akan lebih mengambil berat mengenai konflik ini dan membuatkan mereka lebih terlibat dalam kepentingan sosial. CSR juga boleh menjadi keperluan dalam mengekalkan atau meningkatkan moral para pekerja bagi sesebuah firma. Kefahaman mengenai kekuatan dan kelemahan pasaran persaingan membawa kepada peranan yang dimainkan oleh program-program CSR. Kajian ini juga membincangkan mengenai konflik atau perselisihan yang berlaku antara syarikat atau firma dengan masyarakat terhadap isu-isu persekitaran yang meliputi isu pencemaran, pemanasan global, hujan asid dan lain-lain isu berkaitan alam sekitar. Selain dari isu tersebut, isu lain yang diperbincangkan dalam kajian ini ialah mengenai konflik korporat-sosial yang berkaitan dengan gaji yang dibayar oleh firma dari negara kaya kepada negara miskin, iaitu berkaitan isu *sweatshop* di negara membangun. Konflik ini menggambarkan bahawa pasaran sememangnya dapat mengeluarkan hasil yang efisien tetapi tidak semestinya adil. Penawaran dan

²⁹Geoffrey Heal (2005), Corporate Social Responsibility: An Economic and Financial Framework. *The Geneve Papers on Risk and Insurance-Issues and Practice*, Broadway: USA.

permintaan buruh di negara-negara miskin adalah pada tingkat upah \$1 sehari bagi mengeluarkan barang yang berharga \$100 atau lebih untuk individu yang berpendapatan lebih daripada \$50000. Gaji yang diperolehi tersebut dilihat amat tidak berpatutan. Hasil daripada konflik yang dinyatakan tersebut, membawa kepada peranan yang dimainkan oleh CSR dalam menangani konflik-konflik tersebut.

Sanusi Abdul Manaf³⁰ dalam disertasinya membincangkan mengenai tanggungjawab sosial yang dilihat dari aspek pentadbiran dari perspektif Islam. Walaupun kajian ini tidak menjurus kepada institusi perbankan, namun sedikit sebanyak terdapat perkaitan yang boleh digunakan sebagai rujukan. Penulis mengemukakan andaian bahawa tanggungjawab sosial merupakan asas kepada pentadbiran dalam setiap organisasi korporat Islam yang mana ianya akan dapat menjamin kekuatan dan keharmonian dalam masyarakat. Konsep *takaful ijtimai* juga sepatutnya menjadi asas utama kerana, di samping ianya konsisten dengan konsep tanggungjawab sosial ianya adalah lebih menyeluruh dan berasaskan kepada *ukhuwwah fillah* (persaudaraan dalam Islam). Kajian yang dilakukan di Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini menunjukkan bahawa organisasi ini memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap masyarakat dari aspek ilmu pengetahuan, akhlak dan moral, ekonomi dan sebagainya. Organisasi ini juga memperlihatkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan khidmat sosialnya kepada masyarakat melalui aktiviti-aktiviti

³⁰Sanusi Abdul Manaf (2006), “Tanggungjawab Sosial dalam Pentadbiran Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji Kuala Lumpur”, (Disertasi MA. Syariah, Jabatan Siasah Syar’iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

utamanya iaitu pengurusan jemaah haji. Melalui aktiviti yang dijalankan ini, LUTH semakin berkembang dengan penambahan jumlah pendeposit setiap tahun.

Jawed Akhtar Mohammed³¹ di dalam tesis PhDnya membincangkan mengenai konsep tanggungjawab sosial, konsep tanggungjawab sosial korporat dalam Islam dan konvensional, rangka kerja tanggungjawab sosial dalam Islam dan kajian kes di bank-bank Islam. Hasil dari perbincangan menunjukkan bahawa konsep tanggungjawab sosial korporat dalam budaya dan agama yang lebih luas perlu disediakan. Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa amalan bank-bank Islam yang beroperasi berlandaskan prinsip Syariah konsisten dengan konsep rangka kerja CSR di dalam Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian ini. Kajian ini juga menunjukkan bahawa amalan di bank-bank Islam adalah konsisten dengan empat prinsip etika iaitu kesatuan, kesaksamaan, kebebasan dan tanggungjawab yang merupakan nilai-nilai utama konsep rangka kerja CSR dalam Islam.

1.6 Metodologi kajian

Dalam membuat kajian berkaitan permasalahan ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah kajian. Dan kaedah kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu metod pengumpulan data dan metod penganalisisan data.

Penulis telah menggunakan beberapa kaedah dalam mengumpul data dan maklumat, iaitu kajian dokumentasi, kajian perpustakaan dan juga metod temu bual. Sumber maklumat dari perpustakaan merupakan sumber utama penulis

³¹Jawed Akhtar Mohammed (2007), “Corporate Social Responsibility in Islam”, (Tesis PhD. Universiti Teknologi Auckland, New Zealand).

terhadap pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan berkaitan kajian. Penulis mendapatkan bahan bercetak yang berkaitan secara langsung atau tidak berkaitan dengan tajuk kajian yang terdiri daripada buku-buku rujukan, kertas-kertas persidangan, surat khabar, latihan ilmiah dan sebagainya. Melalui kajian perpustakaan ini juga, penulis mengunjungi perpustakaan-perpustakaan terpilih untuk mendapatkan data dan maklumat. Bagi mendapat maklumat mengenai tajuk kajian ini, metod dokumentasi diaplikasikan bagi mengumpul data dari bahan-bahan bercetak atau melalui pembacaan terhadap penulisan yang sedia ada sama ada dari kitab, buku, dan kajian terdahulu. Penulis juga mendapat maklumat melalui bahan bercetak yang disediakan oleh pihak bank yang dikaji dan juga laman-laman web yang berkaitan dengan bagi mendapatkan informasi mengenai tanggungjawab sosial korporat ini. Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan ialah

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Perpustakaan Peringatan Zaaba
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Perpustakaan Pusat Islam
- Perpustakaan Kuala Lumpur

Metod pengumpulan data yang terakhir ialah metod temu bual. Melalui metod ini, penulis akan menemubual pihak yang berautoriti dalam membincangkan permasalahan ini. Metod ini digunakan secara terus untuk mendapatkan data dan maklumat dari individu yang terpilih. Temu bual tersebut akan dilakukan bersama dengan Presiden Affin Care bagi Affin Bank dan juga pegawai di Bahagian Komunikasi Korporat bagi Bank Muamalat Malaysia Berhad di mana kedua-dua individu terbabit terlibat secara langsung dalam mengendalikan pelaksanaan CSR di institusi masing-masing.

Dalam menganalisis data, penulis akan menggunakan metod deduktif, metod induktif dan metod komparatif. Melalui metod deduktif, penulis akan menganalisis data yang lebih umum bagi mendapatkan kesimpulan yang lebih khusus. Metod ini merupakan suatu cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berlandaskan kepada pola-pola berfikir bagi mencari pembuktian yang berdasarkan kepada bukti-bukti umum terhadap hal-hal khusus. Dengan menggunakan kaedah ini, data-data yang umum akan dianalisis bagi mendapatkan data yang lebih khusus. Metod ini akan digunakan di dalam bab empat bagi menjelaskan dan menganalisa data yang telah diperolehi berdasarkan metod-metod pengumpulan data yang telah dilakukan.

Metod induktif pula akan digunakan untuk mendapatkan data yang lebih bersifat umum. Metod ini merupakan kaedah pembuktian hal-hal yang khusus bagi memperolehi kesimpulan yang bersifat umum. Metod ini akan diaplikasikan sepenuhnya dalam bab dua yang membincangkan mengenai konsep

tanggungjawab sosial ini untuk memberi penjelasan secara umum mengenai konsep-konsep tersebut.

Melalui metod komparatif, penulis akan menganalisis data-data yang diperolehi secara perbandingan terhadap pendapat, komen, fakta dan data yang telah diperolehi. Metod ini akan digunakan untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan yang wujud dalam pelaksanaan CSR oleh bank-bank terpilih. Metod ini akan digunakan di dalam bab empat dan bab kesimpulan di mana, melalui metod ini, penulis akan membuat kesimpulan berdasarkan perbandingan terhadap data yang diperolehi dan seterusnya satu kesimpulan yang merangkumi aspek kajian akan dilakukan.

Data dan maklumat yang diperolehi ini juga akan dianalisis berdasarkan tema-tema tertentu yang telah ditetapkan di peringkat awal kajian. Ianya merangkumi pandangan bank terhadap CSR, program dan aktiviti CSR yang dijalankan oleh pihak bank, peruntukan dana, pihak-pihak yang mendapat kepentingan dari program CSR tersebut dan beberapa perkara lain lagi yang akan digunakan dalam menganalisis data tersebut.

BAB 2: TEORI DAN KONSEP TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

2.0 Pengenalan

Isu mengenai tanggungjawab sosial korporat atau *corporate social responsibility* (CSR) ini telah lama diperbincang dan diperdebatkan di seluruh dunia semenjak ianya mula diperkenalkan pada tahun 1960-an di negara-negara barat. Namun begitu, konsep CSR ini tidak begitu diperbincangkan secara meluas di tahun-tahun awal pelaksanaannya. Ianya mula kembali hangat diperkatakan sejak kebelakangan ini disebabkan oleh perubahan yang berlaku dalam nilai sosial masyarakat yang disebabkan oleh gaya hidup yang semakin kompetitif, kesan globalisasi dan juga liberalisasi serta masalah sosial yang semakin meruncing yang berlaku dalam masyarakat sekarang. Faktor-faktor ini telah mendorong kepada perkembangan konsep CSR ini. Syarikat-syarikat korporat dan firma-firma mula menyedari bahawa keuntungan korporat semata-mata tidak dapat menyumbang kepada kestabilan syarikat dalam jangka masa yang panjang. Tetapi perlu juga mengambil kira faktor-faktor luaran yang lain.

Kebanyakan ahli akademik dan ahli perniagaan mula menyedari bahawa konsep CSR yang dahulunya dianggap tidak relevan dan selalu diremehkan berubah menjadi satu konsep yang paling ortodok dan diterima pakai dalam dunia perniagaan di seluruh dunia dalam 20 tahun kebelakangan ini. Sehingga penghujung tahun 1970-an pun konsep CSR ini masih lagi dianggap sebagai bahan jenaka dan gurauan dan dianggap bertentangan dengan konsep pelaburan

dan terma perniagaan. Namun begitu, bermula penghujung tahun 1990-an, idea mengenai CSR ini mula di terima pakai diseluruh dunia oleh setiap entiti dalam masyarakat daripada kerajaan dan pihak swasta kepada organisasi bukan kerajaan dan juga pengguna individu. Bahkan, organisasi-organisasi antarabangsa seperti PBB, Bank Dunia, dan Organisasi Buruh Antarabangsa bukan sahaja menyokong konsep CSR ini malahan telah menggariskan panduan dan menubuhkan satu unit khas bagi membuat penyelidikan mengenai CSR ini dan mempromosikan konsep tersebut ke serata ceruk dunia.

2.1 Konsep dan Teori CSR

2.1.1 Perspektif Konventional

CSR ini mempunyai banyak maksud yang berbeza dan ianya bergantung kepada bagaimana seseorang itu mentafsirkannya. Blair³² mendefinisikan konsep CSR ini melalui makna tanggungjawab. Perkataan tanggungjawab boleh ditakrifkan sebagai keadaan bertanggungjawab, bertanggungjawab terhadap sesuatu, ataupun kebertanggungjawaban. Ia juga boleh didefinisikan sebagai etika di mana status bagi personaliti dianggap sebagai mampu untuk bertindakbalas terhadap tanggungan yang telah ditetapkan oleh undang-undang moral ataupun oleh prinsip-prinsip etika³³. Perkataan sosial juga boleh dipersoalkan sama ada ianya perlu digabungkan bersama perkataan tanggungjawab kerana perkataan tanggungjawab itu telah mengambarkan keprihatinan terhadap orang lain. Ianya boleh juga difahami sebagai satu rangka kerja bagi peranan sesebuah institusi

³²Blair J. Kolasa (1972), *Responsibility In Business*, New Jersey : Prentice Hall, h. 4

³³Ibid.

korporat dan meletakkan satu standard perlakuan di mana sesebuah syarikat mesti mengambilkira untuk memberi kesan yang positif dan produktif kepada masyarakat³⁴. Keith Davis mengatakan bahawa, tanggungjawab sosial ini merujuk kepada keputusan dan tindakan yang diambil oleh sesebuah perniagaan. Secara mudahnya dapat disimpulkan sesuatu keputusan dan pilihan yang dilakukan oleh institusi korporat seharusnya memberikan kesan yang positif dan produktif ke atas kebijakan dan kesejahteraan masyarakat. Sesebuah syarikat korporat perlu memaksimumkan kesan positif dan meminimumkan kesan negatif terhadap masyarakat bagi mewujudkan tanggungjawab sosial dalam organisasi.

Walaupun tanggungjawab sosial korporat merupakan satu konsep yang baru, namun ianya merupakan satu isu yang telah lama dibincangkan. CSR ini telah menjadi isu debat sejak berkurun lamanya, iaitu bermula sebelum zaman pasaran terbuka oleh Maneville (1705) yang dibincangkan dalam buku ‘*The Fable of The Bees*’ dan juga Adam Smith (1776) dalam bukunya “*Wealth Of Nations*” sehingga ke abad 20 ini³⁵. Walaupun demikian, isu tanggungjawab sosial pada masa itu tidak dianggap sebagai satu persoalan dan permasalahan yang signifikan dalam perniagaan. Kebanyakan sarjana barat bersetuju bahawa Howard Bowen merupakan orang pertama yang cuba menulis mengenai hubungan antara syarikat dan masyarakat melalui bukunya yang bertajuk “*Social Responsibility of The Business*”³⁶. Beliau mengatakan bahawa, industri mempunyai obligasi “*to pursue those policies, to make those decisions, or to follow those lines of actions which*

³⁴Asyraff Wajdi Dusuki (2006), “Stakeholder’s Expectation Towards Corporate Social Responsibility of Islamic Banks”, *International Accounting Conference 3*, 26th-28th June 2006, International Islamic University Malaysia Kuala Lumpur.

³⁵Jawed Akhtar Mohammed (2007). *op.cit.*

³⁶Min-dong Paul Lee (2008), *op.cit.*

are desirable in terms of the objectives and values of society". Di sini dapat difahami bahawa, sesebuah syarikat boleh menjalankan operasi perniagaan mereka mengikut kehendak sendiri, namun harus juga memberi perhatian kepada objektif dan nilai-nilai yang akan diterima oleh masyarakat. Namun begitu, ini tidak bermakna tiada penulisan-penulisan lain dilakukan sebelum beliau berkaitan konsep CSR ini. Sebaliknya terdapat ramai ahli industri dan penulis-penulis yang lain pada zaman sebelumnya telah menulis mengenai hubungan tersebut. Perbezaannya cuma, penulisan yang dilakukan oleh Bowen tersebut lebih sistematik dan lebih rasional berbanding penulis-penulis yang lain. Dalam tahun-tahun ini, perbincangan mengenai konsep CSR telah mendorong ke arah kritikan-kritikan negatif yang akhirnya mendorong kepada kontroversi-kontroversi yang tidak disenangi. Bantahan mengenai pelaksanaan konsep CSR pada masa itu mungkin sekali disebabkan oleh idea yang dilontarkan oleh Milton Friedman mengenai percanggahan ekonomi klasik³⁷.

Perbincangan mengenai konsep CSR telah bermula secara serius semenjak tahun 1917 apabila Henry Ford mengemukakan ideanya mengenai perniagaan merupakan perkhidmatan kepada masyarakat. Beliau mengemukakan pandangan tersebut di dalam mahkamah di Michigan semasa mempertahankan keputusannya untuk melabur semula keuntungan terkumpul yang diperolehi oleh syarikatnya, Ford Motor di samping mengurangkan harga kenderaan Model T pada masa itu. Beliau turut menyatakan matlamat syarikatnya itu iaitu "untuk melakukan sebanyak yang mungkin untuk kepentingan orang ramai, untuk memperolehi wang dan menggunakan, memberikan peluang pekerjaan dan membuat kereta

³⁷*Ibid.*

yang boleh digunakan oleh orang ramai....dan secara tidak langsung untuk mendapatkan pulangan.....perniagaan adalah perkhidmatan dan bukannya bonanza^{38”}. Namun begitu, pandangan beliau ditentang sepenuhnya bukan sahaja oleh pemegang-pemegang saham, tetapi juga pihak mahkamah yang akhirnya membenarkan permintaan Dodge bersaudara terhadap pemaksimuman dividen. 80 tahun kemudian, idea ini sekali lagi ditimbulkan oleh waris keturunan Henry Ford iaitu William Clay Ford Jr. apabila beliau memegang tumpuk pimpinan syarikat tersebut. Idea ini mendapat sokongan padu dari pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholder*) syarikat tersebut dan juga para pemegang sahamnya³⁹. William Ford Jr. juga tidak menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan undang-undang ketika ini jika dibandingkan semasa zaman moyangnya.

Dua situasi ini menunjukkan bahawa konsep CSR ini begitu ditentang pelaksanaannya dalam tahun-tahun terdahulu. Masyarakat umum pada ketika itu melihat CSR sebagai satu konsep yang asing. Dalam tahun 1919, konsep CSR bagi institusi korporat terpisah sepenuhnya daripada prestasi kewangan bagi sesebuah syarikat. Masyarakat secara umumnya melihat syarikat dan firma merupakan organisasi yang mementingkan keuntungan. Oleh itu, secara logiknya tidak menjadi keperluan kepada perusahaan tersebut untuk mengambil berat mengenai kebajikan sosial. Matlamat utamanya ialah menjalankan aktiviti perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada perusahaan tersebut. Pandangan ini lahir daripada pemikiran ekonomi barat yang diterajui oleh pandangan neoklasik Adam Smith yang mengenepikan unsur nilai dalam

³⁸Ibid.

³⁹Ibid.

perniagaan. Beliau mempromosikan konsep utiliti sebagai satu bentuk pemaksimuman kepentingan sendiri berbanding orang lain. Oleh itu, Adam Smith melihat tiada pulangan dalam bentuk kewangan dalam menjalankan aktiviti perniagaan yang menumpukan perhatian terhadap keluaran barang awam⁴⁰.

Milton Friedman, seorang ahli akademik turut menentang idea CSR ini kerana ianya tidak adil dan membebangkan pemegang saham dari segi kos yang terpaksa ditanggung dalam melaksanakan program CSR. Memetik kata-kata beliau “*there is one and only one social responsibility of business- to use its resources and engage in activities to increase profits*”. Menurut Friedman, hanya terdapat satu sahaja tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan oleh syarikat perniagaan iaitu untuk menggunakan sumber-sumbernya dan terlibat dengan aktiviti yang boleh mendatangkan dan menambahkan keuntungan kepada syarikat⁴¹.

Antara sebab mengapa beliau begitu menentang idea ini adalah kerana pada pandangan beliau prestasi kewangan korporat (CFP) dan CSR mempunyai matlamat yang saling bertentangan⁴². Oleh itu, tidak menjadi kepentingan kepada sesebuah organisasi perniagaan untuk melabur dalam sesuatu yang memberikan hasil yang meragukan. Melabur dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kebijakan pada masa itu dilihat tidak mendatangkan hasil yang lumayan bahkan ianya melibatkan risiko yang tinggi kepada organisasi tersebut.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Filemon A. Uriarte, Jr. (2008), “The ASEAN Foundation and The Emerging CSR Issues and Challenges”, <http://www.aseanfoundation.org/CSR/documents/The%20ASEAN%20Foundation%20&%20Emerging%20CSR%20Issues%20&%20Challenges.pdf>, akses pada 29 November 2010.

⁴² Min-dong Paul Lee (2008), *op.cit.*

Namun begitu, situasi ini mula berubah, terutamanya dalam dekad-dekad kebelakangan ini apabila konsep CSR ini mula diterima oleh ahli masyarakat. Pandangan masyarakat mula berubah seiring dengan peredaran zaman. Konsep CSR ini tidak lagi dianggap sesuatu yang membebankan bahkan pelaksanaannya dalam institusi korporat semakin digalakkan dan disokong oleh pelbagai pihak berkepentingan bagi institusi korporat. Persoalannya, mengapa terdapat perbezaan penerimaan masyarakat dalam kedua-kedua zaman tersebut berkaitan dengan perkonsepsian CSR? Mengapa masyarakat terdahulu menentang sekerasnya pelaksanaan CSR ini dan mengapa ianya mula diterima pakai sekarang? Persoalan ini boleh dijawab berdasarkan beberapa faktor yang mendorong kepada kebangkitan perbincangan mengenai CSR ini.

Faktor yang paling utama ialah maksud dan implikasi perniagaan terhadap CSR dalam tahun kebelakangan ini kurang menjelaskan pemegang saham berbanding dengan tahun sebelumnya. Ini kerana, dalam tahun 1919, konsep CSR bagi sesebuah institusi korporat terpisah sepenuhnya dari prestasi kewangannya. Pelaksanaan CSR pada masa itu dilihat tidak menyumbang kepada keuntungan syarikat dan prestasi kewangannya tidak menunjukkan peningkatan atau perubahan. Oleh itu, ramai yang melihat pelaburan dalam menghasilkan barang awam tidak mendatangkan keuntungan yang besar kepada syarikat. Pemegang-pemegang saham juga mempunyai matlamat untuk mendapatkan keuntungan yang berganda dan bukannya kos yang berganda dengan memberi sumbangan kepada masyarakat⁴³. Selain itu, terdapat perubahan budaya dalam tanggungjawab

⁴³Ibid.

sosial dalam tempoh 80 tahun tersebut terutama dalam tahun 1960-an⁴⁴. Budaya masyarakat mula menerima CSR apabila menyedari kelebihan dan kepentingan CSR ini.

Antara faktor yang menjadi penyebab kenapa konsep CSR ini tidak diterima di awal pelaksanaannya ialah, pemegang saham bagi sesebuah syarikat atau perusahaan tidak menerima idea perniagaan adalah perkhidmatan. Ini kerana, matlamat utama mereka ialah untuk memaksimumkan keuntungan korporat⁴⁵. Oleh itu idea mengenai melakukan perniagaan untuk kebaikan masyarakat ditolak sama sekali oleh pemegang-pemegang saham pada masa tersebut. Keuntungan syarikat akan diutamakan dalam melakukan aktiviti perniagaan.

Hanya beberapa tahun kemudian terutamanya dalam tahun 1990-an, pemegang saham mempunyai pandangan yang lebih positif terhadap konsep ini. Golongan ini telah menerima pakai idea prestasi dan persembahan syarikat dapat ditingkatkan dengan lebih baik melalui pelaksanaan CSR. CSR mampu menjadi faktor pendorong bagi sesebuah institusi korporat dalam memajukan dan menstabilkan sesebuah perusahaan dalam jangka masa yang panjang. Namun sebab yang paling utama ialah pengertian dan implikasi perniagaan terhadap CSR dalam tahun 1990-an ini tidak dipandang sebagai sesuatu yang menyusahkan bagi pemegang saham berbanding dengan apa yang disarankan dalam tahun-tahun sebelumnya⁴⁶.

Namun begitu, persepsi masyarakat kian berubah seiring dengan peredaran zaman. Tambahan pula, konsep CSR pada zaman sekarang menjadi

⁴⁴Ibid.

⁴⁵Ibid.

⁴⁶Ibid.

lebih dekat dengan keadaan pasaran. Di mana pelaksanaan CSR sekarang tidak lagi terasing dari prestasi kewangan syarikat bahkan ianya turut memainkan peranan dalam merancakkan pasaran. Ini dapat dilihat melalui kajian-kajian empirikal yang telah dilakukan dan hasil-hasil dari kajian tersebut menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara prestasi kewangan dengan pelaksanaan CSR⁴⁷. Pemegang saham juga mula menyedari bahawa pelaksanaan CSR ini dapat menyumbang kepada syarikat dalam jangka masa panjang. Oleh itu dapat disimpulkan disini, perbezaan penerimaan CSR antara dua zaman oleh masyarakat dan pemegang saham bergantung kepada persepsi mereka terhadap hubungan antara CSR dengan prestasi sesebuah organisasi⁴⁸.

Perubahan dalam pengkonsepsian CSR ini tidak berlaku serta merta. Sebaliknya ia melibatkan satu proses yang berperingkat dan memerlukan banyak usaha. Sememangnya telah diketahui umum ahli intelek seperti Milton Friedman menafikan dengan keras idea CSR kerana menurutnya program CSR ini menjurus kepada ketidakadilan dan menjadi beban kepada pemegang saham⁴⁹. Tambahan pula, kebanyakan pengusaha syarikat pada masa itu menolak pelaksanaan CSR dalam operasi perniagaan mereka disebabkan oleh kos yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh syarikat tersebut dalam melaksanakan CSR berbanding dengan pulangan yang diperolehi⁵⁰. Namun begitu situasi ini mula berubah sejak dua dekad kebelakangan ini. Konsep CSR dalam dekad ini mula diselaraskan dengan

⁴⁷Ibid.

⁴⁸Ibid.

⁴⁹Ibid.

⁵⁰Ibid.

prestasi kewangan syarikat dan mula diterima secara meluas oleh ahli perniagaan dan juga ahli akademik.

Min-Dong Paul Lee menggariskan tiga peringkat evolusi hubungan antara CSR dan CFP. Pertama ialah hubungan ekslusif (*exclusive relationship*). Ekonomi klasik berpandangan bahawa CSR dan CFP mempunyai hubungan yang eksklusif. Anggapan utama bagi pandangan klasik ini ialah organisasi perniagaan merupakan satu entiti sosial yang unik dicipta untuk terlibat dalam transaksi ekonomi dengan matlamat utamanya ialah untuk menghasilkan keuntungan melalui kecekapan organisasi ataupun inovasi teknologi⁵¹. Oleh sebab itu, sesebuah organisasi perniagaan tidak mempunyai tanggungjawab secara langsung terhadap kebajikan masyarakat umum. Namun, organisasi perniagaan ini didorong oleh tangan ghaib (*invisible hand*) dalam menghasilkan sesuatu produk yang bersifat kebajikan. Maksudnya di sini, CSR dan CFP itu mempunyai hubungan yang terasing antara satu sama lain. Penggunaan keuntungan yang diperolehi oleh perniagaan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak menyumbangkan keuntungan semula kepada perniagaan merupakan satu bentuk ancaman kepada pasaran bebas sebagaimana yang dinyatakan oleh Friedman. Kebanyakan ahli ekonomi klasik berpandangan aktiviti-aktiviti CSR yang dijalankan merupakan satu bentuk kos tambahan yang tidak diperlukan yang boleh memberi kesan kepada kadar keuntungan yang akan diterima oleh sesebuah organisasi perniagaan.

Kedua ialah hubungan berkait (*inclusive relationship*). Sesetengah ahli akademik melihat hubungan antara CSR dan CFP ini tidak terpisah sepenuhnya bahkan terdapat pertindihan yang boleh diterima pakai antara kedua-duanya.

⁵¹ *Ibid.*

Dalam jangka masa pendek, pelaksanaan CSR mungkin akan mengurangkan kadar keuntungan syarikat perniagaan. Namun, dalam jangka masa yang panjang pelaksanaan CSR ini mampu membantu semua sektor termasuklah syarikat itu sendiri. Syarikat dan masyarakat bergantung kepada satu sama lain bagi menjaga kepentingan masing-masing. Oleh itu, kerjasama antara syarikat dan masyarakat akan mendatangkan faedah bagi kedua-duanya dalam jangka masa panjang. Syarikat yang melaksanakan tanggungjawabnya akan mendapat keuntungan secara tidak langsung dalam jangka masa panjang, manakala masyarakat pula akan mendapati keperluannya dipenuhi⁵².

Ketiga ialah hubungan bersepadu (*intergrated relationship*). Pendokong pandangan ini menegaskan bahawa CSR secara tidak langsung mempunyai matlamat perniagaan. Dalam erti kata yang lain, syarikat perniagaan boleh meningkatkan prestasi kewangan jika menjadi baik dan melakukan kebijakan terhadap masyarakat. Syarikat yang menjaga kebijakan sosial dan melakukan kebaikan akan meningkatkan reputasi dan mewujudkan kesetiaan pengguna terhadap syarikat, membangunkan pasaran-pasaran baru di samping mengurangkan risiko-risiko menjadi sasaran tindakan undang-undang ataupun pemulauan pengguna (*consumer boycotts*). Syarikat-syarikat yang melaksanakan CSR juga mampu untuk menarik minat pengguna dan pelaburan yang bertanggungjawab sosial di samping dapat menaikkan semangat para pekerja. Pelaksanaan CSR ini bukan hanya sebagai *trade-off* bagi memperoleh CFP yang memberangsangkan tetapi ianya merupakan antara faktor yang dapat membantu menambahkan CFP itu sendiri. Sebarang keputusan yang dilakukan oleh firma

⁵² *Ibid.*

terhadap masyarakat akan turut memberikan faedah kepada pemegang-pemegang saham.

Sementara itu, Carroll (1991)⁵³ mengatakan bahawa terdapat empat peringkat tanggungjawab dalam piramid tanggungjawab sosial korporat. Ia terdiri daripada tanggungjawab tanggungjawab ekonomi, tanggungjawab undang-undang, tanggungjawab etika dan tanggungjawab *philanthropic*⁵⁴. Setiap satu kategori tanggungjawab ini memerlukan perhatian yang lebih mendalam bagi sektor korporat. Umumnya masyarakat mengetahui bahawa organisasi perniagaan ditubuhkan dan diwujudkan sebagai satu entiti ekonomi yang bertujuan untuk menyediakan barang dan perkhidmatan kepada ahli masyarakat⁵⁵. Motif keuntungan menjadi insentif utama bagi pengusaha dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa, firma atau syarikat merupakan satu unit asas ekonomi dalam masyarakat. Oleh itu peranan utamanya ialah menghasilkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna di samping memperolehi pendapatan yang berpatutan di dalam proses tersebut. Namun, pandangan mengenai motif keuntungan telah berubah menjadi memaksimumkan keuntungan dan keadaan ini menjadi nilai yang dipegang sejak itu.

Merujuk kepada tanggungjawab undang-undang, masyarakat tidak hanya mendorong sektor korporat untuk beroperasi berpandukan motif keuntungan namun perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti yang ditetapkan oleh

⁵³Carroll Archie B. (1991), *op.cit.*

⁵⁴*Philanthropic* atau filantropi dalam bahasa melayu menurut Kamus Dewan ialah rasa kasih sayang terhadap manusia ataupun sifat kedermawanan yang ada pada diri seseorang.

⁵⁵Carroll Archie B. (1991), *op.cit.*

kerajaan persekutuan dan negeri sebagai satu peraturan dasar yang perlu dipatuhi oleh sesebuah institusi korporat⁵⁶. Sesebuah firma diharapkan akan mengejar misi ekonomi mereka dengan berpandukan kepada undang-undang yang telah ditetapkan sebagai memenuhi keperluan kontrak sosial antara perniagaan dan masyarakat. Tanggungjawab undang-undang menggambarkan pandangan etika statut dalam cara yang meliputi tanggapan asas terhadap pengoperasian yang adil sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pengubal undang-undang.

Tanggungjawab etika pula merujuk kepada aktiviti–aktiviti dan amalan-amalan yang dilakukan atau dilarang oleh ahli masyarakat walaupun ianya tidak termaktub dalam undang-undang walaupun di dalam tanggungjawab ekonomi dan undang-undang turut mengandungi nilai-nilai etika mengenai keadilan dan kesaksamaan. Tanggungjawab etika ini mengandungi standard-standard, norma-norma ataupun jangkaan yang menggambarkan keprihatinan terhadap apa yang dianggap oleh pengguna, pekerja, pemegang saham, dan komuniti masyarakat sebagai adil ataupun perlindungan terhadap hak moral pihak berkepentingan. Tanggungjawab etika boleh dilihat sebagai nilai-nilai dan norma-norma yang baru muncul yang diharapkan oleh masyarakat terhadap institusi korporat, walaupun nilai-nilai tersebut mungkin menggambarkan standard prestasi yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan oleh undang-undang.

Tanggungjawab filantropi atau perikemanusiaan pula merangkumi tindakan-tindakan sektor korporat yang bertindakbalas terhadap jangkaan masyarakat iaitu perniagaan menjadi warganegara korporat yang baik (*good*

⁵⁶Ibid.

corporate citizenship)⁵⁷. Ini termasuklah terlibat dalam keputusan atau program-program yang berkaitan dengan kebajikan manusia. Contohnya ialah sumbangan sektor korporat terhadap sumber-sumber kewangan seperti sumbangan terhadap seni, pendidikan atau komuniti. Program-program seperti program keusahawan atau kepimpinan merupakan contoh tanggungjawab filantropi bagi sektor korporat. Perbezaan antara tanggungjawab filantropi dan tanggungjawab etika ialah dalam tanggungjawab filantropi, sektor korporat tidak diharapkan untuk terlibat secara langsung dalam nilai etika atau nilai moral. Komuniti masyarakat mengharapkan sumbangan sektor korporat untuk menyumbangkan wang, kemudahan dan masa pekerja mereka kepada program-program kemanusiaan atau untuk tujuan kebajikan dan kemanusiaan tetapi tidak menganggap firma itu tidak beretika jika mereka tidak menyediakan apa yang dikehendaki oleh masyarakat tersebut. Oleh itu, tanggungjawab filantropi ini adalah lebih kepada atas dasar budi bicara dan kesediaan secara sukarela institusi korporat walaupun selalunya terdapat jangkaan sosial bahawa sektor korporat itu menyediakannya.

Asas gagasan idea bagi CSR ini bermula dengan prestasi ekonomi. Dalam masa yang sama sesebuah perusahaan dijangkakan akan mematuhi peraturan dan undang-undang kerana ianya merupakan satu peraturan sosial terhadap penerimaan dan penolakan bagi sesuatu tingkah laku. Tanggungjawab seterusnya ialah etika. Pada tahap ini sektor korporat bertanggungjawab untuk melakukan apa yang betul, adil, saksama dan mengelakkan atau mengurangkan kemudaratian yang akan diterima oleh pihak berkepentingan. Akhir sekali, sektor korporat dilihat sebagai warganegara korporat yang baik. Keadaan ini ditunjukkan melalui

⁵⁷*Ibid.*

tanggungjawab filantropi di mana sesebuah perniagaan atau perusahaan itu bersedia untuk menyumbangkan sumber kewangan dan tenaga kepada masyarakat dan juga untuk meningkatkan taraf hidup⁵⁸.

2.1.2 Perspektif Islam

Berbanding dengan konsep CSR dari perspektif konvensional, konsep CSR menurut perspektif Islam lebih menjurus kepada pendekatan kerohanian. Pandangan bersifat rohaninya adalah berteraskan daripada ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Dan idea mengenai tanggungjawab sosial ini terkandung dalam ikatan kerohanian (*religious bond*). Ikatan ini memerlukan setiap individu untuk berserah kepada ketetapan Syariah dengan melaksanakan setiap tanggungjawab yang telah ditetapkan dan menjalani kehidupan di muka bumi ini dengan berdasarkan kebaikan dan kemurnian akhlak sebagaimana dituntut oleh Syariah. Ikatan kerohanian ini mengambarkan komitmen terhadap standard moral dan juga norma-norma sosial dengan berdasarkan kepada Syariah⁵⁹. Ini kerana, dalam Islam matlamat yang ingin dicapai bukan tertumpu kepada keperluan material sahaja, tetapi ianya merangkumi konsep kesejahteraan hidup manusia yang menekankan konsep persaudaraan dan keadilan sosio-ekonomi, di mana ia memerlukan keseimbangan antara kedua-dua aspek sama ada keperluan material ataupun spiritual bagi setiap insan⁶⁰.

⁵⁸Ibid.

⁵⁹Asyraf Wajdi Dusuki (2008), *op.cit.*

⁶⁰Gillian Rice (1999), “Islamic Ethics and The Implications for Business”, *Journal of Business Ethics*, 18:345-358.

2.1.2.1 Taqwa

Dalam memahami konsep CSR dari sudut pandangan Islam ini, perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah asas pembinaan Islam itu sendiri yang mendorong kepada pembentukan konsep tersebut, iaitu aqidah, ibadah dan akhlak. Elemen-elemen ini terkandung dalam Syariah Islam yang menjadi pusat pandangan dalam Islam itu sendiri. Dan kunci utama untuk memahami Syariah Islamiah adalah lahir dari ketaqwaan, iaitu kepatuhan kepada Allah s.w.t. Elemen taqwa menjadi penggerak kepada individu untuk mencapai objektif-objektif Syariah melalui jalan yang telah ditetapkan oleh Syariah itu sendiri. Ketaqwaan kepada Allah s.w.t akan mewujudkan nilai-nilai moral di dalam diri individu dalam membentuk kehidupan sosialnya sendiri. Individu yang bertaqwa akan memastikan hubungannya dengan Allah s.w.t, Tuhan pencipta alam, sentiasa terpelihara di samping hubungannya sesama manusia dan juga makhluk Allah s.w.t yang lain seluruhnya. Hubungan manusia dengan manusia seharusnya dihiasi dengan nilai-nilai yang wujud dalam Islam seperti kepercayaan, amanah, keadilan, saling menghormati, kebaikan dan tolak ansur. Setiap Muslim seharusnya mempunyai kesedaran sosial yang tinggi, pemurah dan memenuhi tanggungjawab masing-masing dalam memastikan keperluan setiap individu terpelihara⁶¹. Oleh itu, hubungan-hubungan yang wujud ini perlu dipelihara oleh setiap individu bagi memastikan *al-falah* dapat dicapai.

⁶¹Rusnah Muhamad (2007), “Corporate Social Responsibility: An Islamic Perspectives”, *International Conference On Global Research In Business And Economics*, 27-29 December, Bangkok: Thailand.

Perkataan taqwa menurut istilah bahasa ialah *talab al-wiqayah* iaitu suatu tuntutan untuk memelihara atau untuk menjaga. Definisi ini mencakupi dua perkara iaitu *al-musara‘ah ila ridwani’ llah* (segera menuju keredhaan Allah s.w.t) dan *al-isti‘anah bi’llah* (memohon pertolongan dari Allah s.w.t). Dari segi istilah syarak pula, terdapat pelbagai pendapat ulama dalam mendefinisikan maksud taqwa ini. Ubay Ibn Ka‘ab memberikan maksud berhati-hati dalam menerangkan maksud taqwa. Anas pula mengatakan bahawa seseorang itu tidak dinamakan bertaqwa kepada Allah s.w.t dengan sebenar-benarnya sehinggalah dia memelihara lidahnya. Manakala ‘Umar Ibn ‘Abd ‘Aziz pula menjelaskan bahawa taqwa itu adalah melaksanakan segala suruhan Allah s.w.t dan meninggalkan segala larangannya. Dari sini dapat disimpulkan bahawa taqwa merupakan satu kalimah konkret yang membawa erti patuh menuaikan segala yang diperintah oleh Allah s.w.t dan menjauhi segala larangannya. Perintah Allah s.w.t yang disebutkan ini merangkumi semua aspek kehidupan manusia sama ada tanggungannya terhadap diri dan keluarganya ataupun urusannya terhadap sesama manusia, apatah lagi hubungannya terhadap Allah s.w.t⁶².

Taqwa ini juga mempunyai darjatnya yang tersendiri kerana setiap orang tidak sama dan darjat taqwa tersebut juga tidak sama antara seorang individu dengan individu yang lain. Ketinggian taqwa seseorang itu bergantung kepada ketinggian ilmunya dan kedalaman imannya terhadap Allah s.w.t. Secara umumnya, sifat taqwa boleh dibahagikan kepada tiga darjat iaitu *taqwa al-‘awam*, *taqwa al-khawas* dan *taqwa khawas al-khawas*. *Taqwa al-awam* merupakan sifat

⁶²Mohd. Ali Abu Bakar (1999), *Taqwa Asas Pembentukan Ummah*, Selangor: Synergymate Sdn. Bhd., hh.14-15.

yang ada pada kebanyakan orang yang sentiasa bermujahadah atau berjuang melawan runtunan syahwat dan godaan dunia serta tipu daya syaitan yang sentiasa berusaha menyesatkan manusia supaya melakukan amalan yang dikutuk oleh Allah s.w.t. Darjah taqwa yang kedua pula lebih tinggi darjatnya dari *taqwa al-'awam*. Individu yang memiliki darjah taqwa ini tidak terdorong untuk melakukan maksiat, runtunan nafsu *ammarah* dapat dikawal dengan baik dan maksiat pada zahirnya dapat dijauhi. Namun individu tersebut masih terdedah untuk melakukan maksiat batin seperti *riya'*, '*ujub, takabbur* dan sifat mazmumah yang lain. Manakala peringkat taqwa yang terakhir iaitu *taqwa khawas al-khawas* merupakan darjah taqwa yang paling tinggi sekali. Individu yang berada pada tahap ini sudah bersih jiwanya daripada maksiat zahir dan maksiat batin. Jiwanya tidak lagi terikat dengan nafsu *ammarah* dan nafsu *lawwamah*. Dan keimanan kepada Allah s.w.t yang mendalam di dalam jiwanya melahirkan rasa tenang yang dikenali dengan jiwa yang *mutmainnah*⁶³.

Al-Ghazali membahagikan maksud *nafs* kepada dua pengertian. Yang pertama ialah *al-nafs* ialah tempat wujudnya kemarahan dan keinginan dalam diri setiap manusia. Pengertian ini digunakan oleh kebanyakan ahli sufi yang menyatakan bahawa setiap kejahatan yang wujud dalam diri manusia datangnya dari *al-nafs* tersebut, oleh itu setiap insan harus berusaha untuk melawan dan menakluk *al-nafs* tersebut. Pengertian kedua *al-nafs* yang diberikan oleh al-Ghazali berkait rapat dengan *inner heart* atau sering disebut sebagai dari hati

⁶³*Ibid.*, hh. 37-38.

nurani⁶⁴. Terdapat tiga keadaan *al-nafs* sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Yang pertama ialah *al-nafs al-mutma'innah*. Iaitu *al-nafs* yang tunduk pada perintah tuhan dan ianya bebas dari nafsu dunia dan melahirkan rasa ketenangan dalam jiwa. Yang kedua ialah *al-nafs al-lawwamah*, iaitu keadaan jiwa yang masih tidak mencapai ketenangan dan masih bergelut dengan keinginannya. Iaitu jiwa yang amat menyesali diri sendiri⁶⁵ (*self-reproaching soul*) dalam menegur pemiliknya atas kelalaianya dalam menyembah Allah tuhan semesta alam. Dan yang ketiga ialah *al-nafs al-ammarah*. Keadaan di mana jiwa atau nafsu yang selalu menyuruh kepada kejahanatan⁶⁶ atau cenderung untuk memprotes dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada hasutan nafsu jahat. Dikenali juga sebagai *al-nafs al-ammarah bi al-su'* iaitu jiwa yang cenderung ke arah kejahanatan⁶⁷.

Konsep CSR dalam Islam ini merangkumi makna yang luas yang mencakupi dimensi taqwa, di mana sesebuah syarikat korporat itu sebagai sebuah organisasi yang merangkumi sekumpulan individu di dalamnya, memainkan peranan yang penting sebagai hamba dan juga khalifah Allah di muka bumi ini dalam setiap situasi⁶⁸. Dengan cara itu, sesebuah organisasi korporat itu dianggap telah melaksanakan tanggungjawabnya terhadap Allah. Individu yang memelihara hubungannya dengan Allah secara tidak langsung telah menjaga hubungannya sesama insan yang lain dan juga alam seluruhnya. Situasi ini akan mengelakkan

⁶⁴Abū Ḥāmid Muhammad b. Muhammad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, juz. 3, Kaherah: Mu'assasah al-Halābi wa Syurakāh, hh. 113-114.

⁶⁵Al-Quran, 75:2

⁶⁶*Ibid.*, 12:53

⁶⁷Noor Shakirah Mat Akhir (2008), *Al-Ghazali And His Theory Of The Soul: A Comparative Study*, Pulau Pinang: Penerbit University Sains Malaysia, hh. 176-177.

⁶⁸Asyraf Wajdi Dusuki (2008), *op.cit.*

berlakunya perselisihan kepentingan di kalangan ahli masyarakat kerana setiap individu dalam masyarakat mempunyai satu matlamat yang utama iaitu menghambakan diri kepada Allah⁶⁹. Individu akan bekerjasama dari bersaing sesama sendiri untuk mencapai matlamat *al-falah* sebagai puncak kejayaan dalam hidup.

2.1.2.2 Tauhid

Setiap insan di muka bumi ini dicipta Allah dengan menanggung satu tanggungjawab yang besar iaitu untuk beriman kepada Allah sebagaimana yang telah disebutkan dalam firmannya,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(al-Dhariyyat 51:56)

Beriman kepada Allah bermaksud beriktiad dengan bersungguh-sungguh bahawa hanya Allah Tuhan bagi segala sesuatu (yang ada), dialah yang menguasainya (memilikinya), dan menciptakannya. Dan bahawa dia adalah satu-satunya zat yang berhak disembah, baik di dalam solat, puasa, berdoa, berharap, takut, rendah diri, patuh dan pasrah. Dan hanya Allah yang patut disifati dengan sifat-sifat kesempurnaan dan suci dari segala kekurangan dan kelemahan⁷⁰. Tauhid juga membawa erti pengetahuan tentang Allah yang Maha Esa dan Tuhan sekalian alam. Pengetahuan ini bukan hasil dari keimanan tetapi lebih kepada

⁶⁹Ibid.

⁷⁰Muhammad Na‘Im Yasin (1996), *Persoalan Iman dan Perkara-Perkara yang Membatalkannya*, Selangor: Pustaka Ilmi, h. 12.

dasar keimanan. Kesedaran terhadap tauhid merupakan sebahagian daripada pengetahuan yang diciptakan oleh Allah dalam setiap diri manusia dalam keadaan fitrah. Keesaan atau tauhid bukanlah suatu perdebatan filosofi tetapi merupakan suatu pengesahan bahawa manusia diseru untuk memperakuinya. Dengan demikian, mereka menyahut seruan Allah dan bergabung dengan para malaikat dan makhluk yang lain mengisyiharkan keagungan, kedaulatan, kekuasaan dan keesaan Allah mengatasi segala-galanya⁷¹.

Tauhid atau keesaan kepada Allah ini boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu tauhid *rububiyyah*, tauhid *uluhiyah* dan tauhid *asma' wa sifat*. Individu perlu beriktikad untuk mengesakan Allah dengan *rububiyyah*, *uluhiyah* dan nama-nama keagungannya sekaligus. Oleh itu, berdasarkan ketetapan ini, seseorang hamba itu tidak tergolong dalam golongan yang beriman kepada Allah sehingga dia telah beriktikad bahawa Allah adalah tuhan bagi segala yang ada, tiada tuhan melainkan dia, hanya dia sahaja tuhan yang patut disembah oleh segala sesuatu yang ada dan tiada tuhan yang wajib disembah melainkan Allah. Dan hanya Allah yang Maha Sempurna dalam sifat-sifat dan nama-nama dan tiada kesempurnaan lain selain darinya⁷².

Tauhid *rububiyyah* ialah iktikad secara bahawa Allah adalah tuhan bagi segala sesuatu dan tiada tuhan selain Allah⁷³. Manakala maksud *rububiyyah* Allah terhadap makhluknya ialah mengesakan Allah sebagai satu-satunya zat yang menciptakan mereka, menguasai (memiliki) mereka, dan yang mengatur segala urusan mereka. Dalam erti kata yang lain, tauhid *rububiyyah* bermaksud satu

⁷¹Mahmoud M. Ayoub (1996), *Islam, Iman dan Amal*, Johor:Perniagaan Jahabersa, hh. 21-22.

⁷²Muhammad Na'Im Yasin (1996), *op.cit.*, hh.12-13.

⁷³*Ibid.*, h 13.

pernyataan bahawa Allah Maha Suci, satu-satunya pencipta bagi makhluk-makhluk di muka bumi ini, penguasa dan pemilik alam semesta, yang menghidupkan dan mematikan, serta memberi manfaat dan mudarat kepada mereka. Dia pula yang memperkenankan doa ketika mereka menghadapi kesulitan, yang berkuasa memberi dan menolak permintaan mereka, dan hanya kepada dia lah segala urusan mesti dikembalikan, dan kepadanya juga diserahkan ketetapan setiap perkara. Oleh itu beriman kepada kepada ketentuan (qadar) Allah atau (percaya bahawa setiap sesuatu kejadian selalunya berpunca dari ilmu Allah, iradatnya, dan kudratnya, termasuk di dalam tauhid ini.

Manakala tauhid *uluhiyah* ialah beriktikad dengan sesungguhnya bahawa Allah adalah *ilahul haq* (yang wajib disembah) dan tidak ada tuhan selainnya. Tauhid *uluhiyah* ini dibangunkan atas prinsip ibadat secara ikhlas kepada Allah satu-satunya, dari segi zahir dan juga batin, dan tidak di kira ibadat sesuatu pekerjaan atau perbuatan itu jika berniat atau dilakukan untuk selain daripada Allah. Oleh itu, keimanan kepada Allah s.w.t mesti disertakan dengan mengabdi kepada Allah dan tidak menyembah selain darinya, ikhlas untuk bercinta hanya kepada Allah sahaja, hanya merasa takut kepadanya, sentiasa berharap dan berdoa kepadanya, bertawakal. Patuh, rendah diri dan sebagainya hanya kepada Allah s.w.t semata-mata⁷⁴. Seseorang individu yang hanya bertauhid kepada tauhid *rububiyah* Allah s.w.t semata-mata tetapi tidak melaksanakan ibadat kepadanya tidak dikira sebagai beriman kepada Allah s.w.t. Apabila seseorang individu telah mentauhidkan Allah dalam *uluhiyahnya*, bermakna dia telah menyatakan bahawa Allah itu Maha Suci dan satu-satunya zat yang berhak disembah, atau dengan kata

⁷⁴*Ibid.*, hh.24-25.

yang lain, yang selain dari Allah s.w.t tidak berhak untuk disembah dan apabila individu tersebut telah menyatakan demikian maka secara automatiknya dia juga telah menyatakan bahawa Allah s.w.t adalah tuhan pencipta dan menyakini bahawa baginya terdapat *asma ul husna* dan sifat kesempurnaan. Maka dari sini lahirlah syahadah, iaitu satu penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah s.w.t yang mana ianya telah mencakupi segala jenis tauhid yang tiga itu. Ibnu Taimiyyah mengatakan bahawa, tauhid uluhiyah inilah yang membezakan antara orang yang beriman dan orang musyrik, dan darinya diberi balasan dan pahala, baik pada waktu permulaannya mahupun detik terakhirnya. Oleh itu, sesiapa yang tidak memenuhi kriteria tauhid *uluhiyah* ini dianggap sebahagian daripada orang-orang musyrik.⁷⁵.

Tauhid *asma' wa sifat* pula membawa erti, iktikad bahawa Allah s.w.t patut menyandang sifat-sifat kesempurnaan, bersih serta suci dari sifat-sifat kekurangan atau kelemahan dan bahawa dia adalah satu-satunya yang patut menyandang sifat-sifat kesempurnaan tersebut. Tauhid *asma' wa sifat* ini berdiri diatas tiga asas iaitu yang pertama mensuci dan meninggikan Allah s.w.t dari perkara yang menyamakannya dengan makhluk atau dari sesuatu kekurangan. Yang kedua, beriman kepada nama-nama Allah s.w.t dan sifat-sifat yang telah ditetapkan dalam *kitabullah* dan sunnah Rasulullah s.a.w tanpa membatasinya dengan mengurangi atau menambah-nambah, atau berpaling walau sedikit pun, atau mengabaikan dan menganggap tidak ada ketetapan-ketetapan tersebut. Dan yang ketiga ialah membuang khayalan (yang berlebih-lebihan) untuk menjelaskan sifat-sifat tersebut, yang mana sifat-sifat Allah sama sekali berbeza

⁷⁵ *Ibid.*, hh.25-26.

daripada sifat makhluk yang diciptakan, tanpa perlu membahas atau mempersoalkan bentuknya⁷⁶.

Islam sebagai agama tauhid, iaitu pengesahan dari kenyataan pengakuan diri bahawa tuhan ke atas sesuatu hanyalah Allah yang satu. Keesaan Allah terbukti dalam dunia di sekeliling kita. Oleh yang demikian, sebagai makhluk Allah yang bernafas di muka bumi ini hendaklah bersama-sama dengan makhluk Allah yang lain untuk menyerukan kalimah *La Ilaha Illa Allah*. Pengakuan dan penyaksian ini menyatukan seluruh umat manusia untuk beriman hanya kepada Allah yang satu⁷⁷.

Oleh itu, elemen tauhid ini menjadi asas dalam memahami konsep tanggungjawab sosial dalam Islam. Elemen tauhid atau mengakui keesaan Allah ini menyediakan satu arah tuju dalam menjamin penyatuan semangat ke arah kepatuhan terhadap Syariah Islamiyyah. Konsep tauhid ini juga turut menunjukkan peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. Firman Allah,

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ
خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ
الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُنَقِّدِسُ لَكَ قَالَ إِنِّي
أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak

⁷⁶Ibid., hh.37-42.

⁷⁷Mahmoud M. Ayoub (1996), *op.cit.*

menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

(al-Baqarah 2:30)

Tanggungjawab sebagai khalifah bukan merupakan tiket kepada manusia melakukan apa sahaja yang dikehendakinya di muka bumi ini, sebaliknya manusia memikul tanggungjawab yang besar terhadap Allah dan juga makhluknya yang lain. Dua peranan utama yang dimainkan oleh manusia ialah yang pertama sebagai hamba Allah dan yang kedua sebagai khalifah Allah di muka bumi⁷⁸. Sebagai hamba, manusia harus menghambakan diri kepada tuhan penciptanya, mencari keredhaan Allah, mematuhi segala aturan dan panduan yang telah ditetapkan, berbuat baik kepada sesama makhluk dan mengelakkan daripada membuat kerosakan di muka bumi Allah ini. Manakala, sebagai seorang khalifah pula, manusia bertanggungjawab untuk menguatkuaskan Syariah Islamiyyah dalam segenap aspek kehidupannya, memastikan keharmonian dan keamanan di atas muka bumi, memelihara alam sekitar dan mengamalkan sifat mahmudah dalam diri setiap individu. Manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini bertanggungjawab untuk memikul amanah yang telah ditetapkan oleh Allah bagi memastikan kepentingan ummah sentiasa terpelihara. Dalam Islam, prestasi perniagaan diukur berdasarkan bagaimana sumber alam yang terhad digunakan dengan sebaiknya untuk memajukan masyarakat⁷⁹. Sumber alam tersebut perlu digunakan dengan sebaik-baiknya kerana ianya merupakan amanah dari Allah

⁷⁸Mohd Rizal Muwazir @ Mukhzir, Rusnah Muhamad & Kamaruzzaman Noordin (2006), *op.cit.*

⁷⁹Rusnah Muhamad (2007), *op.cit.*

untuk generasi akan datang. Sekiranya sumber alam tersebut dibazirkan dengan sewenang-wenangnya, kesannya akan dapat dilihat pada generasi akan datang. Oleh itu, sumber yang ada perlu diuruskan dengan sebaiknya oleh organisasi perniagaan bagi menjamin kemandirian masyarakat akan datang.

Sekiranya melihat dari aspek perniagaan, setiap syarikat korporat perlu mengamalkan CSR pada dasarnya berdasarkan kepada prinsip tauhid, kerana ianya merupakan kunci dalam falsafah perniagaan Islam yang terkandung di dalam hubungan seseorang individu dengan Tuhan Pencipta alam⁸⁰. Ini kerana harus diingat bahawa segala apa yang diperolehi, kekayaan, kepakaran, kebolehan, pangkat dan kedudukan dan kekuasaan adalah milik Allah sepenuhnya⁸¹. Manusia hanya meminjamnya daripada Allah. Manusia menjadi pemegang amanah kepada setiap sesuatu yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t dan akan dipertanggungjawabkan dengan amanah tersebut. Agama-agama yang lain juga turut menekankan konsep ini yang mengajak manusia berserah sepenuhnya kepada kehendak tuhan. Namun, ajaran Islam melangkau lebih jauh dari itu di mana setiap kehidupan di atas muka bumi ini pada dasarnya adalah bersepada kerana ianya menyediakan satu cara yang praktikal dalam membentuk setiap aspek kehidupan manusia yang seiring dengan kehendak Allah⁸². Dari sini dapat disimpulkan bahawa konsep kesatuan (*unity*) ini bertindak sebagai serampang dua mata di mana, dari satu segi ianya menyifatkan Allah adalah tuhan pencipta

⁸⁰Gillian Rice (1999), *op.cit.*

⁸¹Rusnah Muhamad (2007), *op.cit.*

⁸²Gillian Rice (1999), *op.cit.*

sekalian alam. Dari aspek yang lain ianya membayangkan bahawa setiap insan adalah saling bersaudara⁸³.

2.1.2.3 Ukhluwwah dan al-‘adl

Konsep CSR dalam Islam juga bercambah dari konsep persaudaraan dan keadilan sosial. Islam merupakan satu program hidup yang selaras dengan peraturan alam yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Ianya juga telah menetapkan secara jelas hubungan antara sesama manusia yang berpandukan kepada konsep persaudaraan dan kesaksamaan.

Keadilan sosial merujuk kepada satu keadaan hidup apabila setiap individu mempunyai hak-hak mereka sendiri dan dalam mencapai hak-hak tersebut, hak-hak ahli masyarakat yang lain tidak diketepikan⁸⁴. Konsep ini juga boleh difahami dengan lebih jelas melalui prinsip-prinsip dan petunjuk keadilan sosial dalam Islam. Yang pertama ialah kemerdekaan individu yang merujuk kepada rasa bebas dari perkara-perkara yang membelenggu diri serta berasa aman kerana rezeki diperolehi secara wajar dan masa depannya nampak cerah. Kemerdekaan yang diwujudkan dalam Islam bermula dengan kemerdekaan manusia daripada menyembah selain dari Allah, yang mana ianya akan melahirkan rasa mulia dan kuat dalam diri inividu dan bebas daripada rasa takut melainkan terhadap Allah. Kemerdekaan ini juga mencakupi segala yang diingini manusia seperti kebebasan beribadah, berfikir, mentadbir dan sebagainya. Yang

⁸³*Ibid.*

⁸⁴Ahmad Sarji Abdul Hamid (2005), “Makalah Khas Keadilan Sosial di Malaysia” dalam Khairul Azhar Idris (2007), Keadilan Sosial dari Perspektif Islam, Petaling Jaya:MPH Group Publishing Sdn.Bhd. h. xviii.

kedua ialah persamaan hak sesama manusia. Islam tidak memberikan hak keistimewaan kepada individu atau bangsa tertentu sahaja, bahkan semua orang berhak mendapat hak-hak masing-masing⁸⁵. Menurut Prof Dr Syeikh Anwar Ahmad, persamaan hak bagi setiap orang meliputi hak, kewajipan, ganjaran dan penegakkan hukum secara menyeluruh⁸⁶.

Yang ketiga ialah peluang atau kesempatan yang sama untuk semua. Dalam Islam terdapat dua aspek yang diberi perhatian menyeluruh iaitu peluang menuntut ilmu dan peluang untuk bekerja mencari rezeki. Islam memberikan setiap individu kebebasan untuk mencari rezeki dengan cara yang halal dan ma'ruf, sesuai dengan kemampuan dan kemahiran yang ada padanya. Yang keempat ialah hak untuk berpolitik secara demokrasi. Setiap individu diberi peluang untuk membuat pilihan di samping mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat masing-masing. Ini dapat dilihat melalui amalan *syura* yang dilaksanakan oleh Rasulullah. Dan yang terakhir ialah hak ahli masyarakat yang lain (kebijakan orang yang memerlukan). Keadilan sosial tidak akan wujud sekiranya golongan yang kurang berasib baik tidak dipelihara. Oleh itu, golongan yang berkemampuan selain kerajaan perlu bersama-sama bertanggungjawab menjaga kebijakan golongan ini⁸⁷.

Syed Qutb dalam bukunya *al-‘adalah al-ijtima’iyyah al-Islam* mengatakan bahawa “kita tidak akan dapat memahami pengertian keadilan sosial dalam Islam secara tepat kecuali apabila kita memahami *tasawwur* Islam tentang ketuhanan,

⁸⁵*Ibid.*, h. xix.

⁸⁶Mahmoud M. Ayoub (1996), *op.cit.*,

⁸⁷Khairul Azhar Idris (2007), *Keadilan Sosial dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur : MPH Group Printing (M) Sdn. Bhd, hh. xviii-xxviii.

alam sejagat, kehidupan dan manusia. Kerana keadilan sosial adalah satu cabang kecil daripada empat komponen induk tersebut⁸⁸. Dari kenyataan tersebut, dapat difahami bahawa keadilan sosial mestilah diikat dan dikaitkan dengan konsep akidah dan keimanan yang mendalam terhadap keesaan Allah serta berkait rapat dengan tugas manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini iaitu sebagai agen pembangunan jasmani dan rohani⁸⁹. Bermakna, keadilan sosial ini tidak hanya terhenti setakat keadilan dalam ekonomi dan material sahaja, sebaliknya ia turut merangkumi nilai-nilai spiritual yang berkaitan dengan keadilan manusia dalam setiap bidang yang diceburi. Terdapat banyak ayat dalam al-Quran yang menyuruh umat Islam berlaku adil dan melarang melakukan kezaliman. Antaranya ialah

فَلَذِكَ فَادْعُ وَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَلَا تَتَّبِعْ
 أَهْوَاءَهُمْ وَقُلْ إِاَمَنْتُ بِمَا اَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ كِتَابٍ
 وَأُمِرْتُ لَا عَدْلَ بَيْنَكُمْ اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا اَعْمَلْنَا
 وَلَكُمْ اَعْمَلْكُمْ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ اللَّهُ
 تَحْمِلُ بَيْنَنَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ

Oleh kerana yang demikian itu, maka serulah (mereka - wahai Muhammad - kepada beragama dengan betul), serta tetap teguhlah engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka; sebaliknya katakanlah: "Aku beriman kepada segala kitab yang diturunkan oleh Allah, dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah jualah tuhan kami dan tuhan kamu. bagi

⁸⁸Sayyid Quṭb (1983), *al-'Adālah al-Ijtīmā'iyyah al-Islam*, Cairo: Dār Al-Shurūq, h. 20.

⁸⁹Abdullah Muhammad Zin (2007), "Keadilan Sosial pada Zaman Rasulullah dan Khulafa' Al-Rasyidin", dalam Khairul Azhar Idris (2007), Keadilan Sosial dari Perspektif Islam, Kuala Lumpur : MPH Group Printing (M) Sdn. Bhd, h.16.

kami amal kami dan bagi kamu amal kamu. tidaklah patut ada sebarang pertengkaran antara kami dengan kamu (kerana kebenaran telah jelas nyata). Allah akan menghimpunkan kita bersama (pada hari kiamat), dan kepadaNyalah tempat kembali semuanya (untuk dihakimi dan diberi balasan)".

(al-Syurā 42:15)

مَا أَصَابَ مِنْ مُّصِيَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ
 إِلَّا فِي كِتَابٍ أَنَّ بَرَآهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى
 لِكِيلَا تَأْسُوا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا
 تَفْرَحُوا بِمَا آتَيْتُكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ
 فَخُورٌ

Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan kami) sebelum kami menjadikannya; Sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. (Kamu diberitahu tentang itu) supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu, dan tidak pula bergembira (secara sompong dan bangga) dengan apa yang diberikan kepada kamu. dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sompong takbur, lagi membanggakan diri.

(al-Hadid 57:22-23)

﴿ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّمِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ
 لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبَيْنِ إِنَّ
 يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَشَعُّوا

أَهْوَىٰ أَنْ تَعْدِلُواٰ وَإِنْ تَلُوْاٰ أَوْ تُعَرِّضُواٰ فَإِنَّ اللَّهَ

كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ حَسِيرًا

Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaualah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(al-Nisā' 4:135)

Ayat ini menerangkan mengenai keadilan yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang yang beriman. Perkataan “wahai orang-orang yang beriman” adalah ayat penghargaan dan penghormatan tertinggi kepada ummat yang percaya kepada Allah menurut pandangan Abdullah Ibnu Mas’ud. Ayat ‘jadikanlah kamu orang-orang yang berdiri tegak dengan keadilan” menunjukkan orang mukmin tidak akan tunduk kepada sesiapapun yang hendak meruntuhkan keadilan yang ditegakkan itu. Ayat “menjadi saksi kerana Allah” bermaksud berani mengatakan kebenaran kerana keadilan dan kebenaran merupakan dua perkara yang membawa maksud yang satu. Seseorang perlu berani untuk menyatakan kesaksian terhadap keadilan itu atas rasa bertanggungjawab kepada Allah s.w.t. individu yang berani

menegakkan keadilan kerana Allah tidak akan takut kepada ancaman manusia yang berusaha memungkiri keadilan itu⁹⁰.

Keadilan tidak hanya ditegakkan kepada orang yang kaya ataupun yang miskin sahaja. Kedua-dua golongan ini perlu diberi keadilan yang sama tanpa mengira kedudukan kewangan masing-masing. Syahadah atau kesaksian adalah untuk Allah bukan untuk manusia. Sesungguhnya Allah meredhai keadilan untuk dirinya kerana keadilan adalah *mizan* (timbangan) Allah di muka bumi.

Ayat-ayat di atas ini mewajibkan umat Islam supaya berlaku adil dalam semua urusan hidup mereka. Tidak hanya dalam urusan kehakiman sahaja, tetapi juga dalam aspek sosial bagi membolehkan semua insan dalam masyarakat mendapat keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, peluang mendapat pelajaran, akses kepada kemudahan kesihatan dan sebagainya⁹¹.

Keadilan sosial pada zaman Rasulullah s.a.w dimulakan dengan perjuangan mewujudkan dan menyuburkan aspek-aspek akidah dan akhlak dalam diri dan jiwa kerana dari diri dan jiwa yang beriman akan melahirkan masyarakat yang beriman. Ianya dimulakan melalui keperibadian Rasulullah s.a.w. yang luhur yang kemudiannya melahirkan keluarga yang beriman seperti Khadijah r.a, Ali Bin Abi Talib r.a, Fatimah Al-Zahra dan seterusnya lahir di kalangan para sahabat seperti Abu Bakar r.a, Umar Al-Khatab r.a dan lain-lain yang sehingga akhirnya telah mewujudkan masyarakat yang seimbang antara keadilan dan kesejahteraan⁹².

⁹⁰ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (1983), *Tafsir Al-Azhar*, Juz 5, Jakarta: Pustaka Panjimas, hh. 317-318.

⁹¹ Abdullah Muhammad Zin (2007), *op.cit*, h.18.

⁹² *Ibid.*, h.22.

Dalam mewujudkan keadilan sosial ini, al-Quran dan al-Sunnah melarang beberapa amalan yang menganggu kelancaran hubungan antara ahli masyarakat seperti larangan riba dan sebagainya. Islam juga telah menetapkan bahawa pada harta milik peribadi itu, terdapat hak orang-orang yang berhajat baik berupa zakat maupun sedekah. Rasulullah s.a.w juga telah memperkuatkan konsep keadilan sosial ini ketika baginda menolak dengan keras usaha untuk mendapat *syafa'atnya* melalui beberapa orang sahabat yang meminta baginda memaafkan kesalahan mencuri yang dilakukan oleh seorang perempuan dari Bani Makhzum kerana kedudukannya dalam kabilah tersebut. Rasulullah s.a.w telah menegaskan bahawa perbezaan dalam pelaksanaan hukuman akan membawa bencana kepada sesebuah masyarakat.

Keadilan dan persaudaraan dalam Islam menekankan bahawa ahli masyarakat harus mengambil berat mengenai keperluan asas orang-orang fakir dan miskin⁹³. Amalan berkaitan keadilan sosial dan persaudaraan ini dapat menghalang individu dari melakukan perkara yang mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri, orang sekeliling serta makhluk Allah yang lain. Sebagaimana firman Allah s.w.t

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar

⁹³Gillian Rice (1999), *op.cit.*

serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

(Al-Nahl 16: 90)

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقَرَى فَلِلَّهِ
وَلِرَسُولِهِ الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينُ وَابْنُ
السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا
عَطَنَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَنَّكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).”

(Al-Hasyr 59:7)

Konsep keadilan sosial ini memastikan setiap individu dalam masyarakat mendapat hak masing-masing. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam ayat di atas, harta-harta yang ada di dalam masyarakat hendaklah diagihkan kepada setiap individu supaya harta tersebut tidak hanya berlegar untuk satu golongan sahaja. Konsep keadilan sosial ini diperkuuhkan lagi dengan konsep *ukhuwwah* iaitu persaudaraan sesama Muslim. Konsep ini menjadikan setiap Muslim

bertanggungjawab antara satu sama lain. Komitmen Islam terhadap keadilan sosial dan persaudaraan menuntut masyarakat Islam untuk mengambil perhatian terhadap keperluan asas orang-orang miskin dan yang memerlukan⁹⁴.

Konsep tanggungjawab sosial dan keadilan adalah bersesuaian dengan transaksi perniagaan dalam Islam. Hubungan antara aktiviti perdagangan dengan aktiviti sivil dalam Islam, wujud secara semulajadi dan aturan amalannya telah terkandung dalam pandangan Islam. Dalam Islam, aktiviti perniagaan tidak hanya dilakukan untuk memuaskan keperluan dan kehendak material sahaja bahkan ianya dilakukan untuk memenuhi tanggungjawab agama dan untuk mencapai objektif-objektif bukan material seperti melindungi keperluan sosial⁹⁵. Konsep CSR dalam Islam sebagaimana yang didefinisikan oleh Jawed Akhtar merujuk kepada jangkaan masyarakat terhadap perniagaan untuk tidak mendatangkan kemudaratan dan juga menyumbang kepada kebaikan orang lain⁹⁶.

Sementara itu, Asyraff Wajdi Dusuki menambah, CSR adalah inisiatif moral dan keagamaan⁹⁷. Namun, Islam tidak menghalang umatnya untuk membuat keuntungan dan ianya merupakan antara satu syarat yang perlu ada bagi memastikan kemandirian sesebuah syarikat. Islam memperakui kepentingan diri (*self interests*) sebagai kuasa penggerak semulajadi dalam kehidupan manusia tetapi ianya harus dikaitkan juga dengan konsep kebaikan dan keadilan secara keseluruhan. Tanggungjawab sosial juga membawa erti obligasi sesebuah

⁹⁴Ibid.

⁹⁵Ibid.

⁹⁶Jawed Akhtar Mohammed (2007). *op.cit.*

⁹⁷Asyraf Wajdi Dusuki (2008), *op.cit.*

organisasi untuk melindungi dan menyumbang kepada masyarakat mengikut caranya berfungsi⁹⁸.

Khalifah keempat iaitu Ali ibn Abu Talib r.a, telah menyimpulkan konsep tanggungjawab sosial dalam suratnya kepada Malik al-Haris al-Ashtar. Daripada surat tersebut, dapat difahami bahawa sektor korporat telah banyak menyediakan perkhidmatan yang sepatutnya kepada masyarakat. Sektor korporat juga turut banyak menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara. Sektor ini memainkan peranan yang penting dalam menentukan kualiti hidup melalui kesannya terhadap persekitaran sosial dan fizikal. Oleh itu, sektor korporat berhak untuk membuat keuntungan berdasarkan kerja keras mereka dan juga risiko yang ditanggung. Sayidina Ali r.a juga turut menyatakan bahawa sesebuah perniagaan yang beroperasi secara tidak beretika dan tidak bermoral patut dihukum dengan hukuman yang berat⁹⁹.

Dari sini dapat di fahami bahawa, walaupun sesebuah syarikat itu boleh membuat keuntungan berdasarkan apa yang telah dihasilkan namun, mereka tidak seharusnya didorong oleh cara yang tidak beretika dan tidak bermoral dalam mencapai matlamat tersebut. Tanggungjawab terhadap masyarakat perlu diberi perhatian bagi menjamin hubungan mereka dengan Allah s.w.t, hubungan sesama manusia dan juga makhluk Allah s.w.t seluruhnya. Hubungan yang baik dengan Allah akan mendorong kepada transaksi dan interaksi harian yang berlandaskan nilai-nilai kepercayaan, keteguhan, kebaikan, kepatuhan kepada undang-undang dan nilai-nilai murni yang lain. Sekiranya hubungan dengan Allah s.w.t ini tidak

⁹⁸Mohd Rizal Muwazir @ Mukhzir, Rusnah Muhamad & Kamaruzzaman Noordin (2006), *op.cit.*

⁹⁹Jawed Akhtar Mohammed (2007). *op.cit.*

dipelihara, nilai-nilai seperti penipuan, kerakusan, suka bermegah-megah, hasad dengki, dan sebagainya akan menyelubungi masyarakat.

2.1.2.4 Fardh

Selain itu, setiap individu dalam Islam menanggung tanggungjawab yang besar terhadap tindakannya sendiri. Ini adalah berdasarkan kepada sabda Nabi Muhammad s.a.w dalam khutbahnya yang terakhir.

“Wahai manusia, dengarlah baik-baik apa yang hendak kukatakan, Aku tidak mengetahui apakah aku dapat bertemu lagi dengan kamu semua selepas tahun ini. Oleh itu, dengarlah dengan teliti kata-kataku ini dan sampaikanlah ia kepada orang-orang yang tidak dapat hadir disini pada hari ini. Wahai manusia, sepertimana kamu menganggap bulan ini dan kota ini sebagai suci, anggaplah jiwa dan harta setiap orang Muslim sebagai amanah suci. Kembalikan harta yang diamanahkan kepada kamu kepada pemiliknya yang berhak. Janganlah kamu sakiti sesiapapun agar orang lain tidak menyakiti kamu lagi. Ingatlah bahawa sesungguhnya kamu akan menemui Tuhan kamu dan Dia pasti membuat perhitungan di atas segala amalan kamu. Allah telah mengharamkan riba, oleh itu, segala urusan yang melibatkan riba dibatalkan mulai sekarang. Berwaspadalah terhadap syaitan demi keselamatan agama kamu. Dia telah berputus asa untuk menyesatkan kamu dalam perkara-perkara besar, maka berjaga-jagalah supaya kamu tidak mengikutinya dalam perkara-perkara kecil. Wahai manusia sebagaimana kamu mempunyai hak atas isteri kamu, mereka juga mempunyai hak ke atas kamu. Sekiranya mereka menyempurnakan hak mereka ke atas kamu, maka mereka juga berhak diberikan makan dan pakaian, dalam suasana kasih sayang. Layanilah wanita-wanita kamu dengan baik dan berlemah-lembutlah terhadap mereka kerana sesungguhnya mereka adalah teman dan pembantu kamu yang setia. Dan hak kamu atas mereka ialah mereka sama sekali tidak boleh memasukkan orang yang kamu tidak sukai ke dalam rumah kamu dan dilarang melakukan zina. Wahai manusia, dengarlah bersungguh-sungguh kata-kataku ini, sembahlah Allah, dirikanlah solat lima waktu, berpuasalah di bulan Ramadhan, dan tunaikanlah zakat dari harta kekayaan kamu. Kerjakanlah ibadah haji sekiranya kamu mampu. (Semua manusia berasal dari Adam dan Hawa, tidak ada (bangsa) Arab yang lebih mulia dari (bangsa) bukan Arab atau (bangsa) bukan Arab lebih mulia dari (bangsa)

Arab; juga tidak ada yang (berkulit) putih lebih mulia dari yang (berkulit) hitam atau yang (berkulit) hitam lebih mulia dari (berkulit) putih). Sesungguhnya, kamu akan menemui Tuhan kamu dan Dia pasti akan membuat perhitungan atas segala amalan kamu. Kamu tidak akan melakukan ketidakadilan dan tidak akan dirugikan. Setiap Muslim tidak diperbolehkan dari saudaranya akan hartanya kecuali apa yang diberinya dengan baik hati, jadi janganlah kamu sakiti sesiapapun agar orang lain tidak menyakiti kamu pula. Ketahuilah bahawa setiap Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Kamu semua adalah sama, tidak ada seorang pun yang lebih mulia dari yang lainnya kecuali dalam taqwa dan amal soleh. Oleh itu, awasilah agar jangan sekali-kali kamu terkeluar dari landasan kebenaran selepas ketiadaanku. Wahai manusia, tidak ada lagi Nabi atau Rasul yang akan datang selepasku dan tidak akan lahir agama baru. Oleh itu wahai manusia, nilailah dengan betul dan fahamilah kata-kataku yang telah aku sampaikan kepada kamu. Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, yang sekiranya kamu berpegang teguh dan mengikuti kedua-duanya, nescaya kamu tidak akan tersesat selama-lamanya. Itulah Al-Quran dan Sunnahku. Hendaklah orang-orang yang mendengar ucapanku, menyampaikan pula kepada orang lain. Semoga yang terakhir lebih memahami kata-kataku dari mereka yang terus mendengar dariku. Saksikanlah Ya Allah, bahwasanya telah aku sampaikan risalahMu kepada hamba-hambaMu”.¹⁰⁰

Khutbah ini berkisar sepenuhnya tentang tanggungjawab sosial dan keadilan. Setiap individu dilarang menzalimi individu lain sama ada dari segi harta ataupun nyawanya. Harta yang dimiliki oleh setiap orang adalah hak miliknya sendiri dan sebagai individu Muslim adalah dilarang sama sekali mengambil hak tersebut tanpa sebarang alasan yang kukuh mengikut hukum syarak. Selain itu, umat Islam dilarang mengambil hak orang lain secara tersembunyi melalui amalan riba yang banyak diamalkan sekarang. Ini kerana, amalan mengambil lebihan dari perniagaan ataupun pembiayaan merupakan satu bentuk rampasan terhadap harta yang dimiliki oleh seseorang individu yang akhirnya akan menindas dan

¹⁰⁰Muhammad ibn Ismāīl Abū ‘Abdullah Al-Bukhārī (1987), *Al-Jami’ al-Sahīh*, hadith no. 98, 1623, 1626, 6361, Beirut : Dār Ibn Kathir.


menyalimi individu tersebut. Oleh sebab itu, amalan riba ini dilarang keras oleh Allah dan rasulnya. Amalan riba ini akan mewujudkan jurang yang luas antara golongan kaya dengan golongan miskin yang akan menyukarkan proses implementasi keadilan sosial dalam masyarakat.

Khutbah ini juga menunjukkan bahawa umat Islam adalah bersaudara dengan yang lain. Dan persaudaraan antara setiap Muslim ini tidak dibatasi oleh faktor geografi, bangsa, bahasa, warna kulit dan sebagainya. Ukhluwwah yang dirasai bersama oleh setiap individu akan mewujudkan keadilan dan menolak kezaliman sesama manusia. Insan yang bersaudara secara relatifnya akan sentiasa mengambil berat mengenai saudaranya dan tidak akan menyakitinya dalam apa cara sekalipun. Keadilan akan sentiasa ditegakkan sama ada terhadap diri sendiri, masyarakat dan juga alam sekeliling. Prinsip ukhuwwah ini akan memastikan unsur-unsur eksploitasi, penindasan, pemerasan dan penyelewengan tidak berlaku dalam masyarakat¹⁰¹.

Selain itu, setiap individu bertanggungjawab terhadap setiap tindakannya. Oleh itu, individu diingatkan untuk tidak bertindak di luar batasan nilai moral dan etika hanya untuk memenuhi keperluan sendiri. Setiap individu terutamanya Muslim perlu mengambil berat tentang orang lain dalam melakukan setiap tindakan. Tanggungjawab tersebut tidak boleh dipindahkan kepada orang lain kerana setiap orang akan diberikan balasan berdasarkan apa yang dilakukannya.

Firman Allah

¹⁰¹ Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, edisi ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.30.



Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya.

(al-Muddathir 74:38)

Melalui ayat ini dapat difahami bahawa setiap sesuatu yang dilakukan sama ada yang baik atau yang buruk tidak akan terlepas dari mendapat balasan yang sepatutnya. Sekiranya kejahatan yang dilakukan hanya sebesar zarah, ianya tetap akan diperhitungkan oleh Allah s.w.t di hari akhirat nanti, begitu juga sebaliknya jika membuat kebaikan walaupun sehalus debu, yang pasti ianya tetap akan dinilai oleh Allah s.w.t. Oleh itu setiap individu harus berlumba-lumba dalam membuat kebaikan dan mengelakkan dari melakukan kejahatan kerana setiap amalan dan tindakan akan dipersoalkan kelak.

2.2 Perbandingan teori CSR

Ekonomi konvensional mengutarakan istilah ‘tanggungjawab’ dalam menerangkan mengenai CSR. Konsep tanggungjawab ini sememangnya telah dibincangkan dalam ekonomi Islam yang menyatakan bahawa setiap individu memiliki tanggungjawab masing-masing sama ada terhadap diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat. Setiap orang akan dipersoalkan mengenai tanggungjawab tersebut.

Namun begitu, CSR dalam ekonomi konvensional hanya diterima apabila ianya tidak bercanggah dengan prestasi kewangan syarikat. Dalam erti kata yang lain, CSR hanya diterima jika ianya tidak membebankan syarikat. Hal ini berbeza

dengan ekonomi Islam yang telah menjadikan CSR sebagai satu bentuk obligasi dalam menjalankan operasi syarikat. Syarikat korporat Islam akan memastikan aktiviti perniagaan yang dilakukan dapat memberi kebajikan kepada masyarakat. Contoh paling mudah dapat dilihat apabila syarikat korporat Islam akan mengeluarkan zakat perniagaan 2.5% dari jumlah keuntungan. Ini menunjukkan CSR bukan merupakan bebanan kepada syarikat tetapi merupakan interpretasi terhadap perkembangan dan pertumbuhan syarikat.

Selain itu, CSR dalam perspektif ekonomi konvensional dinilai berdasarkan pandangan mata kasar manusia. Jika masyarakat mengatakan CSR itu baik, maka ianya akan diterima dan dilaksanakan dalam operasi syarikat. Sebaliknya, jika masyarakat menganggap CSR itu membebankan dan merugikan, maka syarikat-syarikat perniagaan tidak akan melaksanakan CSR dalam operasi syarikat. Ini dapat dilihat pada zaman Henry Ford dan juga William Clay Ford Jr. Pandangan masyarakat dalam kedua-dua zaman tersebut menentukan sama ada CSR boleh dilaksanakan ataupun tidak. Pandangan manusia dalam ekonomi konvensional tersebut memberi kesan terhadap pelaksanaan CSR. CSR menurut perspektif ekonomi Islam pula tidak hanya berdasarkan pandangan manusia sebaliknya ia merupakan perintah Allah s.w.t melalui wahyunya sama ada al-Quran ataupun al-Sunnah. Allah sebagai pencipta sekalian makhluk menghendaki supaya manusia hidup saling bantu membantu dan bekerjasama bagi memakmurkan muka bumi ini. Banyak ayat dalam al-Quran sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini mengajak manusia supaya berbuat baik sesama manusia dan tidak menzalimi antara satu sama lain. Manusia sebagai makhluk

ciptaannya perlu tunduk dan patuh pada perintahnya dan meninggalkan larangannya dalam apa jua keadaan sekali pun. Oleh sebab itu, syarikat korporat Islam melaksanakan CSR ini atas tiket ianya merupakan suruhan dari Allah s.w.t sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah dan bukannya disebabkan oleh pandangan mata kasar manusia sahaja.

Selain itu, ekonomi konvensional menggariskan empat peringkat tanggungjawab dalam melaksanakan CSR ini iaitu tanggungjawab ekonomi, undang-undang, etika dan filantropi. Syarikat akan menjalankan tanggungjawab ekonominya dengan menyediakan barang dan perkhidmatan kepada masyarakat kerana ia merupakan tugas asal sesebuah syarikat perniagaan. Dalam masa yang sama, syarikat perlu mematuhi undang-undang sebagai satu bentuk peraturan sosial. Tanggungjawab ketiga ialah etika yang memerlukan syarikat mengawal tingkah lakunya dalam erti kata melakukan perkara yang betul, adil dan saksama di samping mengelakkan kemudarat dalam penghasilan produk perniagaan mereka. Tanggungjawab filantropi pula menghendaki supaya syarikat bertindak sebagai warganegara yang baik dengan menyediakan keperluan yang diinginkan oleh masyarakat. Keempat-keempat peringkat ini menjadi asas kepada syarikat korporat melaksanakan CSR. Ekonomi Islam sebaliknya telah memfokuskan kepada beberapa elemen yang wujud dalam Islam sebagai pendorong kepada syarikat korporat Islam melaksanakan tanggungjawabnya. Elemen-elemen tersebut merangkumi taqwa, tauhid, ukhuwwah dan *al-'adl*, serta *fardh*. Elemen taqwa menunjukkan kepatuhan manusia terhadap segala perintah dan larangan Allah. Syarikat korporat perlu memastikan setiap aktiviti yang dijalankan tidak

bercanggah dengan kehendak syarak. Elemen tauhid pula menyediakan satu arah tuju kepada manusia dalam mematuhi syariah Islamiyyah. Tauhid rububiyyah merupakan penyaksian hanya Allah s.w.t Tuhan yang menciptakan alam ini. Tauhid uluhiiyyah pula merupakan satu iktikad hanya Allah s.w.t yang layak disembah. Kedua-dua tauhid ini merupakan ukuran dalam menentukan keimanan seseorang, kerana keimanan kepada Allah s.w.t perlu seimbang antara pengabdian dan ibadat terhadapnya. Elemen *ukhuwwah* dan *al-adl* pula menekankan bahawa ahli masyarakat harus mengambil berat mengenai keperluan setiap entiti yang wujud dalam masyarakat sama ada yang kaya atau yang miskin. Kerana setiap individu telah melafazkan kalimah syahadah adalah bersaudara tanpa mengira pangkat, darjah, keturunan, warna kulit dan sebagainya. Elemen yang terakhir ialah *fardh*. Elemen ini menyaksikan bahawa setiap individu dalam Islam bertanggungjawab terhadap setiap tindakannya sama ada kecil ataupun besar. Individu tidak boleh bertindak di luar batasan etika hanya semata-mata untuk memenuhi keperluan diri sendiri sahaja. Keperluan masyarakat perlu diambil kira dalam memenuhi keperluan hidup sendiri.

Secara umumnya, konsep CSR dalam ekonomi konvensional tidak bercanggah dengan ajaran Islam kerana Islam sentiasa menekankan aspek kebijakan ummah dalam menjalankan setiap aktiviti kehidupan. Setiap aktiviti yang dilakukan untuk tujuan kebaikan dan kebijakan amatlah digalakkan dalam Islam.

2.3 Pelaksanaan CSR

Organisasi perniagaan sememangnya diakui memainkan peranan yang penting dalam ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat sejak berkurun lagi. Oleh itu tidak hairanlah jika operasi perniagaan ini begitu ditekankan dan digalakkan dalam Islam. Malah telah disebutkan juga bahawa 9/10 dari rezeki yang diperolehi adalah datangnya dari hasil perniagaan sebagaimana yang disebut oleh Imam Al-Ghazali dalam kitabnya yang termasyur, *Ihya' 'Ulumuddin*¹⁰². Dalam Islam, aktiviti perniagaan ini telah dianggap sebagai satu tanggungjawab yang perlu dipenuhi¹⁰³. CSR sebagaimana yang diketahui merupakan satu obligasi atau tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh organisasi bagi memelihara dan menyumbang kepada masyarakat sebagaimana sepatutnya perlu dilaksanakan oleh sektor korporat. Oleh itu, pelaksanaan CSR ini dilihat begitu penting bagi organisasi perniagaan Islam.

Dalam pandangan Islam, terdapat satu rangka kerja dalam melaksanakan CSR bagi organisasi korporat Islam. Badan korporat Islam seharusnya melaksanakan tanggungjawab mereka berdasarkan obligasi dari ajaran Syariah yang boleh dilihat sebagai tanggungjawab wajib (*compulsary responsibility*), dan tanggungjawab sunat (*recommendable responsibility*). Dalam tanggungjawab wajib, terdapat dua perkara yang perlu diberi perhatian oleh syarikat korporat Islam iaitu perkara yang wajib dilakukan dan perkara yang wajib dielakkan daripada dilakukan.

¹⁰²Abū Ḥāmid Muhammad b. Muhammad al-Ghazālī (2001), *Kitāb Adāb al-Kasb wa al-Ma'āsy*, *Ihya' 'Ulumuddin*, Jilid 2, Beirut: Dār al-Kutub Al-Ilmiyyah, h. 59.

¹⁰³Rusnah Muhamad (2007), *op.cit.*

Antara perkara yang wajib dilakukan oleh syarikat korporat Islam ialah membayar zakat perniagaan pada kadar 2.5% daripada keuntungan syarikat. Zakat dianggap sebagai tanggungjawab wajib yang perlu bagi setiap syarikat korporat kerana ianya merupakan sebahagian daripada rukun Islam yang lima dalam Islam. Di samping kalimah *shahadah*, solat, puasa dan juga haji. Setiap Muslim mesti mematuhi rukun Islam ini untuk menjadi Muslim yang baik serta untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Di samping melakukan perkara wajib, syarikat korporat Islam mesti mengelakkan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam seperti judi, arak, dadah, jual beli tembakau atau rokok termasuk juga terlibat dengan perkara-perkara yang syubhah sama ada komoditi (barang dagangan), perkhidmatan dan juga amalan moral individu. Oleh itu, setiap operasi perniagaan syarikat korporat Islam mestilah mematuhi syarak dan mengikut landasan yang ditetapkan oleh Syariah. Di samping itu, syarikat korporat juga amat digalakkan untuk melakukan tanggungjawab sunat seperti memberi sedekah, membantu orang yang memerlukan, menganjurkan program-program amal dan sebagainya. Setiap perkara yang dianggap sebagai aktiviti CSR pada pandangan konvensional merupakan tanggungjawab yang dituntut bagi syarikat korporat Islam selagi mana ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Selain itu, bagi bank Islam, penawaran produk berdasarkan prinsip Qard al-Hasan juga boleh dianggap sebagai telah melaksanakan tanggungjawab sosial mengikut pandangan sesetengah ulama. Monzer Kahf¹⁰⁴ menyatakan bahawa terdapat pelbagai bentuk manifestasi CSR oleh bank-bank Islam. Antaranya ialah,

¹⁰⁴Monzer Kahf *et.al* (1998), *op.cit.*

amalan menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada pelanggan dalam kes-kes tertentu yang amat mendesak ataupun di dalam situasi tidak dijangka yang diperkenalkan oleh kebanyakan bank Islam. Selain itu, penubuhan dana sosial oleh bank Islam digunakan khusus untuk mengurangkan beban ekonomi orang fakir dan miskin. Dana ini kebiasaannya dibiayai oleh wang zakat dari ekuiti pemegang saham dan juga dari pelaburan pendeposit yang telah memberi kebenaran kepada pengurusan bank untuk digunakan dan diagihkan sebagai zakat setiap tahun¹⁰⁵.

Bagi menjaga kebajikan para pekerjanya, kebanyakan bank Islam juga telah melaksanakan amalan lindungan insuran kesihatan yang merangkumi perlindungan kepada para pekerja dan ahli keluarganya serta kepada ibu bapa dan anak-anak perempuan sama ada yang belum berkahwin atau sudah bercerai tanpa ditetapkan had umur tertentu. Amalan tersebut didorong oleh konsep-konsep Islam yang mendahulukan setiap pendapatan yang diperolehi kepada ibu bapa dan juga wanita dalam sesebuah keluarga tersebut. Di samping itu, bank Islam juga turut menyediakan pinjaman berdasarkan Qard al-hasan kepada pekerja-pekerja¹⁰⁶.

Sumbangan dalam penyelidikan dan pembangunan komuniti turut menjadi agenda kebanyakan bank Islam dalam melaksanakan tanggungjawab sosialnya. Sebagaimana yang diketahui, bank-bank Islam turut berinteraksi dan melakukan transaksi dalam persekitaran perbankan konvensional dan sering mempunyai hubungan dengan bank-bank tersebut. Oleh itu, perbankan Islam ini sentiasa mengumpulkan baki kadar faedah di dalam akaun mereka dan sebagaimana yang

¹⁰⁵*Ibid.*

¹⁰⁶*Ibid.*

sedia maklum, kadar faedah yang diperolehi tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan dan ianya harus diagihkan kepada fakir miskin¹⁰⁷. Dengan itu, setiap kadar faedah yang diterima oleh perbankan Islam akan digunakan untuk membantu orang miskin dengan cara yang tidak akan memberikan faedah berbalik kepada pihak bank. Sebagai contoh, memberi sumbangan wang ringgit, pakaian, pendidikan dan sebagainya kepada orang yang memerlukan.

Amalan para sahabat Rasulullah s.a.w juga boleh dijadikan contoh dalam melaksanakan CSR. Para sahabat Nabi tidak lokek dalam membelanjakan harta yang dimiliki ke jalan Allah s.w.t. Sejarah banyak menceritakan kisah para sahabat yang sentiasa berlumba-lumba dalam membuat kebajikan contohnya seperti bersedekah, memberi makan kepada orang ramai, menyediakan pakaian dan sebagainya. Contohnya dalam satu kisah yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a. Satu ketika Rasulullah s.a.w membuat pengumuman “Siapakah yang akan membeli telaga *Rummah* ini dan menyedekahkannya untuk kegunaan umat Islam? Allah akan menghilangkan dahaganya pada hari kiamat nanti”. Sayyidina Uthman r.a lantas membeli telaga tersebut dan mendermakkannya untuk kegunaan orang Islam. Kisah ini terjadi apabila kaum Muhajirin tiba di Madinah dan mengalami kesukaran mendapatkan air. Air hanya dapat diperolehi dari sebuah telaga yang dipanggil *Rummah* yang dimiliki oleh seorang lelaki dari puak Ghiffar. Lelaki tersebut meletakkan harga bagi sesiapa yang ingin mengambil air dari telaga tersebut. Rasulullah s.a.w pernah berkata kepadanya “Jualkan telaga itu kepadaku sebagai tukaran kepada sebuah mata air di syurga”. Lelaki itu berkata kepada Rasulullah s.a.w “Wahai Rasulullah s.a.w, aku tiada pendapatan yang lain

¹⁰⁷Ibid.

melainkan telaga ini untuk aku menyara keluargaku. Atas sebab itu aku tidak dapat menjual telaga ini”. Ketika berita ini sampai ke pengetahuan Sayyidina Uthman r.a, beliau membeli telaga itu dari lelaki tersebut dengan harga 35000 dirham. Beliau kemudian pergi menemui Rasulullah s.a.w dan berkata “Wahai Rasulullah s.a.w, jika aku beli telaga itu, bolehkah engkau menjanjikan mata air yang sama sebagaimana engkau janjikan kepada lelaki itu? “Sudah tentu”, balas Rasulullah s.a.w. Sayyidina Uthman r.a kemudian berkata “Aku telah pun membeli telaga tersebut dan aku sedekahkannya untuk kegunaan orang ramai”¹⁰⁸.

Dalam kisah yang lain Sulaiman bin Rabi’ah menceritakan kisahnya ketika beliau pergi menunaikan haji bersama-sama dengan Muntasir bin Harith dan sekumpulan golongan Quraa dari Basrah semasa zaman pemerintahan Muawiyah. Mereka ini bertekad untuk berjumpa sahabat yang masih hidup yang dapat meriwayatkan hadis-hadis dari Rasulullah s.a.w. Setelah puas bertanya akhirnya mereka diberitakan bahawa Abdullah bin Amr berada di satu kawasan di kota Mekah. Maka mereka pun pergi untuk berjumpa dengan sahabat tersebut. Semasa dalam perjalanan untuk bertemu mereka berjumpa dengan deretan besar tiga ratus ekor unta. Seratus unta tidak membawa sebarang muatan manakala dua ratus unta yang lain penuh sarat dengan pelbagai barang. Unta-unta tersebut dimiliki oleh Abdullah bin Amr. Sulaiman bin Rabi’ah dan sahabat-sahabatnya terkejut dengan kenyataan tersebut lalu bertanya “Adakah semua unta ini milik Abdullah bin Amr? Kami diberitahu beliau merupakan orang yang sangat sederhana, jadi kenapa beliau memerlukan semua ini?”. Penduduk di situ

¹⁰⁸ Muhammad Yusuf al-Kandahlawi (2006), *Lives of The Sahabah*, vol.2, 2nd. Edition, Karachi: Zam Zam Publishers, hh. 209-210.

lantas memberitahu ke semua barang dan unta tersebut bukan untuk tujuan peribadi Abdullah bin Amr sebaliknya disediakan untuk orang lain. Seratus ekor unta digunakan untuk membawa saudara-saudaranya dan dua ratus ekor unta yang sarat dengan muatan pula sebagai bekalan untuk diserahkan kepada tetamu-tetamu dan orang ramai dari pelbagai tempat yang beliau lawati. Sulaiman bin Rabi'ah dan sahabat-sahabatnya merasa terkejut dan kagum dengan tindakan Abdullah bin Amr itu. Mereka diingatkan tidak perlu merasa kagum kerana sebagai orang kaya Abdullah bin Amr merasakan sudah menjadi tanggungjawabnya untuk menyediakan keperluan dan peruntukan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan orang yang datang berjumpa dengannya¹⁰⁹.

Kedua-dua kisah yang dinukilkan ini menunjukkan sifat CSR para sahabat Nabi s.a.w yang tidak menghiraukan berapa banyak harta yang perlu dikeluarkan asalkan ianya dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat pada ketika itu. Segala yang dilakukan hanya bertujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. Selain dari kisah yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa kisah lain yang dapat dijadikan panduan dan contoh dalam melaksanakan CSR. Antaranya ialah kisah Abu Bakar r.a yang pernah menyerahkan hartanya kepada Rasulullah s.a.w sebagai sedekah secara rahsia. Beliau berkata “Wahai Rasulullah s.a.w, ini adalah sedekahku dan aku akan memberinya lagi apabila diperlukan kerana Allah Taala”¹¹⁰. Sesungguhnya Allah s.w.t lebih menyukai sedekah orang yang menyembunyikan sedekahnya dari orang yang menzahirkan sedekah kerana keikhlasan dalam melakukan sesuatu sangat dituntut dalam Islam.

¹⁰⁹Ibid. hh.217-218.

¹¹⁰Ibid. h. 209.

Selain Abu Bakar r.a, Abdul Rahman Bin Auf r.a juga merupakan seorang sahabat yang sangat pemurah. Beliau merupakan antara peniaga Muslim yang berjaya memecahkan monopoli peniaga-peniaga Yahudi di pasar Madinah pada ketika itu. Walaupun beliau seorang merupakan seorang peniaga yang berjaya dan kaya, Abdul Rahman Bin Auf r.a tidak lupa memberi sedekah dan membelanjakan hartanya kepada golongan yang memerlukan. Sejarah telah mencatatkan bahawa beliau pernah menyumbangkan separuh dari hartanya iaitu sebanyak 4000 dirham sebagai sedekah. Kemudian beliau mendermakan lagi hartanya sebanyak 40000 dinar dan 40000 dirham yang kesemuanya digunakan untuk kegunaan masyarakat Islam ketika itu¹¹¹.

2.4 Implementasi CSR di beberapa negara terpilih

2.4.1 Malaysia

Krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia Timur pada pertengahan tahun 1997 turut memberi kesan kepada ekonomi Malaysia yang menyebabkan aliran keluar modal asing secara besar-besaran dari pasaran kewangan tempatan. Krisis kewangan ini memberi kesan kepada kebijakan masyarakat di dalam negara yang secara tidak langsung memberi kesan kepada prestasi kewangan sektor korporat di mana berlakunya kemerosotan dalam permintaan negara. Ekonomi yang lembap telah mengurangkan permintaan dalam negara ekoran daripada kecenderungan berbelanja masyarakat berkurangan.

Masalah yang melanda sektor korporat pada masa ini melibatkan isu pentadbiran korporat yang berkait dengan aspek kebertanggungjawaban sektor

¹¹¹ *Ibid.* h. 210.

korporat, ketelusan, tanggungjawab sosial serta ketidakcekapan pengurusan korporat. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pentadbiran Korporat Malaysia (JPK-PKM) telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menangani isu-isu pentadbiran korporat dan perkara lain yang berkaitan dengan permasalahan syarikat di Malaysia¹¹². Dalam hal ini, isu mengenai tanggungjawab sosial dipandang remeh dan berada pada hieraki paling bawah dalam perbincangan mengenai pentadbiran korporat. Dua faktor penting mengapa isu ini tidak begitu diberi perhatian dan dipandang remeh ialah yang pertama, masalah ekonomi yang mengalami kadar penurunan yang nyata dan kedua syarikat korporat lebih berminat untuk menumpukan usaha mereka dalam mengatasi masalah kewangan masing-masing¹¹³.

Isu tanggungjawab sosial di Malaysia merujuk kepada masalah yang dibawa oleh aktiviti dan pengoperasian korporat sama ada berbentuk pencemaran alam sekitar, hakisan tanah, kepupusan hidupan laut, kebajikan pekerja, hak pengguna atau keracunan makanan. Isu-isu ini bersifat kontemporari dan sering berubah mengikut keadaan dan masa. Dalam konteks Malaysia, tanggungjawab sosial masih lagi bergantung kepada pihak kerajaan melalui agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Yayasan Pembasmian Kemiskinan, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya. Selain itu, badan-badan bukan kerajaan seperti Yayasan Salam Malaysia, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia,

¹¹²Abdul Manaf Bohari & Nik Mutasim Abdul Rahman (2001), *op.cit.*

¹¹³*Ibid.*

Persatuan Pengguna dan lain-lain lagi turut aktif menjalankan aktiviti membela kebajikan sosial masyarakat¹¹⁴.

Pelaksanaan program pembangunan sosial di Malaysia masih menjadi tanggungjawab kerajaan dan peruntukan kewangan kerajaan ditumpukan kepada tiga komponen penting iaitu perumahan, kesihatan dan perkhidmatan sosial. Sebanyak RM74,954 juta¹¹⁵ diperuntukan untuk program pembangunan sosial di Malaysia bagi sepanjang tempoh RMK-9. Oleh itu, sektor korporat perlu turut sama memainkan peranan dalam membangunkan masyarakat yang mampan. Penyertaan sektor korporat dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan kerajaan, dan juga merupakan satu tanggungjawab yang murni memandangkan aktiviti perniagaan sektor korporat ini banyak bergantung kepada sumbangan oleh masyarakat¹¹⁶.

Dalam ucapan bajet 2009 yang disampaikan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Kelima, kerajaan menyediakan satu geran sepadan satu ringgit bagi setiap satu ringgit yang dibelanjakan oleh sektor swasta untuk program-program CSR. Selain itu, potongan cukai diberikan kepada sumbangan syarikat bagi projek komuniti dalam bidang pendidikan, kesihatan, perumahan, infrastruktur serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Di samping itu, skop projek komuniti yang layak mendapat potongan cukai diperluaskan kepada projek berkaitan peningkatan pendapatan golongan miskin serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Had potongan cukai juga ditingkatkan daripada 7% kepada 10%

¹¹⁴*Ibid.*

¹¹⁵“Rancangan Malaysia Ke-Sembilan 2006-2010,”
<http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Peruntukan1.pdf>, 16 Jun 2009.

¹¹⁶Abdul Manaf Bohari & Nik Mutasim Abdul Rahman (2001), *op.cit.* h. 128.

daripada pendapatan bagi syarikat yang menyumbang kepada badan-badan amal di seluruh negara¹¹⁷. Berbanding ucapan beliau dalam ucapan bajet tahun 2008, kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat oleh semua syarikat swasta, terutamanya syarikat awam tersenarai (PLC)¹¹⁸.

Melalui CSR, syarikat yang terlibat akan menikmati manfaat daripada usaha tersebut dalam jangka masa yang panjang di samping dapat memberi sumbangan ke arah kesejahteraan masyarakat. Selain itu turut dinyatakan bahawa, semua syarikat PLC perlu menzahirkan aktiviti CSR sebagai sebahagian daripada laporan kewangan tahunan syarikat dari segi menyediakan peluang perniagaan kepada pengusaha tempatan, termasuk pemberian kontrak kepada bumiputera, komposisi guna tenaga syarikat berdasarkan kaum, pembangunan modal insan, serta sumbangan kepada kesejahteraan rakyat terutamanya terhadap golongan kurang bernasib baik¹¹⁹. Berdasarkan ucapan-ucapan bajet ini, dapat dilihat bahawa kerajaan amat menggalakkan sektor swasta terlibat dengan pelaksanaan CSR dengan menyediakan pelbagai insentif kepada syarikat korporat yang terbabit.

Selain itu kerajaan telah menubuahkan satu dana yang berjumlah RM50 juta untuk membiayai bersama projek-projek CSR yang wajar diberi bantuan pembiayaan kerajaan. Dalam ucapan bajet ini juga, kerajaan memutuskan untuk memberikan potongan cukai kepada syarikat swasta yang kerap menyediakan

¹¹⁷“Ucapan bajet 2009”, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub09.pdf>, 16 Jun 2009.

¹¹⁸“Ucapan Bajet Tahun 2008”,

http://www.pmo.gov.my/WebnotesApp/abdullah.nsf/hr_PMKiniSemasaNew/, 11 Julai 2009

¹¹⁹“Ucapan Bajet 2007”, <http://www.epu.jpm.my/bajet/bmbajet2007.pdf>, 22 Julai 2009

kemudahan awam untuk faedah masyarakat setempat¹²⁰. Jumlah dana ini semakin meningkat sebagaimana diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke enam, Dato' Seri Najib Tun Razak dalam ucapan bajet 2010 yang dibentangkan oleh pada 23 September 2009. Dalam ucapan bajet 2010 ini, beliau telah mengumumkan bahawa satu dana CSR akan ditubuhkan dengan jumlah tabungan terbesar adalah sebanyak RM 100 juta sebagai permulaan untuk membiayai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan¹²¹.

Selain daripada memberikan bantuan kepada golongan miskin, mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi turut menggalakkan sektor swasta meningkatkan tanggungjawab sosial korporat termasuk sentiasa membantu golongan kurang upaya dan yang memerlukan¹²². Menurut beliau, golongan kurang upaya tetapi berkemampuan dan berkebolehan dalam bidang tertentu juga perlu diberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan. Keadaan ini adalah selaras dengan objektif umum Dasar Sosial Negara iaitu menjamin setiap individu, keluarga dan komuniti tanpa mengira kumpulan etnik, agama budaya, gender dan fahaman politik serta wilayah dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan¹²³.

Kerajaan Malaysia juga telah menaikkan had potongan cukai terhadap sumbangan sektor korporat kepada organisasi kebajikan daripada 5% kepada 7%

¹²⁰“Ucapan Bajet Tahun 2008”, http://www.pmo.gov.my/WebnotesApp/abdullah.nsf/hr_PMKiniSemasaNew/, 11 Julai 2009.

¹²¹“Ucapan bajet 2010”, www.lawnet.com.my/lawnetpublic/2010Bajet.pdf, 9 Mei 2010.

¹²²“PM Mahu Swasta Tingkat Tanggungjawab Sosial”, http://www.anugerahCSRMalaysia.org/2007/11/20/pm_mahu_swasta_tingkat_tanggungjawab_sosial/, 11 Julai 2009.

¹²³“Dasar Sosial Negara”, <http://pmr.penerangan.gov.my/page.cfm?name=sosial>, 11 Julai 2009.

berasaskan pendapatan agregat. Had potongan ini dinaikkan dengan mengambil kira sumbangan positif syarikat korporat melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat. Pelepasan cukai ini dilihat dapat menggalakkan lebih ramai pembabitan pihak swasta dalam program-program CSR. Ini kerana dari aspek percukaian, hanya perbelanjaan yang menepati garis panduan peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta) saja yang layak mendapat pelepasan. Secara amnya, perbelanjaan berkenaan harus menghasilkan pendapatan bagi syarikat. Pelepasan yang diberikan pula adalah berbentuk tolakkan perbelanjaan dalam pengiraan jumlah cukai yang perlu dibayar oleh syarikat. Dan perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat korporat bagi membiayai program CSR selalunya tidak mendatangkan pendapatan kepada syarikat¹²⁴. Berdasarkan ini, jenis perbelanjaan tersebut tidak akan mendapat pelepasan cukai malahan syarikat terpaksa membayar cukai kepada kerajaan¹²⁵. Situasi ini menyebabkan pihak swasta tidak berminat untuk membiayai program tanggungjawab sosial. Antara aktiviti yang digalakkan di bawah CSR adalah melaksanakan program sekolah angkat dan institusi kebajikan angkat¹²⁶. Syarikat-syarikat korporat menyambut baik seruan kerajaan ini dan terus terlibat dan menyumbang dalam aktiviti seperti pendidikan, sukan, pembangunan komuniti dan alam sekitar. Ini dapat dilihat apabila Khazanah Nasional dan beberapa GLC telah merintis program PINTAR (menggalakkan kepintaran, memupuk bakat dan mendukung tanggungjawab)

¹²⁴“Insentif Cukai Galak Swasta Laksana Misi Sosial”, <http://iss2.etax.com.my/visitors/budgetHighlight.nsf/c3517afc4934105d482571ca000b210d/7b243909de1237f5482571d9000f61ac?OpenDocument>, 22 Julai 2009

¹²⁵*Ibid.*

¹²⁶“Laporan Ekonomi 2007/2008”, http://www.treasury.gov.my/view.php?dbIndex=0&website_id=1&id=2682, 22 Julai 2009.

yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar di kawasan luar bandar terutamanya di kalangan bumiputera.

Antara usaha terbaru yang dilakukan oleh kerajaan dalam menjaga kebijakan sosial masyarakat ialah melalui Skim Rumah Pertamaku. Skim yang baru diumumkan oleh kerajaan dalam bajet 2011 merupakan satu usaha yang dilakukan untuk membantu golongan muda yang baru bekerja bagi memiliki rumah. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Pelaksanaan skim ini juga merupakan antara program CSR yang dijalankan oleh bank-bank yang mengambil bahagian. Antaranya ialah CIMB Bank Berhad, Affin Bank Berhad, Allience Bank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia, Maybank Berhad¹²⁷ dan lain-lain.

Usaha yang dilakukan ini menunjukkan komitmen yang tinggi oleh kerajaan Malaysia dalam menggalakkan pelaksanaan CSR ini. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dalam membiayai aktiviti berbentuk kebijakan sosial di samping pelbagai bentuk aktiviti-aktiviti sosial yang dirancang dan dijalankan oleh kerajaan.

¹²⁷“ Skim Rumah Pertamaku”, <http://www.srp.com.my/index.html>, akses pada 10 Mei 2011.

2.4.2 United Kingdom (UK)

Pelaksanaan CSR di negara Britain ini telah bermula sejak beberapa abad yang lampau. Ketika itu, perhambaan yang dimulakan oleh orang-orang Portugis terhadap bangsa Afrika merupakan perkara yang biasa dalam kehidupan sehari-hari masyarakatnya. Ditambah pula dengan perdagangan yang mengabaikan kebijakan dan tanggungjawab sosial oleh Sir John Hawkins di negara England menjadikan isu perhambaan dan layanan terhadap hamba Afrika sebagai satu isu sosial yang besar bagi Great Britain pada tahun 1760. Pada tahun 1780, Sir William Wilberforce dan dua orang rakannya (*parliamentary colleagues*) Thomas Clarkson dan Granville Sharp telah menubuhkan satu kumpulan aktivis sosial iaitu '*The Abolitionists*'. Kumpulan aktivis ini mengadakan kempen-kempen secara aman selama 35 tahun yang menuntut supaya perhambaan ini dihapuskan¹²⁸. Akhirnya pada 25 Mac 1807 satu akta berkaitan perhambaan iaitu '*The Abolition of Slave Trade Act*' telah diluluskan. Akta ini telah menetapkan bahawa pemerdagangan hamba tidak lagi dibenarkan di negara Britain. Akta ini juga boleh dianggap sebagai satu mandat yang dapat memaksa setiap entiti korporat di Britain termasuklah institusi gereja untuk menjalankan tanggungjawab sosial yang berkaitan dengan perdagangan manusia dan juga segala aktiviti yang berkaitan dengannya.

Semasa zaman revolusi industri yang tercetus di Britain pada 1750-1830, terdapat sebilangan kecil ahli industri dan usahawan-usahawan yang secara tidak langsung telah mengamalkan beberapa aspek tanggungjawab sosial sebagaimana

¹²⁸Samuel O.Idowu & Walter Leal Filho (2009), *Global Practices of CSR*, Berlin: Springer, hh. 11-13.

yang dipraktiskan pada zaman sekarang ini. Sebagai contoh, seorang usahawan bernama Richard Arkwright telah mengiktiraf kedudukan pekerja-pekerjanya sebagai satu aset yang perlu diberi layanan yang sepatutnya bagi mendapatkan prestasi yang baik dari mereka. Arkwright juga merupakan usahawan pertama yang menyediakan rumah-rumah kos rendah kepada pekerja-pekerjanya berdekatan dengan kilangnya di Derby pada 1775. Selain Arkwright, terdapat banyak lagi contoh usahawan-usahawan pada zaman itu yang menjalankan tanggungjawab mereka sama ada untuk kebajikan para pekerja, ataupun memelihara alam sekitar.

Terdapat beberapa organisasi yang berperanan dalam mempromosikan CSR di UK dan juga ke seluruh pelosok dunia. Organisasi-organisasi ini juga telah memainkan peranan yang signifikan dalam mengalakkan amalan CSR yang baik di UK. Antaranya ialah *Business in the Community* (BitC) yang merupakan satu gerakan yang terdiri daripada 700 buah syarikat. Ianya ditubuhkan pada 1982 oleh Tom King, setiausaha kerajaan bahagian alam sekitar dari kerajaan konservatif pada masa itu bagi mengatasi masalah kadar pengangguran yang tinggi dan rusuhan bandar yang berlaku pada ketika itu. Penubuhan BitC ini merupakan satu percubaan untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam menyelesaikan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat pada ketika itu. Semenjak itu, organisasi ini berterusan memainkan peranannya dalam mempromosikan CSR sama ada di dalam UK atau mahupun ke negara-negara luar¹²⁹.

¹²⁹Ibid., hh. 16-17.

Selain dari BitC, *FTSE4Good Indices* diwujudkan bagi menggalakkan penyertaan swasta dalam CSR. *FTSE4Good Index Series* merupakan satu set penanda aras dan indek-indek yang boleh diperdagangkan di London Stock Exchange. Indek-indek tersebut boleh digunakan untuk pelaburan, penyelidikan, rujukan, dan juga penanda aras. Indek-indek ini mempunyai persamaan dengan Indeks Kemampanan Dow Jones (*Dow Jones Sustainability Index*) di New York. Indek-indek ini dilancarkan pada 2001 dengan matlamat utamanya adalah untuk memenuhi keperluan maklumat para pelabur yang bertanggungjawab sosial yang berhasrat untuk melabur di dalam syarikat yang menunjukkan standard yang baik dalam tanggungjawab korporat di samping secara aktif menggalakkan syarikat-syarikat untuk lebih bertanggungjawab sosial. Para pelabur ini juga berhasrat untuk meminimumkan risiko sosial, etika dan persekitaran dalam portfolio mereka. Pelabur juga akan berusaha untuk mengelak dari melabur ke dalam sektor pelaburan yang secara tradisionalnya tidak bertanggungjawab sosial seperti tembakau, pertahanan dan juga kuasa nuklear¹³⁰.

Selain itu, sebuah badan perakaunan profesional UK iaitu *The Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) telah melancarkan satu anugerah yang dikenali sebagai *ACCA Sustainability Reporting Award* pada 1990 yang bertujuan untuk menyediakan dan mempromosikan ketelusan yang lebih nyata dalam melaporkan kesan sosial dan persekitaran sesebuah organisasi. Objektif anugerah ini adalah untuk mengenalpasti dan memberi ganjaran kepada usaha-usaha inovatif dalam menghubungkan prestasi korporat tetapi bukan pada prestasi itu sendiri. Anugerah ini berfungsi di lebih 20 buah negara di Eropah,

¹³⁰Ibid., h. 17.

Afrika, Amerika Utara, dan juga Asia. Dan syarikat-syarikat dari negara seperti Hong Kong, UK, Ireland, Singapura, Australia, Malaysia, USA dan beberapa buah negara yang lain dilihat telah memperolehi manfaat dengan memenangi anugerah tersebut¹³¹.

2.4.3 India

Corporate citizenship (merakyatkan korporat) mungkin merupakan satu terma yang baru pada sesetengah individu, namun ianya bukan merupakan satu konsep yang baru ataupun sesuatu yang asing kepada negara-negara membangun. Konsep ini telah lama dibangunkan melalui terma CSR, CSER (*Corporate Social and Environment Responsibility*), dan CR (*Corporate Responsibility*). Konsep ini telah berkembang ke seluruh dunia sejak ianya mula diperbincangkan.

Pada 1965, Perdana Menteri India pada masa itu telah mempengerusikan satu mesyuarat kebangsaan yang kemudiannya telah mengeluarkan deklarasi berkaitan dengan tanggungjawab sosial bagi organisasi perniagaan¹³². Antara ucapan yang dipetik dari beliau ialah

“Sesebuah perniagaan mempunyai tanggungjawab terhadap dirinya sendiri, kepada para pelanggannya, pekerja-pekerja, pemegang-pemegang saham dan masyarakat setempat...setiap perusahaan tidak kira sama ada besar ataupun kecil, mesti, sekiranya ingin mendapatkan keyakinan dan rasa hormat, melaksanakan tanggungjawabnya secara aktif dalam segenap arah...dan tidak hanya tertumpu kepada satu atau dua kumpulan sahaja, seperti pemegang saham ataupun pekerja, bahkan harus meliputi

¹³¹Ibid., hh.17-18.

¹³²Centre for Social Markets (2001), “Corporate Social Responsibility: Perceptions of Indian Business”, http://www.csmworld.org/public/pdf/social_respons.pdf, 15 Jun 2009.

masyarakat dan pengguna. Sesebuah perniagaan haruslah adil dan berperikemanusiaan, di samping efisyen dan juga dinamik".¹³³

Berdasarkan ucapan ini, kerajaan India dilihat begitu komited dalam menggalakkan organisasi korporat melaksanakan CSR sehingga membawa kepada lahirnya satu deklarasi berkaitan CSR ini di India.

Selain itu, satu tinjauan telah dilakukan oleh *Centre of Social Markets* (CSM) dalam mengetahui persepsi masyarakat dan juga organisasi perniagaan terhadap CSR. Hasil dari tinjauan dan kajian yang telah dilakukan, terdapat responden yang menyatakan bahawa CSR ini tidak memberi sebarang makna kepada mereka. Namun demikian terdapat juga pihak yang merasakan bahawa CSR mempunyai sedikit perkaitan dengan syarikat yang dapat dilihat melalui tindakan syarikat yang tidak melakukan pencemaran dan turut menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Selain itu, terdapat juga responden yang menganggap CSR bertindak sebagai pertimbangan kedua selepas keperluan perniagaan dipenuhi¹³⁴.

Namun, kebanyakan responden bersetuju bahawa CSR selalunya merujuk kepada komitmen atau obligasi syarikat terhadap masyarakat dengan peratusan sebanyak 56% responden telah menghubungkan antara tanggungjawab komuniti dengan *corporate citizenship*. Rata-rata responden mengatakan bahawa sesebuah organisasi korporat bertanggungjawab terhadap masyarakat dan perlu menyumbang dalam pembangunan sosio ekonomi masyarakat di samping untuk meningkatkan nilai tambah ke dalam masyarakat bagi menjadikan dunia ini

¹³³Mohan A. (2001), "Corporate Citizenship: Perspectives from India", *Journal of Corporate Citizenship*, no.2, hh. 17-107.

¹³⁴Centre for Social Markets (2001), *op.cit*.

tempat yang lebih baik. Polisi perniagaan dan proses membuat keputusan berhubung kait dengan nilai-nilai etika, pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan hormat kepada orang lain, masyarakat dan juga alam sekitar¹³⁵.

Selain itu, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa CSR adalah tanggungjawab sektor korporat terhadap pihak berkepentingannya seperti pelanggan, pembekal, badan-badan kerajaan, masyarakat dan juga para pekerja. Adalah penting bagi sesebuah organisasi korporat untuk menjadi rakyat yang baik dan memberikan faedah yang diperolehi dari perniagaan kepada semua pihak berkepentingan. Di samping itu, terdapat juga pihak yang beranggapan mereka telah dikira melaksanakan tanggungjawab sosial korporat apabila telah menjaga kebijakan para pekerja mereka. Ini kerana, pemahaman golongan ini ialah CSR merupakan komitmen terhadap para pekerja dan syarikat perlu mengambil berat mengenai kebijakan pekerja-pekerja di bawahnya dengan menyediakan faedah-faedah secara langsung atau tidak langsung kepada mereka. Alam sekitar, dan pendidikan merupakan aspek lain yang dimasukkan dalam pemahaman masyarakat terhadap konsep CSR ini. Tanggungjawab terhadap alam sekitar menjadi definisi bagi konsep CSR ini mengikut pandangan sesetengah orang, di samping penekanan kepada pendidikan dan latihan kepada masyarakat¹³⁶.

¹³⁵*Ibid.*

¹³⁶*Ibid.*

2.4.4 Rusia

Konsep dan isu praktikal berkaitan CSR semakin menular sejak beberapa dekad ini di negara-negara barat. Rusia yang merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi komunis yang terbesar juga tidak terkecuali dari terkena tempias ini. Sebagai bukti, dalam tahun 2003 sahaja tidak lebih dari enam persidangan antarabangsa yang besar berkaitan CSR telah diadakan di Moscow¹³⁷.

CSR merupakan satu tindakan yang menjangkaui keperluan undang-undang langsung daripada syarikat. Iaitu, syarikat tidak hanya bertanggungjawab terhadap ekonomi dan liabiliti undang-undang yang termaktub di dalam peruntukan-peruntukan, statut-statut dan peraturan-peraturan tetapi juga bertanggungjawab terhadap masyarakat melebihi daripada obligasi normatif tersebut. berdasarkan pengertian dan pandangan tersebut, ramai penulis telah mengguna pakai teori legitimasi sebagai kunci utama pengkonsepsian CSR. Legitimasi merupakan status tertentu di mana organisasi korporat dirasai dan dijiwai pada setiap masa yang membolehkan organisasi itu berfungsi dengan persetujuan orang ramai, organisasi formal dan tidak formal, dan juga kerajaan yang merupakan lingkungan sosial bagi organisasi tersebut di mana ia menjalankan operasi perniagaan. Legitimasi juga digambarkan sebagai satu persepsi umum yang menyatakan bahawa tindakan yang dilakukan oleh syarikat adalah sentiasa diingini dan diharapkan, tepat dan bersesuaian dalam sistem

¹³⁷“CSR and The Legitimacy of Business Transition Economies: The Case of Russia”, [92](http://www.sciencedirect.com/science?_ob=ArticleURL&_udi=B6VFS-4V995SC-1&_user=152948&_rdoc=1&_fmt=&_orig=search&_sort=d&_docanchor=&view=c&_searchStrId=946757741&_rerunOrigin=google&_acct=C000012678&_version=1&_urlVersion=0&_userid=152948&md5=f6804285f3f7be9fd216091ab8e27976 , akses pada 5 Jun 2009.</p></div><div data-bbox=)

norma, nilai, kepercayaan dan pemahaman yang dibina berdasarkan sosial dan kebijakan. CSR bertindak sebagai agen dalam legitimasi ini¹³⁸.

Di Rusia, penswastaan menjadi satu perkara yang dipandang serong dan menjadi trauma kepada masyarakat Rusia secara psikologinya dan menyusahkan mereka dari segi kewangan. Penswastaan ini dianggap sebagai satu tindakan yang tidak adil. Setelah hampir sedekad reformasi berlaku di Rusia, penerimaan masyarakat terhadap sistem pasaran masih menjadi satu isu yang diperbincangkan, yang menjadi antara sebab mengapa syarikat korporat gagal memperolehi status keperluan yang sah dan dihormati dari kebanyakan bahagian dalam masyarakat. Kesannya, sektor korporat di Rusia dilihat sebagai satu tanda penipuan, rasuah dan lain-lain bentuk kelakuan antisosial. 44% dari rakyat Rusia menganggap aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh syarikat perniagaan yang besar mendatangkan keburukan dan membahayakan kepentingan negara, manakala sebahagian yang lain bahawa syarikat swasta memainkan peranan dan memberikan sumbangan yang besar dalam peningkatan ekonomi negara¹³⁹.

Kesannya, sektor korporat terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah dan halangan dalam memperolehi penerimaan dari masyarakat dan masih perlu mencari jalan untuk memperbaiki legitimasi mereka terutamanya di dalam keskes yang memerlukan kekayaan itu dipindahkan kepada orang lain dan bukannya mencipta kekayaan¹⁴⁰. Oleh itu, dapat dilihat, jika berdasarkan logik konsep legitimasi, firma-firma di Rusia dijangka akan terlibat dalam aktiviti CSR yang boleh mendatangkan pulangan kepada masyarakat. Ini kerana, firma harus

¹³⁸*Ibid.*

¹³⁹*Ibid.*

¹⁴⁰*Ibid.*

mengatasi imej tidak disenangi yang diperolehi dari masyarakat yang disebabkan oleh masalah penswastaan yang berterburu dan kelam kabut, polisi ekonomi yang mengelirukan dan tidak konsisten, merombak sistem tradisional perkhidmatan sosial, pengecutan ekonomi, dan salah tafsiran terhadap nilai-nilai kapitalis. Di samping itu, firma-firma terpaksa menghadapi cabaran dalam membataskan penguasaan dengan negara, kerana kebanyakan pihak berpendapat ekonomi Rusia adalah di bawah kawalan kerajaan. Sebagai maklum balasnya, terdapat pengkritik yang meramalkan bahawa syarikat-syarikat yang mengawal sendiri aktiviti perniagaannya mampu untuk mengelakkan campur tangan dari kerajaan dalam beberapa bahagian tertentu.

Berdasarkan kaji selidik yang dilakukan, di dapati bahawa sebahagian pengusaha di Rusia tidak menganggap CSR sebagai rujukan kepada keadaan semasa dalam Rusia moden. Ini berdasarkan respons negatif kepada pernyataan ‘*adakah kamu bersetuju bahawa idea CSR ini adalah konsisten dengan keadaan sosial ekonomi semasa di Rusia?*’ Terdapat juga firma yang mengatakan bahawa CSR hanya sebagai slogan dan bukannya satu strategi dalam perniagaan. Selain itu, ahli perniagaan di Rusia tidak melihat prestasi pelaksanaan CSR sebagai satu faktor dan pengaruh yang penting dalam menentukan imej sesebuah firma sebaliknya prestasi kewangan lebih memberikan impak yang lebih besar. Di samping itu terdapat juga responden yang tidak percaya bahawa penyertaan yang aktif dalam CSR akan membebaskan firma dari campur tangan kerajaan. Hanya sebahagian kecil sahaja syarikat yang mampu mengurangkan penyeliaan penggubal ini. Firma di Rusia juga turut menyalahkan kerajaan dan sistem

perundangan kerana tidak menyediakan insentif yang secukupnya dalam melaksanakan program-program CSR¹⁴¹.

Hasil dari respons yang diperolehi, terdapat dua fakta penting yang dapat diperolehi. Yang pertama, firma-firma dilihat merangkumkan polisi-polisi CSR sebagai salah satu jalan untuk memperoleh hak kekuasaan dan bukannya sebagaimana yang diterima dari segi teorinya. Yang kedua, penafsiran CSR oleh pengusaha-pengusaha Rusia berbeza jika hendak dibandingkan dengan retorik barat dan pengkonsepsian CSR dalam banyak keadaan. Respons-respons ini mungkin boleh dijelaskan melalui konteks institusi yang spesifik terhadap tempoh masa perubahan dalam pembangunan sosio-ekonomi di Rusia¹⁴².

2.4.5 Indonesia

Pelaksanaan CSR di Indonesia dilihat masih berada di peringkat awal, walaupun perkembangan yang berlaku menunjukkan tanda yang menggalakkan. Konsep ini masih dianggap asing bagi syarikat korporat di Indonesia malah kesedaran mengenai konsep ini juga berada pada tahap yang rendah. Namun, syarikat-syarikat korporat Indonesia yang terlibat dengan pasaran global mula memahami dan menyedari bahawa di samping menjalankan aktiviti perniagaan, mereka juga perlu mengimbangkan antara sosial, ekonomi dan komponen alam sekitar dalam perniagaan dengan tidak mengabaikan pembinaan nilai pemegang saham¹⁴³.

¹⁴¹Ibid.

¹⁴²Ibid.

¹⁴³APEC (2005), “Corporate social Responsibility in The APEC Region: Current Status and Implications”, www.apec.org/apec/publications.MedialibDownload.v1.html, 29 November 2010.

Konsep CSR ini sememangnya bukan perkara yang baru dalam masyarakat Indonesia kerana sebelum ini mereka telah didedahkan dengan konsep klasik yang menjadi pegangan turun temurun iaitu konsep bergotong royong yang menjadikan tanggungjawab sosial adalah relevan kepada semua pihak berkepentingan dalam sesuatu komuniti bahkan dalam setiap entiti. Namun begitu, berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan kefahaman mengenai konsep CSR ini di kalangan syarikat di Indonesia adalah kurang dengan majoriti beranggapan CSR sebagai ‘memberi untuk kegiatan sosial’ (*giving for social activities*)¹⁴⁴.

Seiring dengan perkembangan yang berlaku, pelbagai inisiatif CSR telah dijalankan sama ada oleh sektor kerajaan, sektor swasta, organisasi-organisasi bukan kerajaan dan lain-lain organisasi. Situasi ini telah mempromosikan CSR ke serata ceruk negara Indonesia. Buat masa ini, kebanyakan syarikat Indonesia yang melaksanakan CSR berada di tahap pematuhan (*compliance stage*) Keluk Pembelajaran Organisasi berdasarkan model ‘Lima Tahap Pembelajaran Organisasi’ (*The Five Stages Of Organizational Learning*) oleh Simon Zadek. Syarikat Indonesia mengambil pematuhan bersumberkan polisi sebagai kos dalam menjalankan perniagaan. Namun begitu, terdapat juga syarikat yang telah melepas tahap pengurusan di mana mereka mengambil kira dan memasukkan isu sosial dalam proses pengurusan teras mereka. Hanya sebilangan sahaja yang sudah mencapai tahap strategik iaitu satu tahap di mana syarikat korporat mengintegrasikan isu sosial ke dalam strategi teras perniagaan mereka¹⁴⁵.

¹⁴⁴Ibid.

¹⁴⁵Ibid.

Cabaran bagi Indonesia dalam bidang ekonomi pada dasarnya adalah untuk membangunkan persekitaran yang kondusif bagi syarikat dalam melaksanakan peranan mereka sebagai warga syarikat yang baik. Merangkumi pentadbiran awam yang baik (*good public governance*) dan sistem cukai yang akan memberikan insentif kepada syarikat yang bertanggungjawab sosial. Selain itu, peningkatan kesedaran yang lebih mendalam di kalangan syarikat-syarikat terhadap CSR sebagai satu elemen penting dari strategi syarikat merupakan satu cabaran yang lain yang perlu dihadapi oleh kerajaan Indonesia di samping menggalakkan SME untuk mengamalkan CSR¹⁴⁶.

2.5 Faktor Penggalak Dalam Pelaksanaan CSR

Komitmen dalam melaksanakan program-program CSR oleh organisasi adalah didorong oleh beberapa faktor. Antaranya ialah suara masyarakat yang kuat dan juga kuasa politik yang dapat menggalakkan organisasi korporat untuk lebih bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Ini termasuklah peningkatan permintaan pengguna terhadap buatan produk yang bersifat tanggungjawab, cabaran-cabaran terhadap reputasi organisasi-organisasi oleh organisasi bukan kerajaan, kod etika (*codes of conduct*) bagi industri, penilaian dan penarafan prestasi CSR, desakan daripada pelabur-pelabur yang bertanggungjawab sosial melalui wakil keputusan kepentingan awam (*public interest proxy resolutions*),¹⁴⁷ dan lain-lain.

¹⁴⁶Ibid.

¹⁴⁷“Understanding and Developing Strategic Corporate Social Responsibility”, http://pheslin.cox.smu.edu/documents/Understanding_and_Developing_Strategic_Corporate_Social_Responsibility.pdf, 20 Oktober 2009.

Selain itu, peningkatan reputasi syarikat dan sesebuah organisasi pernah menjadi pendorong utama dalam pelaksanaan CSR. Komitmen dalam pelaksanaan CSR berupaya meningkatkan reputasi sesebuah syarikat¹⁴⁸. Oleh itu, kebanyakan syarikat berlumba-lumba untuk menyumbangkan wang kepada masyarakat melalui pelbagai jenis program untuk lebih dikenali dan sekaligus dapat meningkatkan imej masing-masing di mata masyarakat tanpa mengambil kira adakah ianya memberikan sebarang kesan ataupun tidak kepada masyarakat.

Ianya juga adalah lebih senang untuk menyalurkan dana kepada yayasan korporat tanpa memberikan sebarang mandat bagaimana ianya harus diuruskan ataupun bagaimanakah hasil yang akan diperolehi¹⁴⁹. Dengan peningkatan krisis kemanusian dan alam sekitar yang semakin mengancam, terdapat aliran peningkatan usaha oleh syarikat awam dan swasta untuk membuat sumbangan terhadap isu-isu kemampunan. Sehubungan dengan itu, UNGC (*United Nation Global Compact*) ditubuhkan pada 1999 yang menghubungkan syarikat-syarikat, agensi-agensi UN, organisasi buruh dan masyarakat awam untuk menyokong sepuluh prinsip-prinsip yang merangkumi hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan juga rasuah. Organisasi yang menjadi ahli UNGC ini berikrar untuk mematuhi dan memasukkan 10 prinsip-prinsip UNGC ke dalam amalan perniagaan mereka.

Faktor lain yang mendorong firma melaksanakan CSR ialah terdapat perkembangan dalam tekanan pasaran di mana pelanggan, pekerja atau pasaran modal mengenakan beberapa bentuk keutamaan, tekanan atau isyarat. Isu-isu

¹⁴⁸*Ibid.*

¹⁴⁹*Ibid.*

berkaitan sosial dan etika telah menarik perhatian masyarakat dan menjadi satu isyarat bagi pasaran di samping harga dan pilihan jenama. Peningkatan dalam industri pelaburan yang beretika merupakan satu petanda yang menunjukkan masyarakat semakin menekankan kelakuan syarikat yang lebih bermoral dan beretika¹⁵⁰.

Peningkatan yang berlaku dalam pengawalseliaan syarikat korporat juga mendorong kepada pelaksanaan CSR. Syarikat korporat dalam pelbagai saiz perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan terhadap standard-standard perniagaan. Sekiranya kerajaan menetapkan syarikat korporat mesti menyumbang kepada kebajikan sosial masyarakat, maka syarikat korporat sama ada besaiz kecil atau besar perlu mematuhi peraturan tersebut. Sesebuah syarikat atau perusahaan dalam dan luar negeri adalah tertakluk dibawah peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh negara tersebut. Peraturan ini secara tidak langsung telah meningkatkan kadar pelaksanaan CSR oleh syarikat korporat¹⁵¹.

Selain itu, perkembangan dunia yang semakin laju dan canggih ini turut menyumbang kepada aktiviti berbentuk kebajikan oleh syarikat korporat. Dunia yang semakin sempit dengan perkembangan komunikasi seperti internet, media elektronik, media cetak dan lain-lain telah mendorong pengguna dan golongan-golongan tertentu seperti aktivis sosial, organisasi bukan kerajaan dan kesatuan sekerja untuk meneliti aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat korporat dan

¹⁵⁰ Asyraff Wajdi Dusuki (2008), *op.cit.*

¹⁵¹ *Ibid.*

membangunkan strategi-strategi yang dapat mempengaruhi firma supaya dapat bertindak dengan lebih beretika¹⁵².

Faktor yang terakhir ialah terdapat faedah berdaya saing (competitive advantage) yang akan diperolehi oleh firma jika melaksanakan tanggungjawab sosial mereka. Firma menjangkakan akan dapat meningkatkan reputasi syarikat dengan pelanggan, mengukuhkan jenama dan menarik serta mengekalkan tenaga kerja yang mahir jika menyumbang dalam aktiviti berbentuk sosial. Komitmen dalam pelaksanaan CSR secara tidak langsung mendorong kepada prestasi syarikat yang lebih baik dari segi keuntungan, persaingan, dan pengurusan risiko¹⁵³.

2.6 Kepentingan CSR

Umum sekarang mula menerima pakai konsep CSR ini dan mula menyedari kepentingan konsep ini dalam operasi sesebuah syarikat dan organisasi korporat. Masyarakat juga mula menyedari akan faedah yang boleh diterima dari pelaksanaan konsep ini oleh institusi korporat. CSR atau dikenali juga sebagai CR (*corporate responsibility*), *corporate citizenship*, *global citizenship* dan *corporate accountability* telah menjadi satu pertimbangan yang penting dalam membuat sesuatu keputusan dalam pelaburan¹⁵⁴. Berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh unit kepakaran ekonomi (*Economist Intelligence Unit*), 88% daripada eksekutif-eksekutif di pelbagai syarikat mengatakan bahawa CSR atau CR menjadi satu

¹⁵² *Ibid.*

¹⁵³ *Ibid.*

¹⁵⁴ Economist Intelligence Unit, “The Importance of Corporate Responsibility”, http://graphics.eiu.com/files/ad_pdfs/eiuOracle_CorporateResponsibility_WH.pdf, 2 Jun 2009

pertimbangan yang penting dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaburan berbanding 54% pada lima tahun dahulu¹⁵⁵. Institusi korporat mula mempertimbangkan tanggungjawab sosial mereka dalam membuat sebarang keputusan untuk melabur ke dalam sesuatu projek. Sama ada projek tersebut memberi faedah kepada masyarakat atau tidak, adakah ianya mencemarkan alam sekitar, ataupun adakah produk yang terhasil nanti akan memudaratkan kesihatan atau sebaliknya. Perkara-perkara tersebut merupakan antara aspek yang perlu dipertimbangkan oleh organisasi korporat dalam membuat sebarang pelaburan ataupun ketika menjalankan operasi perniagaan.

Antara aspek yang paling penting dalam CR berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) ialah kelakuan beretika para pekerja, pentadbiran korporat yang baik dan ketelusan dalam urusan perniagaan korporat. Selain itu, amalan pekerja dan hak-hak pekerja juga merupakan antara aspek yang penting dalam pelaksanaan tanggungjawab korporat (CR)¹⁵⁶. Dalam satu tinjauan lain yang dilakukan oleh EIU didapati bahawa 76% responden percaya layanan sesebuah syarikat terhadap para pekerjanya memainkan peranan yang penting dalam keputusan pembelian pengguna. Ini kerana, layanan yang baik oleh syarikat kepada pekerja menyumbang dalam jumlah pembelian kerana para pekerja dalam sesebuah syarikat adalah juga pengguna dalam pasaran. Oleh itu layanan yang baik dari syarikat tersebut dapat mempengaruhi apa yang dibeli oleh mereka¹⁵⁷.

¹⁵⁵ *Ibid.*

¹⁵⁶ *Ibid.*

¹⁵⁷ Curtis C. Verschoor, “Consumers Consider the Importance of Corporate Social Responsibility”, <http://www.imanet.org/pdf/8ethics.pdf>, 3 Jun 2009.

Antara kepentingan dan faedah yang boleh diperolehi melalui pelaksanaan CSR ialah amalan ini dapat membantu keperluan utama (*bottom-line*) sesebuah syarikat. Satu terma yang selalu digunakan ialah *triple bottom-line* (tiga keperluan utama), iaitu keperluan untuk keuntungan, di samping faedah untuk sosial dan alam sekitar¹⁵⁸, ataupun ditakrifkan juga sebagai kemakmuran ekonomi (*economic prosperity*), tanggungjawab sosial (*social responsibility*) dan kemampunan alam sekitar (*environmental sustainability*). Persoalan yang selalu berlegar-legar di kepala ialah, adakah pelaburan dalam CSR ini menguntungkan? Adakah ianya dapat membantu sesebuah syarikat tersebut mengekalkan kestabilan syarikatnya ataupun tidak? Terdapat pelbagai bukti yang saling bercampur dalam memperkatakan perkaitan antara CSR dengan prestasi syarikat. Sememangnya agak sukar untuk mengaitkan keuntungan syarikat dengan pelaksanaan CSR, walaupun ianya bukan sesuatu yang mustahil. Davis, ketua bagi Davis Global Advisors, Boston, mengatakan bahawa ianya adalah sukar untuk mengukur kesan dan kaitan antara prestasi syarikat dengan pelaksanaan CSR¹⁵⁹, dan kebanyakan data yang ada menunjukkan tidak banyak perkaitan antara keduanya. Namun begitu, tidak harus dinafikan bahawa pelaksanaan CSR ini sedikit sebanyak membantu syarikat dalam menjalankan operasi. Walaupun bukan dalam jangka masa pendek, namun kesannya mungkin dapat dilihat pada masa akan datang. Usaha yang dilakukan secara berterusan akan mendatangkan hasil yang lumayan.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan juga, faedah paling penting yang diterima oleh syarikat perniagaan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial

¹⁵⁸Economist Intelligence Unit, *op.cit.*

¹⁵⁹*Ibid.*

ialah peningkatan dalam jenama (*brand enhancement*) dan nilai moral pekerja yang lebih baik. Melalui pelaksanaan CR, masyarakat lebih mengenali institusi korporat tersebut dan sekaligus dapat memperkenalkannya dengan lebih luas kepada orang lain. Sebagai contoh, sebuah syarikat A mengadakan program kebajikan masyarakat di sesebuah kampung. Secara tidak langsung, masyarakat kampung tersebut akan mengetahui kewujudan syarikat tersebut yang tidak pernah diketahui sebelum ini. Situasi ini dapat menyumbang ke arah peningkatan jenama bagi syarikat tersebut. Selain itu, nilai moral pekerja juga dapat ditingkatkan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Pekerja akan lebih mengambil berat terhadap masyarakat sekeliling yang juga dapat mewujudkan nilai-nilai yang baik dalam diri individu tersebut. Nilai-nilai seperti bertimbang rasa, bekerjasama, tololong menolong dan sebagainya dapat ditingkatkan. Secara tidak langsung, sesebuah syarikat yang bertanggungjawab tersebut akan dipenuhi oleh individu yang bermoral dan mengambil berat tentang individu yang lain. Suasana kerja yang lebih baik juga dapat diwujudkan. Nilai-nilai seperti hasad dengki sesama pekerja, bodek-membodek dan sebagainya dapat dielakkan. Ini kerana setiap individu bertindak sebagai sebuah keluarga yang besar yang saling bantu membantu dan bekerjasama dalam melaksanakan tugas yang telah diberikan bagi memajukan lagi syarikat tersebut. Kesimpulannya, pelaksanaan CR ini dapat meningkatkan reputasi sesebuah syarikat. Dari perspektif *supply-side*, ia dapat menarik, mengekal dan memotivasi pekerja-pekerja yang berkualiti. Manakala dari perspektif *demand-side*, reputasi yang baik dapat meningkatkan

nilai sesuatu jenama yang secara tidak langsung meningkatkan nama baik syarikat¹⁶⁰ yang boleh dianggap sebagai satu aset yang boleh dijual bagi syarikat.

Di samping itu, syarikat-syarikat yang memiliki standard CSR yang tinggi mampu untuk menguruskan risiko yang dihadapi dan sekaligus meningkatkan reputasi syarikat. Contohnya seperti syarikat yang tersenarai dalam FTSE4Good mampu untuk menunjukkan dengan jelas tanggungjawab mereka kepada pelabur, pemilik saham, para pekerja, pelanggan dan juga orang ramai. Syarikat dengan standard CSR yang baik juga mampu untuk menarik dan mengekalkan pekerja-pekerja yang berkualiti tinggi dan sekaligus dapat mengurangkan kadar pengantian dan kos pengambilan pekerja¹⁶¹.

Pengaruh dan kuasa ekonomi korporat sememangnya memberi kesan yang besar di dalam masyarakat dan sekiranya tidak dikawal boleh mendatangkan kemudaran dan menimbulkan pelbagai masalah. Oleh itu, kuasa dan pengaruh korporat ini perlu dikawal bagi menyeimbangkan keadaan di dalam negara. Ini kerana sektor ini mampu untuk mencorak dan menentukan kehidupan masyarakat. Contohnya seperti di Amerika Syarikat, sektor korporat merupakan institusi yang paling berpengaruh dalam masyarakat kontemporarinya kerana menyediakan peluang pekerjaan, barang, pendapatan dan kemakmuran¹⁶². Sekiranya tidak dikawal, organisasi korporat bebas untuk membuat sebarang keputusan dalam negara yang mungkin hanya akan memberi kebaikan kepada satu pihak dahaja.

¹⁶⁰Oliver Falck & Stephen Hebligh (2007), “Corporate Social Responsibility: Doing Well By Doing Good”, Business Horizon, 50, hlm. 247-254.

¹⁶¹“The Growing Importance of Corporate Social Responsibility”, <http://ethisphere.com/the-growing-importance-of-corporate-social-responsibility/>, 2 Jun 2009.

¹⁶²Abdul Manaf Bohari & Nik Mustasim Nik Abdul Rahman (2001), *op.cit.*, h. 124.

Dengan pelaksanaan CSR, pengaruh dan kuasa ekonomi korporat dapat dikurangkan dan dikawal dengan lebih baik¹⁶³.

Keprihatin terhadap masyarakat dapat membantu mengawal aktiviti sektor korporat dari bertindak sewenang-wenangnya demi untuk mencapai matlamat perniagaan masing-masing. Selain itu, pelaksanaan CSR penting untuk mencapai keseimbangan dan meminimumkan kuasa sektor korporat terutamanya korporat politik kerana ianya mempunyai pengaruh yang besar ke atas pasaran¹⁶⁴. Pelaksanaan CSR dapat mengurangkan unsur permainan politik di antara korporat kerana mereka akan didedahkan secara langsung kepada kepada masyarakat.

Apabila sektor korporat melaksanakan tanggungjawab sosialnya, kepentingan dan tuntutan semasa masyarakat akan dapat dilindungi dan dipenuhi. Sektor korporat berkuasa dalam menentukan teknologi industri, tujuan kerja, letakan loji, peruntukan sumber dan ganjaran¹⁶⁵. Oleh itu keputusan yang bijak perlu dilakukan oleh sektor ini bagi melindungi kepentingan semua pihak sama ada syarikat, kerajaan, pengguna dan masyarakat seluruhnya. Keputusan yang dilakukan boleh mempengaruhi kehidupan manusia dari aspek pekerjaan, tempat tinggal dan barang pengguna. Sehubungan dengan itu, keprihatinan sektor korporat terhadap masyarakat ketika menjalankan aktiviti perniagaan dapat memastikan kepentingan masyarakat terpelihara dan sekaligus dapat memenuhi tuntutan semasa masyarakat.

Selain itu, pelaksanaan CSR juga turut menyumbang dalam membangunkan bidang sains dan teknologi. Ini boleh dilihat melalui program-

¹⁶³*Ibid.*

¹⁶⁴*Ibid.*

¹⁶⁵*Ibid.*

program dan sumbangan dana dalam meningkatkan bidang ini. Sebagai contoh, pemberian komputer riba kepada para pelajar sekolah, kolej atau universiti mampu untuk meningkatkan kadar celik IT dan ICT di kalangan masyarakat. Selain itu juga, teras pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 telah menumpukan kepada memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi sebagai pemacu utama dalam meningkatkan keupayaan negara bagi memperoleh dan menggunakan pengetahuan serta menggalakkan inovasi. Sehubungan dengan itu, pelbagai program berbentuk CSR telah dilaksanakan bagi menggalakkan aplikasi sains dan teknologi dalam kegiatan seharian¹⁶⁶. Program-program ini merupakan inisiatif MOSTI dan pelbagai agensi kerajaan serta sektor swasta dalam membangunkan sains, teknologi dan inovasi dalam negara. Sehingga kini, terdapat lebih daripada 13 projek CSR yang telah dikenal pasti dan dilaksanakan yang melibatkan dana peruntukan sejumlah RM 13 juta. Projek-projek CSR ini tertumpu kepada aplikasi sains dan teknologi dalam masyarakat yang berteraskan kepada lima bidang iaitu ICT, bioteknologi, industri, perkhidmatan sains dan *sea to space*.

Program ini menumpukan kepada komuniti sasaran yang terdiri daripada komuniti miskin luar bandar dan bandar, ibu tunggal, belia, OKU, warga emas, orang asli dan juga IKS¹⁶⁷. Melalui pelaksanaan program-program ini masyarakat akan lebih terdedah kepada dua bidang ini yang dilihat semakin berkembang pesat dan mempunyai faedah serta kepentingan tersendiri dalam membangunkan

¹⁶⁶“Ucaptama YB Menteri Majlis Perasmian Pelancaran Infost@Mosti 22 Februari 2009 Di Kota Marudu, Sabah”

<http://www.mosti.gov.my/mosti/speech/minister/%20Ucapan%20Menteri%20infosti.pdf>, di akses pada 11 Oktober 2010.

¹⁶⁷Ibid.

negara, yang juga dapat melahirkan inovasi-inovasi baru yang dapat digunakan untuk faedah bersama.

Sumbangan CSR dalam kedua bidang ini mampu untuk meningkatkan martabat bangsa dan negara ke tahap yang lebih tinggi. Masyarakat yang maju dalam bidang sains dan teknologi sememangnya mampu untuk menakluki dunia melalui ciptaan yang canggih dan melangkaui batas peradaban manusia. Buktinya dapat dilihat daripada masyarakat di negara barat seperti Amerika Syarikat dan juga masyarakat dari negara Jepun. Dua negara dari blok barat dan timur ini disanjung tinggi oleh masyarakat dunia disebabkan oleh kejayaan mereka dalam bidang sains dan teknologi. Kesimpulannya, masyarakat yang mampu menguasai bidang ini akan mampu untuk meneroka masa hadapan yang lebih baik. Oleh itu, pelaksanaan CSR dapat memberikan kesan yang baik dalam membangunkan bidang sains dan teknologi di dalam negara.

2.7 Bidang-bidang CSR

Terdapat tujuh bidang utama dalam membincangkan mengenai tanggungjawab sosial korporat ini. Antaranya ialah alam sekitar, sumber tenaga, kebijakan pekerja, produk-produk yang dihasilkan, komitmen dalam masyarakat dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan polisi korporat¹⁶⁸. Isu tanggungjawab sosial di Malaysia pula merujuk kepada masalah yang dibawa oleh aktiviti dan pengoperasian sektor korporat sama ada dalam bentuk pencemaran alam sekitar, hakisan tanah, kepupusan hidupan laut, kebijakan pekerja, hak pengguna atau

¹⁶⁸Abdul Manaf Bohari & Nik Mustasim Nik Abdul Rahman (2001), *op.cit.*, h.121

keracunan makanan¹⁶⁹. Sementara itu, Takis & Yannis menambah empat lagi bidang CSR ini iaitu hak manusia, standard pekerja, anti rasuah, dan tanggungjawab ekonomi¹⁷⁰. Institusi korporat sepatutnya memberikan perhatian kepada isu-isu CSR ini ketika menjalankan aktiviti perniagaan. Kebajikan para pekerja dan ahli keluarga mereka harus dititikberatkan oleh sektor korporat bagi memastikan tahap produktiviti meningkat.

Selain itu, syarikat dan firma harus memastikan aktiviti yang dijalankan tidak mencemarkan alam sekitar ataupun mendatangkan kemudarat kepada manusia dan makhluk-makhluk yang lain. Sektor korporat sememangnya tidak pernah lepas dari konflik alam sekitar. Isu-isu seperti pemanasan global, pencemaran, hujan asid, dan penebangan hutan selalunya dikaitkan dengan aktiviti perniagaan. Oleh itu, sesebuah syarikat perlu mengambilkira isu-isu ini kerana, ia merupakan kos-kos sosial yang perlu ditanggung ketika menjalankan aktiviti perniagaan.

2.8 Kesimpulan

Konsep CSR ini telah lama diperbincangkan sejak bermulanya tamadun manusia di mana setiap insan di muka bumi ini dianjurkan untuk berbuat baik sesama sendiri bagi menjadikan kehidupan di dunia ini lebih baik dari yang sebelumnya. Namun secara pengkonsepsiannya ia bermula hasil dari idea Henry Ford yang menyatakan bahawa perniagaan adalah perkhidmatan. Namun begitu, idea ini dikecam hebat di tahun-tahun awal pelaksanaannya disebabkan oleh

¹⁶⁹*Ibid.*

¹⁷⁰Takis Katsoulacos, & Yannis Katsoulacos (2007), *op.cit.*

pemahaman yang berbeza masyarakat pada masa tersebut CSR ini hanyalah sebagai satu beban kepada perniagaan dan matlamat pemaksimuman keuntungan menjadi tunjang dalam aktiviti perniagaan pada masa itu.

Hanya beberapa dekad kemudian barulah idea ini diterima pakai secara meluas dan telah menerobos ke setiap sistem ekonomi yang dilaksanakan di seluruh dunia sama ada kapitalis, komunis, sistem campuran dan juga sistem ekonomi Islam. Konsep CSR ini merujuk kepada obligasi korporat kepada masyarakat secara keseluruhannya tanpa menghadkannya kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Sektor korporat perlu bertanggungjawab dalam memastikan keadaan sekelilingnya berada dalam keadaan yang baik dan diberi perhatian sepenuhnya kerana kejayaan sesebuah syarikat tidak hanya bergantung kepada prestasi kewangan tetapi juga faktor-faktor luaran.

CSR dari perspektif Islam pula lebih bersifat holistik yang menunjangkan nilai moral dan pertimbangan etika terhadap prinsip-prinsip Syariah dalam Islam. Ianya bukan merupakan satu subjek yang asing dalam Islam kerana konsep ini telah tertanam dengan kukuhnya dalam Syariah Islam. CSR dalam pandangan Islam dikaji berdasarkan paradigma taqwa, objektif-objektif Syariah dan juga prinsip-prinsip kepentingan awam. Sektor korporat yang membawa nama Islam dijangkakan akan dipandu dan didorong oleh prinsip-prinsip Islam. Ini sememangnya terbukti kerana institusi korporat Islam ini selalunya menganggap etika dan komitmen tanggungjawab sosial mereka lebih berkekalan apabila diletakkan sepenuhnya kepada ilham samawi (*divine revelation*). Oleh itu, tidak

menjadi sesuatu yang menghairankan apabila CSR ini tertanam dan tersemai secara semulajadinya dalam organisasi korporat Islam.

Kesimpulannya, walaupun dahulu dipandang remeh dan sering diperlekehkan, namun konsep CSR ini semakin diterima pakai dan semakin berkembang ke seluruh pelusuk alam ini. Rata-rata masyarakat seluruh dunia mula menyedari kepentingan dan faedah yang diperolehi dalam melaksanakan program-program CSR ini, sama ada kepada individu, syarikat dan juga masyarakat secara keseluruhannya.

BAB 3: PELAKSANAAN CSR DI BANK ISLAM TERPILIH DI MALAYSIA

3.0 Pengenalan

Industri perbankan Islam di Malaysia telah berkembang dengan pesat sejak ia mula diperkenalkan pada Mac 1983. Bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), sistem perbankan Islam berjaya menjadi alternatif baru kepada rakyat Malaysia dalam sektor perbankan. Ekoran dari permintaan masyarakat yang tinggi terhadap produk-produk perbankan Islam, bank-bank konvensional di Malaysia kini turut mengambil peluang dalam menawarkan produk-produk berkaitan yang selaras dengan prinsip Syariah, kerana ianya dapat mendatangkan prospek ekonomi yang lebih baik bagi institusi masing-masing. Sistem perbankan Islam terus berkembang dengan penubuhan bank Islam keduanya iaitu Bank Muamalat Malaysia pada tahun 1999 dengan nama Bank Bumi – Muamalat ekoran daripada penggabungan antara Bank Bumiputera Malaysia Berhad dengan Bank Of Commerce (M) Berhad¹⁷¹. Sehingga kini terdapat 21 buah bank¹⁷² di Malaysia termasuk bank dari luar negara yang mengamalkan perbankan Islam sepenuhnya dan 15 buah bank termasuk bank perdagangan, bank pelaburan, dan bank pembangunan yang terlibat dengan skim perbankan Islam sehingga April 2011¹⁷³.

171 Mustafa Dakian (2005), *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaan di Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan Publication dan Distribution Sdn. Bhd., h. 69.

172 “List of Financial Institutions Offering Islamic Banking Services,” http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_ib&pg=menu_know_ibt_ib_list, 11 Mei 2011.

173 *Ibid.*

Perkembangan yang pesat dalam industri perbankan Islam negara berupaya menjadi pemangkin yang baik dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Institusi kewangan yang berpaksikan Islam dalam menjalankan setiap operasi perniagaannya, seharusnya mempunyai kesedaran yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab sosial yang telah ditetapkan sebagaimana yang telah tercatat dalam ajaran Islam. Ini kerana, aktiviti perniagaan dalam Islam mempunyai fungsi sosialnya yang tersendiri dalam membantu membangunkan masyarakat Islam khususnya. Sehubungan dengan itu, perbankan Islam yang merupakan sebahagian daripada elemen perniagaan dalam Islam berperanan dalam membangunkan masyarakat dengan melaksanakan tanggungjawab sosial sebagaimana yang telah ditetapkan.

3.1 Sistem Perbankan Islam Di Malaysia

Fungsi asas sesebuah ekonomi ialah untuk memperuntukkan sumber-sumbernya yang terhad yang terdiri daripada tanah, buruh, modal dan pengusaha untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan. Sumber-sumber ekonomi ini pada dasarnya adalah terhad dan perlu diuruskan dengan sebaik-baiknya bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas. Sistem ekonomi diwujudkan untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan antara kehendak manusia yang tidak terbatas dengan sumber ekonomi yang terbatas. Sistem ekonomi ini mengambarkan interaksi dan penyertaan individu, organisasi, dan institusi dalam proses pengeluaran, penggunaan, pertukaran dan pengagihan yang diikat oleh satu set peraturan dan undang-undang yang khusus bagi sistem

tersebut¹⁷⁴. Aktiviti ekonomi pula dicirikan oleh beberapa urusniaga pertukaran iaitu transaksi membeli dan menjual barang dan perkhidmatan serta sumber-sumber yang produktif. Transaksi ini kemudiannya dibezakan antara aspek urusniaga nyata dan juga urusniaga kewangan sebagaimana ditetapkan oleh ahli ekonomi. Urusniaga nyata merujuk kepada pengambilan pemilikan fizikal barang yang dibeli dalam urusniaga jual beli, manakala perjanjian untuk membuat pembayaran terhadap barang tersebut dikenali sebagai urusniaga kewangan.

Setiap sistem ekonomi yang wujud di dunia ini sama ada sistem ekonomi kapitalis, sosialis, ataupun Islam akan menjana semua input yang ada untuk menghasilkan output. Sumber-sumber yang ada akan digunakan untuk menghasilkan output sama ada dalam bentuk barang atau perkhidmatan yang kemudiannya akan digunakan oleh isi rumah dan unit-unit ekonomi yang lain. Keadaan ini akan mewujudkan aliran pusingan ekonomi yang melibatkan aliran pengeluaran dan aliran pembayaran. Dalam aliran pengeluaran sektor isi rumah akan menyediakan perkhidmatan buruh, kemahiran pengurusan dan sumber-sumber asli kepada firma dan kerajaan. Sektor isi rumah akan mendapat pulangan dalam bentuk upah dan lain-lain pembayaran sebagai tukaran kepada perkhidmatan yang diberikan. Pendapatan yang diperolehi oleh isi rumah ini akan digunakan dan sebahagiannya akan disimpan dalam bentuk tabungan. Dengan wujudnya tabungan dalam sistem ekonomi, akan memberi peluang kepada sektor firma sebagai unit defisit untuk mengembangkan perniagaan dengan cara

¹⁷⁴Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan IslamMalaysia, h. 26.

membuat pinjaman daripada unit lebihan iaitu isi rumah ataupun menawarkan saham pemilikan dalam firmany. Firma akan menggunakan dana dari unit lebihan tadi bagi membuat pelaburan untuk menambahkan pengeluaran barang dan perkhidmatan. Isi rumah akan turut mendapat hasil dari pelaburan tersebut sama ada dalam bentuk dividen ataupun kadar bunga¹⁷⁵.

Dalam konteks ekonomi Islam, segala aktiviti yang dijalankan oleh manusia di atas muka bumi ini hendaklah selaras dengan Syariah Islam yang telah ditentukan oleh Allah sesuai dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri. Sebagai khalifah, manusia bertanggungjawab untuk mentadbir dan memajukan sumber-sumber alam untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat melalui proses pengeluaran. Berbanding dengan ekonomi konvensional, Islam merumuskan faktor pengeluaran kepada dua kategori iaitu *al-'amal* dan *al-mal*. *Al-'amal* ialah semua bentuk usaha dalam semua peringkat pengeluaran daripada buruh sehingga ke peringkat tenaga profesional dan pengurusan atasan. Sistem ekonomi Islam memberi kebebasan sepenuhnya kepada setiap individu untuk memilih sebarang usaha dan kerja yang sesuai dengannya dalam proses pengeluaran dan menikmati ganjaran dari hasil usaha tersebut. Manakala *al-mal* pula ialah semua bentuk harta termasuklah tanah, modal, dan lain-lain peralatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Sistem ekonomi Islam juga memberi kebebasan kepada setiap individu untuk memiliki dan menggunakan faktor ini dalam proses pengeluaran mengikut kemampuan masing-masing¹⁷⁶.

¹⁷⁵*Ibid.*, h. 29

¹⁷⁶*Ibid.*, hh. 42-43.

Dalam sistem ekonomi akan sentiasa wujud unit lebihan dan unit kurangan. Unit lebihan merujuk kepada unit ekonomi yang berbelanja kurang dari pendapatannya. Lebihan pendapatan bagi sektor isi rumah dikenali sebagai tabungan, manakala bagi sektor firma dikenali sebagai pendapatan tertahan. Lebihan pendapatan bagi unit kerajaan pula dikatakan sebagai belanjawan lebihan. Unit kurangan pula merujuk kepada unit ekonomi yang berbelanja melebihi pendapatannya. Kewujudan dua unit ini memberi ruang kepada sistem kewangan yang bertindak sebagai penstabil antara kedua unit ini berfungsi. Sistem kewangan berfungsi sebagai satu saluran untuk mengalirkan dana dari unit lebihan kepada unit kurangan. Sistem kewangan akan menggerakkan tabungan yang wujud dengan memberikannya kepada unit kurangan dalam bentuk pinjaman¹⁷⁷. Dalam erti kata yang lain, sistem kewangan yang terdiri daripada instrumen-instrumen, institusi dan pasaran-pasaran bertindak sebagai pengantara antara penghutang dan pemutang.

Sistem kewangan didefinisikan sebagai satu tempat di mana dana-dana diniagakan antara penghutang dan pemutang. Ia mengandungi satu set pasaran, individu dan organisasi yang menjalankan perniagaan dalam pasaran dan pengguna akhir bagi sistem kewangan ialah individu dan firma yang ingin membuat pinjaman dan memberikan hutang¹⁷⁸. Sistem kewangan Islam merupakan sebahagian daripada keseluruhan sistem ekonomi Islam yang meliputi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewangan (*al-tasarrufat al-maliyyah*) dalam semua sektor ekonomi. Contohnya aktiviti-aktiviti kewangan yang

¹⁷⁷*Ibid.*, hh. 29-30.

¹⁷⁸*Ibid.*, h.30.

dijalankan oleh sektor kerajaan merangkumi perancangan dan pelaksanaan polisi pendapatan negara dan polisi kewangan negara. Selain itu ialah sektor kebajikan masyarakat yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewangan. Namun istilah ini lebih sinonim dengan aktiviti-aktiviti kewangan yang dijalankan oleh sektor ekonomi dan perdagangan iaitu sektor swasta¹⁷⁹.

Berbeza dengan sistem kewangan konvensional, sistem kewangan Islam dibangunkan atas asas-asas dan dasar-dasar tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Syariah Islam. Pertama ialah menghindari aktiviti-aktiviti yang terlibat dengan riba dalam semua urusan dan transaksi perniagaan. Oleh itu, aktiviti pelaburan yang dilakukan hendaklah berdasarkan kepada perkongsian untung dan rugi. Sebarang bentuk pinjaman yang dilakukan dan diberikan tidak boleh melibatkan sebarang bentuk faedah riba. Kedua ialah semua aktiviti pelaburan mestilah mengikut kaedah dan prosedur yang telah ditetapkan dalam kontrak muamalah. Contohnya seperti kontrak *al-bay'*, *al-ijarah*, *al-wakalah* dan sebagainya. Yang ketiga ialah proses pengeluaran berasaskan kepada konsep penyertaan dan bukannya perniagaan secara hutang. Bank-bank Islam yang merupakan institusi kewangan akan turut serta dalam aktiviti pengeluaran sama ada sebagai pelaksana projek ataupun rakan kongsi dalam projek tersebut. Selain itu, sistem kewangan Islam ini memiliki unsur-unsur penting yang membezakannya dengan sistem kewangan konvensional. Yang pertama ialah berteraskan ajaran Islam sepenuhnya. Ia bukan hanya Islam pada nama sahaja tetapi juga meliputi akar umbi dan mencerminkan falsafah, nilai, etika dan

¹⁷⁹Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islamdi Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 32.

matlamat Syariah Islam. Yang kedua ialah mempunyai ciri-ciri suatu sistem yang canggih dan berdaya maju agar dapat bersaing dengan sistem konvensional dalam semua aspek. Terdapat tiga syarat untuk merealisasikan matlamat ini iaitu mempunyai pelbagai isntrumen, jumlah institusi yang banyak dan mencukupi serta mewujudkan satu mekanisme bagi menghubungkan antara institusi dengan instrumen tersebut¹⁸⁰.

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, salah satu komponen yang wujud dalam sistem kewangan ialah institusi kewangan. Institusi kewangan ialah institusi yang mencipta dan memperniagakan instrumen-instrumen kewangan di samping memudahkan aliran sumber antara peserta pasaran. Fungsi utama institusi kewangan ialah sebagai pengantara kewangan bagi memudahkan proses penyaluran dana tabungan untuk pelaburan dari unit lebihan kepada unit kurangan. Pengantara kewangan boleh dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu institusi deposit yang terdiri dari bank-bank, institusi berbentuk kontrak seperti syarikat insurans, kumpulan wang simpanan pekerja dan pencen, serta institusi pelaburan seperti syarikat pelaburan, unit pelaburan amanah dan sebagainya. Institusi kewangan dalam sistem kewangan Islam melibatkan bank-bank Islam, syarikat-syarikat takaful, Lembaga Tabung Haji, unit amanah Islam dan sebagainya.

Perbankan Islam sebagai satu komponen dalam sistem kewangan Islam didefinisikan sebagai perbankan yang selaras dengan sistem nilai dan etika Islam. Ia juga dikaitkan dengan setiap pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan Syariah Islam dan menggunakan kaedah-

¹⁸⁰Ab. Mu'min Ab Ghani (1999), *op.cit.*, hh. 46-47.

kaedah fiqh. Manakala al-Najjar memberikan takrifan umum perbankan Islam ini sebagai pertubuhan kewangan yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya dalam lingkungan Syariah Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana-dana itu mengikut landasan Islam. Persatuan bank-bank Islam Antarabangsa (IAIB) pula mendefinisikan perbankan Islam ini sebagai perbankan yang ditubuhkan untuk menggerakkan dana-dana dan menggunakannya selaras dengan Syariah Islam bagi tujuan mengembangkan ikatan kesatuan Islam dan memastikan keadilan pengagihan di samping menggunakan dana-dana tersebut selaras dengan prinsip Islam¹⁸¹. Sudin Haron mendefinisikan sistem perbankan Islam sebagai sebuah sistem perbankan di mana seluruh operasinya berdasarkan Syariah Islam yang menegah amalan riba melainkan mana-mana yang diamalkan adalah menurut sistem nilai Islam.¹⁸² Manakala, menurut Joni Tamkin Borhan, sistem perbankan Islam ini merupakan satu rangka kerja institusi perbankan dan kewangan yang prinsip perjalanan dan amalannya berlandaskan kepada Syariat Islam untuk merealisasikan keadilan pengagihan kekayaan dan pendapatan¹⁸³.

Secara umumnya, perbankan Islam ini bermula semenjak akhir tahun 1940-an dan model perbankan tanpa bunga secara matang dan komprehensif pula mula muncul sekitar akhir tahun 1960-an. Sejarah perbankan moden telah bermula dengan penubuhan bank Islam di pekan Mit Ghamr, Mesir pada tahun 1963

¹⁸¹Ibid., h. 255.

¹⁸²Mohd Daud Awang (2007), “Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Suatu Kajian di Pantai Timur Semenanjung Malaysia,”(Tesis Phd bagi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian IslamUniversiti Malaya).

¹⁸³Joni Tamkin Borhan (2000), “Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangannya” *Jurnal Usuludin*, Bil 12, Disember, hh. 105-128.

dengan nama Mit Ghamr Local Saving Bank. Bank ini menggabungkan idea bank simpanan Jerman dengan prinsip-prinsip perbankan luar bandar ke dalam kerangka umum nilai-nilai Islam¹⁸⁴. Walaupun penubuhan ini mendapat respons yang positif daripada masyarakat Islam Mesir pada ketika itu, namun ianya terpaksa dihentikan kerana tidak mendapat sokongan daripada pihak kerajaan Mesir. Bermula dari percubaan tersebut, beberapa buah institusi kewangan mula ditubuhkan yang menjalankan operasinya berlandaskan Syariah Islam. Antaranya ialah *Nasser Social Bank* (1971), Bank Pembangunan Islam(1975), Bank Islam Dubai (1975), *Kuwait Finance House*, Bank Islam Faisal Mesir dan Bank Islam Faisal Sudan (1977), *Dar al-Mal al- i* dan sebagainya¹⁸⁵.

Terdapat ciri-ciri tertentu yang membezakan antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Perbankan Islam sebagai sebuah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan kewangan berdasarkan Syariah Islam merupakan satu bentuk perniagaan Islam moden dan ianya perlu mengamalkan ciri-ciri perniagaan Islam sesuai dengan ajaran Islam yang bersifat universal¹⁸⁶. Ciri yang pertama ialah penggunaan kontrak atau akad yang sah. Dalam perbankan Islam, teori serta konsep operasi adalah menggunakan kontrak atau perjanjian yang sah menurut Islam di samping menjaga serta memelihara hukum-hukum akad¹⁸⁷. Antara prinsip-prinsip umum yang diguna pakai dalam perbankan Islam ialah *al-wadi‘ah*, *al-mudhārabah*, *al-musyārakah*, *al-wakālah*, *al-murābahah*, *al-bay‘ bi thaman ajil*, *al-ijārah*, *al-kafālah*, *al-rahnu*, *al-istisna’*, *al-tawarruq* dan

¹⁸⁴Ab. Mu’mín Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 256.

¹⁸⁵*Ibid.*, hh. 256-257.

¹⁸⁶Mohd Daud Awang (2007), *op.cit.*

¹⁸⁷*Ibid.*

sebagainya. Walaupun terdapat perselisihan pendapat mengenai penggunaannya, namun ke semua kontrak dan akad tersebut merupakan akad yang sah dalam muamalat Islam. Setiap akad yang digunakan itu akan dipastikan ianya adalah bebas dari unsur riba dan faedah yang tidak dibenarkan dalam Islam.

Ciri yang kedua ialah perniagaan yang halal. Perniagaan yang halal dalam Islam bermaksud tidak terlibat dengan unsur-unsur perjudian, arak, dadah, binatang yang haram, pelacuran, perkara-perkara yang syubhah termasuklah aktiviti dan transaksi yang dilakukan atau mana-mana perkara yang dilarang dalam perniagaan Islam. Pelaburan yang dilakukan oleh perbankan Islam juga hendaklah dilakukan di tempat-tempat yang nyata sumbernya dan tidak terlibat dengan unsur-unsur yang telah disebutkan tadi di samping tidak boleh memberikan perkhidmatan berkonsepkan riba, judi, *gharar* atau mana-mana akad yang tidak sah¹⁸⁸.

Ciri yang ketiga ialah bersih dari amalan riba dan penipuan. Islam amat menegah amalan mengambil riba ini kerana ianya mendatangkan kemudarat yang lebih banyak berbanding kebaikannya. Perbankan konvensional menggunakan riba ini sebagai asas kepada keuntungan perbankan. Kadar bunga atau kadar faedah ini biasanya berubah mengikut keadaan ekonomi semasa pada ketika itu. Oleh itu, pihak bank akan memperoleh keuntungan hasil dari turun naik kadar faedah tersebut. Situasi ini tidak berlaku dalam perbankan Islam kerana prinsip Syariah Islam tidak membenarkan amalan riba ini sebaliknya menerima pakai konsep kadar keuntungan tetap berdasarkan amalan jual beli. Walaupun masyarakat mungkin beranggapan bahawa perbankan Islam adalah lebih mahal

¹⁸⁸Ibid.

berbanding perbankan konvensional, namun, perlu diingatkan bahawa, perbankan Islam memberikan faedah dalam jangka masa panjang kerana pembiayaannya yang berkadar tetap sehingga tamat tempoh pembiayaan. Selain dari riba, unsur *gharar* juga turut dilarang dalam menjalankan operasi perniagaan. Contoh amalan *gharar* atau penyelewengan ini ialah pemalsuan dokumen, perubahan maklumat persetujuan, dan juga perjanjian yang tidak wujud.¹⁸⁹ Sekiranya wujud unsur-unsur ini di dalam sesebuah perniagaan, maka perniagaan tersebut tidak boleh dikatakan sebagai sebuah perniagaan Islam.

Fungsi asas penubuhan sesebuah bank ialah untuk memudahkan orang ramai menyimpan wang dan sebagai tempat bagi mereka mendapatkan kemudahan bantuan pinjaman kewangan. Kedua-dua bank iaitu bank Islam dan bank konvensional secara umumnya dilihat mempunyai fungsi yang sama, namun begitu terdapat beberapa perkara yang membezakan antara kedua jenis bank ini.

Yang pertama ialah objektif penubuhan bank. Bank konvensional bermatlamatkan untuk memaksimumkan keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira faktor-faktor lain. Bagi perbankan Islam pula, objektifnya didasarkan kepada dua faktor utama iaitu faktor agama dan faktor keuntungan. Sebuah organisasi yang ditubuhkan berlandaskan faktor agama perlu menghayati ajaran-ajaran agama yang mempunyai hubung kait dengan penubuhan dan perjalanan organisasi tersebut. Oleh itu, sebuah bank Islam yang ditubuhkan berdasarkan faktor agama juga perlu mematuhi dan mengikuti prinsip-prinsip Islam sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Islam dalam menjalankan operasi

¹⁸⁹Ibid.

perniagaan¹⁹⁰. Ajaran agama Islam akan membentuk sesebuah organisasi Islam amnya dan perbankan Islam khususnya untuk lebih mementingkan unsur-unsur moral berbanding unsur-unsur material. Unsur-unsur moral ini wujud disebabkan oleh faktor keimanan dan prinsip-prinsip lain yang terdapat dalam ajaran Islam itu.

Faktor keuntungan menjadi objektif kedua bagi sesebuah perbankan Islam kerana Islam tidak menghalang aktiviti pengambilan untung dalam perniagaan bahkan menggalakkan sesebuah perniagaan untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat keuntungan dengan syarat tidak mengenepikan kepentingan masyarakat serta tidak melakukan aktiviti yang bercanggah dalam proses pengambilan untung tersebut. Ini kerana, faktor untung juga penting bagi sesebuah syarikat perniagaan untuk memastikan kelangsungan hidupnya dalam satu jangka masa yang panjang.

Keuntungan yang diperolehi organisasi perniagaan membolehkannya untuk bertahan lama dan berdaya saing seiring dengan syarikat-syarikat konvensional. Oleh itu, setiap bank Islam perlukan gabungan antara dua faktor ini untuk mencari titik keseimbangan antara dua landasan iaitu landasan agama yang berteraskan tauhid dan moral serta landasan perniagaan yang mementingkan keuntungan dalam objektif penubuhannya. Sekiranya hanya satu faktor sahaja yang difokuskan, maka kesan yang akan diterima ialah sama ada bank Islam tersebut akan mengalami kerugian ataupun akan menyimpang dari landasan

¹⁹⁰Sudin Haron (2007), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd., h. 94.

agama Islam sebenar yang berteraskan kepada konsep keadilan dan kesamaan¹⁹¹.

Apabila sebuah bank Islam sudah menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar, maka masyarakat akan melihat tiadanya perbezaan antara bank Islam dan bank konvensional. Keadaan ini secara tidak langsung akan mendorong masyarakat untuk memilih bank konvensional yang sudah lama bertapak dalam dan didedahkan dalam kehidupan masyakarat. Oleh itu, sebagai sebuah organisasi perniagaan yang berteraskan Islam, perlu wujudnya keseimbangan antara dua faktor ini bagi memastikan kemaslahatan masyarakat Islam sentiasa terjamin dan terpelihara.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dilihat dapat memenuhi objektif-objektif penubuhan bank Islam ini. Buktinya, banyak bank Islam sama ada di dalam dan luar negara peka dengan tanggungjawab sosialnya dan melaksanakan tanggungjawab sosial tersebut dalam organisasi perniagaannya. Antara bank Islam yang dianggap terkemuka dalam melaksanakan tanggungjawab sosial ini ialah Bank Islam Jordan, Bank Islam Bangladesh Berhad, Bank Sosial Islam Bangladesh¹⁹², Affin Bank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Ambank (M) Berhad, Bank Rakyat (M) Berhad dan sebagainya. Bank-bank ini dilihat aktif dalam melaksanakan tanggungjawab sosialnya. Namun ini tidak bermakna institusi perbankan Islam yang lain tidak melaksanakan tanggungjawab sosial mereka, cuma ada di antara bank tidak

¹⁹¹Ibid., h. 95.

¹⁹²Ibid., h. 108.

menyatakan dengan jelas mengenai tanggungjawab sosialnya dan ada juga yang tidak menjelaskan dengan terperinci aktiviti sosial yang dijalankannya¹⁹³.

3.2 Pelaksanaan CSR Di Bank Muamalat Malaysia Berhad

3.2.1 Pengenalan

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) memulakan operasinya pada 1 Oktober 1999 dengan cantuman jumlah aset dan liabiliti dari skim perbankan Islam Bank Bumiputera Malaysia Berhad, Bank Of Commerce (M) Berhad dan BBMB Kewangan¹⁹⁴. Bank Muamalat merupakan bank kedua berlandaskan Islam ditubuhkan selepas Bank Islam Malaysia Berhad, dijangka dapat menyediakan produk-produk dan perkhidmatan perbankan Islam kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan kepercayaan agama dan sekaligus menyumbang kepada pembangunan Malaysia moden¹⁹⁵.

Di awal penubuhan bank ini, Khazanah Nasional Berhad memegang 70% saham bank sementara bakinya dipegang oleh Commerce Asset-Holdings Berhad. Berkuatkuasa pada Mac 2004, hasil daripada perjanjian jual beli antara tiga pihak, komposisi pemegang saham ialah Bukhary Capital Sdn. Bhd. dengan pegangan sebanyak 70% dan baki selebihnya dipegang oleh Khazanah Nasional Berhad¹⁹⁶.

Ahli-ahli lembaga pengarah yang bertanggungjawab atas arah tuju strategik bank terdiri daripada pengarah-pengarah bebas dan pengarah mewakili pemegang saham. Lembaga pengarah pula merangkumi individu-individu yang

¹⁹³Ibid., h. 108.

¹⁹⁴Bank Muamalat Malaysia Berhad (2004), *Informasi Korporat*.

¹⁹⁵Ibid.

¹⁹⁶Ibid.

mempunyai kecekapan dan pengalaman yang pelbagai, mengkaji pernyataan kewangan bank, prestasi unit-unit perniagaan dan membuat keputusan mengenai isu-isu strategik dan korporat bank¹⁹⁷. Lembaga pengarah menggunakan rangka kerja tadbir urus korporat seperti yang termaktub dalam kod tadbir urus korporat Malaysia dan juga amalan terbaik antarabangsa. Jawatankuasa-jawatankuasa lembaga pengarah khusus juga ditubuhkan, iaitu jawatankuasa audit, jawatankuasa perlantikan, jawatankuasa ganjaran dan jawatankuasa pengurusan risiko, dengan tanggungjawab membantu bank mematuhi prinsisp-prinsip tadbir urus korporat yang baik.

Majlis Penasihat Syariah ditubuhkan mengikut kehendak Akta Perbankan Islam dan Tata Urus Persatuan Bank Muamalat, dan berfungsi dalam menentukan bank menjalankan urusannya mengikut prinsip-prinsip Syariah. Ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah terdiri daripada ilmuan yang pakar dalam ilmu pengetahuan dan undang-undang Islam. Selain menasihati bank mengenai isu-isu berkaitan dengan pematuhan tuntutan Syariah bagi produk dan perkhidmatan yang disediakannya, majlis penasihat Syariah ini juga turut memainkan peranan penting kepada pihak-pihak yang ingin membuat terbitan modal Islam atau lain-lain produk baru¹⁹⁸.

Bank ini mempunyai rangkaian 46 cawangan di seluruh negara, 5 pusat perkhidmatan dan satu cawangan luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan¹⁹⁹. BMMB kini memberi perkhidmatan kepada hampir 700,000 pelanggan²⁰⁰ di seluruh negara. Dengan tenaga kerja seramai 1400

¹⁹⁷*Ibid.*

¹⁹⁸*Ibid.*

¹⁹⁹http://www.muamalat.com.my/index.php?pg=corporate_information&ac=12, 9 Julai 2009.

²⁰⁰Bank Muamalat Malaysia Berhad (2004), *op.cit.*

orang²⁰¹ yang berpengalaman dalam perbankan Islam dari bank-bank terdahulu dan juga dari bidang-bidang yang berkaitan, bank ini komited untuk memainkan peranan penting dalam menawarkan produk dan perkhidmatannya melalui pelbagai saluran penyampaian. Saluran penyampaian bank dan juga ibu pejabat disambungkan melalui sistem IT yang mengamalkan proses transaksi terus menerus. Kemahiran dan kecekapan kakitangan ditumpukan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang bernilai tambah kepada jangkauan pelanggan yang luas bagi memenuhi kehendak persekitaran perbankan Malaysia yang sentiasa berubah²⁰².

Sebagai sebuah bank komersial yang menawarkan produk dan perkhidmatan Syariah sepenuhnya, ia menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan yang luas meliputi deposit dan pembiayaan setanding dengan bank-bank konvensional kepada semua sektor ekonomi Malaysia tanpa mengira bangsa, agama maupun asal syarikat. Selaras dengan perkembangan perbankan Islam di Malaysia secara meluas dan mendalam, penglibatan bank dalam tiga segmen pasaran utama iaitu pembiayaan perdagangan, pembiayaan projek dan kontrak dan pasaran modal Islam telah meningkat sehingga segmen ini menjadi pasaran utamanya. Untuk beroperasi dalam keadaan ekonomi yang semakin berkembang dengan pengguna mempunyai keutamaan sendiri, bank ini kini memberi penekanan kepada produk dan perkhidmatan pelanggan dan runcit

²⁰¹http://www.muamalat.com.my/index.php?pg=corporate_information&ac=12, *op.cit.*

²⁰²Bank Muamalat Malaysia Berhad (2004), *op.cit.*

untuk memenuhi permintaan mereka, melalui rangkaian cawangan domestiknya²⁰³.

Bank Muamalat Malaysia Berhad memulakan operasinya dengan dana pemegang saham permulaan sebanyak RM300 juta dan jumlah aset sebanyak RM2.8 juta. Bank ini telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM14.4 juta sebelum ditolak cukai dan zakat sepanjang penubuhan sehingga Mac 2000. Jumlah aset pada masa itu ialah sebanyak RM3.51 billion sementara pembiayaan sebanyak RM1.08 bilion dan deposit sebanyak RM3.03 bilion²⁰⁴. Sehingga Mac 2010, keuntungan yang dicatatkan selepas cukai bagi tempoh tiga bulan ialah sebanyak RM97.5 juta. Jumlah aset ialah sebanyak RM16.7 bilion, manakala jumlah pembiayaan bersih bagi bank ini ialah sebanyak RM6.6 bilion dan deposit dari pelanggan pula sebanyak RM14.9 bilion²⁰⁵. Berdasarkan prestasi kewangan tersebut, bank ini semakin mengorak langkah dalam mengembangkan sayapnya di dalam industri perbankan Islam di negara ini.

3.2.2 Visi

Visi bank ini ialah untuk menjadi penyedia perkhidmatan pembiayaan Islam terpilih di negara ini²⁰⁶.

²⁰³*Ibid.*

²⁰⁴*Ibid*

²⁰⁵www.muamalat.com.my/downloads/corporate-overview/audited/Audited_Account_2010.pdf, akses pada 11 Mei 2011.

²⁰⁶http://www.muamalat.com.my/index.php?pg=corporate_information&ac=14, 14 Julai 2009.

3.2.3 Misi

Misi penubuhan bank ini ialah untuk memberikan nilai yang terbaik kepada pihak-pihak berkepentingan bank²⁰⁷.

3.2.4 Nilai-nilai yang dipegang

Bertimbang rasa, inovatif, berorientasikan perkhidmatan dan hormat.

3.2.5 Pelaksanaan CSR di Bank Muamalat Malaysia Berhad

Pelaksanaan CSR di Bank Muamalat Malaysia Berhad bermula seiring dengan penubuhannya pada tahun 1999²⁰⁸. Semenjak dari itu, pelbagai program yang berbentuk kebajikan telah dilaksanakan sebagai satu usaha untuk memenuhi tanggungjawab sosial yang telah ditetapkan. Program-program CSR yang dilaksanakan adalah diuruskan oleh satu jabatan dalam organisasi bank ini iaitu Jabatan Komunikasi Korporat²⁰⁹ yang bertindak sebagai pengantara antara institusi ini dengan masyarakat luar.

Komitmen dalam melaksanakan CSR bagi institusi ini bertitik tolak dari kesedaran untuk melaksanakan tuntutan yang telah ditetapkan oleh Allah dan juga berdasarkan kepatuhan dan ketaqwaaan dalam memenuhi tanggungjawab yang telah ditetapkan kepada setiap individu dan juga kepada sektor korporat. Komitmen dalam CSR ini juga berakar umbi dari kesedaran untuk memelihara hubungan dengan Allah, yang turut merangkumi hubungan sesama manusia dan juga hubungan dengan makhluk Allah yang lain. Bagi bank ini, komitmen dalam

²⁰⁷*Ibid.*

²⁰⁸ Temubual bersama pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad pada 11 Disember 2009.

²⁰⁹*Ibid.*

CSR dianggap sebagai salah satu dari tuntutan agama yang harus dilaksanakan oleh pihak bank melebihi tuntutan yang lain²¹⁰.

Selain itu, sebagaimana yang diketahui, Bank Muamalat Malaysia Berhad ini merupakan bank Islam yang kedua di Malaysia dan ianya telah melaksanakan tanggungjawab sosialnya semenjak dari penubuhan tersebut sebagai sebahagian dari polisi bank yang telah ditetapkan oleh organisasi tersebut. Pelaksanaan CSR juga telah menjadi projek rasmi institusi ini yang harus dilaksanakan sekali dalam tempoh dua bulan. Institusi ini percaya, dengan melaksanakan aktiviti CSR pemimpin-pemimpin korporat dan juga pekerja-pekerja bank boleh memberi sumbangan kepada masyarakat walaupun dalam jumlah sedikit.

BMMB turut menjadikan aktiviti CSR sebagai platform untuk mempromosikan bank dan juga produk-produk perbankan yang ditawarkan kepada masyarakat²¹¹. Di samping melaksanakan aktiviti kebajikan secara tidak langsung ianya dapat membantu memperkenalkan BMMB di samping dapat meningkatkan imej bank di mata masyarakat. Sekiranya sebelum ini masyarakat tidak tahu atau kurang mengenali BMMB, dengan aktiviti CSR yang membolehkan warga bank ini turun padang bertemu masyarakat, maka secara tidak langsung masyarakat akan lebih peka dan arif mengenai institusi ini serta produk perbankan yang ditawarkan. Dalam erti kata yang lain, CSR dapat dijadikan strategi pemasaran dalam memasarkan produk perbankan dan juga batu loncatan dalam memperkenalkan BMMB kepada masyarakat.

²¹⁰*Ibid.*

²¹¹*Ibid.*

Dalam membiayai program-program CSR, BMMB telah melancarkan tabung yang diberi nama Tabung Mawaddah. Dana tabung ini diperolehi daripada dana zakat perniagaan yang dibayar oleh institusi ini. BMMB telah menetapkan 1/3 dari dana zakat akan digunakan untuk membiayai program-program CSR dan selebihnya akan diserahkan kepada pusat pungutan zakat untuk diuruskan. Selain dari dana zakat, BMMB juga turut memperuntukkan sebahagian dari dana bank untuk aktiviti CSR di samping kutipan derma yang diperolehi dari staf-staf bank dan juga sedekah dari para pelanggan. Dana-dana ini dimasukkan dalam Tabung Mawaddah 2 untuk diuruskan. Kebanyakan dana dari Tabung Mawaddah 1 digunakan untuk membantu para pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama. Manakala dana Tabung Mawaddah 2 lebih banyak digunakan untuk aktiviti kebajikan secara umumnya contohnya seperti memberi derma dan sumbangan, penajaan untuk aktiviti berkaitan, kempen-kempen keselamatan dan kesihatan dan sebagainya. BMMB juga telah menyediakan bajet-bajet tertentu untuk program-program yang telah dikategorikan seperti ceramah, majlis berbuka puasa, bantuan amal kepada sekolah-sekolah, program bersama anak yatim, ibu tunggal dan sebagainya. Program-program ini dijalankan sama ada untuk sektor kerajaan, universiti-universiti, sekolah dan sebagainya²¹². Sekiranya terdapat permohonan untuk melaksanakan program-program tersebut, BMMB akan memprosesnya mengikut kategori bajet yang telah ditetapkan. Dengan itu, aliran keluar masuk dana adalah lebih bersistematis.

²¹²Ibid.

3.2.6 Program-program CSR yang dijalankan

Program-program CSR yang dilaksanakan oleh bank ini tertumpu kepada tiga kumpulan utama iaitu para pelanggan, staf-staf bank dan juga masyarakat secara keseluruhannya²¹³. Setiap kumpulan ini mendapat manfaat dari program CSR yang dijalankan oleh pihak BMMB. Oleh kerana CSR telah dianggap sebagai projek rasmi bank, maka program yang dilakukan adalah secara berterusan dengan satu acara besar akan diadakan setiap dua bulan sekali yang dilaporkan sebagai program CSR²¹⁴.

Antara bentuk program yang dijalankan ialah memberi sumbangan berbentuk kewangan kepada pelajar miskin dan yang memerlukan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama sama ada di dalam atau luar negara. Selain itu, BMMB turut menaja sebarang aktiviti yang ingin dilakukan oleh IPTA seluruh negara di samping turut serta dalam menjayakan aktiviti tersebut. Sumbangan ini dilakukan oleh bank sebagai satu usaha untuk memajukan bidang pendidikan negara ini. Sebagai contoh, program Masih Ada Yang Sayang (MAYS) tertumpu kepada memberi sumbangan kepada kanak-kanak miskin untuk membuka akaun deposit mereka di bank ini. Program seperti ini memberi peluang kepada kanak-kanak tersebut untuk belajar menabung dan sedikit sebanyak dapat mengembangkan jumlah deposit sedia ada tersebut²¹⁵.

Bank ini juga turut menganjurkan program-program motivasi dan bengkel-bengkel kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan. Aktiviti seperti ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar untuk lebih cemerlang dalam

²¹³*Ibid.*

²¹⁴*Ibid.*

²¹⁵*Ibid*

menghadapi peperiksaan. BMMB juga turut turun padang untuk membantu masyarakat dengan melaksanakan aktiviti berbentuk kebajikan seperti program bersama anak yatim, memberi sumbangan kepada masjid, sumbangan pakaian dan wang ringgit kepada yang memerlukan, mengecat bangunan sekolah dan sebagainya. BMMB juga turut memberi sumbangan khairat kematian kepada pekerja bank dan ahli keluarganya apabila berlaku sebarang kematian. Ini sebagai usaha bank untuk meringankan beban yang ditanggung oleh individu tersebut²¹⁶.

Kesimpulannya, program yang dilaksanakan di BMMB ini lebih terarah kepada memberikan sumbangan dalam bentuk wang ringgit kepada pihak yang memerlukan di samping melakukan usaha sama dengan pelbagai pihak untuk melaksanakan program-program berbentuk kebajikan untuk kepentingan masyarakat secara keseluruhannya.

3.2.6.1 Pekerja dan staf BMMB

Pekerja merupakan aset penting yang akan menggerakkan sesebuah syarikat. Tanpa para pekerja, operasi perniagaan tidak dapat dijalankan. Oleh sebab itu, sesebuah syarikat perlu mengambil berat kebajikan para pekerjanya bagi memastikan operasi perniagaan dapat dijalankan dengan sebaiknya.

BMMB menjalankan pelbagai program yang berkaitan dengan para pekerjanya. Contohnya seperti mengambil bahagian dalam ‘Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja 2011’. Majlis ini merupakan aktiviti tahunan Kementerian Sumber Manusia yang bertujuan membentuk semangat kerja berpasukan dengan suasana yang harmonis antara majikan dan pekerja. Aktiviti

²¹⁶Ibid.

seumpama ini mampu mengeratkan hubungan dan sedikit sebanyak dapat mengurangkan jurang yang wujud antara majikan dan pekerja²¹⁷.

Selain itu, BMMB telah menyalurkan sumbangan kepada kakitangannya di cawangan Segamat yang telah terjejas teruk akibat banjir yang berlaku pada akhir bulan Januari 2011 yang lalu. Sumbangan ini dihulurkan melalui tabung Mawaddah 2 cawangan Segamat dan telah diserahkan dalam satu majlis ringkas pada 18 April yang lalu. Bantuan yang diberikan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh kakitangan bank di atas kerosakan dan kerugian harta benda yang telah dialami²¹⁸.

Selain dari aktiviti berbentuk bantuan kewangan, BMMB juga menganjurkan aktiviti kesukanan yang melibatkan para pekerja sebagai salah satu cara untuk mengurangkan tekanan di tempat kerja. Contohnya seperti Kejohanan Futsal Bersama Media yang telah diadakan pada Jun 2010 bertempat di De Futsal, Petaling Jaya. Kejohanan ini disertai oleh 8 pasukan yang terdiri dari kakitangan BMMB di seluruh negara dan juga wakil-wakil media dari Astro, BERNAMA, TV3, Karangkraf, NSTP dan lain-lain. Aktiviti seperti ini lebih menjurus kepada aktiviti riadah yang membolehkan para pekerja meluangkan lebih masa untuk diri sendiri tanpa terikat kepada waktu pekerja. Aktiviti riadah juga dapat menjadikan

²¹⁷“Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja 2011”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2011/perhimpunan-hari-pekerja.html>, akses pada 15 November 2011.

²¹⁸“Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Mawaddah 2 Cawangan Segamat”, <http://www.muamalat.com.my/corporateoverview/corporateresponsibility/community/2011/tabung-mawaddah2-segamat.html>, akses pada 15 November 2011.

para pekerja lebih sihat dan bersemangat dalam menjalankan tugas masing-masing.²¹⁹

Kebersihan amat penting dalam menjamin kehidupan yang sihat terutamanya kebersihan di tempat kerja. Sehubungan dengan itu, BMMB telah mengadakan satu program gotong-royong peringkat ibu pejabat bagi membersihkan jabatan-jabatan di dalam BMMB di samping mengeratkan hubungan sesama warga pekerja. Aktiviti yang dijalankan seperti ini dapat memastikan setiap individu dalam syarikat bertemu dan bertegur sapa sekali gus dapat mengurangkan sebarang perasaan negatif yang wujud²²⁰.

BMMB juga turut menyahut seruan kerajaan dalam membantu Pusat Darah Negara bagi mengisi tabung darah dengan menganjurkan Kempen Derma Darah pada Mac 2010 yang lalu. Kempen ini dijalankan oleh Jabatan Komunikasi Korporat dengan kerjasama Tabung Darah Negara. Kempen ini telah berjaya menarik seramai 53 orang penderma yang terdiri daripada kakitangan bank. Aktiviti ini dapat mendidik pekerja supaya bertimbang rasa terhadap mereka yang kurang berasib baik dan memerlukan bantuan²²¹.

Kesihatan merupakan anugerah yang perlu dipelihara oleh setiap insan. Dunia sekarang semakin dipenuhi dengan pelbagai penyakit seperti diabetes, serangan jantung, H1N1, polio, dan sebagainya. Penyakit-penyakit ini jika tidak

²¹⁹“Kejohanan Futsal Bersama Media 2010”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2010/kejohanan-futsal.html>, akses pada 15 November 2011.

²²⁰“Program Gotong-Royong Peringkat Ibu Pejabat 2010”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2010/program-gotong-royong.html>, akses pada 15 November 2011.

²²¹“Kempen Derma Darah 2010”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2010/kempen-derma-darah.html>, akses pada 15 November 2011.

dirawat boleh membawa kepada kematian. Menyedari hakikat pentingnya kesedaran kesihatan sebagai sebahagian daripada program pendidikan kepada para pekerja, BMMB dibawah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (National Kidney Foundation of Malaysia (NKF) telah mengadakan ‘Program Pengesanan Awal dan Pencegahan NKF’ pada Februari 2010. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada para pekerja tentang pentingnya mencegah daripada merawat. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif bank dalam menggalakkan para pekerjanya menjaga kesihatan²²².

Selain dari program yang telah dinyatakan di atas, BMMB juga memberikan pelbagai bentuk bantuan kepada para pekerjanya yang memerlukan bantuan. Contohnya seperti sumbangan khairat kematian, bantuan kepada staf yang sakit, sumbangan kepada mangsa banjir dan sebagainya. Program dan bantuan ini dijalankan bagi memastikan kebijakan para pekerja tidak terabai kerana pekerja merupakan antara penggerak utama operasi perniagaan.

3.2.6.2 Masyarakat

Tanggungjawab sosial tidak hanya tertumpu kepada para pekerja sahaja tetapi juga meliputi masyarakat sekeliling sama ada pelanggan ataupun bukan pelanggan bagi syarikat korporat tersebut. Kebajikan masyarakat sekeliling perlu diberi perhatian ketika menjalankan aktiviti perniagaan.

²²²“Report On Health Talk and Screening” <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2010/report-on-health-talk.html>, akses pada 15 November 2011.

Di bawah program Masih Ada Yang Sayang (MAYS), BMMB telah menjalankan pelbagai aktiviti berbentuk kemasyarakatan yang kebanyakannya difokuskan kepada institusi pendidikan. Contohnya program MAYS yang bertempat di Asrama Darussalam Masjid Saidina Umar al-Khattab Kampung Serdang Permai Simpang Pulai. Program ini diadakan pada Mei 2008 yang lalu dengan kerjasama KOPUTRA. Pada program tersebut BMMB melalui Tabung Mawaddah dan Perkis Muamalat telah menghulurkan sumbangan sebanyak RM20000 dan dua buah komputer kepada asrama darussalam tersebut. Sumbangan sebanyak RM10000 juga turut diberikan kepada 10 buah surau dan masjid yang berhampiran. Antara aktiviti yang dijalankan ketika program tersebut ialah pemasangan jubin lantai, pembinaan landskap yang ditaja oleh KOPUTRA dan pemasangan ampaian baju. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat memberikan suasana kehidupan dan pembelajaran yang lebih baik kepada penghuni asrama tersebut²²³.

Program MAYS ini turut dijalankan di negeri Kedah bertempat di Pondok Pengajian Madrasah Ahmadiyah al-Diniah al-Islamiah, Kampung Kuala Beris, Sik, Kedah Darul Aman. BMMB telah menghulurkan bantuan sebanyak RM60000 kepada pondok pengajian tersebut yang digunakan untuk membaik pulih tempat mandi, menambah jumlah pondok-pondok baru di samping gotong royong mengecat bangunan baru tersebut. Bantuan yang diberikan tersebut dapat

²²³“Hari Amal Masih Ada Yang Sayang (MAYS) 2008”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2008.html>, akses pada 15 November 2011.

membantu para pelajar di pusat pengajian tersebut mendapat suasana pengajaran yang lebih selesa dan kondusif²²⁴.

Selain dari di Kedah dan Perak, program MAYS ini turut merentasi Laut China Selatan menuju ke Kundasang Sabah bagi membantu dan meraikan anak-anak yatim, orang miskin dan muallaf di sana pada Julai 2010. BMMB telah menyumbangkan sebanyak RM40000 Dalam bentuk akaun BeeSTAR-i kepada 401 orang anak-anak yatim, orang miskin dan muallaf dari sekitar Kundasang, Ranau dan Tambunan. BMMB turut menyumbang sebanyak RM40000 kepada tiga buah rumah anak yatim dan tadika Islam di sekitar Kundasang bagi meringankan bebanan mereka²²⁵.

Selain dari itu, BMMB turut menjalankan aktiviti seperti majlis makan malam dan berbuka puasa bersama dengan ibu tunggal, anak yatim dan juga saudara baru. Contohnya pada Ogos 2009 yang lalu BMMB telah menganjurkan satu majlis berbuka puasa bersama golongan tersebut yang turut disertai oleh 600 kakitangan BMMB. Dalam majlis yang diadakan di Kuala Lumpur itu golongan ibu tunggal, anak yatim dan saudara baru ini telah menerima sumbangan berbentuk wang ringgit dan barang. Satu majlis yang serupa juga telah diadakan pada 2008 bertempat di Masjid Negara di mana majlis berbuka puasa tersebut telah diadakan bersama dengan anak-anak yatim, pelajar-pelajar tahfiz dan juga keluarga yang kurang bernasib baik bersempena dengan program Bersamamu

²²⁴“Program Hari Amal Masih Ada Yang Sayang (MAYS) 2010”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2010/mays.html>, akses pada 15 November 2011.

²²⁵“Program Masih Ada Yang Sayang, Sabah”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2010/program-mays-sabah.html>, akses pada 15 November 2011.

TV3. Majlis tersebut disertai oleh tiga buah rumah anak yatim iaitu Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Baitu Saidati Khadijah, Tahfiz Raudhatul Ulum dan Maahad Tahfiz Anak Yatim Darul Fuqaha. Sumbangan yang diberikan adalah dalam bentuk wang tunai dan barang. Dengan adanya program seperti ini, nasib golongan yang kurang berkemampuan ini akan terbela dan dapat meringankan bebanan mereka ketika menyambut Aidilfitri. Program ini juga menunjukkan bahawa nasib golongan kurang bernasib baik tidak diabaikan begitu sahaja oleh bank ini²²⁶.

Selain itu, BMMB telah menyertai program Titipan Kasih Harian Metro anjuran Harian Metro sempena Ramadhan al-Mubarak pada 2011. BMMB telah menyumbang sebanyak RM15000 untuk program tersebut. BMMB turut menaja pertandingan mewarna bagi kanak-kanak di Sekolah Tanjong Karang dengan menyediakan pensil warna dan gambar untuk tujuan tersebut. Pertandingan mewarna itu dapat membentuk kanak-kanak yang lebih ceria dan kreatif²²⁷.

Selain dari memberi sumbangan untuk Ramadhan dan Aidilfitri, BMMB telah mengadakan satu Klinik Bola Sepak bersama lagenda dari Tottenham Hotspur's iaitu Gary Mabbutt, bekas kapten Tottenham Hotspur's dan bekas pemain pasukan England pada Julai 2011. Klinik ini dianjurkan bagi memberi peluang kepada kanak-kanak mempelajari teknik-teknik dan skill permainan bola sepak dari bekas ketua pasukan lagenda Spur's itu. Pendedahan ini mampu memberi inspirasi kepada kanak-kanak tersebut untuk memilih bola sepak sebagai salah satu kerjaya masa depan mereka. Kanak-kanak tersebut telah diajar asas-

²²⁶<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2011.html>, akses pada 15 November 2011.

²²⁷*Ibid.*

asas dan juga teknik-teknik permainan tersebut di samping memberi peluang kepada kanak-kanak tersebut bergembira dan bersuka ria. Peserta klinik tersebut terdiri daripada anak-anak yatim dari Pusat Jagaan Kebajikan Budimas Orion, Rumah Amal Anak Yatim YPIN dan Asrama Damai Rumah Anak-Anak Yatim Kuang²²⁸.

Pihak BMMB turut menerima kunjungan daripada IPTA-IPTA yang mengadakan lawatan sambil belajar. Contohnya pada Mac 2010 , BMMB telah menerima kunjungan dari pelajar UiTM cawangan Arau yang disertai oleh 70 orang pelajar. Dalam lawatan tersebut, BMMB telah memberikan taklimat berkaitan BMMB secara keseluruhan dan juga produk-produk yang ditawarkan di BMMB. Taklimat yang dijalankan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai maklumat BMMB dan juga perkembangan serta produk-produk yang wujud di BMMB²²⁹.

Selain dari itu, BMMB juga giat menjalankan ceramah-ceramah berkaitan riba bagi mendidik masyarakat mengenai keburukan dan bahaya riba kepada ekonomi dan masyarakat. Contohnya seperti ceramah riba yang diadakan di Pulau Pinang kepada Koperasi Tunas Sg Ara, di Kem Sungai Buloh kepada Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), di Melaka kepada Institut Pendidikan Guru Perempuan (IPG) dan juga di Pulau Pinang kepada Kongress India Muslim Malaysia (KIMMA). Ceramah-ceramah berkaitan riba ini penting

²²⁸“Football Talent Clinic With Tottenham Hotspur's Legend”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2011/football-talent-clinic.html>, akses pada 15 November 2011.

²²⁹“Lawatan Sambil Belajar oleh Pelajar UiTM Cawangan Arau”,<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2010/lawatan-uitm.html>, akses pada 15 November 2011.

bagi memastikan masyarakat Malaysia dapat menghindari amalan riba yang telah lama bertapak dan diamalkan di negara ini²³⁰.

Dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat BMMB tidak hanya fokus kepada masyarakat di dalam negara sahaja bahkan turut memberi bantuan kepada masyarakat di luar Malaysia. Contohnya seperti misi bantuan kemanusiaan yang dihantar oleh BMMB ke Pariaman, Padang Sumatera Barat Indonesia yang mengalami bencana gempa bumi pada 30 September 2009 yang lalu. BMMB bersama wakil dari pelbagai pihak telah bersama-sama menghulurkan bantuan kemanusiaan berbentuk kelengkapan khemah, selimut, barang makanan, bantuan perubatan, kain sarong dan sebagainya bagi membantu mangsa-mangsa gempa bumi tersebut meneruskan kehidupan pasca bencana. Walaupun tidak dapat memulihkan sepenuhnya penderitaan yang dialami namun bantuan yang diberikan sedikit sebanyak dapat memberi harapan kepada mangsa-mangsa bencana tersebut meneruskan kehidupan²³¹.

Selain dari memberi bantuan kemanusiaan, BMMB juga telah menyertai Program Qurban Kemboja 2010 dengan menaja lima ekor lembu untuk diagihkan kepada penduduk Islam Kemboja. BMMB telah menghantar dua orang wakil bersama-sama 70 peserta yang lain ke Seam Reap Kemboja bagi mengenali dengan lebih dekat lagi kehidupan masyarakat Islam Kemboja Cham. Masyarakat Islam di sana hidup dalam serba kedaifan. Kebanyakan mereka hanya mampu tinggal di rumah-rumah rakit atau bot kecil. Malahan, masjid turut dibina atas

²³⁰<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2011.html>, akses pada 15 November 2011.

²³¹“Misi Bantuan Kemanusiaan Bencana Gempa Bumi di Padang, Sumatera”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2009/misi-bantuan-kemanusiaan.html>, akses pada 15 November 2011.

rakit yang serba kekurangan. Aktiviti yang dijalankan seperti ini dapat memberi harapan baru kepada penduduk Islam di sana meneruskan kehidupan mereka yang serba kekurangan. Kerajaan Kemboja tidak memiliki badan khusus yang dapat membantu masyarakat Islam di sana tetapi memberi kebenaran kepada masyarakat Islam kemboja untuk mencari bantuan dari negara luar. Kelonggaran tersebut sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat Islam di sana²³².

Negara Malaysia yang didiami oleh majoriti penduduk Islam perlu bersama-sama berganding bahu dalam membantu saudara seIslam yang berada dalam kesusahan di seluruh pelusuk dunia. Atas kesedaran itu, BMMB dengan kerjasama Jawatankuasa Tabung Mawaddah telah melancarkan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin pada 2009 bagi membolehkan warga bank, pelanggan dan masyarakat umum untuk menyumbang kepada rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman tentera Israel²³³. Dengan pelancaran tabung ini, rakyat malaysia yang prihatin dengan nasib saudara seIslam di negara bergolak tersebut mempunyai saluran untuk menghulurkan bantuan kepada mereka. Program seperti ini dapat membantu rakyat Palestin memenuhi keperluan hidup mereka di samping dapat membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan sensitif terhadap mereka yang memerlukan.

²³²“Kembara Qurban Kemboja 2010”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2010/kembara-qurban-kemboja-2010.html>, akses pada 16 November 2011.

²³³“Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2009/tabung-kemanusiaan.html>, akses pada 14 disember 2011.

3.2.6.3 Para pelanggan

BMMB turut menjalankan tanggungjawab sosialnya kepada pelanggan dan juga bakal-bakal pelanggannya. Pelbagai aktiviti dilakukan bagi menarik lebih ramai pelanggan sama ada yang baru dan juga yang lama di samping memastikan hubungan yang terjalin tidak hanya terhenti di kaunter-kaunter bank sahaja.

Antara tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan BMMB terhadap para pelanggannya ialah menaja Program Halal Malaysia Peringkat Negeri Kedah pada April 2011 yang lalu yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dengan kerjasama Persatuan Bank-Bank Islam Malaysia. Objektif utama program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat SME dan masyarakat awam khususnya di Kedah mengenai kepentingan produk halal dan untuk memaksimumkan standard halal yang dibangunkan oleh kerajaan. Program ini juga memberi pendedahan kepada syarikat SME tentang prosedur permohonan sijil halal dan insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada industri halal di samping meneroka peluang-peluang perniagaan di dalam industri halal dan pembiayaan perniagaan Islam. BMMB sebagai penaja telah diberi satu slot dalam menerangkan secara ringkas mengenai pembiayaan perniagaan kepada para peserta. Program yang dijalankan seperti ini secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana berkaitan produk-produk pembiayaan yang ditawarkan oleh bank ini.

Selain itu, BMMB bersama beberapa agensi yang lain seperti TEKUN Nasional, SME bank, dan CGC (*Credit Guarantee Corporation*) telah menyertai

program ‘*1Malaysia Young Entrepreneur Challenge (1MYEC)*’ yang telah dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI). Program ini bertujuan untuk memberi panduan kepada graduan-graduan tempatan yang baru menamatkan pengajian untuk menjadi usahawan terutamanya cara untuk memperoleh pembiayaan projek bagi memulakan perniagaan. Graduan bagi program ini dikehendaki menghadiri Skim Usahawan Siswazah sebelum dibenarkan memohon untuk Tabung Usahawan Siswazah. Program yang dijalankan ini dapat membantu siswazah merancang masa depan supaya lebih teratur dan bersistematis²³⁴.

BMMB juga turut sama terlibat dalam meningkat dan memodenkan sistem pengangkutan awam di peringkat negeri Perak apabila menandatangani perjanjian pembiayaan antara BMMB dengan *The Combined Bus Services Sdn Bhd*. Perjanjian pembiayaan ini merupakan sebahagian daripada penglibatan dan komitmen BMMB dalam menyediakan pembiayaan perniagaan berdasarkan syariah kepada para pelanggan. Pembiayaan yang diberikan kepada syarikat pengangkutan berkenaan mampu memberi keselesaan kepada rakyat negeri Perak selari dengan hasrat kerajaan rakyat didahului pencapaian diutamakan²³⁵.

Bersempena dengan kempen Gadai Janji Komuniti Muamalat (MCM), BMMB telah menganjurkan Program Gadai Janji Komuniti Muamalat pada Mac 2011 dengan kerjasama Surau Al-Ittihadiyyah Seksyen 9 bertempat di Shah Alam

²³⁴“*1Malaysia Young Entrepreneur Challenge (1MYEC)*”
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/marketplace/2011/1myec-program.html>, akses pada 15 November 2011.

²³⁵“Majlis Menandatangani Perjanjian Pembiayaan Antara The Combined Bus Services Sdn Bhd Dengan Bank Muamalat”,<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/marketplace/2011/maj-menandatangani-tcbs-bm.html>, akses pada 15 November 2011.

Selangor. Program ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan pakej baru pembiayaan semula perumahan bank ini di samping mewujudkan kesedaran berkaitan jenama dan imej BMMB di dalam pasaran²³⁶.

Selain dari program berbentuk pembiayaan dan sebagainya BMMB juga turut mengukuhkan hubungan perniagaannya dengan pelanggan melalui aktiviti kesukanan. Atas semangat itu, BMMB telah mengadakan pertandingan bowling persahabatan antara wakil kakitangan BMMB bersama-sama dengan CMCA (*Central Management Catalogue Agency Malaysia Sdn. Bhd*) pada Jan 2011 yang lalu. Aktiviti berbentuk riadah dan sukan ini mampu mengekalkan semangat saling hormat menghormati dan saling mempercayai antara bank dan juga pelanggan yang secara tidak langsung dapat memberi sokongan kepada BMMB tersebut²³⁷.

3.3 Pelaksanaan CSR di Affin Bank Berhad

3.3.1 Pengenalan

Affin Bank Berhad merupakan anak syarikat milik penuh Affin Holding Berhad yang tersenarai di Bursa Malaysia. Ia memulakan operasinya pada Januari 2001 berikutan dengan penggabungan antara Perwira Affin Bank Berhad dan BSN Commercial (M) Berhad pada Ogos 2000. Pada Jun 2005 ia bergabung pula dengan Affin –ACF Finance Berhad. Sehingga sekarang bank ini mempunyai 82

²³⁶“Muamalat Community Mortgage (MCM)”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/marketplace/2011/muamalat-community-mortgage.html>, akses pada 15 November 2011.

²³⁷“Program Kejohanan Bowling Persahabatan Antara BMMB vs CMCA”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2011/kejohanan-bowling-BMMB-CMCA.html>, akses pada 15 November 2011.

cawangan di seluruh negara dan sedang di dalam proses untuk menaiktarafkan cawangan-cawangannya untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat.

Bank ini menyediakan perbankan runcit dan korporat kepada pelanggan-pelanggannya. Unit perniagaan bagi bank ini terdiri daripada perbankan perusahaan (*enterprise banking*), perbankan pengguna (*consumer banking*), hutang dan pasaran modal (*debt and capital market*) dan juga sewa beli. Bagi *consumer banking*, Affin Bank menyediakan produk kad kredit, pinjaman peribadi, gadai janji dan juga deposit. Produk *enterprise banking*nya ditawarkan kepada syarikat-syarikat, pelanggan-pelanggan institusi dan perkhidmatan dalam perbankan korporat, pembiayaan kontrak dan pembiayaan perdagangan. *Enterprise banking* ini telah memainkan peranan penting sebagai pengantara kepada unit-unit bisnes yang lain melalui kontrak dan peluang²³⁸.

Moto “Perbankan Tanpa Batasan” mengambarkan tiadanya sempadan dan batasan dalam proses-proses yang dilakukan oleh Affin Bank dan juga pendiriannya dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggannya. Ia juga membawa maksud menjangkau hingga kepada pelanggannya, iaitu meningkatkan hubungan baik dengan mereka, menjadikan setiap dari mereka tidak hanya sebagai yang terpilih tetapi juga diberi hak keistimewaan di samping meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan tersebut. Kesimpulannya, Affin Bank mengambil pendekatan baru dalam perbankan dan dalam usaha merubah wajah perbankan konvensionalnya²³⁹.

²³⁸<http://www.affinbank.com.my/corporate/history.html> , 8 Julai 2009.

²³⁹*Ibid.*

Affin Islamic Bank yang merupakan anak syarikat bagi Affin Bank mula beroperasi pada April 2006 merupakan sebuah bank yang beroperasi sepenuhnya mengikut landasan Syariah Islam dan menawarkan ruang lingkup yang luas dalam menawarkan produk-produk perbankan Islam dan perkhidmatan yang meliputi perbankan perusahaan dan runcit²⁴⁰.

3.3.2 Visi

Bank ini mempunyai visi untuk menjadi sekutu utama dalam pertumbuhan kewangan dan perkhidmatan yang inovatif²⁴¹.

3.3.3 Misi

Affin Bank mempunyai misi untuk menyediakan penyelesaian kewangan dan perkhidmatan yang inovatif kepada pelanggan-pelanggan sasaran untuk meningkatkan kadar keuntungan dan mewujudkan nilai kepada pemegang-pemegang saham dan juga pihak berkepentingan. Untuk melakukan demikian, bank ini menyediakan peluang kepada pekerja untuk menyumbang, menonjol dan menjadi kompetetif dalam menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan kepada pelanggan. Bank ini juga akan menjalankan perniagaan dengan penuh berintegriti dan profesional dengan memenuhi prinsip-prinsip amalan urus tadbir yang baik di samping berdisiplin dalam meningkatkan jumlah pinjaman dengan menetapkan pendirian tiada toleransi terhadap NPL (hutang ragu).²⁴²

²⁴⁰Ibid.

²⁴¹Ibid.

²⁴²Ibid.

3.3.4 Nilai-nilai yang dipegang

Dalam melaksanakan operasi perniagaannya, terdapat nilai-nilai yang dipegang bagi memastikan setiap pihak berkepentingan mendapat faedah dari operasi bank dan juga memperolehi kepuasan dalam mendapatkan perkhidmatan di bank ini. Yang pertama ialah, perkhidmatan kepada pelanggan. Dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan, nilai-nilai yang diutamakan²⁴³ ialah pelanggan akan diutamakan dalam setiap aspek dan kualiti dalam memberi perkhidmatan diberikan penekanan untuk memastikan kepuasan pelanggan terjamin dan sekaligus dapat meningkatkan prestasi bank.

Yang kedua ialah, perkhidmatan kepada bank itu sendiri. Dalam memberikan perkhidmatan kepada bank, nilai-nilai seperti kesetiaan, komitmen yang menyeluruh, dan kejayaan melalui kerjasama²⁴⁴ dipraktikkan bagi memastikan operasi syarikat akan berjalan lancar dan menambahkan kecekapan bank dalam menyediakan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan. Dan yang ketiga ialah nilai-nilai yang dipegang dalam melaksanakan kerja. Antara nilai-nilai yang diamalkan oleh bank ini ialah disiplin, integriti, kerendahan hati, penyayang, dan kreativiti²⁴⁵.

²⁴³Ibid.

²⁴⁴Ibid.

²⁴⁵Ibid.

3.3.5 Pelaksanaan CSR di Affin Bank

Tanggungjawab sosial korporat di Affin Bank bermula secara rasmi dengan penubuhan Affin Care. Affin Care dibentuk pada 2004 dan didaftarkan secara rasmi dengan *National Registerar* pada Julai 2006. Ianya merupakan hasil cetusan idea daripada CEO bank ini iaitu Dato' Seri Hamidy dengan sokongan daripada bekas ketua pegawai sumber manusia Encik Ahmad Ghuzal. Sebagai salah sebuah GLC, CSR menjadi salah satu daripada polisi korporat sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Buku Perak bagi GLC. Oleh itu, CSR ini dilaksanakan secara rasmi dan dilaporkan sebagai sebahagian dari operasi bank.

Tidak seperti bank-bank lain atau organisasi korporat yang lain, pelaksanaan CSR di Affin Bank tidak diletakkan di bawah satu unit yang khas sebaliknya ianya diuruskan oleh Affin Care yang merupakan satu persatuan sukarelawan yang ditubuhkan oleh pihak bank ini untuk menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan CSR. Affin Care ini turut dibantu oleh Divisyen Komunikasi Korporat bank dalam melaksanakan program-program CSR²⁴⁶.

Tanggungjawab Affin Bank terhadap tanggungjawab sosial korporatnya tidak hanya disebabkan oleh terikat dengan polisi yang telah ditetapkan namun, lebih dari itu, kesedaran tersebut lahirnya dari ketaatan terhadap Allah dan iaitu keprihatin dalam memelihara hubungan yang baik dengan individu masyarakat dan alam sekitar secara menyeluruh dan ianya menjadi sebab yang utama yang mendorong bank ini terlibat dengan CSR. CSR juga dilihat sebagai satu tanggungjawab agama yang perlu dipatuhi bukan hanya disebabkan oleh polisi tetapi lebih kepada ketaatan terhadap Allah. Ketaatan terhadap Allah mendorong

²⁴⁶Temubual bersama pegawai dari Affin Bank Berhad pada 18 Disember 2009.

individu dan korporat untuk melakukan kebajikan di atas muka bumi ini dengan menitikberatkan hubungan antara manusia dengan Allah dan juga hubungan manusia sesama manusia di samping hubungan dengan alam sekitar²⁴⁷.

Selain itu, CSR juga telah menjadi buah mulut di dalam setiap organisasi yang memberi perhatian dalam mencari keseimbangan antara mengaut keuntungan dan keprihatinan kepada masyarakat sekeliling. Komitmen dalam CSR dapat membantu menyeimbangkan operasi perniagaan yang bermatlamatkan pemaksimuman keuntungan di samping tidak mengabaikan kepentingan masyarakat sekeliling. Kerana, aktiviti perniagaan berfungsi untuk membantu membangunkan masyarakat ke tahap yang lebih baik²⁴⁸.

Program-program CSR yang dilaksanakan oleh bank ini ditumpukan kepada tiga kumpulan pihak berkepentingannya iaitu para pekerja, Angkatan Tentera Malaysia, dan juga para pelanggannya sama ada pelanggan sedia ada atau pelanggan baru. Kumpulan sasaran ini juga merangkumi para pekerja itu sendiri dan juga ahli keluarganya, anggota Angkatan Tentera Malaysia dan ahli keluarga mereka, serta asnaf zakat yang terdiri daripada fakir, miskin, anak yatim, dan juga muallaf. Ianya juga turut merangkumi seluruh anggota masyarakat sama ada yang beragama Islam ataupun tidak, badan-badan kebajikan sekolah-sekolah dan sebagainya²⁴⁹.

Bank ini memperuntukkan keseluruhan dana zakat perniagaan yang perlu dibayar bagi membiayai program-program CSR. Dana zakat tersebut digunakan khas untuk aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat Islam. Sebagaimana yang

²⁴⁷*Ibid.*

²⁴⁸Risalah Affin Bank Berhad.

²⁴⁹Temubual bersama pegawai dari Affin Bank Berhad pada 18 Disember 2009.

diketahui, dana zakat adalah khusus untuk masyarakat Islam sahaja dan perlu diserahkan kepada yang berhak. Selain itu, bank ini juga mempunyai peruntukan tersendiri di bawah Affin Care yang digunakan untuk membiayai sebarang aktiviti yang lebih bersifat umum. Dengan dana ini, setiap ahli masyarakat tanpa mengira agama berhak untuk sama-sama mendapat manfaat darinya²⁵⁰.

3.3.6 Program-program CSR yang dijalankan

Seiring dengan moto ‘Perbankan Tanpa Batasan’, falsafah CSR di Affin Bank ialah untuk menjadi bertanggungjawab dengan cara yang tersendiri. Pelaksanaan CSR di Affin Bank seharusnya berbeza dari institusi yang lain. Pertama, setiap aktiviti CSR yang ingin dilakukan mesti memberikan perbezaan dan perubahan. Kedua, pendekatan dalam program CSRnya juga harus berbeza. Dalam erti kata yang lain, strategi CSR bank ini ialah untuk memaksimumkan impak dan kesan yang diterima oleh masyarakat dan ianya dicapai dengan mengurangkan batasan peraturan birokrasi yang berlebihan, batasan golongan dan darjah serta batasan adat²⁵¹.

Dalam melaksanakan program CSR, bank ini telah menubuhkan Affin Care bagi menguruskan program-program kebajikan bank ini. Affin Care merupakan satu bahagian yang penting dalam organisasi bank ini dan merupakan platform yang penting bagi bank dalam melaksanakan aktiviti CSR. Fokus CSR bank ini ialah pada bidang-bidang yang telah ditetapkan seperti kemiskinan, bencana alam, dan juga pendidikan. Aktiviti-aktiviti ini diuruskan oleh ahli

²⁵⁰*Ibid.*

²⁵¹Risalah Affin Bank Berhad.

persatuan yang merupakan tenaga kerja dalam Affin Bank ini yang bertindak secara sukarela dalam memberi sumbangan kepada masyarakat²⁵².

Antara aktiviti yang dilakukan oleh Affin Care ialah majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan saudara baru, sumbangan zakat kepada keluarga miskin dan memerlukan di seluruh negara, sumbangan wang ringgit kepada sekolah-sekolah di seluruh Malaysia, sumbangan derma kepada rumah-rumah kebajikan, program kesihatan dan khidmat masyarakat, sumbangan wang kepada rakyat miskin untuk mendirikan rumah, serta sumbangan-sumbangan lain yang berbentuk harta benda dan wang ringgit.

3.3.6.1 Pekerja dan ahli keluarga

Aktiviti CSR yang dijalankan oleh bank ini dilaksanakan mengikut kumpulan sasaran yang telah ditetapkan. Yang pertama ialah para pekerja dan ahli keluarganya. Antara bentuk program yang dilaksanakan bagi kumpulan ini ialah memperkenalkan Affin EducAid sebagai bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja untuk melanjutkan pelajaran. Program-program yang terkandung di bawah Affin EducAid ini ialah program subsidi sekolah rendah, anugerah kecemerlangan untuk pelajar PMR dan juga SPM, program biasiswa kepada pelajar yang layak, dan juga program latihan bagi pelajar lepasan SPM²⁵³. Program pendidikan ini disediakan oleh Affin Bank kepada anak-anak stafnya sebagai satu bentuk bantuan bagi meringankan beban para pekerjanya. Di

²⁵²*Ibid.*

²⁵³*Ibid.*

samping itu, program sedemikian dapat juga memberikan motivasi kepada anak-anak tersebut untuk lebih berjaya dalam pelajaran²⁵⁴.

Selain itu, Affin Bank turut mengadakan kempen derma darah yang disertai oleh para pekerjanya pada April 2010. Kempen ini sebagai satu langkah membantu pihak Tabung Darah Negara dalam meningkatkan jumlah simpanan darah di samping mendidik para pekerjanya supaya prihatin dengan nasib orang yang memerlukan²⁵⁵.

3.3.6.2 Kumpulan Angkatan Tentera Malaysia

Bank ini memperuntukkan sejumlah sumbangan setiap tahun kepada Yayasan Warisan Perajurit sebagai sumbangan tahunan kepada golongan ini. Sumbangan tersebut akan diuruskan oleh yayasan tersebut untuk diagihkan dan digunakan untuk program-program berkaitan²⁵⁶. Affin Bank telah memperuntukan sebanyak RM2 juta untuk diberikan kepada kumpulan ini setiap tahun. Namun, pada tahun 2010, Affin Bank telah menyumbang sebanyak RM3 juta kepada Yayasan Warisan Perajurit bagi melaksanakan program-program pendidikan dan kebijakan kepada ahli dan juga keluarganya sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang telah bersara. Dana tersebut akan diagihkan kepada ahli kumpulan yang memerlukan.

Selain dari itu, bagi menghargai sumbangan dan pengorbanan anggota tentera yang berkhidmat bagi menjaga keamanan dan keselamatan negara terutamanya yang bertugas di luar negara, Affin Bank telah menyumbangkan

²⁵⁴*Ibid.*

²⁵⁵ http://www.affinbank.com.my/corporate/Affinbank_ar2010.pdf, akses pada 1 Disember 2011.

²⁵⁶Risalah Affin Bank Berhad.

sebanyak RM100,000 pada September 2008 yang lalu bagi berkongsi kemeriahkan Ramadhan dengan anggota tentera yang bertugas di luar negara²⁵⁷. Sumbangan ini telah meningkat berbanding tahun 2007 sebagai bukti Affin Bank prihatin terhadap perjuangan dan pengorbanan anggota tentera. Sumbangan ini merupakan lambang terima kasih Affin Bank kepada Angkatan Tentera Malaysia yang sentiasa berkorban menjaga keamanan dan keselamatan negara di samping bertindak sebagai duta dalam mempromosikan kepelbagaiannya bangsa dan budaya negara ketika bertugas dalam misi luar negara juga sebagai individu yang rela berkorban dalam operasi menyelamat. Affin Bank juga telah memberikan sumbangan secara berterusan bagi sambutan Ramadhan untuk warga ATM sejak lapan tahun yang lalu. Ini merupakan komitmen Affin Bank sebagai warga korporat yang bertanggungjawab kepada mereka yang bertarung nyawa untuk negara. Dengan itu, hari raya menjadi lebih bermakna bukan hanya untuk anggota tentera tetapi juga seluruh rakyat negara Malaysia. Affin Bank melalui persatuan kebajikan Affin Care turut menyumbangkan tenaga membungkus ribuan bungkus hari raya yang dihantar ke luar negara untuk anggota tentera menjelang Aidilfitri. Dengan bungkus tersebut, sedikit sebanyak dapat mengubat kerinduan anggota tentera kepada tanah air di samping dapat memeriahkan Aidilfitri walaupun mereka jauh berada di rantauan²⁵⁸.

Affin Bank turut menaja Pameran Pertahanan dan Keselamatan Kerajaan bagi Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) pada 2010. Sebagai bank rasmi untuk aktiviti pertahanan dan ketentaraan negara, Affin Bank percaya portfolionya

²⁵⁷“AFFINBANK shares raya delight with armed forces personnel”, <http://www.affinbank.com.my/news/040908bi.htm>, akses pada 19 November 2011

²⁵⁸*Ibid.*

terhadap produk pembiayaan akan memberi faedah kepada PKS dan syarikat lain untuk turut terlibat dalam sektor pertahanan. Kolaborasi yang baik antara institusi kewangan dan industri strategik dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan pengukuhan sektor pertahanan dalam negara²⁵⁹

3.3.6.3 Masyarakat

Dan kumpulan yang ketiga ialah masyarakat umum secara keseluruhannya. Antara program yang dijalankan bagi kumpulan ini ialah majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan muallaf, khidmat masyarakat dan program kesihatan kepada orang asli, sumbangan pakaian sekolah kepada kanak-kanak miskin tegar, program anak angkat dan sekolah angkat, sumbangan kepada badan-badan kebajikan dan sekolah-sekolah serta sumbangan mendirikan rumah kepada golongan miskin tegar di seluruh Malaysia²⁶⁰.

Sebagai contoh pada September 2008, Affin Bank Berhad telah meneruskan tradisinya dengan mengadakan majlis berbuka puasa bersama-sama 128 orang anak yatim dan 30 orang saudara baru dari sekitar Lembah Kelang. Majlis berbuka puasa ini telah diadakan di ibu pejabat Affin Bank di Kuala Lumpur dan dihadiri oleh Lembaga Pengarah, pengurusan tertinggi dan juga staf serta kakitangan Affin Bank, Affin Islamic dan Affin Investment Bank. Majlis ini diadakan bagi meraikan anak-anak yatim dan saudara baru sebagai satu bukti bahawa nasib golongan ini tidak diabaikan oleh sektor korporat. Pada majlis tersebut juga anak-anak yatim dan saudara baru tersebut diberikan duit raya dalam

²⁵⁹ “Affin Bank Berhad joins leading companies as Official Sponsors of Asia's largest defence and security exhibition”, <http://www.affinbank.com.my/news/08042010bi.html>, akses pada 1 Disember 2011.

²⁶⁰ Risalah Affin Bank Berhad.

bentuk buku penyata akaun simpanan sebagai sumbangan dan persediaan untuk menghadapi Aidilfitri yang menjelang tiba. Aktiviti yang dijalankan seperti ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesedihan anak-anak yatim dan saudara baru ini dalam menyambut Ramadhan tanpa keluarga yang disayangi²⁶¹.

Selain itu, Affin Bank juga turut memberi sumbangan kepada program Pertandingan Melukis Wiraku, Patriotisme: Ke Arah Satu Malaysia. Pertandingan yang dianjurkan oleh Balai Seni Lukis Negara dengan kerjasama MUBARAK (Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia) ini ditaja sepenuhnya oleh Affin Bank. Pertandingan ini diadakan sebagai satu cara untuk menghalusi dan memperincikan konsep satu Malaysia yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Dato Seri Najib Tun Razak. Konsep 1Malaysia merupakan satu konsep sosio-politik yang berteraskan cita-cita untuk membina satu era baru Malaysia melalui transformasi yang besar. Ianya bermatlamatkan untuk mewujudkan dan menghuraikan aspek-aspek budaya kecemerlangan. Konsep ini menjadi antara titik mula dalam membentuk perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Pertandingan melukis ini merupakan antara usaha yang dijalankan bagi membantu negara dalam menterjemahkan konsep satu Malaysia ini menjadi dasar dan program perjuangan nasional yang efektif dan bermanfaat. Program ini telah disertai oleh seramai 585-600 orang pelajar dari 195 buah sekolah (SK, SJK Cina, SJK India) di kawasan Lembah Klang. Program ini secara tidak langsung dapat mendidik dan memupuk semangat patriotik ke dalam diri para pelajar tersebut²⁶².

²⁶¹ “AFFINBANK rai Ramadhan bersama kanak-kanak kurang bernasib baik dan saudara baru”, <http://www.affinbank.com.my/news/190908bm.html>, akses pada 1 Disember 2011.

²⁶² “Affinbank Sumbang RM150,000 Kepada Program Pertandingan Melukis Wiraku, Patriotisme:

Selain itu Affin Bank turut menyumbangkan dana kepada program ‘*Young Voices For Conservation*’ yang bertujuan untuk memupuk semangat dan tenaga muda dalam menghasilkan perubahan positif dalam diri remaja dan juga masyarakat di sekeliling. Program sekolah ini dianjurkan oleh *Treat Every Environment Special Sdn Bhd* (TrEES) dan melibatkan 15 buah sekolah. Program ini bertujuan untuk membangunkan dan menghasilkan pemimpin masa hadapan yang prihatin terhadap alam sekitar. Program ini memberi peluang kepada pelajar meneroka dan mencurahkan idea serta kreativiti masing-masing di samping menyerlahkan bakat yang tersembunyi di dalam diri. Program selama enam bulan ini menghendaki pelajar bertindak sebagai mentor kepada rakan-rakan kelas mereka dengan matlamat untuk meningkat kesedaran terhadap peranan individu dalam memelihara alam sekitar. Affin Bank sebagai pengajur turut mengambil bahagian dalam program tersebut dengan menyediakan latihan kewangan dan *mentorship* kepada kumpulan projek pelajar. Melalui latihan tersebut, para pelajar dapat mempelajari kaedah dan cara untuk menyediakan perbelanjaan yang mana tidak pernah dilakukan oleh para pelajar tersebut sebelum ini. Melalui program ini, sekolah yang terbaik dipilih dan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM18500 yang disumbangkan oleh Affin Bank²⁶³.

Selain memberi sumbangan dalam bentuk penajaan, Affin Bank turut melangkah lebih jauh dalam membantu golongan yang memerlukan. Contohnya pada Ogos 2009 yang lalu, Affin Bank telah menyiapkan pembinaan 20 buah

Ke Arah Satu Malaysia”, <http://www.affinbank.com.my/news/250609bm.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

²⁶³“Prize-Giving and Closing Ceremony Trees' School Programme 2011 ~ Young Voices For Conservation”, <http://www.affinbank.com.my/news/15112011bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

rumah untuk rakyat termiskin di kawasan Parlimen Rompin Pahang. Pembinaan rumah tersebut merupakan sebahagian daripada program Pembinaan Rumah Rakyat Termiskin Affin Bank yang melibatkan kos sebanyak RM600,000 yang dibiayai oleh Dana Zakat Perniagaan Affin Islamic. Projek pembinaan rumah untuk rakyat termiskin ini telah dilaksanakan oleh Affin Bank sejak 2005 yang menjadi tonggak utama kepada program CSR di Affin Bank. Bagi setiap projek yang dijalankan Affin Bank telah bekerjasama dengan kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam bagi memastikan kelancaran program tersebut²⁶⁴.

Program yang sama turut dijalankan di Bukit Katil Melaka di mana Affin Bank bersama-sama anak syarikatnya Affin Islamic Bank Berhad dengan kerjasama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah merasmikan pembukaan taman perumahan untuk rakyat termiskin pertama di Malaysia yang dikenali sebagai Taman Rumahku Syurgaku di Kampung Tun Abdul Razak, Bukit Katil Melaka. Untuk projek ini, Affin Bank telah membelanjakan sebanyak RM2 juta bagi membina 50 unit rumah tiga bilik yang dilengkapi dengan perabot di tanah seluas empat hektar yang telah disediakan oleh MBMB. Sehingga kini Affin Bank telah membina hampir 200 unit rumah untuk rakyat termiskin di sekitar Kelantan, Pahang, Kedah, Terengganu dan Sabah. Program ini merupakan antara satu cara Affin Bank membanteras kemiskinan selaras dengan motonya perbankan tanpa batasan. Usaha yang dijalankan ini dapat memberi kesan yang lebih mendalam dan manfaat yang berpanjangan kepada penerima bantuan. Selain menyediakan rumah Affin Bank melalui Affin Care turut menjalankan

²⁶⁴“ AFFINBANK Kembang Projek Pembinaan Rumah Rakyat Termiskin Ke Pahang Bank Salur Wang Zakat RM600,000.00 Bagi Pembinaan 20 Buah Rumah Untuk Rakyat Termiskin”, <http://www.affinbank.com.my/news/140809bm.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

tanggungjawabnya dengan membaiki rumah-rumah yang musnah akibat bencana, membaiki sekolah-sekolah agama serta menyumbangkan keperluan asas kepada golongan miskin, anak-anak yatim, golongan kurang upaya dan saudara baru²⁶⁵.

Selain itu, Affin Bank turut menjalankan tanggungjawab sosialnya melalui penawaran produk-produk yang produktif dan berorientasikan sosial. Antaranya ialah *Term Financing Arrangement* yang diadakan dengan UMP Holding Sdn Bhd untuk membeli aset bagi menyokong pertumbuhan kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP). Buat masa ini UMPH telah menyewa pelbagai aset komersial untuk digunakan sebagai kampus, pusat pentadbiran dan fasiliti-fasiliti berkaitan. Sekiranya aset-aset ini dapat dimiliki sepenuhnya oleh UMPH, ianya akan menyediakan lebih banyak peluang dan ruang yang fleksibel bagi perkembangan dan pembangunan kampus²⁶⁶.

Atas sebab itu, UMPH telah memperolehi tiga pembiayaan jangka (*term financing*) daripada Affin Islamic Bank bernilai RM137.7 juta bagi membiayai keperluan tersebut. Hubungan yang dimeterai antara bank dan institusi pengajian tinggi ini dapat memberikan pulangan yang baik kepada kedua-dua belah pihak di masa akan datang. Inisiatif yang dijalankan oleh Affin Bank ini merupakan antara medium untuk mengukuhkan keberadaan bank ini dalam pasaran di samping menyediakan peluang kepada pelanggan untuk memilih pembiayaan Islam sebagai alternatif kepada pakej pembiayaan konvensional. Produk yang inovatif

²⁶⁵“AFFINBANK & Kerajaan Negeri Melaka Lancar Taman Perumahan Untuk Rakyat Termiskin Pertama Di Malaysia”, <http://www.affinbank.com.my/news/310509bm.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

²⁶⁶“AFFIN ISLAMIC Supports Growth Of UMP Holdings Sdn Bhd (UMPH) With Term Financing Facility”, <http://www.affinbank.com.my/news/01032010bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

ini juga selaras dengan hasrat kerajaan dalam memenuhi permintaan yang semakin tinggi terhadap produk perbankan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai hub kewangan Islam. Produk yang disediakan ini dapat membantu perkembangan dan pertumbuhan sistem pendidikan di negara ini di samping dapat menggalakkan masyarakat menghapuskan amalan riba²⁶⁷.

Selain dari UMP, Affin Bank turut membayai pembinaan dan pembangunan Kolej Universiti Insaniah di Kedah bersama-sama dengan Bank Islam Malaysia Berhad. Affin Bank sebagai pengurus bersama (*co-arranger*) menyediakan sebanyak RM130 juta untuk tujuan tersebut. Fasiliti berasaskan bay' al-inah digunakan untuk membayai keseluruhan pembinaan dan pembangunan KUIN dan lain-lain kos yang berkaitan. KUIN yang bermula sebagai Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) telah dinaiktarafkan menjadi universiti pada May 2006 oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Dengan kemasukan pelajar seramai 4000 orang pembinaan kemudahan yang lebih baik dan selesa amat diperlukan oleh KUIN ini. Melalui pembiayaan ini, secara tidak langsung, Affin Bank telah menyumbang dalam meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan IPTA di Malaysia²⁶⁸.

Affin Bank juga telah mengadakan kempen bagi menggalakkan masyarakat menyimpan dan menabung untuk masa hadapan. Kempen simpanan deposit *Oh My Goshh* (O.M.G) bermula pada 1 September 2010 sehingga 30 April 2011 telah menarik minat sehingga 9.7 juta penyertaan dan 70000

²⁶⁷ *Ibid.*

²⁶⁸“AFFIN ISLAMIC Participates In RM330 Million Syndication Facility For Construction Of Kolej Universiti Insaniah”, <http://www.affinbank.com.my/news/22022010bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

daripadanya adalah pelanggan baru bagi Affin Bank. Pemenang-pemenang bagi peraduan ini menerima hadiah berbentuk wang tunai yang bernilai RM1.2 juta. Walaupun kempen ini dilihat lebih bersifat keuntungan namun, dengan aktiviti yang dijalankan ini, masyarakat akan berlumba-lumba untuk membuat simpanan dan mengurangkan perbelanjaan. Perbelanjaan yang sederhana memberikan impak yang positif dalam ekonomi kerana ia akan menambahkan pengeluaran yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara²⁶⁹.

Selain itu, Affin Bank turut menyediakan produk perbankan untuk warga emas dengan pelancaran produk baru iaitu AffinGOLD, akaun simpanan yang diwujudkan khas untuk warga emas. Produk AffinGOLD dan AffinGOLD-i merupakan akaun simpanan yang membolehkan pendeposit memperoleh kadar keuntungan yang tinggi berbanding produk-produk deposit tetap yang ada di pasaran. Warga emas kebiasaannya mencari produk perbankan yang dapat memberikan pulangan yang baik terhadap pelaburan mereka. Oleh itu, produk AffinGOLD ini dibangunkan untuk membantu pelanggan memaksimumkan simpanan mereka sebagai persediaan untuk menghadapi masa hadapan yang lebih selesa dan terjamin. Produk ini juga menyediakan liputan kemalangan peribadi secara percuma, diskau terhadap produk insurans am dan sebagainya. Penawaran produk ini walaupun lebih bersifat keuntungan ianya turut memberi perhatian terhadap keperluan warga emas dalam memastikan kehidupan di masa akan datang golongan lebih terjamin²⁷⁰.

²⁶⁹“O.M.G! RM1.2 Billion Deposits by AFFIN BANK”, <http://www.affinbank.com.my/news/20052011bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

²⁷⁰“Affinbank Launches New Savings Account For Senior Citizens To Increase Deposits Growth”, <http://www.affinbank.com.my/news/191009bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

Sebagaimana BMMB, program-program yang dijalankan ditumpukan kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang tertentu. Sumbangan yang dilakukan lebih menjurus kepada aktiviti-aktiviti yang dapat memberi manfaat serta dapat memberikan kesan kepada masyarakat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

3.4 Kesimpulan

Penglibatan dalam program-program CSR oleh institusi perbankan Islam negara ini menjadikan institusi tersebut tidak hanya menjalankan operasi perniagaan semata-mata tetapi turut juga menjadi sebuah institusi kebajikan yang sentiasa bersedia untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama. Program-program yang dilaksanakan oleh BMMB dan juga Affin Bank Berhad secara keseluruhannya mampu memberikan impak yang baik kepada masyarakat dalam mengubah kualiti hidup mereka khususnya dan membangunkan ekonomi negara secara amnya.

BAB 4: ANALISIS PERBANDINGAN CSR DI BANK

MUAMALAT (M) BERHAD DAN AFFIN BANK BERHAD.

4.0 Pengenalan

Institusi perbankan Islam sebagai sebuah badan korporat seharusnya melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dengan berlandaskan ajaran Syariah Islam yang boleh dilihat sebagai tanggungjawab wajib dan tanggungjawab sunat. Rasulullah s.a.w dan para sahabat baginda telah memberikan panduan kepada umat Islam mengenai tanggungjawab-tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seseorang individu korporat terhadap masyarakat. Dalam tanggungjawab wajib, terdapat dua kategori yang perlu dipatuhi oleh badan korporat iaitu melaksanakan perkara yang wajib dan mengelakkan perkara yang dilarang dalam Islam.

Selain melakukan perkara wajib, institusi perbankan Islam juga digalakkan untuk melaksanakan tanggungjawab sunat (sunnah CSR) contohnya seperti amalan berkorban, memberi sedekah, menyediakan keperluan anak yatim dan sebagainya. Perkara-perkara atau aktiviti yang di anggap sebagai program CSR dari sudut pandangan konvensional adalah merupakan tanggungjawab yang amat digalakkan dalam Islam selagi mana ianya tidak bersalahan dengan aturan syariat Islam.

4.1 Analisis Perbandingan CSR di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad

4.1.1 Teori CSR Menurut Ekonomi Konvensional dan Pelaksanaannya

Terdapat tiga teori CSR konvensional yang diketengahkan dalam penulisan ini. Pertama ialah hubungan antara CSR dan CFP. Walaupun tiada bukti dan statistik kukuh yang dapat menunjukkan perkaitan antara CSR dan CFP namun kedua-duanya mempunyai hubungan yang saling mengikat antara satu sama lain. Ini dapat dilihat secara tidak langsung melalui pelaksanaan CSR yang dijalankan oleh kedua-dua buah bank kajian. Pelaksanaan CSR sedikit sebanyak turut menyumbang dalam meningkatkan prestasi kewangan syarikat. Kedua-dua bank telah menyediakan produk-produk pembiayaan yang bersifat kebijakan sosial seperti ‘perjanjian pembiayaan antara BMMB dengan *The Combined Basic Services Sdn. Bhd.*’ dan ‘Kempen Simpanan Deposit Oh My Goshh (O.M.G) Affin Bank Berhad. Kedua produk dan kempen yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan keuntungan bagi syarikat dan meningkatkan prestasi kewangan korporat. Selain itu, peningkatan dalam CFP juga boleh dilihat melalui pembayaran zakat perniagaan oleh kedua-dua buah bank ini. Peningkatan jumlah pembayaran zakat perniagaan menunjukkan wujudnya pertambahan dalam jumlah keuntungan yang diterima oleh kedua bank ini.

Kedua ialah tanggungjawab sosial bagi ahli perniagaan. Sesebuah perniagaan bermatlamat untuk memperoleh keuntungan melalui aktiviti perniagaan yang dilakukan. Keuntungan merupakan fokus utama kebanyakan syarikat perniagaan. Namun sektor korporat juga perlu sedar mengenai peranan

yang perlu dimainkan iaitu sebagai penyedia keperluan masyarakat dalam pasaran di samping pihak kerajaan. Sektor korporat bertanggungjawab dalam menyediakan keperluan masyarakat yang tidak dapat disediakan sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Ini bagi membantu mengurangkan bebanan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Oleh sebab itu, sebuah syarikat korporat perlu menjalankan tanggungjawabnya bagi memastikan kebijakan dan keperluan masyarakat dipenuhi. Tanggungjawab ini dapat dilihat contohnya melalui program-program yang dilaksanakan oleh BMMB dan Affin Bank Berhad. BMMB banyak memberikan sumbangan dan derma kepada institusi pendidikan untuk memantapkan lagi institusi tersebut. Contohnya seperti bantuan yang diberikan kepada Pondok Pengajian Madrasah Ahmadiah al-Diniah al-Islamiah, Kampung Kuala Beris, Sik, Kedah Darul Aman bagi membaik pulih pusat pengajian tersebut. Contoh yang kedua dapat dilihat melalui pembinaan rumah bagi rakyat termiskin melalui program Pembinaan Rumah Rakyat Termiskin Affin Bank. Kedua-dua bentuk program ini merupakan tanggungjawab yang dimainkan oleh sektor korporat dalam memenuhi keperluan semasa masyarakat.

Ketiga ialah peringkat pelaksanaan CSR. Carroll menggariskan empat peringkat tanggungjawab dalam pelaksanaan CSR iaitu tanggungjawab tanggungjawab ekonomi, tanggungjawab undang-undang, tanggungjawab etika dan tanggungjawab *philanthropic*. Keempat-empat peringkat tanggungjawab ini turut diberi perhatian oleh BMMB dan Affin Bank Berhad dalam melaksanakan program CSR mereka. Contohnya menyediakan kemudahan pembiayaan yang bersifat kebijakan sebagai satu bentuk tanggungjawab ekonomi. Selain itu,

memberikan sumbangan dan derma kepada individu dan institusi sebagai satu bentuk tanggungjawab etika di samping menyediakan kemudahan perumahan kepada rakyat yang memerlukan bagi memenuhi tanggungjawab filantropi.

Kesimpulannya, setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh bmmB dan affin bank memenuhi teori-teori yang telah dikemukakan oleh sarjana barat berkaitan pelaksanaan CSR.

4.1.2 Teori CSR Menurut Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya

Pelaksanaan CSR menurut ekonomi Islam melibatkan empat elemen yang utama iaitu taqwa, tauhid, ukhuwwah dan fardh. Keempat-empat elemen ini merupakan aspek penting yang menggerakkan aktiviti CSR di kedua-dua buah bank. Pertama, ketaqwaan kepada Allah s.w.t menjadikan manusia sentiasa berusaha melakukan kebaikan bagi menjaga hubungan dengan Allah s.w.t dan juga hubungan sesama manusia dan makhluk yang lain. Asas taqwa akan memastikan sektor korporat melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t dan meninggalkan apa yang dilarangNya. Tanpa ketaqwaan kepada Allah syarikat korporat akan merasakan pelaksanaan CSR merupakan sesuatu yang membebankan. Kedua, elemen tauhid iaitu mengesakan Allah s.w.t. Antara manifestasi yang dikemukakan dibawah elemen ini ialah Allah s.w.t merupakan pemilik mutlak sumber alam dan manusia merupakan khalifah bagi sumber alam tersebut. Sumber alam yang dijadikan ini dijadikan untuk kemudahan manusia dan digunakan bagi memenuhi matlamat *ubudiyyah* kepada Allah s.w.t. Oleh sebab itu, syarikat korporat perlu menjalankan CSR atas dasar tauhid kerana

segala bentuk kekayaan yang dimiliki hanya dipinjamkan oleh Allah s.w.t kepada manusia. Kekayaan itu juga perlu dinikmati secara bersama tanpa menafikan hak individu yang lain.

Ketiga, ukhuwwah atau persaudaraan. Setiap individu yang berpegang pada kalimah *La Ilaha Illa Allah* adalah bersaudara kerana asas persaudaraan dalam Islam adalah akidah Islamiyyah. Oleh kerana setiap individu adalah bersaudara, maka seharusnya sesama saudara saling mengambil berat dan saling membantu saudaranya yang dalam kesusahan. Sebagaimana sayangnya seseorang individu kepada saudara sedarah dengannya begitu jugalah yang seharusnya dilakukan bagi saudara seagama. Keempat, *fardh* atau tanggungjawab. Setiap manusia yang dijadikan Allah s.w.t menanggung tanggungjawab yang besar dan akan dipersoalkan kelak. Oleh sebab itu, bumi sebagai ladang kehidupan perlu disemai dengan segala bentuk benih yang baik dan berkualiti bagi menuai hasil yang terbaik di akhirat kelak. Setiap individu tidak hanya bertanggungjawab terhadap dirinya tetapi juga kepada orang yang berada di sekeliling. Setiap tindakan yang dilakukan sama ada baik atau buruk akan dihisab oleh Allah s.w.t kelak.

Program-program yang dilaksanakan oleh BMMB dan Affin Bank Berhad tidak terpesong dari keempat-keempat elemen ini. Kedua-dua buah bank yang bernaung di bawah institusi Islam sememangnya akan memastikan setiap aktiviti yang dijalankan tidak bercanggah dan menurut kehendak syariat. Sebagai contoh, ketaqwaan kepada Allah s.w.t dan persaudaraan sesama manusia mendorong Affin Bank menyediakan segala bentuk kemudahan yang diperlukan oleh

masyarakat kerana tidak mahu melihat saudara seagama berada dalam keadaan yang mengaibkan. Selain itu, elemen tauhid menimbulkan kesedaran kepada BMMB bahawa harta yang dimiliki merupakan milik Allah s.w.t dan ianya perlu diagihkan untuk dinikmati bersama oleh orang lain. Elemen ini menjadikan BMMB tidak lokek dalam memberi sumbangan dan derma kepada mereka yang memerlukan.

Kesimpulannya, setiap program dan aktiviti yang dijalankan oleh BMMB dan Affin Bank Berhad adalah berlandaskan syariat Islam dan tidak bercanggah dengan kehendak Allah s.w.t. Kedua-dua pusat kajian menjalankan tanggungjawab mereka bukan hanya sebagai peniaga yang mengaut keuntungan sahaja tetapi juga sebagai individu yang sentiasa mengharapkan keredhaan dari Allah s.w.t.

4.1.3 Pandangan Bank Terhadap Pelaksanaan CSR

Sekiranya bercakap mengenai tanggungjawab sosial, masyarakat tidak akan terlepas dari menganggap bahawa syarikat yang membuat kerja kebajikan sekadar hendak mengelak dari membayar cukai. Namun, tidak dinafikan syarikat yang melaksanakan tanggungjawab sosialnya akan mendapat pelepasan cukai sebagaimana yang telah dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam Ucapan Bajet 2009. Bahkan had potongan cukai tersebut turut dinaikkan dari 7% kepada 10%²⁷¹. Oleh itu, setiap syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk kebajikan akan mendapat kadar potongan cukai sebanyak 10% daripada perolehan syarikat.

²⁷¹Ucapan bajet 2009, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub09.pdf>, 16 Jun 2009.

Namun, bagi organisasi korporat Islam, pelaksanaan dalam CSR bukanlah semata-mata untuk lari dari membayar cukai, sebaliknya ia timbul dari kesedaran dalam melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Syariah Islam. Keadaan ini boleh dilihat melalui pelaksanaan CSR oleh bank-bank Islam di Malaysia. Perbankan Islam di Malaysia melaksanakan tanggungjawab sosial mereka atas kesedaran bahawa ianya merupakan tuntutan agama yang perlu diikuti oleh setiap organisasi korporat Islam. Sebagai contoh, bagi Affin Bank, walaupun CSR merupakan sebahagian daripada polisi bank yang telah ditetapkan, namun kesedaran yang datang dari ketaatan terhadap Allah s.w.t merupakan tonggak utama yang mendorong Affin Bank melaksanakan CSR, kerana kesedaran itu perlu wujud dalam diri setiap insan²⁷². Elemen ini telah menjadi pendorong kepada setiap individu umumnya dan organisasi korporat khasnya dalam melaksanakan tuntutan yang telah diamanahkan tersebut. Bahkan CSR juga telah menjadi buah mulut bagi setiap organisasi perniagaan dalam mengimbangi keperluan memaksimumkan keuntungan dengan kepentingan terhadap masyarakat²⁷³.

Pada pandangan BMMB pula, CSR menjadi obligasi yang perlu dilaksanakan melebihi obligasi yang lain²⁷⁴. Ia juga telah menjadi salah satu strategi pemasaran dalam memasarkan produk-produk perbankan bank ini. Sebagaimana yang disebut oleh pegawai dari BMMB,

“Kita melihat benda ini sebagai satu usaha untuk *marketing* kita juga....satu kita nak tonjolkan imej kita, yang kedua dari segi pemasaran produk kita.....contohnya bila kita buat program tu, kita

²⁷²Temubual bersama pegawai dari Affin Bank Berhad pada 18 Disember 2009.

²⁷³Risalah Affin Bank.

²⁷⁴Temubual bersama pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad pada 11 Disember 2009.

ambil kesempatan untuk memperkenalkan produk kita pada orang ramai²⁷⁵.

Dengan melaksanakan program CSR, BMMB mengambil peluang dalam memasarkan produk kewangan dan perkhidmatan mereka kepada masyarakat. Melalui aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan yang dilakukan, secara tidak langsung, bank ini boleh memperkenalkan produk mereka sama ada produk sedia ada ataupun produk baru yang masih belum mendapat perhatian. Sebagai contoh, membuka akaun bagi pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat desa. Ini secara tidak langsung mendidik kanak-kanak dan masyarakat untuk menabung di samping memperkenalkan jenis-jenis produk kewangan yang terdapat di bank ini. Imej baik syarikat juga dapat ditingkatkan melalui pelaksanaan CSR ini. Masyarakat akan lebih memandang tinggi syarikat korporat yang menjaga kepentingan dan kebijakan masyarakat berbanding dengan syarikat yang tidak mengendahkannya. Oleh itu, semakin banyak aktiviti berbentuk kemasyarakatan yang dijalankan, semakin terkenal sektor korporat tersebut di mata masyarakat.

4.1.4 Peruntukan dana

Salah satu daripada perkara wajib yang perlu dilaksanakan oleh syarikat korporat Islam secara amnya dan institusi perbankan Islam secara khususnya ialah membayar zakat perniagaan pada kadar 2.5% dari kadar keuntungan yang diperolehi. Di Malaysia, amalan membayar zakat perniagaan telah dilaksanakan oleh kebanyakan bank-bank Islam di Malaysia. Berdasarkan temu bual yang dilakukan di BMMB dan Affin Bank, kedua-dua bank ini membayar zakat

²⁷⁵Ibid.

perniagaan mereka dan dana yang diperolehi dari zakat tersebut diagihkan sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya untuk membiayai program-program kemasyarakatan dan kebajikan, yang boleh dianggap sebagai program-program CSR. Dana zakat yang diperolehi ini juga boleh diagihkan sendiri oleh bank tersebut atau diagihkan oleh badan yang berautoriti seperti pusat zakat, majlis agama dan juga baitulmal.

Sebagaimana amalan yang dilaksanakan oleh Affin Bank, keseluruhan dana zakat yang diperolehi akan diagihkan sepenuhnya oleh bank tersebut, tanpa mengagihkannya kepada pihak berautoriti. Dana zakat tersebut diagihkan sendiri oleh pihak bank kepada ahli masyarakat yang memerlukan sebagaimana yang dinyatakan oleh pegawai dari Affin Bank,

“Zakat ni kalau *compared* dengan orang lain dia akan bayar melalui pusat zakat. *We are the first bank* yang gunakan duit zakat ni.....kita buat rumah untuk fakir miskin yang layaklah untuk terima *under asnaf fakir dan miskin*”.²⁷⁶

Sebagai contoh, jumlah zakat perniagaan yang dibayar oleh Affin Bank pada tahun 2009 adalah sebanyak RM3.3 juta²⁷⁷. Oleh itu, jumlah yang diperuntukan untuk program CSR adalah sebanyak RM3.3 juta juga kerana bank ini mengagihkan sendiri keseluruhan dana zakat perniagaannya. Kebanyakan bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk material seperti membina rumah kepada golongan yang memerlukan, menyediakan barang seperti perabot dan lain-lain peralatan rumah, memberikan insentif kepada pelajar cemerlang dan sebagainya. Dalam melaksanakan program-program tersebut, Affin Bank memastikan setiap

²⁷⁶Temubual bersama pegawai dari Affin Bank Berhad pada 18 Disember 2009.

²⁷⁷<http://www.affinbank.com.my/ar09/Islamic/Financial.pdf>, 29 Julai 2010

program yang dilaksanakan memberikan impak kepada masyarakat dan bukan sekadar untuk memenuhi polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan ataupun polisi bank itu sendiri.

“Apabila kita buat *corporate social responsibility*, dia nak ada yang *something different* daripada yang lain. Ada *impact...*”²⁷⁸

Bagi BMMB pula, 2/3 daripada dana zakat akan diberikan kepada badan zakat berautoriti untuk diagihkan manakala selebihnya iaitu sebanyak 1/3 daripada dana tersebut akan diuruskan sendiri oleh pihak bank. Ini berdasarkan pernyataan yang dikeluarkan oleh pegawai dari BMMB,

“Kita ada Tabung Mawadah duit zakat kita tu walaupun sebahagian diberi kepada pusat zakat negeri-negeri, tapi sebahagian satu pertiga tu kita *manage*”²⁷⁹

Keseluruhan dana ini akan digunakan untuk membiayai program-program CSR di seluruh Malaysia²⁸⁰. Sebagai contoh, bagi tempoh perakaunan bermula 1 Januari 2009 sehingga 31 Mac 2010, BMMB telah mengeluarkan zakat perniagaannya sebanyak RM 241,000²⁸¹. Dari jumlah ini, 2/3 akan diserahkan kepada autoriti zakat untuk diagihkan, iaitu sebanyak RM 160,667 dan bakinya sebanyak RM 80,333 yang merupakan 1/3 daripada jumlah zakat keseluruhan akan digunakan oleh BMMB untuk menjalankan aktiviti berteraskan CSR.

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini, pihak bank turut menggunakan dana lain selain zakat bagi membiayai program-program CSR. Dana ini diperolehi sama ada dari peruntukan sedia ada oleh pihak bank, derma

²⁷⁸Ibid.

²⁷⁹Temubual bersama pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad pada 11 Disember 2009.

²⁸⁰Ibid.

²⁸¹http://www.muamalat.com.my/v2/downloads/audited/Audited_Account_2010.pdf, 29 Julai 2010.

dari para pekerja dan pelanggan, serta peruntukan dari pihak kerajaan. Bagi kedua-dua bank ini, dana yang diperolehi adalah dari peruntukan bank itu sendiri serta sumbangan dan derma sama ada dari pekerja, pelanggan dan juga ahli masyarakat. Sebagai contoh, Affin Bank telah menyediakan peruntukan khas yang diuruskan oleh Affin Care bagi menjalankan aktiviti CSR yang lebih bersifat umum. Peruntukan dana ini tidak terhad kepada aktiviti CSR untuk sesuatu kaum tertentu sahaja bahkan ianya adalah menyeluruh untuk semua kaum. Melalui cara ini, setiap ahli masyarakat tanpa mengira kaum akan beroleh manfaat hasil dari pelaksanaan CSR oleh Affin Bank.

Perkara yang sama turut dilaksanakan oleh BMMB yang menyediakan satu tabung khas yang dinamakan Tabung Mawaddah 2 untuk digunakan dalam aktiviti-aktiviti kebajikan yang berbentuk umum contohnya seperti memberi derma, sumbangan, penajaan untuk aktiviti berkaitan dan sebagainya. Dana bagi Tabung Mawaddah 2 ini pula diperolehi melalui sumbangan ikhlas para pekerja, pelanggan dan juga masyarakat yang mengetahui mengenai aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan. Ini bermaksud, setiap individu dalam organisasi menyumbang walaupun sedikit dalam program yang dilaksanakan. Ini menunjukkan, kesedaran yang tinggi wujud dalam setiap diri individu dalam melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing.

4.1.5 Program dan aktiviti CSR yang dijalankan

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, dalam melaksanakan program CSR, terdapat garis panduan yang telah ditetapkan berlandaskan Syariah Islam. Institusi korporat Islam dikatakan telah melaksanakan tanggungjawabnya jika telah membayar zakat perniagaan. Namun begitu, ini tidak bermakna institusi-institusi tersebut sudah terlepas dari melaksanakan tanggungjawabnya yang lain. Ini kerana, terdapat pelbagai perkara dan aktiviti yang boleh dilakukan oleh organisasi korporat dalam membantu dan membangunkan masyarakat yang tergolong dalam tanggungjawab sunat CSR.

Affin Bank memperuntukkan keseluruhan dana zakat perniagaannya ke dalam program-program CSR yang dilaksanakan. Sebagai contoh, Affin Bank telah menyediakan peruntukan kepada golongan fakir dan miskin untuk membina rumah bagi membantu meringankan beban golongan ini. Peruntukan membina rumah tersebut hanya diberikan kepada individu yang layak sahaja dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Ini bagi mengelakkan wang zakat dari mengalir ke tempat atau kepada individu yang tidak sepatutnya. Selain pemberian rumah, Affin Bank juga membantu dari segi membaiki rumah yang hampir roboh, membantu menyediakan perabot dan perkakasan rumah yang diperlukan oleh penghuni rumah dan sebagainya. Bantuan ini diberikan kepada golongan fakir dan miskin di seluruh negara. Pekerja bank ini di bawah persatuan Affin Care akan bersama-sama turun padang untuk membantu golongan ini mendapatkan keperluan hidup yang lebih sempurna.

Affin Bank melaksanakan program CSRnya mengikut tiga kelompok pihak berkepentingannya iaitu para pekerja, kumpulan Angkatan Tentera Malaysia dan masyarakat umum. Bagi masyarakat umum antara bentuk program yang telah dijalankan oleh Affin Bank ialah mengadakan majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan saudara baru, sumbangan zakat kepada keluarga miskin dan memerlukan di seluruh negara, sumbangan wang ringgit kepada sekolah-sekolah di seluruh Malaysia, sumbangan derma kepada rumah-rumah kebajikan, program kesihatan dan khidmat masyarakat, sumbangan wang kepada rakyat miskin untuk mendirikan rumah, serta sumbangan-sumbangan lain yang berbentuk harta benda dan wang ringgit. Bagi para pekerja pula program yang dilaksanakan tidak hanya tertakluk kepada pekerja tersebut tetapi juga merangkumi ahli keluarganya. Antara program dan bantuan yang diberikan kepada kumpulan ini ialah memperkenalkan Affin EducAid sebagai bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja untuk melanjutkan pelajaran. Insentif dan faedah kepada pekerja perlu disediakan oleh institusi perniagaan kerana pekerja merupakan aset penting dalam perniagaan kerana golongan inilah yang menggerakkan aktiviti perniagaan tersebut. Oleh itu kepentingan dan kebajikan golongan ini perlu dijaga bagi memastikan aktiviti perniagaan berjalan dengan lancar serta dapat meningkatkan produktiviti kerja yang sekaligus dapat meningkatkan prestasi syarikat.

Selain itu, Affin Bank juga bertanggungjawab terhadap kumpulan Angkatan Tentera Malaysia yang bertindak sebagai pihak berkepentingan bagi bank ini. Affin Bank menyediakan peruntukan tahunan kepada kumpulan ini

melalui Yayasan Warisan Perajurit sebagai sumbangan tahunan. Sumbangan tersebut akan diuruskan oleh yayasan tersebut untuk diagihkan dan digunakan untuk program-program berkaitan. Selain itu, sebagai sebuah GLC, bank ini juga terikat dengan polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan sebagaimana yang terkandung dalam Buku Perak (*Silver Book*) untuk GLC.

“Memang dinyatakan sebagai rasmi....sebab kita adalah antara GLC, jadi kita di bawah *Silver Book*. Jadi memang ada polisi lah²⁸²”.

Transformasi GLC kepada entiti yang berprestasi tinggi amat penting demi kemakmuran dan kesejahteraan Malaysia di masa akan datang dan sangat penting dalam mencapai wawasan 2020, iaitu untuk menjadi sebuah negara maju. GLC yang merupakan satu entiti yang berada di bawah kerajaan bertindak dalam membantu meningkat dan menstrukturkan pertumbuhan dan ekonomi Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Ini kerana, GLC merangkumi kira-kira RM260 bilion dalam permodalan pasaran atau kira-kira 36% dan 54% masing-masing dalam permodalan pasaran Bursa Malaysia dan penanda aras KLCI . Selain itu, GLC menyumbang kira-kira 5% tenaga kerja negara. Walaupun pemberhentian pelaburan dan penswastaan giat dilakukan, GLC masih kekal sebagai penyedia perkhidmatan utama kepada negara dalam kemudahan dan perkhidmatan strategik yang penting termasuk kuasa elektrik, telekomunikasi, perkhidmatan pos, sistem penerbangan, lapangan terbang, pengangkutan awam, air dan pembetungan, perbankan dan perkhidmatan kewangan²⁸³. Oleh itu, amat penting bagi GLC

²⁸²Temubual bersama pegawai dari Affin Bank Berhad pada 18 Disember 2009.

²⁸³“Memangkinkan Transformasi GLC kepada Pembangunan Malaysia Termaju”, <http://www.pcg.gov.my/PDF/abridged%20bm%20pdf.pdf>, 2 Disember 2010.

untuk menjadi sebuah entiti yang berdaya maju bagi meningkatkan lagi ekonomi negara.

Bagi menjayakan transformasi ini *Putrajaya Committee For GLC High Performance* (PCG) telah mengambil dua langkah penting. Yang pertama ialah pengekodan Garis Panduan Dasar dengan bermatlamatkan untuk menyediakan persekitaran yang membolehkan GLC menunjuk dan meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Langkah kedua ialah merealisasikan Garis Panduan Dasar menjadi sepuluh Inisiatif khusus yang bertujuan untuk menggerakkan dan mempertingkat prestasi GLC²⁸⁴.

Sehubungan dengan itu, 10 inisiatif telah digariskan yang meliputi operasi dan pentadbiran GLC, antaranya ialah Keberkesanan Lembaga Pengarah, Keupayaan pengarah, Keupayaan M&M GLIC, Persekitaran Kawal Selia, Tanggungjawab Sosial, Perolehan, Pengurusan Modal, Kepimpinan dan Perkembangan Modal Insan, Pengurusan Prestasi dan Perbaikan Operasi²⁸⁵. Kesemua GLIC (*Government Linked Investment Company*), Lembaga Pengarah GLC dan pengurusan kanan dikehendaki mengguna pakai Inisiatif dan Garis Panduan ini serta melengkapkan pelaksanaannya dalam organisasi masing-masing mengikut garis masa yang disarankan sebagaimana tercatat dalam manual transformasi bagi GLC²⁸⁶.

Bagi membentuk transformasi GLC, Garis Panduan Dasar dikodkan dalam lima teras iaitu yang pertama ialah menjelaskan mandat GLC dalam konteks pembangunan negara. Garis panduan di bawah teras ini meliputi mentakrifkan

²⁸⁴Ibid.

²⁸⁵Ibid.

²⁸⁶http://www.pcg.gov.my/tran_manual.asp, 2 Disember 2010.

prinsip yang mendasari transformasi GLC, mentakrifkan GLC dan keterterapan garis panduan dan inisiatif, menjelaskan objektif dan peranan kerajaan, GLC dan GLIC, dan menggalakkan masyarakat bumiputera. Teras yang kedua ialah meningkatkan keberkesanan lembaga pengarah dan memperteguh tadbir urus korporat GLC. Garis panduan yang terkandung di bawah dasar ini terdiri daripada menumpukan semula peranan dan mandat lembaga pengarah GLC, memperkuatkannya komposisi lembaga pengarah GLC, mempergiatkan lagi pengurusan prestasi lembaga pengarah GLC, dan meningkatkan struktur dan proses lembaga pengarah. Teras yang ketiga ialah mempertingkatkan keupayaan GLIC sebagai pemegang saham profesional. Terdapat dua garis panduan yang terdapat di bawah teras ini iaitu menjelaskan dan menyusun keutamaan mandat dan strategi GLIC, dan juga membina fungsi ‘*best-in-class*’ selaras dengan mandat individu. Teras yang keempat meliputi menggunakan pakai amalan terbaik korporat dalam GLC. Garis panduan yang diguna meliputi persekitaran kawal selia, CSR dan menjelaskan kewajipan sosial dan pelaburan, mengkaji dan menyusun semula amalan perolehan, mengoptimumkan pengurusan modal, mengurus dan membina pemimpin dan modal insan lain, mempergiat amalan pengurusan prestasi, dan mempertingkatkan perbaikan operasi. Teras yang terakhir ialah melaksanakan program transformasi GLC. Garis panduan yang melatari dasar ini ialah keterterapan, tanggungjawab dan garis masa pelaksanaan yang jelas untuk GLC dan GLIC, menugaskan dan melengkapkan PCG untuk melaksana, memantau dan mewujudkan pendekatan pengurusan program untuk pelaksanaan²⁸⁷.

²⁸⁷“Memangkinkan Transformasi GLC kepada Pembangunan Malaysia Termaju”,

Dalam perbincangan ini, fokus adalah kepada teras yang keempat iaitu mengguna pakai amalan terbaik korporat dalam GLC. Dalam pelan transformasi GLC ini, wujudnya satu keperluan untuk membaiki prestasi GLC secara organik yang mendasari strategi, operasi dan organisasi sesebuah GLC. Selain strategi yang jelas dan langkah ekonomi jangka pendek untuk meningkatkan prestasi ke tahap penanda aras, GLC perlu memastikan kualiti modal insan dalam organisasi mereka meningkat di samping membentuk langkah bersesuaian bagi memantau dan menilai prestasi pihak pengurusan dan pekerja. CSR merupakan amalan terbaik yang mapan dan diamalkan dalam sebahagian besar pasaran *laissez-faire*. Bagi GLC, CSR dan sosial ataupun obligasi yang kurang bersifat komersial (*less-than-commercial obligations*) merupakan bidang penting yang menjadi kecenderungan GLC dalam menyediakan barang awam yang berorientasikan sosial. Ini kerana, GLC bertindak sebagai entiti yang berorientasikan perkhidmatan (*services-orientation*) di samping kerajaan yang merupakan pembekal utama bagi barang-barang awam tersebut²⁸⁸.

Bagi BMMB yang merupakan satu organisasi tunggal yang berdiri sendiri, melaksanakan program CSRnya kepada tiga kumpulan utama iaitu para pelanggan, staf-staf bank dan juga masyarakat secara keseluruhannya²⁸⁹. Contohnya memberi sumbangan khairat kematian kepada pekerja atau ahli keluarga apabila berlaku kematian, menyediakan program-program berbentuk motivasi kepada para pelajar, memberikan sumbangan berbentuk wang ringgit kepada ahli masyarakat yang memerlukan, mengadakan kempen menderma darah

<http://www.pcg.gov.my/PDF/abridged%20bm%20pdf.pdf>, 2 Disember 2010.

²⁸⁸ http://www.pcg.gov.my/tran_manual.asp, 2 Disember 2010.

²⁸⁹ Temubual bersama pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad pada 11 Disember 2009.

di kalangan para pekerja, majlis berbuka puasa, tabung kemanusiaan Palestin dan sebagainya. Melalui aktiviti seperti ini ketiga-tiga golongan ini akan mendapat manfaat sama ada untuk meringankan beban yang ditanggung ataupun untuk meningkat taraf hidup ataupun peningkatan dalam bidang pendidikan dan sebagainya. BMMB juga menganggap CSR sebagai projek rasmi bagi organisasi, oleh itu bank ini akan memastikan program CSR ini dijalankan secara berterusan sepanjang tahun dengan satu acara besar yang diadakan setiap dua bulan sekali yang dilaporkan sebagai program CSR²⁹⁰.

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, program CSR yang dilaksanakan di BMMB lebih terarah kepada memberikan sumbangan dalam bentuk wang ringgit kepada pihak yang memerlukan di samping melakukan usaha sama dengan pelbagai pihak untuk melaksanakan program-program berbentuk kebajikan manakala Affin Bank pula lebih menekankan program yang akan memberikan kesan maksima. Affin Bank dilihat lebih mewah dalam menyumbang kepada masyarakat melalui pembinaan rumah, pemberian perabot dan barang keperluan yang kosnya boleh dianggarkan agak besar. Ini mungkin disebabkan oleh bank ini memiliki dana yang besar dan banyak dalam menjalankan aktiviti CSRnya. Namun begitu, ini tidak bermakna, aktiviti CSR oleh BMMB tidak memberikan sebarang kesan. Tidak dinafikan, kedua-dua bentuk pelaksanaan CSR oleh kedua-dua bank memberikan kesan kepada pihak berkepentingannya. Apa yang penting, setiap aktiviti yang dijalankan menampakkan hasil tanpa mengira berapa kos yang telah dikeluarkan, sama ada banyak atau sedikit. Setiap perkara perlu dilakukan mengikut kemampuan masing-masing.

²⁹⁰Ibid.

Selain daripada itu juga, para cendekiawan Islam telah menimbulkan beberapa isu yang boleh diberi perhatian oleh institusi perbankan Islam dalam memenuhi tanggungjawab sosial mereka. Antaranya ialah, penawaran produk yang berdasarkan *Qard al-Hasan* dan pengurangan kadar keuntungan bagi fasiliti kewangan yang disediakan kepada pelanggan. Menurut istilah para fuqaha, hutang atau *qard* ialah memberi hak milik sesuatu barang kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan kembali gantinya tanpa sebarang tambahan. Manakala *qard al-hasan* pula membawa maksud hutang tanpa syarat atau janji untuk membayar balik lebih daripada hutang tetapi memberi saguhati atau *hibah* kepada pemberi hutang semasa membayar balik hutang²⁹¹.

Konsep hutang dalam Islam adalah berdasarkan kebijakan semata-mata tanpa mengharapkan sebarang balasan. Berbeza dengan konsep hutang konvensional, pembiutang dalam konsep hutang konvensional akan memperoleh pendapatan yang lumayan hasil daripada pinjaman tersebut disebabkan oleh lebihan yang dikenakan kepada penghutang. Keadaan ini akan semakin membebankan penghutang yang sudah sedia berada dalam kesempitan. Dalam Islam, hutang piutang merupakan salah satu cara membuat amal kebijikan bagi golongan yang kaya. Pemberian hutang dapat merapatkan jurang pendapatan di samping mampu memupuk semangat tolong menolong dan bantu membantu di kalangan golongan kaya dan golongan miskin. Pembiutang secara umumnya tidak boleh menjadikan hutang piutang sebagai satu sumber keuntungan untuk dirinya.

²⁹¹BIRT (1994), *Islamic Banking Practice: From The Practitioner's Perspective's*, Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., h. 72.

Atas sebab itulah Islam telah mengharamkan riba kerana riba mengandungi unsur penindasan yang bercanggah dan ditegah dalam Islam²⁹².

Namun begitu, amalan ini tidak begitu dilaksanakan dalam perbankan Islam di Malaysia. Ini dapat dilihat apabila tidak banyak produk yang berdasarkan *qard al-hasan* ini ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia. Malahan, dua buah bank yang menjadi pusat kajian penulis juga tidak menawarkan produk berdasarkan *qard al-hasan* kepada pelanggannya. Produk pembiayaan yang berdasarkan prinsip ini dilihat tidak begitu mendatangkan keuntungan kepada pihak bank. Kedua-dua bank ini perlu mengambil kira keperluan dan kepentingan pihak berkepentingan yang lain seperti pemegang saham dan pendeposit sebelum menawarkan produk yang berdasarkan prinsip ini. Sebagaimana yang diungkapkan oleh respondan dari kedua-dua buah bank.

“kita nak buat benda....kita ambil bisnes untuk pendeposit. Duit tu bukan dari dana *deposito* sahaja, dari *shareholder* pun...jadi dia tengok *annual report* berapa dia punya *yield*, dividen berapa....dia dah *invest* kan²⁹³”.

“Bila kita nak buat sesuatu produk tu, banyak *factor* kena *consider*. *Of course* dalam berniaga mesti ada kos, *then*, kita nak untung jugak²⁹⁴.”

Manakala bagi BMMB pula, walaupun tidak menawarkan produk berdasarkan *qard al-hasan*, namun pihak bank mempunyai toleransi kepada pelanggan yang tidak mampu membayar hutang tersebut pada masa yang ditetapkan. Namun demikian, ini tidak bermakna kedua-dua buah bank ini menolak untuk menawarkan produk berdasarkan *qard al-hasan* ini pada masa hadapan. Apa yang

²⁹²Ibid., h. 73.

²⁹³Temubual bersama pegawai dari Affin Bank Berhad pada 18 Disember 2009.

²⁹⁴Temubual bersama pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad pada 11 Disember 2009.

perlu diberi perhatian ialah, memperkasakan dan memperkemaskan prinsip ini supaya ianya dapat memberi faedah tidak hanya kepada pihak pelanggan tetapi juga kepada pihak bank.

4.1.6 Pihak berkepentingan

Dalam melaksanakan sesuatu aktiviti atau program CSR, harus dipastikan ianya melibatkan kumpulan sasaran yang telah ditentukan bagi sebuah organisasi tersebut. Pihak berkepentingan ataupun pihak berkepentingan merujuk kepada pihak yang boleh mempengaruhi ataupun dipengaruhi oleh tindakan perniagaan secara keseluruhan. Konsep pihak berkepentingan ini pertama kali diguna pakai dalam sebuah Memorandum Dalaman 1963 Di Institut Penyelidikan Stanford. Memorandum tersebut mentakrifkan pihak berkepentingan sebagai kumpulan yang menyokong kewujudan sebuah organisasi korporat dan tanpa kumpulan ini, sebuah syarikat tidak akan wujud. Teori berkaitan pihak berkepentingan ini kemudiannya dikembang dan diperjuangkan oleh R. Edward Freeman pada 1980-an. Sejak dari itu, pemakaian konsep ini telah mendapat penerimaan yang meluas dalam amalan perniagaan serta teori-teori berkaitan dengan pengurusan strategik, tata urus syarikat, matlamat perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR)²⁹⁵.

Selain itu, pihak berkepentingan juga membawa maksud orang, kumpulan, atau organisasi yang memiliki saham secara langsung atau tidak langsung dalam sebuah organisasi kerana boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh tindakan, tujuan dan dasar organisasi. Antara pihak berkepentingan dalam sebuah

²⁹⁵[http://en.wikipedia.org/wiki/Stakeholder_\(corporate\)](http://en.wikipedia.org/wiki/Stakeholder_(corporate)), 1 September 2010.

organisasi perniagaan termasuklah pembiutang, pelanggan, pengarah, pekerja, kerajaan (dan agensi-agensinya), pemilik (pemegang saham), pembekal, kesatuan pekerja, dan masyarakat (yang menjadi sumber kepada sesebuah perniagaan).

Walaupun pemegang saham biasanya *self-legitimizing* (orang-orang yang menilai diri sendiri untuk menjadi pihak berkepentingan), semua pihak berkepentingan tidak sama dan pihak berkepentingan yang berbeza berhak untuk pertimbangan yang berbeza. Sebagai contoh, pelanggan sebuah syarikat berhak untuk amalan-amalan perdagangan yang adil tetapi mereka tidak berhak atas pertimbangan yang sama seperti pekerja syarikat²⁹⁶.

Bagi Affin Bank Berhad, pihak berkepentingannya terdiri daripada kerajaan yang diwakili oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), para pekerja, pelanggan dan masyarakat secara umumnya²⁹⁷. Sebagai sebuah GLC, bank ini menyediakan sejumlah besar peruntukan kepada Angkatan Tentera Malaysia yang disalurkan kepada Yayasan Warisan Perajurit untuk diagihkan kepada anggota-anggota tentera dan keluarga yang memerlukan serta untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Golongan yang kedua terdiri daripada para pekerja dan ahli keluarga. Affin Bank menjaga kepentingan para pekerjanya dan juga ahli keluarganya dengan menyediakan sumbangan sama ada dalam bentuk bantuan kewangan dan juga bantuan pendidikan kepada anak-anak pekerjanya. Ini kerana, para pekerja bagi sesebuah syarikat merupakan aset penting syarikat tersebut. Golongan inilah yang akan menggerakkan aktiviti perniagaan. Sekiranya diberi perhatian yang secukup dan selayaknya, golongan ini mampu untuk

²⁹⁶<http://www.businessdictionary.com/definition/stakeholder.html>, 1 September 2010.

²⁹⁷Temubual bersama pegawai dari Affin Bank Berhad pada 18 Disember 2009.

meningkatkan produktiviti syarikat ke tahap yang lebih tinggi. Penghijrahan pekerja ke syarikat yang lain juga akan dapat dikurangkan kerana merasa kebijakan mereka lebih terjaga berbanding tempat lain.

Selain itu, Affin Bank juga memberi perhatian kepada masyarakat umum secara keseluruhannya. Antara program yang dijalankan bagi kumpulan ini ialah majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan muallaf, khidmat masyarakat dan program kesihatan kepada orang asli, sumbangan pakaian sekolah kepada kanak-kanak miskin tegar, program anak angkat dan sekolah angkat, sumbangan kepada badan-badan kebijakan dan sekolah-sekolah serta sumbangan mendirikan rumah kepada golongan miskin tegar di seluruh Malaysia²⁹⁸. Golongan ini walaupun tidak memberi pengaruh secara langsung kepada bank, tetapi mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Kumpulan ini mungkin boleh menjadi pelanggan ataupun prospek pelanggan bagi bank ini. Oleh itu, perhatian perlu juga diberikan kepada kumpulan ini sebagai pihak berkepentingan di samping untuk menjaga kebijakannya secara menyeluruh.

BMMB pula menumpukan kepada tiga kelompok utama pihak berkepentingannya dalam melaksanakan CSR ini iaitu pelanggan, para pekerja dan masyarakat sama ada yang beragama Islam ataupun bukan beragama Islam. Kelompok yang paling diutamakan ialah para pekerja bank ini sendiri kerana kelompok ini merupakan penggerak utama dalam menjalankan operasi perniagaan bank ini. Jatuh dan bangun sesebuah syarikat adalah bergantung kepada kelompok ini. Oleh sebab itu, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada kelompok ini. Kebajikan pekerja sememangnya harus diberi perhatian yang khusus oleh

²⁹⁸Risalah Affin Bank Berhad.

pihak pengurusan bagi memastikan produktiviti syarikat sentiasa berada di tahap yang sepatutnya.

Pekerja juga boleh bertindak sebagai pelanggan dan pengguna bagi sesebuah syarikat. Oleh itu, secara tidak langsung ianya dapat membantu kelangsungan hidup sesebuah syarikat untuk jangka masa panjang. Selain pekerja, pelanggan juga dapat mempengaruhi syarikat melalui sumbangannya kepada keuntungan syarikat. Sekiranya sesebuah syarikat mengambil berat terhadap pelanggannya, sedikit sebanyak akan membantu meningkatkan prestasi kewangan bagi syarikat tersebut. Pelanggan juga akan lebih selesa dan setia untuk berurus dengan organisasi korporat yang memberi perhatian kepada pelanggannya.

Selain itu, kepentingan masyarakat juga diberi perhatian oleh BMMB sebagai memenuhi tanggungjawab yang telah ditetapkan Allah, iaitu menjaga hubungan manusia dengan Allah dan juga hubungan manusia sesama manusia. Walaupun ahli masyarakat ini bukan pelanggan yang boleh memberikan keuntungan kepada syarikat, namun kepentingannya tidak harus diabaikan kerana terdapat hubungan dua hala antara syarikat dan masyarakat. Organisasi korporat bertindak sebagai penyelesai masalah dalam masyarakat manakala masyarakat pula menyumbang dalam aktiviti sektor korporat²⁹⁹. Di sini jelas terdapatnya hubungan yang erat antara masyarakat dan syarikat. Oleh itu kepentingan bagi kelompok masyarakat perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

²⁹⁹Abdul Manaf Bohari & Nik Mutasim Abdul Rahman (2001), *op.cit.*, h. 128.

4.1.7 Implikasi yang diperolehi dari pelaksanaan CSR

Pelaksanaan CSR oleh organisasi korporat memberikan kesan dan impak sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada organisasi itu sendiri. Sebagai contoh, respons yang positif daripada pengguna terhadap usaha CSR oleh organisasi menghasilkan peningkatan dalam jualan barang dan perkhidmatan. Contohnya, melalui satu program yang dilaksanakan oleh BMMB kepada anak yatim. Walaupun aktiviti yang dilakukan bersifat fizikal seperti mengecat sekolah, namun pihak bank mengambil inisiatif dengan menyelitkan satu ceramah mengenai kepentingan perbankan Islam, yang secara tidak langsung telah memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai perbankan Islam di samping dapat memperkenalkan produk BMMB kepada masyarakat yang terlibat dengan program tersebut³⁰⁰.

Walaupun ada yang mengatakan bahawa pelaburan dalam CSR ini meningkatkan kos dalam perniagaan, namun terdapat perbincangan yang menyatakan firma yang mengambil berat mengenai tanggungjawab sosialnya secara relatifnya kurang mengalami masalah pekerja bahkan pelanggan akan lebih gemar untuk memilih produk syarikat tersebut berbanding dengan yang lain. Ini menunjukkan, aktiviti-aktiviti CSR yang dilaksanakan mampu untuk meningkatkan reputasi sesebuah firma dan juga meningkatkan hubungan baik antara syarikat dengan pihak bank, para pelabur dan juga kerajaan. Peningkatan dalam hubungan baik ini boleh dianggap sebagai satu faedah ekonomi yang diterima oleh sesebuah syarikat. Penglibatan dalam CSR menjadi antara faktor

³⁰⁰Temubual bersama pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad pada 11 Disember 2009.

yang mempengaruhi keputusan pelaburan yang mempunyai profil CSR yang tinggi mampu menarik lebih banyak aliran masuk dana ke dalam syarikat³⁰¹.

Walaupun tidak dapat dibuktikan pelaksanaan CSR dapat meningkatkan kadar keuntungan syarikat, namun secara tidak langsung ia turut menyumbang kepada perkembangan sesebuah syarikat. Sebagai contoh, BMMB menyatakan bahawa, program CSR yang dijalankan sedikit sebanyak mendatangkan faedah kepada bank melalui peningkatan dalam jumlah deposit pelanggan. Peningkatan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar keuntungan bank³⁰². Namun bagi Affin Bank, oleh kerana tujuan pelaksanaan CSR ini bukan untuk mendapatkan keuntungan, maka keberuntungan dalam melaksanakan CSR ini dilihat tidak begitu menjurus kepada aspek peningkatan dalam prestasi kewangan bank.

“kita tidak *insist* sangat. Macam Dato’ dia tidak cakap....*you* buat..katakan anak yatim mesti buka akaun....tidak. Dia tak *concern*. Kita cuma *concern* kalau dia nak buka akaun, *fine*. So ada jugalah yang kita *get*”.

Selain itu, pelaksanaan CSR oleh syarikat korporat ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara. Pelbagai bantuan yang diberikan oleh syarikat korporat dalam bentuk bantuan kewangan secara tidak langsung dapat membantu golongan miskin meningkatkan taraf hidup mereka. Sebagai contoh, bantuan pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak miskin mampu untuk membantu mengubah kehidupan keluarga tersebut. Amalan ini

³⁰¹George Balabanis, Hugh C. Phillips, & Jonathan Lyall (1998), “Corporate Social Responsibility and Economic Performance in The Top British Companies: Are They Linked?”, *European Business Review*, Volume 98, no. 1, 1998. pp. 25–44.

³⁰²Temubual bersama pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad pada 11 Disember 2009.

turut dilakukan oleh Affin Bank dan BMMB. Kedua bank ini menyediakan program berbentuk pendidikan bagi membantu para pelajar dalam hal-hal berkaitan pelajaran mereka. Contohnya, Affin Bank memperkenalkan program Affin EducAid yang merangkumi program subsidi sekolah rendah, anugerah kecemerlangan untuk pelajar PMR dan juga SPM, program biasiswa kepada pelajar yang layak, dan juga program latihan bagi pelajar lepasan SPM³⁰³ bagi membantu pelajar yang mempunyai masalah kewangan di samping untuk memberi motivasi dan menyediakan pelajar lepasan SPM supaya lebih berdaya saing dalam menempuh alam pekerjaan.

Bagi BMMB pula, antara program berbentuk pendidikan yang dilakukan merangkumi sumbangan berbentuk kewangan kepada pelajar miskin dan yang memerlukan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama sama ada di dalam atau luar negara, menaja aktiviti yang dilakukan oleh IPTA di samping turut serta di dalam program tersebut, menganjurkan program berbentuk motivasi dan bengkel-bengkel kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan³⁰⁴ dan sebagainya. Melalui pendidikan, putaran ganas kemiskinan (*vicious cycle of poverty*) dapat dihapuskan. Dengan itu kadar kemiskinan akan dapat dikurangkan. Tambahan pula, bantuan kewangan berbentuk modal untuk memulakan perniagaan juga dapat membantu golongan miskin meningkatkan taraf hidup mereka agar tidak terbelenggu dengan kemiskinan selama-lamanya. Selain itu, melalui program-program motivasi yang dijalankan dengan kerjasama dari pihak korporat dapat meningkatkan moral dan etika masyarakat di samping dapat

³⁰³Risalah Affin Bank Berhad Berhad.

³⁰⁴Temubual bersama pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad pada 11 Disember 2009.

mewujudkan masyarakat yang lebih bermotivasi. Program pembangunan pendidikan yang dijalankan dapat melahirkan masyarakat yang celik ilmu pengetahuan.

Sebagai tambahan, komitmen dalam CSR oleh sektor korporat mampu untuk memastikan kemandirian dan kelangsungan hidup institusi korporat untuk tempoh jangka panjang. Dengan itu, operasi perniagaan akan dapat bertahan lebih lama dan boleh memberikan sumbangan yang lebih banyak kepada bangsa, agama, dan negara. Bagi institusi perniagaan Islam, keadaan ini akan dapat membantu meningkatkan prestasi syarikat dan membantu pertumbuhan syarikat untuk berkembang dengan lebih pesat. Sebagaimana yang diketahui, 9/10 rezeki yang diperolehi adalah dari perniagaan. Oleh sebab itu, syarikat perniagaan yang mampu untuk bertahan lama dan berdaya saing adalah merupakan aset kepada negara dalam memajukan dan mengembangkan ekonomi negara ke arah yang lebih jauh. Secara tidak langsung, kejayaan dalam perniagaan dapat membantu membangunkan masyarakat dan membina tamadun manusia.

4.2 Konsep Keberkatan dalam Islam

Keberkatan bermaksud mendapat restu, keredhaan atau rahmat dari Allah s.w.t. Dalam kehidupan individu sebagai seorang Muslim, kehidupan tidak hanya terhenti di dunia sahaja. Sebaliknya mempercayai bahawa terdapat kehidupan yang lebih indah menanti seandainya setiap perbuatan di dunia ini mendapat rahmat dan keberkatan serta perkenan dari Allah s.w.t³⁰⁵.

Perkataan berkat dalam Bahasa Melayu diambil dari Bahasa Arab iaitu *barakah* yang membawa maksud kebahagiaan, keberkatan dan penambahan. *Mubaraka*, yang diberkatkhan, yang berbahagia dan berkembang kebaikan sesuatu. *Tabaraka* khusus digunakan untuk digandingkan dengan nama Allah sahaja. *Tabaraka Allah* yang bermaksud Maha Suci Allah³⁰⁶. Dari segi istilah pula, berkat membawa pengertian sebagai satu kebaikan yang Allah kurniakan melalui sesuatu, agar mendatangkan kemakmuran dan kebahagiaan³⁰⁷. Menurut pemahaman umum, *tabarruk* ialah mencari dan mengambil berkat dengan memiliki dan mendekati sesuatu yang dianggap suci supaya termakbul segala hajat untuk menjadi kaya, alim, sembhuh dan terhindar dari penyakit serta malapetaka untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat³⁰⁸.

Umumnya, konsep berkat ini merupakan satu konsep yang bersifat kerohanian dan termasuk dalam perkara ghaib yang tidak dapat difahami maksud

³⁰⁵“ Pentingnya Keberkatan Dalam Rezeki”, <http://intim.wordpress.com/2007/06/05/>, 10 April 2010.

³⁰⁶ Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf, al (t.t), *Kamus Idris Al-Marbawi (Arab-Melayu)*, Juzu’ 1, Mesir : Tab ‘ah Matba ‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābi, wa awlādihi, h. 50.

³⁰⁷ Al-Jazā’irī, Abu Bakr Jābir (1981), *‘Aqidāt al-Mu’mīn*, Kaherah: Maktabat al-Kulliyāt al-Azhāriyah.

³⁰⁸ Imron A. Manan (1982), *Pelbagai Masalah Tauhid Popular, Jimat Mantra Santet Sihir Hari-Hari Naas, Dukun Ramal dan Lain-Lain*, Surabaya:Pustaka Bina Ilmu, h. 198.

hakikinya dengan menggunakan tafsiran akal semata-mata³⁰⁹. Namun, ianya boleh diperolehi melalui amalan-amalan yang bersesuaian sebagai contoh, mengambil berkat dari menziarahi Kaabah, bertawaf, mengucup *Hajar al-Aswad*, dan duduk berdoa sekitarnya, berkat dari air zam-zam dan keberkatan dari ilmu yang diajarkan³¹⁰.

Keberkatan juga boleh diperolehi melalui niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah s.w.t kerana ianya akan meningkatkan mutu amalan dari sesuatu yang berbentuk sia-sia kepada satu ibadah yang dijanjikan pahala. Selain itu, ilmu pengetahuan yang berguna yang dapat dimanfaatkan juga menjanjikan keberkatan kepada pemiliknya. Bagi mendapat keberkatan dan rahmat tersebut, sewajarnya setiap Muslim mematuhi serta mentaati setiap perintah Allah seperti yang telah digariskan-Nya di dalam al-Quran mahupun hadis. Di antara perintah Allah s.w.t yang penting bagi mencapai keberkatan di dunia ini adalah berkaitan dengan punca rezeki yang diperolehi oleh setiap hambanya. Boleh dikatakan bahawa punca rezeki di sini adalah pendapatan yang diperolehi untuk menyara kehidupan sendiri ataupun untuk keluarga. Berusaha mendapatkan rezeki halal amat dituntut dalam Islam. Malah di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menganjurkan umat Islam supaya berusaha mencari rezeki halal. Ayat-ayat al-Quran menjelaskan bahawa bekerja adalah tugas serta tanggungjawab yang tidak dapat dielakkan dan merupakan satu ibadah.

³⁰⁹Siti Zalina Muhammad (1997), “Konsep Berkat :Sejauhmana Keberkesanannya dalam Pembentukan Peribadi Muslim Kini”, (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian IslamUniversiti Malaya).

³¹⁰Ibid.

Rezeki dari segi bahasa bermaksud *al-rizq* atau *al-'atha'* iaitu pemberian. Manakala, dari segi istilah ialah sesuatu yang diberikan Allah s.w.t. kepada semua makhluk, tidak kira sama ada ia halal atau haram. Rezeki yang berkat pula membawa erti, rezeki yang Allah s.w.t. kurniakan kepada makhluknya yang merupakan sesuatu yang baik dan cara ia diperoleh juga baik³¹¹. Sebagaimana firman Allah s.w.t.

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوْمَمَا فِي الْأَرْضِ حَلَّاً طَيِّبًا وَلَا
تَتَّبِعُوا خُطُوْتَ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

“Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”

(al-Baqarah 2: 168)

Permulaan ayat ini menunjukkan peringatan kepada semua manusia supaya makan makanan yang halal dan baik kerana segala bentuk maksiat yang berlaku berpunca dari perut yang berisi³¹². Kebanyakan perkara buruk yang berlaku mempunyai kaitan dengan keinginan untuk mempertahankan syahwat perut³¹³. Apabila manusia mengawal dan mengatur makan minumnya berdasarkan sumber yang halal, hati akan sentiasa terpelihara. Ayat ini turut menyebut “yang halal lagi baik” kerana makanan yang halal adalah berlawanan dengan makanan yang haram. Makanan yang halal itu juga mestilah baik dan bermanfaat, bukan

³¹¹Ibid.

³¹² Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (1983), *Tafsir al-Azhar*, Juz 2, Jakarta: Pustaka Panjimas, hh.48-49.

³¹³ Siti Zalina Muhammad (1997), “Konsep Berkat :Sejauhmana Keberkesanannya dalam Pembentukan Peribadi Muslim Kini”, (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian IslamUniversiti Malaya).

sekadar halal sahaja. Selain itu, ayat “janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan” merupakan peringatan dari Allah s.w.t kerana syaitan akan sentiasa mengajak manusia ke arah kesesatan. Syaitan akan mengajarkan pelbagai bentuk tipu muslihat kepada manusia untuk mengisi perut tanpa mempedulikan asal usul sumber makanan atau pendapatan tersebut³¹⁴. Ayat ini turut menjelaskan bahawa setiap individu mesti mendapatkan rezeki yang diberkati, kerana telah diperintahkan oleh Allah. Pencarian rezeki yang baik dan halal juga seharusnya menjadi prioriti umat Islam bukan setakat memakan rezeki yang halal sahaja. Ini kerana, sesuatu makanan yang halal belum tentu baik kerana ia menjelaskan kesihatan sekiranya diambil dalam jumlah banyak, contohnya seperti gula, daging atau makanan yang sudah basi³¹⁵.

Selain itu, mencari rezeki juga memerlukan tujuan yang baik, bukan tujuan untuk mencari kekayaan semata-mata dan menjadi takbur dengan kekayaan itu, ataupun mencari rezeki bertujuan untuk membantu orang kafir, membunuh orang Islam dan banyak lagi. Dalam konteks berkat itu sendiri, pertambahan dalam harta yang dimaksudkan adalah secara *maknawi* atau tersirat. Apabila dikatakan rezeki yang diperolehi itu diberkati oleh Allah s.w.t, tidaklah bermakna rezeki tersebut bertambah dari RM100.00 menjadi RM150.00, tetapi sebaliknya perasaan cukup dengan pendapatan yang sederhana biar pun jumlah anak ramai memberikan pengertian bahawa rezeki yang diperolehi itu mendapat berkat dan rahmat dari Allah s.w.t. Walaupun perkara ini tidak disebutkan di dalam al-Quran

³¹⁴ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (1983), *op.cit.*

³¹⁵ Siti Zalina Muhammad (1997), *op.cit.*

atau hadis, tetapi berkat itu sendiri membawa maksud peningkatan, penambahan dan penyuburan³¹⁶.

Punca rezeki ataupun pendapatan boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu pendapatan yang berpunca dari sumber yang jelas halal seperti bekerja sebagai guru, bermiaga barang yang halal ataupun melakukan pelaburan yang dihalalkan oleh syariat untuk mendapat keuntungan. Pendapatan yang kedua adalah pendapatan yang bersumberkan kepada perkara yang haram seperti menjual arak, mencuri, membuat pelaburan di tempat perjudian dan pelacuran. Sumber pendapatan seperti ini jelas hukumnya adalah haram. Sumber yang ketiga dikenali sebagai *syubhat* iaitu meragukan. Kebanyakan perkara *syubhat* tidak diketahui oleh orang ramai, tetapi hanya diketahui oleh pengamal agama. Oleh itu, bagi memperolehi kemurnian dan kemuliaan sebagai seseorang individu ianya adalah berpunca daripada sumber pemakanan yang halal. Makanan adalah benih kepada perbuatan. Apabila sumber makanan adalah halal maka akan lahirlah perbuatan yang mulia. Sebaliknya apabila makanan berpunca dari sumber yang haram, maka lahirlah perbuatan yang tercela. Daripada sumber makanan yang bersih maka golongan manusia akan dibangkitkan oleh Allah s.w.t dengan hati yang sejahtera seperti mana firmanNya

إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقُلْبٍ سَلِيمٍ

Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera.

(Al-Syu'ara' 26:89)

³¹⁶Ibid.

Ayat ini menjelaskan bahawa di hari pembalasan nanti, tiada apa yang dapat membantu atau menyelamatkan kita dari seksaan Allah s.w.t kecuali sesiapa yang datang kepada Allah s.w.t dengan hati dan jiwa yang sejahtera iaitu golongan-golongan yang sentiasa memelihara diri mereka dari melakukan perkara yang dilarang dan sentiasa menjauhi diri dari perkara-perkara yang *syubhat*.

Oleh sebab itu, individu Muslim harus memastikan setiap amalan yang dilakukan boleh memberikan keberkatan kepada diri, kaum keluarga dan masyarakat sekeliling. Pekerjaan yang dilakukan mestilah melalui saluran yang betul bagi menjamin rezeki yang diperolehi adalah halal, bersih dan suci. Ini kerana, hasil rezeki inilah yang akan digunakan untuk menanggung keperluan hidup untuk diri dan keluarga. Sekiranya rezeki yang diperolehi mempunyai anasir-anasir yang tidak baik, ianya akan menjadi darah daging dalam badan yang secara tidak langsung mengundang kepada banyak kemudaratian lain yang lebih buruk. Kajian sains dan juga ajaran Islam telah membuktikan bahawa sifat hati dan pembesaran tubuh badan ditentukan oleh tabiat pemakanan yang diambil setiap hari.

Makanan yang halal akan memperelokkan hati dan tubuh dan sebaliknya, makanan yang haram akan merosakkan tubuh³¹⁷. Tidak hanya makanan halal yang menjadi persoalannya, malah sumber bagaimana makanan halal itu diperolehi turut perlu diberi perhatian. Oleh itu, memperolehi rezeki yang halal amat penting dalam membentuk tubuh badan, hati dan akal yang sempurna. Masalah sosial yang berlaku sekarang juga sedikit sebanyak berpunca dari rezeki tidak halal yang diberikan oleh ketua keluarga kepada anak-anaknya. Di sini dapat

³¹⁷Siti Zalina Muhammad (1997), *op.cit.*

dilihat bahawa, keberkatan dalam pekerjaan itu telah hilang akibat dari amalan yang tidak baik seperti rasuah dan sebagainya.

Selain itu, harta kekayaan dan sumber kewangan yang diperolehi akan bersih dan diberkati Allah sekiranya hak-hak bagi harta tersebut ditunaikan. Hak-hak bagi harta benda ialah mengeluarkan zakat baginya dan bersedekah melaluinya. Zakat pada pandangan Dr Yusuf Al-Qaradhawi membawa makna keberkatan, perkembangan, penyucian dan kebaikan³¹⁸. Manakala Sayyid Sabiq pula berpendapat, zakat merupakan satu nama terhadap apa yang dikeluarkan oleh manusia daripada hak Allah kepada golongan fakir. Dinamakan zakat kerana di dalamnya terdapat unsur-unsur keberkatan³¹⁹. Harta yang dikeluarkan zakat bertujuan untuk membersihkan harta tersebut di samping menyucikan jiwa orang yang berzakat. Ini kerana, dalam rezeki yang diperolehi itu, sebahagian daripadanya adalah milik orang lain. Dengan mengeluarkan zakat, bahagian itu sudah dapat dipenuhi. Harta yang dizakatkan itu juga akan bertambah dengan adanya keberkatan yang diperolehi dari Allah.

Sebagaimana firman Allah s.w.t

مَثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ
حَبَّةٌ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ
وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنِ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala

³¹⁸Yusuf Al-Qarādhawi (1981), *Fiqh Al-Zakāt*, Juzu'1, Beirut: Muassasah Al-Risālah, h. 60.

³¹⁹Sayyid Sābiq (1984), *Fiqh Al-Sunnah*, Jilid 1, Beirut : Dār al-Fikr, h 276.

bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

(al-Baqarah 2: 261)

Berdasarkan ayat di atas, setiap kebajikan yang dilakukan oleh seorang individu akan memberikan hasil yang berlipat kali ganda. Ini menunjukkan pengorbanan harta yang bagi menegakkan jalan Allah s.w.t bukan satu pembaziran dan merugikan sebaliknya memberikan keuntungan kepada individu tersebut³²⁰.

Selain itu, umat Islam digalakkan untuk saling bantu membantu dan tolong menolong dalam setiap perkara termasuklah yang berkaitan dengan soal kewangan. Abu Musa meriwayatkan, sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Setiap Muslim adalah seperti binaan kepada Muslim yang lain, saling menyokong antara satu sama lain”³²¹

(Sahih Muslim)

Dalam hadis lain Rasulullah s.a.w bersabda,

“Dari Nu’man bin Basher, sabda Rasulullah s.a.w: Perumpamaan orang mukmin dalam hal saling mencintai, dan berkasih sayang, adalah seumpama dari satu tubuh, jika sakit sebahagian anggota tubuh itu, maka sebahagian yang lain akan turut merasa sakit.....”³²²

(Sahih Muslim)

Terdapat tiga peringkat dalam hal bantu membantu dari soal kewangan dalam erti persaudaraan sepertimana hadis di atas. Peringkat yang pertama ialah sahabat itu dilayan seperti seorang pembantu. Iaitu, apabila sahabat itu

³²⁰ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (1983), *op.cit*, h. 40-41.

³²¹ Abu Al-Husayn Muslim Ibn Al-Hajjaj Qushayri Al-Nisâburi (t.t), *Sahih Muslim*, hadith no. 6257, Beirut:Dâr Ihya’ Al-Turâs Al-Arabi.

³²²*Ibid.*, hadith no. 6258.

memerlukan bantuan hendaklah dihulurkan bantuan tersebut setelah semua keperluan sendiri dipenuhi tanpa menunggu sahabat tersebut meminta. Jika menunggu sehingga diminta menunjukkan kurangnya perhatian yang diberikan terhadapnya dalam urusan hak persaudaraan³²³. Peringkat yang kedua ialah, sahabat dilayan sebagaimana melayan diri sendiri. Pada peringkat ini, setiap individu mesti rela untuk berkongsi dengan sahabatnya seluruh hartanya seolah-olah dia juga turut memiliki sebagai bukti bahawa individu tersebut rela untuk memberikan sebahagian harta miliknya kepada sahabatnya itu³²⁴. Peringkat yang ketiga ialah mengutamakan kepentingan sahabat melebihi kepentingan diri sendiri. Peringkat ini merupakan peringkat yang paling tinggi dalam persaudaraan³²⁵. Dalam konteks melaksanakan CSR, mungkin agak sukar untuk melayan saudara pada peringkat kedua dan ketiga, namun sudah memadai sekiranya saudara seIslam itu diraikan dan dilayan sebagai seorang pembantu yang diberikan bantuan kepadanya setelah keperluan sendiri dipenuhi. Apa yang penting, sifat tolong-menolong dan bantu membantu wujud dalam diri setiap individu Muslim.

Umum sering bertanya, apakah hikmah dan manfaatnya memperolehi rezeki yang diberkati. Hakikatnya, terlalu banyak hikmah yang diperolehi dari rezeki yang diberkati. Pertama, rezeki yang berkat menjadi punca atau *asbab* kepada termakbulnya doa. Ini dapat dilihat melalui firman Allah s.w.t

³²³Abū Ḥāmed Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (1994), *Bimbingan Mencapai Insan Mukmin*, Kuala Lumpur: Victory Agencie, hh.422-423.

³²⁴*Ibid.*

³²⁵*Ibid.*

يَأَيُّهَا أَرْرُسُلُ كُلُّوْ مِنَ الظَّيِّبِتِ وَأَعْمَلُوا صَلِحًا إِنِّي

بِمَا تَعْمَلُونَ عَلَيْمٌ

“Wahai para rasul! Makanlah dari (makanan) yang baik-baik, dan kerjakanlah kebajikan. Sesungguhnya, Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”

(al-Mukminun, 23: 51)

Ayat ini menjadi dalil bahawa makanan yang halal mendorong kepada amalan yang saleh dan memakan makanan yang haram akan menyebabkan doa ditolak³²⁶. Ayat ini menunjukkan perkaitan yang rapat antara kebersihan makanan dengan kebersihan jiwa. Jiwa yang tegak dan sanggup mengendalikan orang lain ialah jiwa yang sanggup mengendalikan diri sendiri³²⁷. Jika makanan yang masuk ke dalam badan adalah dari sumber yang halal, ia akan mempengaruhi perjalanan darah dan mempengaruhi otak dalam berfikir³²⁸.

Dalam sebuah hadis yang dirawikan oleh Muslim dari Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w bersabda

“Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Allah adalah baik dan tidaklah beliau suka menerima, kecuali yang baik pula. Dan Allah Ta’ala memerintahkan kepada orang yang beriman sebagaimana perintah yang diberikannya kepada rasul-rasul”. (lalu baginda membacakan ayat 51 surah al-Mukminun tersebut).

Pada penghujung sabda Rasulullah s.a.w tersebut baginda bercerita tentang seorang lelaki telah melalui perjalanan yang jauh sehingga kusut masai. Lelaki itu menadah tangan berdoa kepada Allah s.w.t

³²⁶Jabatan Agama Republik Indonesia (2009), *Al-Quran Al-Karim : The Miracle*, Jakarta: PT Sygma Examedia Arkanleema, h. 688.

³²⁷Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (1982), *Tafsir al-Azhar*, Juzu’ 18, Jakarta: PT Pustaka Panjiimas, h. 52.

³²⁸Ibid.

menyebut, “Ya Rabb, Ya Rabb” tetapi lelaki itu makan makanan dan minuman yang haram serta memakai pakaian haram, dan dia diberi makanan yang haram. Oleh kerana itu bagaimakah Allah hendak menerima doanya? Jelas di sini, biarpun doa seorang musafir di antara doa yang dimakbulkan, tetapi ia menjadi tidak termakbul kerana makanan, minuman dan pakaianya terdiri daripada sumber yang haram. Sesuatu ibadat itu tidak akan diterima oleh Allah jika di dalam perutnya itu masih ada makanan haram.³²⁹

Melalui rezeki yang berkat ini juga memberi petanda bahawa individu tersebut telah menyahut dan melaksanakan perintah Allah, yang sudah pastinya akan mendapat ganjaran pahala dari Allah s.w.t.³³⁰. Sebagaimana firman Allah bermaksud:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ،
وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ،

Sesiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarahpun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan sesiapa yang mengerjakan kejahanatan seberat zarahpun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya pula.

(al-Zalzalah 99: 7-8)

Selain itu, maruah umat Islam akan terjaga dan terpelihara kerana telah melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Terdapat sebuah kisah yang boleh dikongsi berkaitan perbincangan ini. Sheikh Ismail al-Humaidi menceritakan pengalamannya sendiri sewaktu berkhutbah di Masjid al-Qiblatain. Seorang lelaki daripada keluarga miskin mendapat kekayaan daripada

³²⁹ Ibid. h.53

³³⁰ Jabatan Agama Republik Indonesia (2009), op.cit.

sumber yang haram. Abangnya yang kaya dan mempunyai dua orang anak berpesan kepadanya supaya menguruskan harta-hartanya selepas dia meninggal dunia, kerana dua orang anaknya masih kecil. Setelah mereka dewasa, harta tersebut mestilah dikembalikan kepada mereka. Tetapi lelaki tersebut tidak menunaikan amanah abangnya. Sebelum lelaki tersebut meninggal dunia, dia ditimpa sejenis penyakit kulit yang menyebabkan bau busuk sehingga sesiapapun tidak sanggup mendekatinya. Lebih menyedihkan, apabila hendak dikafarkan, jenazahnya terpaksa disiram minyak atar, supaya baunya hilang. Malah, tidak ada yang sanggup menjunjung keranda dan mengebumikannya. Ini merupakan contoh yang ditunjukkan Allah di dunia terhadap orang yang tidak mempedulikan dan tidak mengambil berat mengenai halal atau haramnya rezeki yang dimiliki³³¹.

Di samping itu, rezeki yang berkat juga membawa kesejahteraan dan ketenangan jiwa kepada empunya diri. Contohnya dengan rezeki yang sedikit, dia merasa cukup dan hatinya tetap tenang serta bersyukur³³². Kesimpulannya, dalam hal rezeki yang berkat ini, apa yang penting adalah memastikan kehalalannya dan jalan untuk mendapatkannya juga turut halal. Tanpa mengira apa bentuk pekerjaan sekalipun. Contohnya, kerjaya guru, ia satu pekerjaan yang mulia dan halal tetapi sekiranya disalahgunakan, ia bertukar kepada haram. Katakan dia sepatutnya mengajar selama dua jam tetapi dikurangkan waktunya atau tidak mengikut kaedah yang sepatutnya. Itu menjadi haram walaupun pada zahirnya, kelihatan halal. Begitu juga dengan mereka yang bekerja dengan syarikat bukan Islam. Bekerja dengan majikan bukan Islam tidak salah, malah kerja tersebut

³³¹Ibid.

³³²Ibid.

adalah halal kecuali pekerjaan tersebut melibatkan kerja-kerja maksiat, penipuan, riba, melalaikan sembahyang, mencuri. Sudah tentu ia bertukar menjadi haram. Bekerja sebagai pengawal yang bertugas malam contohnya, tidak mustahil pekerjaan yang asalnya halal dan baik tadi bertukar kepada tidak diberkati, dengan tindakannya tidur pada waktu bekerja. Ini juga menandakan, ia mengkhianati amanah yang diberikan majikannya. Sedangkan mengkhianati amanah itu salah satu tanda munafik. Yang pasti, pekerjaan apa sekalipun, sifat amanah dengan tanggungjawab yang diberikan, ikhlas dan seterusnya jujur, barulah datangnya keberkatan rezeki yang diperoleh. Dalam masa sama, setiap individu mestilah sentiasa merasa *qana`ah* (cukup) dengan apa yang diperoleh, bersyukur, sentiasa beristighfar dan selalu meminta keampunan daripada Allah S.W.T.³³³

4.3 Cabaran Dalam Melaksanakan CSR

Dalam melaksanakan CSR ini terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi oleh organisasi korporat sama cabaran berbentuk fizikal dan juga spiritual. Cabaran-cabaran ini perlu ditempuhi bagi memastikan CSR dapat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan inovatif.

Cabaran utama yang perlu ditempuhi dalam melaksanakan CSR ialah kesedaran syarikat dan masyarakat dalam melaksanakannya³³⁴ di samping salah

³³³*Ibid.*

³³⁴“CSR: Made In China”,
http://www.bsr.org/ClientFiles/BAS/Conference2006/Materials/2006_BSR-Conference_CSR-China.pdf, 29 November 2010.

faham yang wujud mengenai maksud dan konsep CSR tersebut³³⁵. Masih terdapat banyak syarikat yang tidak melaksanakan tanggungjawab sosial kerana mereka ini berpendapat tidak perlu untuk berbakti kepada masyarakat kerana tiada faedah dan keuntungan yang akan diperolehi dari aktiviti tersebut. Sesetengah organisasi melihat CSR sebagai satu cabang dari perdagangan yang adil dan beretika, manakala sesetengah yang lain melihatnya sebagai satu pengakuan dan pengiktirafan ke atas aspirasi para pekerja di dalam sesebuah syarikat itu. Terdapat juga syarikat korporat yang menganggap CSR sebagai satu elemen yang wujud dalam perniagaan yang memasukkan unsur-unsur filantropi³³⁶. Jelas di sini, pengertian dan pemahaman yang mendalam mengenai konsep CSR masih belum dapat difahami sepenuhnya oleh syarikat yang akhirnya mewujudkan salah faham sekaligus mengurangkan penyertaan syarikat korporat dalam CSR ini. Oleh itu, pihak kerajaan perlu melebihkan usaha untuk menarik minat syarikat korporat terlibat sama dalam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.

Antara cabaran lain yang ditempuh oleh setiap organisasi korporat ialah kurangnya penyertaan masyarakat umum dalam aktiviti CSR³³⁷. Masyarakat kurang berminat untuk menyertai dan menyumbang dalam aktiviti-aktiviti CSR yang dijalankan oleh syarikat. Situasi ini menunjukkan masyarakat masih kurang pengetahuan mengenai CSR yang disebabkan oleh kurangnya usaha yang gigih dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dalam memberi kesedaran berkaitan CSR. Keadaan ini juga disebabkan oleh kurangnya komunikasi antara pihak syarikat

³³⁵“Research Capsule: The Status of Corporate Social Responsibility In India – A Note”, http://www.coprocem.com/documents/12corporate_sosial_responsibility.pdf, 29 November 2010.

³³⁶*Ibid.*

³³⁷<http://images.photogallery.indiatimes.com/photo.cms?msid=4620277>, 18 Ogos 2010.

dengan masyarakat setempat dalam usaha memperkenalkan inisiatif CSR kepada masyarakat.

Selain itu, cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan CSR ialah berkaitan dengan isu ketelusan³³⁸. Kurang ketelusan merupakan salah satu dari kunci utama yang dipersoalkan sebagaimana yang dapat dilihat dalam sebuah soal selidik yang dilakukan. Terdapat pernyataan dari syarikat-syarikat yang menyatakan wujud isu kurang ketelusan ini di pihak badan pelaksana tempatan di mana mereka ini tidak mencurahkan usaha yang sepenuhnya untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan program-program yang telah dilaksanakan, masalah dalam pengauditan, penilaian kesan dan penggunaan dana yang menyeluruh. Isu kurang ketelusan yang dinyatakan ini memberikan kesan yang negatif dalam proses membina kepercayaan antara syarikat dan masyarakat tempatan yang merupakan kunci bagi kejayaan setiap inisiatif CSR di peringkat tempatan.

Di samping itu juga, ketidaksediaadaan organisasi bukan kerajaan yang terurus dengan baik juga merupakan cabaran yang perlu dihadapi dalam pelaksanaan CSR³³⁹. Tiadanya organisasi bukan kerajaan di kawasan desa dan pedalaman yang boleh menilai dan mengenalpasti keperluan sebenar masyarakat di situ serta dapat bekerjasama dengan syarikat untuk memastikan kejayaan pelaksanaan CSR. Organisasi bukan kerajaan tidak bersedia untuk turun ke kawasan-kawasan kampung dan pedalaman untuk melaksanakan aktiviti CSR ini.

³³⁸*Ibid.*

³³⁹*Ibid.*

Atas sebab ini, masyarakat yang berada di dua kawasan ini tidak dapat menerima faedah dari program CSR yang dijalankan disebabkan wujudnya masalah ini.

Cabarannya yang berikutnya dalam melaksanakan CSR ini ialah *visibility factor* (faktor penonjolan)³⁴⁰. Peranan media dalam mengetengahkan dan menyoroti kes-kes yang baik berkaitan kejayaan inisiatif CSR yang dijalankan oleh sesebuah syarikat amat diperlukan kerana media masa memainkan peranan penting yang dapat menyebarkan cerita-cerita dan berita-berita yang baik mengenai pelaksanaan CSR. Keadaan ini secara tidak langsung mampu untuk menjadikan masyarakat lebih peka dengan berbagai inisiatif CSR yang sedang dan akan dilakukan oleh sesebuah syarikat.

Pengaruh yang jelas dalam mendapatkan populariti dan amalan penjenamaan sering menyebabkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ini terlibat dalam program-program yang berasaskan acara (*event*), yang akhirnya menjadikan syarikat ini seringkali terlupa campur tangan yang dapat memberi makna hingga ke akar umbi. Syarikat-syarikat yang melaksanakan CSR dilihat berlumba-lumba untuk menaikkan jenama masing-masing sehingga melupakan maksud dan matlamat sebenar pelaksanaan CSR itu. Syarikat sepatutnya lebih memfokuskan aktiviti CSR kepada sesuatu yang dapat meninggalkan kesan kepada masyarakat dan tidak hanya sekadar berniat untuk menaikkan nama syarikat di mata masyarakat sahaja.

Selain itu juga, pemahaman yang sempit mengenai inisiatif-inisiatif CSR³⁴¹ juga merupakan cabaran yang harus dilalui oleh syarikat dalam

³⁴⁰Ibid.

³⁴¹Ibid.

melaksanakan aktiviti CSR. Organisasi-organisasi bukan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan biasanya mempunyai pemahaman yang sempit mengenai inisiatif CSR oleh syarikat. Organisasi ini selalu melabelkan aktiviti CSR sebagai aktiviti yang hanya melibatkan pemberian derma, sumbangan dan lain-lain bentuk pemberian tanpa melihat kepada pendekatan yang dilaksanakan. Hasilnya, organisasi-organisasi merasa sukar untuk memutuskan sama ada patut menyertai ataupun tidak aktiviti-aktiviti CSR tersebut tidak kira sama ada untuk jangka masa pendek ataupun dalam jangka masa panjang.

Pemahaman yang sempit mengenai CSR ini perlu diubah bermula dari peringkat individu, masyarakat dan juga syarikat itu sendiri. Ini kerana, pelaksanaan CSR tidak hanya tertumpu kepada pemberian derma dan sumbangan dalam bentuk material sahaja tetapi lebih kepada bentuk sumbangan yang boleh diberikan oleh setiap individu sama ada dalam bentuk sumbangan tenaga, sumbangan akal dan pemikiran dan sebagainya bagi memastikan kepentingan masyarakat sentiasa terpelihara.

Ketiadaan satu garis panduan yang jelas mengenai CSR juga menjadi cabaran bagi syarikat untuk melaksanakan CSR³⁴². Ini kerana, garis panduan yang jelas akan membolehkan organisasi korporat melaksanakan CSR dengan lebih teratur dan bersistematik serta jelas matlamat dan tujuan pelaksanaannya. Ketiadaan satu garis panduan yang lengkap menjadikan syarikat melaksanakan CSR mengikut kefahaman sendiri yang kadang kala tidak menepati syarat yang telah ditetapkan. Didapati bahawa, skala bagi inisiatif CSR bagi sesebuah syarikat sepatutnya bergantung kepada saiz perniagaan dan juga profil syarikat. Dalam erti

³⁴²Ibid.

kata yang lain, semakin besar sesebuah syarikat maka seharusnya lebih besar program-program CSR yang dilaksanakan. Oleh itu, sekiranya garis panduan yang jelas mengenai CSR ini wujud, syarikat-syarikat yang berprofil tinggi tidak akan menjalankan aktiviti CSR yang kecil-kecilan dan syarikat yang bersaiz kecil dan sederhana pula tidak akan menjalankan aktiviti CSR yang menjangkaui kemampuan mereka.

Di samping itu, kurangnya persefakatan dalam isu-isu pelaksanaan CSR di kalangan agensi-agensi tempatan berkaitan projek-projek CSR yang menyebabkan berlakunya persamaan aktiviti antara organisasi korporat di kawasan operasi perniagaannya³⁴³. Keadaan ini akan menimbulkan situasi persaingan antara syarikat-syarikat tersebut dalam melaksanakan CSR. Keadaan ini tidak seharusnya berlaku kerana syarikat-syarikat korporat seharusnya bekerjasama dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan CSR ini. Faktor ini menghadkan keupayaan syarikat untuk menanggung kesan penilaian terhadap inisiatif-inisiatif mereka.

Antara cabaran lain dihadapi ialah ketidakcukupan justifikasi perniagaan dalam membuat pelaburan CSR yang diperlukan³⁴⁴. Terdapat sesetengah masalah dapat diatasi melalui rangka kerja kos-faedah analisis namun bagi sesetengah pihak hal perniagaan tersebut tidak wujud di mana risiko pasaran mempunyai kuasa dan faedah yang diperolehi dari pelaksanaan CSR tidak mencukupi. Tambahan pula, perkembangan yang jauh daripada penguatkuasaan atas ke bawah (*top-down*) oleh pembeli untuk strategi-strategi yang menggabungkan

³⁴³Ibid.

³⁴⁴“Research Capsule: The Status of Corporate Sosial Responsibility In India – A Note”, http://www.coprocem.com/documents/12corporate_sosial_responsibility.pdf, 29 November 2010.

pemberdayaan (*empowerment*), peningkatan kapasiti dan latihan turut menjadi cabaran dalam melaksanakan CSR. Pendekatan polisi atas ke bawah untuk pematuhan CSR tidak mencukupi dan pembekal yang hanya menerapkan standard CSR kerana desakan pembeli dapat mencari cara untuk mengelakkan pematuhan tersebut tanpa terlalu takut dikesan. Kebanyakan pembeli sekarang mengakui akan perlunya pemilikan bersama terhadap standard CSR di sepanjang rantaian penawaran termasuklah tumpuan kepada rasional perniagaan, sokongan pembinaan kapasiti di peringkat kilang, dan penekanan pada peranan pekerja sebagai penjamin pelaksanaan CSR³⁴⁵.

4.4 Kesimpulan

Sekiranya diperhatikan, pelaksanaan CSR ini dapat mendatangkan kebaikan bukan sahaja kepada masyarakat sekeliling dan syarikat bahkan juga kepada agama, bangsa dan negara. Program-program yang dilaksanakan oleh syarikat korporat umumnya dan institusi perbankan Islam khususnya adalah menyeluruh dan meliputi setiap aspek yang dapat memberi keuntungan kepada setiap pihak. Pelaksanaan CSR ini dapat melahirkan pekerja yang lebih beretika, mewujudkan syarikat yang lebih bertimbang rasa terhadap keperluan masyarakat, di samping dapat mengurangkan pencemaran dan kerosakan alam sekitar. Selain itu, melalui program CSR, nasib golongan miskin akan lebih terbela melalui pelbagai bentuk bantuan yang diberikan oleh institusi korporat sama ada berbentuk bantuan kewangan dan material ataupun bantuan bukan material seperti kem-kem motivasi kepada pelajar dan sebagainya. Melalui bantuan-bantuan tersebut, secara tidak

³⁴⁵Ibid.

langsung kemiskinan dalam negara dapat dikurangkan dan ekonomi negara akan dapat dibangunkan. Lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan yang secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan itu, masyarakat akan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik di masa akan datang. Kesimpulannya, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat ini sememangnya mendatangkan kesan yang positif kepada syarikat dan masyarakat termasuk juga agama, bangsa dan negara.

BAB 5 : KESIMPULAN

5.0 Rumusan

Perbankan Islam yang telah bertapak di Malaysia sejak 1983 telah menjadi nadi sistem kewangan Islam di Malaysia walaupun Malaysia bukanlah negara pertama yang mengamalkannya. Namun ekoran daripada kesedaran dan keprihatinan masyarakat Islam di Malaysia mengenai permasalahan riba telah membawa kepada perlaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia.

Selepas tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad pada 1983, institusi kewangan konvensional yang lain seperti bank perdagangan, bank saudagar, dan syarikat kewangan turut merancakkan sistem perbankan Islam di Malaysia setelah dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menawarkan perkhidmatan dan produk perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI). Usaha ini dilakukan untuk menambahkan bilangan institusi dalam sistem perbankan Islam. Selain membenarkan penubuhan bank-bank Islam, kerajaan turut membenarkan bank-bank konvensional menubuhkan syarikat subsidiari yang menawarkan perbankan Islam di samping membenarkan bank-bank konvensional menawarkan khidmat perbankan Islam dengan menggunakan infrastruktur dan cawangan sedia ada (kaunter Islam).

Penubuhan bank-bank Islam ini adalah selaras dengan matlamat Syariah Islam yang mementingkan keadilan sosial dalam masyarakat. Bank Islam tidak hanya bertindak sebagai institusi perniagaan tetapi ia juga bertindak sebagai penyelesai masalah dalam masyarakat melalui peranan dan tanggungjawabnya

sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Syariah Islam. Penglibatan institusi perbankan Islam dalam program-program CSR menunjukkan institusi perbankan berfungsi menjadi sebuah institusi kebajikan yang sentiasa bersedia untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama.

Secara umumnya, konsep CSR ini telah lama diperbincangkan sejak bermulanya tamadun manusia di mana setiap insan di muka bumi ini dianjurkan untuk berbuat baik sesama sendiri bagi menjadikan kehidupan di dunia ini lebih baik dari yang sebelumnya. Namun pengkonsepsian CSR ini mula tercusus hasil dari idea Henry Ford yang menyatakan bahawa perniagaan adalah perkhidmatan. Namun sudah menjadi lumrah, manusia sentiasa menolak untuk menerima perkara yang baru dalam hidup yang dilihat tidak memberikan kepentingan kepada mereka. Idea ini dikecam hebat di tahun-tahun awal pelaksanaannya disebabkan oleh pemahaman yang berbeza masyarakat pada masa tersebut yang melihat CSR ini sebagai satu beban kepada perniagaan dan matlamat pemaksimuman keuntungan menjadi tunjang dalam aktiviti perniagaan pada masa itu. Namun, seiring dengan kemajuan zaman, masyarakat mula membuka mata dan minda untuk menerima pakai idea CSR ini. Setelah berkurun diperbincangkan dan diperdebatkan, ditambah lagi dengan kontroversi-kontroversi yang tidak disenangi, akhirnya konsep CSR ini diterima dan diaplikasikan oleh syarikat dan masyarakat moden pada masa kini.

Penjelasan CSR dari perspektif Islam pula lebih bersifat holistik yang menunjangkan nilai moral dan pertimbangan etika terhadap prinsip-prinsip

Syariah dalam Islam. Ianya bukan merupakan satu subjek yang asing dalam Islam kerana konsep ini telah tertanam dengan kukuhnya dalam Syariah Islam. CSR dalam pandangan Islam diselidik berdasarkan paradigma taqwa, objektif-objektif Syariah dan juga prinsip-prinsip kepentingan awam. Sektor korporat yang membawa nama Islam sememangnya akan dipandu oleh prinsip-prinsip Islam dan ini terbukti kerana institusi korporat Islam ini selalunya menganggap etika dan komitmen tanggungjawab sosial mereka lebih berkekalan apabila diletakkan sepenuhnya kepada ilham samawi (*divine revelation*). Oleh itu, tidak menjadi sesuatu yang menghairankan apabila CSR ini tertanam dan tersemai secara semulajadinya dalam organisasi korporat Islam.

Dalam menganalisis pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat oleh dua pusat kajian iaitu BMMB dan Affin Bank Berhad, kajian mendapati CSR ini dilaksanakan secara rasmi dan dilaporkan sebagai sebahagian dari operasi bank di mana pelaksanaannya diletakkan di bawah satu unit khas iaitu Affin Care bagi Affin Bank Berhad dan Jabatan Komunikasi Korporat bagi Bank Muamalat Malaysia Berhad. Walaupun CSR ini merupakan sebahagian dari polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan juga oleh syarikat, namun kesedaran untuk melaksanakan CSR ini bertitik tolak dari kesedaran yang wujud dalam diri setiap individu dalam organisasi tersebut untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh Syariah. Setiap individu menyedari bahawa CSR merupakan sebahagian daripada tuntutan agama dan bukan semata-mata untuk memenuhi polisi sahaja. Kesedaran tersebut datangnya dari ketaatan terhadap Allah yang seharusnya ada dalam diri setiap Muslim. Selain dari itu, CSR ini juga dianggap

sebagai satu strategi pemasaran untuk memasarkan produk perbankan sama ada produk sedia ada ataupun produk baru yang masih dalam peringkat permulaan.

Dalam menentukan bentuk program CSR yang dijalankan oleh perniagaan di Malaysia, kajian ini telah membuat perbandingan antara program-program CSR yang telah dilaksanakan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad. Program yang dilaksanakan di Bank Muamalat Malaysia Berhad lebih terarah kepada memberikan sumbangan dalam bentuk wang ringgit kepada pihak yang memerlukan di samping melakukan usaha sama dengan pelbagai pihak untuk melaksanakan program-program berbentuk kebajikan untuk kepentingan masyarakat secara keseluruhannya. Affin Bank Berhad lebih menekankan kepada aktiviti yang dapat memberikan kesan yang maksimum kepada masyarakat melalui pembinaan rumah-rumah dan pemberian barang kepada fakir dan miskin. Walaupun berbeza bentuk program yang dilaksanakan, namun, setiap program dan aktiviti CSR yang dijalankan sama ada kecil atau besar memberikan impak yang besar kepada masyarakat, syarikat bahkan juga negara. Selain dari bentuk-bentuk program yang telah dinyatakan di atas, terdapat juga isu yang diketengahkan oleh sarjana Islam berkaitan penawaran produk yang berasaskan *qard al-hasan*. Ini kerana, konsep hutang dalam Islam lebih bersifat kebajikan dan bukannya untuk mengaut keuntungan. Oleh itu, penawaran produk berasaskan *qard al-hasan* dilihat sebagai satu medium yang membolehkan perbankan Islam khususnya melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing.

Melalui program dan aktiviti CSR yang dijalankan, kajian mendapati terdapat banyak kesan baik yang diperolehi sama ada oleh masyarakat dan juga syarikat. Antaranya ialah melalui pelaksanaan CSR ini, imej kedua-dua buah bank semakin meningkat dan dikenali oleh masyarakat yang secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar keuntungan dalam perniagaan. Selain itu juga, penyertaan syarikat korporat dalam menjaga kebajikan sosial masyarakat juga membantu mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara melalui bantuan-bantuan yang diberikan sama ada dalam bentuk kewangan ataupun pemberian harta benda. Komitmen syarikat dalam program CSR ini juga memastikan kemandirian dan kelangsungan hidup syarikat untuk tempoh jangka panjang. Ini kerana, syarikat dengan imej yang baik dan komited dalam menjaga kebajikan masyarakat cenderung untuk mempunyai pelanggan dan pengguna yang setia. Ini secara tidak langsung dapat memastikan operasi perniagaan bertahan dengan lebih lama.

Kesimpulannya, walaupun dahulunya dipandang remeh dan sering diperlekehkan, namun konsep CSR ini semakin diterima pakai dan semakin berkembang ke seluruh pelusuk alam ini. Rata-rata masyarakat seluruh dunia mula menyedari kepentingan dan faedah yang diperolehi dalam melaksanakan program-program CSR ini, sama ada kepada individu, syarikat dan juga masyarakat secara keseluruhannya.

5.1 Perancangan Masa Depan CSR

Tanggungjawab sosial korporat merupakan satu medium terbaik untuk organisasi korporat melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, konsep dan pelaksanaan CSR ini perlu diperkemas dan dimantapkan bagi memastikan ianya dapat memberikan keputusan dan kesan yang diingini sesuai dengan matlamat pelaksanaannya. Dalam memastikan CSR ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik di masa akan datang, semua pihak sama ada syarikat, masyarakat bahkan juga kerajaan perlu berganding bahu dan mengembangkan tenaga bersama-sama menjayakan CSR ini agar ianya tidak hanya menjadi satu konsep semata-mata. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang dirasakan perlu diberi perhatian untuk meningkatkan dan memantapkan pelaksanaan CSR ini.

Cadangan yang pertama ialah, menyediakan definisi CSR yang lebih jelas kepada umum sama ada syarikat dan juga masyarakat. Masyarakat perlu memahami konsep CSR dengan lebih mendalam. Ini bagi memastikan masyarakat dapat membeza antara syarikat yang baik dengan yang sebaliknya. Ini kerana, walaupun syarikat itu dilihat sentiasa memberikan sumbangan, namun tidak bermakna syarikat tersebut benar-benar melaksanakan tanggungjawab sosial mereka. Ini kerana, dalam sesetengah kes, program CSR yang dijalankan hanya sekadar rekaan ataupun sebahagian dari acara bahagian perhubungan awam bagi sesebuah syarikat korporat yang bertujuan untuk menaikkan imej syarikat di mata masyarakat. Oleh itu, kefahaman yang lebih jelas mengenai CSR ini perlu agar masyarakat dapat membezakan antara syarikat yang benar-benar melaksanakan

tanggungjawab sosial dengan syarikat yang sekadar mengikut aturan dari bahagian perhubungan awam masing-masing.

Bagi syarikat pula, kefahaman perlu diberikan kerana terdapat sesetengah syarikat yang masih tidak memahami matlamat sebenar pelaksanaan CSR ini. Program CSR yang dijalankan bukan semata-mata aktiviti yang dirancang oleh jabatan perhubungan awam dengan niat untuk menaikkan imej syarikat, tapi ianya menjangkaui lebih dari itu. Matlamat CSR ini adalah untuk memastikan syarikat sentiasa prihatin dan menjaga kebajikan pihak berkepentingannya sama ada pekerja, pemegang saham, pelanggan, bahkan juga kepada masyarakat secara umumnya termasuk juga keprihatinan kepada alam sekitar.

Peningkatan imej syarikat merupakan kesan sampingan yang diperoleh hasil dari usaha keras dan komitmen syarikat dalam melaksanakan CSR. Jika syarikat korporat hanya menganggap CSR ini merupakan sebagai sebahagian dari aktiviti jabatan perhubungan awam, maka, rasa kebertanggungjawaban dalam diri setiap individu itu tidak dapat diwujudkan. Selain itu, CSR ini bukan dilaksanakan semata-mata untuk mengelak dari membayar cukai atau sekadar untuk memenuhi polisi syarikat sahaja, tapi ianya mempunyai maksud yang lebih mendalam dan makna yang tersirat dari pelaksanaannya atas dasar untuk saling bantu membantu tolong menolong sebagaimana yang telah disarankan oleh Islam.

Selain itu, cadangan kedua yang perlu diberikan perhatian ialah menyediakan satu garis panduan yang jelas kepada syarikat korporat mengenai CSR ini. Garis panduan ini penting bagi memastikan setiap syarikat faham dan jelas mengenai kaedah pelaksanaan CSR ini. Bagi syarikat di bawah GLC, sudah

wujud garis panduan yang boleh diikuti, jadi tidak menjadi sebarang masalah untuk syarikat GLC mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Namun, bagi syarikat yang bukan di bawah kerajaan masih tiada satu garis panduan yang jelas dan khusus bagaimana untuk melaksanakan CSR. Atas sebab itu, terdapat syarikat-syarikat korporat yang melaksanakan CSR mengikut acuan sendiri tanpa ada satu panduan yang khusus mengenainya. Situasi ini akan menimbulkan beberapa isu yang akan mencacatkan pelaksanaan CSR tersebut. Antaranya ialah dari segi kapasiti dalam melaksanakan CSR tersebut.

Pelaksanaan CSR seharusnya sepadan dengan kapasiti syarikat. Syarikat yang berkapasiti besar perlu melaksanakan CSR mengikut kemampuan syarikatnya. Bukan hanya sekadar mengadakan jamuan makan untuk meraikan anak yatim dan sebagainya, tetapi, skopnya mestilah lebih luas daripada itu. Ini bagi memastikan kesan yang akan diterima berada pada tahap maksima. Bagi syarikat yang berkapasiti kecil pula, harus juga mengikut kesesuaian syarikat dalam melaksanakan CSR. Pelaksanaan CSR mestilah sepadan dengan kapasiti syarikat bagi memastikan ianya tidak membebankan syarikat dan juga bukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Selain itu, garis panduan ini diperlukan bagi membolehkan syarikat melaporkan aktiviti CSR yang dijalankan ke dalam laporan tahunan syarikat. Ini kerana, terdapat syarikat yang melaksanakan CSR tetapi tidak menyatakannya di dalam laporan tahunan masing-masing. Ini membuatkan masyarakat amnya dan pihak berkepentingan syarikat khususnya tidak mengetahui kewujudan program CSR yang dijalankan. Dengan wujudnya

garis panduan yang khusus syarikat korporat serta pihak berkepentingannya akan lebih jelas dengan perjalanan dan pelaksanaan CSR yang dijalankan.

Antara cadangan lain yang boleh diguna pakai ialah mempelbagaikan bentuk program CSR dan tidak hanya tertumpu kepada satu bentuk program sahaja. Dalam erti kata lain, tidak menghadkan aktiviti CSR hanya dengan memberi sumbangan semata-mata, tetapi mesti diluaskan skopnya dengan pelbagai aktiviti dan kaedah pelaksanaan yang lain. Sering kali tersiar di dada akhbar aktiviti yang dijalankan oleh sektor korporat hanya tertumpu kepada memberi sumbangan ataupun mengadakan makan malam bersama anak yatim dan sebagainya. Tidak dinafikan setiap aktiviti CSR yang dijalankan memberikan kesan namun apa yang diharapkan dari pelaksanaan CSR itu mestilah memberikan kesan dan impak yang maksima kepada masyarakat bagi memastikan kebijakan sosial sentiasa terpelihara. Pelaksanaan itu juga mestilah secara berterusan dan konsisten bagi memastikan kesan yang diperolehi setanding dengan usaha yang dijalankan.

Cadangan keempat dalam konteks perbankan Islam ialah menyediakan produk-produk perbankan yang boleh menjamin kebijakan masyarakat. Antaranya ialah dengan menawarkan atau menyediakan produk perbankan yang dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat. Sebagai contoh, menyediakan produk pembiayaan untuk memulakan perniagaan dan sebagainya. Tidak dinafikan bank-bank Islam yang wujud di Malaysia telah menyediakan pelbagai bentuk produk yang dapat memberi bantuan kewangan kepada masyarakat. Namun, apa yang diharapkan ialah proses dalam memperolehi pembiayaan

tersebut haruslah dipermudahkan oleh pihak bank. Ini bagi memastikan masyarakat terutama individu atau syarikat yang memerlukan pembiayaan tidak dibelenggu oleh masalah birokrasi dan sebagainya. Apa yang dapat diperhatikan, pihak bank mengenakan pelbagai syarat dan terma di samping pelbagai jenis dokumen yang perlu diisi oleh pelanggan sebelum beroleh pembiayaan. Perkara ini secara tidak langsung akan mendatangkan kesusahan dan melemahkan semangatnya untuk mendapatkan pembiayaan secara tidak langsung menyebabkan individu tersebut tidak dapat keluar dari kepompong hidupnya.

Dalam mengagihkan dana zakat kepada asnaf, antara perkara yang dipertimbangkan dalam menentukan bentuk agihan ialah sama ada asnaf tersebut produktif ataupun tidak produktif. Bagi asnaf yang tidak produktif, bantuan yang diberikan kebiasaannya dalam bentuk material dan wang ringgit. Manakala bagi asnaf yang bersifat produktif bantuan akan diberikan dalam bentuk menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka dalam menaikkan taraf hidup masing-masing. Sehubungan dengan itu, di samping peranan yang dimainkan oleh institusi zakat dalam menaiktarafkan kehidupan rakyat miskin, institusi perbankan Islam juga memainkan peranan yang sama dengan cara menyediakan produk pembiayaan yang boleh membantu golongan ini berusaha memajukan diri dan keluarga mereka. Namun, rata-rata mereka takut untuk memohon pembiayaan dengan alasan takut permohonan ditolak serta takut untuk menanggung risiko ketidakmampuan membayar balik pembiayaan tersebut. Jadi, bagaimana golongan ini mampu untuk mengubah nasib mereka jika tidak diberikan peluang

yang sewajarnya. Oleh itu, penawaran produk pembiayaan yang boleh membantu menjaga kebijakan golongan yang memerlukan ini amat diperlukan.

Sebagaimana yang telah diketahui, penawaran produk pembiayaan oleh bank-bank Islam di Malaysia ini kebanyakannya mengguna pakai prinsip *al-mudhārabah*, *al-musyārakah* dan *al-musyārakah mutanāqissah*. Manakala untuk pembiayaan peribadi, prinsip yang sering digunakan ialah *bay' al-'inah*, dan *al-tawarruq*. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, penawaran produk berdasarkan *qard al-hasan* oleh perbankan Islam merupakan sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat. Ini kerana, konsep hutang dalam Islam lebih bersifat amal kebijakan dan bukannya untuk mengaut keuntungan dari orang yang memerlukan. Namun, bagi institusi perbankan yang menjalankan operasinya melalui perniagaan, dilihat masih belum bersedia untuk menawarkan produk berdasarkan *qard al-hasan*, kerana penawaran produk ini mendatangkan risiko yang tinggi berbanding pulangan yang akan diperolehi, walaupun penawaran produk ini mampu membantu golongan yang memerlukan tersebut. Oleh itu, penciptaan produk berdasarkan *qard al-hasan* yang fleksibel sama ada kepada institusi perbankan Islam dan juga para pelanggannya amat diperlukan bagi menjamin kemaslahatan kedua-dua belah pihak.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran dan Terjemahan

Syeikh Abdullah Basmeikh (1998), *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Agama Republik Indonesia (2009), *Al-Quran Al-Karim: The Miracle*, Jakarta: PT Sygma Examedia Arkanleema.

Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (1983), *Tafsir al-Azhar*, Juzu' 2, Jakarta: Pustaka Panjimas

_____(1983), *Tafsir Al-Azhar*, Juz 5, Jakarta: Pustaka Panjimas.

_____(1982), *Tafsir al-Azhar*, Juzu' 18, Jakarta: PT Pustaka Panjiimas

Buku-buku

Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abdullah Muhammad Zin (2007), “Keadilan Sosial pada Zaman Rasulullah dan Khulafa’ Al-Rasyidin”, dalam Khairul Azhar Idris (2007), *Keadilan Sosial dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: MPH Group Printing (M) Sdn. Bhd.

Abdul Manaf Bohari & Nik Mutasim Abdul Rahman (2001), “Tanggungjawab Sosial Korporat di Malaysia: Masalah, Pelaksanaan dan Cabaran” dalam Abdul Aziz Jemain *et.al* (eds), *Isu-Isu Ekonomi dan Pengurusan di Malaysia*, Petaling Jaya: Prentice Hall.

Abū Al-Husayn Muslim Ibn Al-Hajjaj Qushayrī Al-Nisāburi (t.t), *Sahīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ihya' Al-Turās Al-‘Arabi.

Abū Bakr Jābir Al-Jazā'irī (1981), ‘Aqidāt al-Mu'min, Kaherah: Maktabāt al-Kulliyāt al-Azhāriyah.

Abū Ḥāmed Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (1994), *Bimbingan Mencapai Insan Mukmin*, Kuala Lumpur: Victory Agencie.

_____, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, juz. 3, Kaherah: Mu'assasah al-Halabi wa Syurakah.

_____(2001), “Kitāb Adab al-Kasb wa al-Ma‘asy”, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Jilid 2, Beirut: Dār al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Ahmad Sarji Abdul Hamid (2005), “Makalah Khas Keadilan Sosial di Malaysia” dalam Khairul Azhar Idris (2007), *Keadilan Sosial dari Perspektif Islam*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn.Bhd.

BIRT (1994), *Islamic Banking Practice: From The Practitioner's Perspective's*, Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd.

Blair J. Kolasa (1972), *Responsibility In Business*, New Jersey: Prentice Hall.

Imron A. Manan (1982), *Pelbagai Masalah Tauhid Popular, Jimat Mantra Santet Sihir Hari-Hari Naas, Dukun Ramal dan Lain-Lain*, Surabaya: Pustaka Bina Ilmu.

Khairul Azhar Idris (2007), *Keadilan Sosial dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: MPH Group Printing (M) Sdn. Bhd.

Mahmoud M. Ayoub (1996), *Islam, Iman dan Amal*, Johor: Perniagaan Jahabersa.

Mohd. Ali Abu Bakar (1999), *Taqwa Asas Pembentukan Ummah*, Selangor: Synergymate Sdn.Bhd.

Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (t.t), *Kamus Idris Al-Marbawi (Arab-Melayu)*, Juzu' 1, Mesir: *Tab‘ah Matba‘ah Mustafa al-Bab al-Halabi, wa Awladihī*.

Muhammad Na‘im Yasin (1996), *Persoalan Iman dan Perkara-Perkara yang Membatalkannya*, Selangor: Pustaka Ilmi.

Muhammad Ibn Ismāil Abū ‘Abd Allāh Al-Bukhārī (1987), *Al-Jāmi’ al-Ṣahīh*, Beirut: Dār Ibn Kathir.

Muhammad Yusuf al-Kandahlawi (2006), *Lives of The Sahabah*, vol.2, 2nd. Edition, Karachi: Zam Zam Publishers.

Mustafa Dakian (2005), *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.

Neil H. Jacoby (1973), *Corporate Power and Social Responsibility*, New York: Macmillan Publishing Co. Inc.

Noor Shakirah Mat Akhir (2008), *Al-Ghazali And His Theory of The Soul: A Comparative Study*, Pulau Pinang: Penerbit University Sains.

Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Samuel O.Idowu & Walter Leal Filho (2009), *Global Practices of CSR*, Berlin: Springer.

Sayyid Quṭb (1983), *al-‘Adālah al-Ijtimā’iyyah al-Islam*, Cairo: Dār Al-Shuruq.

Sayyid Sābiq (1984), *Fiqh Al-Sunnah*, Jilid 1, Beirut: Dār al-Fikr.

Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, edisi ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sudin Haron (2007), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School.

Syed Othman Alhabshi, Syed Omar Syed Agil & Nik Mustapha Nik Hassan *et.al* (1998), *Islamic Management for Excellence: Revitalizing People for The Future*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.

Yusuf Al-Qarādhawi (1981), *Fiqh Al-Zakat*, Juzu'1, Beirut: Muassasah Al-Risālah.

Tesis, Disertasi dan Latihan Ilmiah

Asyraf Wajdi Dusuki (2005), “Corporate Social Responsibility of Islamic Banks in Malaysia: A Synthesis of Islamic and Stakeholders’ Perspectives”, (Tesis PhD. University of Loughborough, United Kingdom).

Jawed Akhtar Mohammed (2007), “Corporate Social Responsibility in Islam”, (Tesis PhD. Universiti Teknologi Auckland, New Zealand).

Mohd Daud Awang (2007), “Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Sistem Perbankan Islam Di Malaysia: Suatu Kajian Di Pantai Timur Semenanjung Malaysia,” (Tesis Phd bagi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Sanusi Abdul Manaf (2006), “Tanggungjawab Sosial dalam Pentadbiran Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji Kuala Lumpur”, (Disertasi MA. Syariah, Jabatan Siasah Syar’iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Siti Zalina Muhammad (1997), “Konsep Berkat: Sejauhmana Keberkesanannya dalam Pembentukan Peribadi Muslim Kini”, (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Risalah, Jurnal, Web dan lain-lain

“1Malaysia Young Entrepreneur Challenge (1MYEC)”

<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/marketplace/2011/1myec-program.html>, akses pada 15 November 2011.

Amaeshi, K. (2004). “Stakeholder Framework Analysis of the Meaning and Perception of Corporate Social Responsibility: A North-South Comparison”. *The World Bank Institute and the Zicklin Center for Business Ethics Research at the Wharton School of Business Essay and Research Competition* on "The Role of Business in Development — Future Leaders' Perspectives" finalist papers. http://info.worldbank.org/etools/docs/library/57481/northsouth_finalist.pdf, akses pada 30 Mei 2009.

APEC (2005), “Corporate social Responsibility in The APEC Region: Current Status and Implications”, www.apec.org/apec/publications.MedialibDownload.v1.html, akses pada 29 November 2010.

Asyraf Wajdi Dusuki (2008), “What Does Islam Say About Corporate Social Responsibility?”, *Review of Islamic Economics*, Jil. 12, Bil. 1 2008, hh. 5-28.

Asyraff Wajdi Dusuki (2006), “Stakeholder’s Expectation Towards Corporate Social Responsibility of Islamic Banks”, *International Accounting Conference 3*, 26th-28th June 2006, International Islamic University Malaysia Kuala Lumpur.

Asyraf Wajdi Dusuki (n.d), “*Maqasid Al-Shariah, Maslahah* and Corporate Social Responsibility”, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Jil. 24, Bil. 1, hh. 25-45.

Bank Muamalat Malaysia Berhad (2004), *Informasi Korporat*.

Carroll Archie B. (1991), "The Pyramid of Corporate Social Responsibility: Toward The Moral Management of Organizational Stakeholders", *Business Horizons*, July-August.

Centre for Social Markets (2001), "Corporate Social Responsibility: Perceptions of Indian Business",
http://www.csmworld.org/public/pdf/social_respons.pdf, akses pada 15 Jun 2009.

Curtis C. Verschoor, "Consumers Consider the Importance of Corporate Social Responsibility",
<http://www.imanet.org/pdf/8ethics.pdf>, akses pada 3 Jun 2009

David Henderson (2001), *Misguided Virtue: False Notions of Corporate Social Responsibility*, London: The Institute of Economic Affairs.

Dirk Matten & Jeremy Moon (2008), "Implicit and Explicit CSR: A Conceptual Framework for A Comparative Understanding of Corporate Social Responsibility". *Academy of Management Review*. Jil. 3 bil. 2, hh. 404-424.

Economist Intelligence Unit, "The Importance of Corporate Responsibility",
http://graphics.eiu.com/files/ad_pdfs/eiuOracle_CorporateResponsibility_WH.pdf, akses pada 2 Jun 2009

Filemon A. Uriarte, Jr. (2008), "The Asean Foundation and The Emerging CSR Issues and Challenges",
<http://www.aseanfoundation.org/CSR/documents/The%20ASEAN%20Foundation%20&%20Emerging%20CSR%20Issues%20&%20Challenges.pdf>, akses pada 29 November 2010.

Geoffrey Heal (2005). Corporate Social Responsibility: An Economic and Financial Framework. *The Geneve Papers on Risk and Insurance-Issues and Practice*. Broadway: USA.

George Balabanis, Hugh C. Phillips, & Jonathan Lyall (1998). "Corporate Social Responsibility and Economic Performance in The Top British Companies: Are They Linked?", *European Business Review*, Vol. 98 no. 1, hh. 25–44.

Gillian Rice (1999), "Islamic Ethics and The Implications for Business", *Journal of Business Ethics*, 18:345-358.

Into Mainstream Strategy: A Stakeholder-Oriented and Integrative Strategic Management Framework". *Corporate Governance*. Jil. 7 Bil. 4, hh. 355-369.

Janet L. H Looi (2005). The Relevance of Corporate Social Responsibility (CSR) For Asian Business. *Paper presented at The Asia Corporate Governance Conference 2005*, Prince Hotel & Residence: Kuala Lumpur.

Joni Tamkin Borhan (2000), "Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangannya", *Jurnal Usuludin*, Bil 12, Disember, hh. 105-128.

Mohan, A. (2001), "Corporate Citizenship: Perspectives from India", *Journal of Corporate Citizenship*, no.2, hh. 17-107.

Mohd Rizal Muwazir @ Mukhzir, Rusnah Muhamad & Kamaruzzaman Noordin (2006), "Corporate Social Responsibility Disclosure: A Tawhidic Approach", *Jurnal Syariah*, Jil. 14, Bil. 1 2006, hh. 125-142.

Monzer Kahf, Ausaf Ahmad & Sami Homud (1998), "Islamic Banking and Development : An Alternative Banking Concept?",
http://monzer.kahf.com/papers/english/Isbnk_and_dev_alternative_bankin g_concept.pdf, akses pada 11 Mac 2009.

Min-dong Paul Lee (2008), "Theory of Corporate Social Responsibility: Its Evolutionary and The Road Ahead", *International Journal of Management Reviews* 2008, hh. 1-37.

Nik Nazli Nik Ahmad, Maliah Sulaiman & Dodik Siswantoro (2003), "Corporate Social Responsibility Disclosure in Malaysia: An Analysis of Annual Reports of KLSE Listed Companies", *IIUM Journal of Economics and Management*, Jil. 11 Bil. 1 2003, hh. 1-37.

Oliver Falck & Stephen Hebllich (2007), “Corporate Social Responsibility : Doing Well By Doing Good”, Business Horizon, 50, hh. 247-254.

Risalah Affin Bank Berhad.

Rusnah Muhamad (2007), “Corporate Social Responsibility: An Islamic Perspectives’, *International Conference On Global Research in Business and Economics*, 27-29 December, Bangkok: Thailand.

Takis Katsoulakos, & Yannis Katsoulacos (2007), “Strategic Management Corporate Responsibility and Stakeholder Management Intergrating Corporate Responsibility Principles and Stakeholder Approaches Into Mainstream Strategy: A Stakeholder-Oriented and Integrative Strategic Management Framework”, *Corporate Governance*, Jil. 7 Bil. 4, hh. 355-369.

Tay Kay Luan (2005), The Relevance of Corporate Social Responsibility (CSR) For Asian Business. *Paper presented at The Asia Corporate Governance Conference 2005*, Prince Hotel & Residence: Kuala Lumpur.

“AFFINBANK shares raya delight with armed forces personnel”, <http://www.affinbank.com.my/news/040908bi.htm>, akses pada 19 November 2011.

“ AFFINBANK Kembang Projek Pembinaan Rumah Rakyat Termiskin Ke Pahang Bank Salur Wang Zakat RM600,000.00 Bagi Pembinaan 20 Buah Rumah Untuk Rakyat Termiskin”, <http://www.affinbank.com.my/news/140809bm.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

“AFFIN ISLAMIC Participates In RM330 Million Syndication Facility For Construction Of Kolej Universiti Insaniah”, <http://www.affinbank.com.my/news/22022010bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

“Affinbank Launches New Savings Account For Senior Citizens To Increase Deposits Growth”, <http://www.affinbank.com.my/news/191009bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

“CSR and The Legitimacy of Business Transition Economies: The Case of Russia”,

http://www.sciencedirect.com/science?_ob=ArticleURL&_udi=B6VFS-4V995SC-1&_user=152948&_rdoc=1&_fmt=&_orig=search&_sort=d&_docanchor=&view=c&_searchStrId=946757741&_rerunOrigin=google&_acct=C00012678&_version=1&_urlVersion=0&_userid=152948&md5=f6804285f3f7be9fd216091ab8e27976, akses pada 5 Jun 2009.

“CSR: Made In China”,

http://www.bsr.org/ClientFiles/BAS/Conference2006/Materials/2006_BS_R-Conference_CSR-China.pdf, akses pada 29 November 2010.

“Corporate Social Responsibility”,

<http://www.cipd.co.uk/subjects/corpstrgy/corpsocres/CSRfact.htm>,
30 Mei 2009

“Dasar Sosial Negara”, <http://pmr.penerangan.gov.my/page.cfm?name=sosial>,
akses pada 11 Julai 2009.

“Football Talent Clinic With Tottenham Hotspur's Legend”,

<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2011/football-talent-clinic.html>, akses pada 15 November 2011.

“Hari Amal Masih Ada Yang Sayang (MAYS) 2008”,

<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2008.html>, akses pada 15 November 2011.

“Insentif Cukai Galak Swasta Laksana Misi Sosial”,

<http://iss2.etax.com.my/visitors/budgetHighlight.nsf/c3517afc4934105d482571ca000b210d/7b243909de1237f5482571d9000f61ac?OpenDocument>,
22 Julai 2009

“Islam Galak Korporat Laksana Tanggungjawab Kemasyarakatan”,

<http://www.ikim.gov.my>, akses pada 6 Jun 2009.

“Kejohanan Futsal Bersama Media 2010”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2010/kejohanan-futsal.html>, akses pada 15 November 2011.

“Kempen Derma Darah 2010”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2010/kempen-derma-darah.html>, akses pada 15 November 2011.

“Kembara Qurban Kemboja 2010”, <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2010/kembara-qurban-kemboja-2010.html>, akses pada 16 November 2011.

“Laporan Ekonomi 2007/2008”,
http://www.treasury.gov.my/view.php?dbIndex=0&website_id=1&id=2682, akses pada 22 Julai 2009.

“Lawatan Sambil Belajar oleh Pelajar UiTM Cawangan Arau”,<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2010/lawatan-uitm.html>, akses pada 15 November 2011.

“List of Financial Institutions Offering Islamic Banking Services,”
http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_ib&pg=menu_know_ibt_ib_list, akses pada 11 Mei 2011.

“Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Mawaddah 2 Cawangan Segamat”,
<http://www.muamalat.com.my/corporateoverview/corporateresponsibility/community/2011/tabung-mawaddah2-segamat.html>, akses pada 15 November 2011.

“Majlis Menandatangani Perjanjian Pembiayaan Antara The Combined Bus Services Sdn Bhd Dengan Bank Muamalat”,<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/marketplace/2011/maj-menandatangani-tcbs-bm.html>, akses pada 15 November 2011.

“Memangkinkan Transformasi GLC kepada Pembangunan Malaysia Termaju”,
<http://www.pcg.gov.my/PDF/abridged%20bm%20pdf.pdf>, akses pada 2 Disember 2010.

“Misi Bantuan Kemanusiaan Bencana Gempa Bumi di Padang, Sumatera”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2009/misi-bantuan-kemanusiaan.html>, akses pada 15 November 2011.

“Muamalat Community Mortgage (MCM)”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/marketplace/2011/muamalat-community-mortgage.html>, akses pada 15 November 2011.

“O.M.G! RM1.2 Billion Deposits by AFFIN BANK”,
<http://www.affinbank.com.my/news/20052011bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

“Pentingnya Keberkatan Dalam Rezeki”, <http://intim.wordpress.com/2007/06/05/>, akses pada 10 April 2010.

“Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja 2011”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2011/perhimpunan-hari-pekerja.html>, akses pada 15 November 2011.

“Program Gotong-Royong Peringkat Ibu Pejabat 2010”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2010/program-gotong-royong.html>, akses pada 15 November 2011.

“Program Hari Amal Masih Ada Yang Sayang (MAYS) 2010”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2010/mays.html>, akses pada 15 November 2011.

“Program Masih Ada Yang Sayang Sabah”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2010/program-mays-sabah.html>, akses pada 15 November 2011.

“PM Mahu Swasta Tingkat Tanggungjawab Sosial”,
http://www.anugerahCSRmalaysia.org/2007/11/20/pm_mahu_swasta_tingkat_tanggungjawab_sosial/, 11 Julai 2009.

“Program Kejohanan Bowling Persahabatan Antara BMMB vs CMCA”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2011/kejohanan-bowling-BMMB-CMCA.html>, akses pada 15 November 2011.

“Prize-Giving and Closing Ceremony Trees' School Programme 2011 ~ Young Voices For Conservation”,
<http://www.affinbank.com.my/news/15112011bi.htm>, akses pada 1 Disember 2011.

“Rancangan Malaysia Ke-Sembilan 2006-2010,”
<http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Peruntukan1.pdf>, akses pada 16 Jun 2009.

“Report On Health Talk and Screening” <http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/workplace/2010/report-on-health-talk.html>, akses pada 15 November 2011.

“Research Capsule: The Status of Corporate Sosial Responsibility In India – A Note”,
http://www.coprocem.com/documents/12corporate_sosial_responsibility.pdf, akses pada 29 November 2010.

“Rezeki Diberkati Lihat Dari Pelbagai Sudut”,
<http://nurjeehan.hadithuna.com/2007/02/rezeki-diberkati-lihat-dari-pelbagai-sudut/>, akses pada 18 Jun 2010.

“Skim Rumah Pertamaku”, <http://www.srp.com.my/index.html>, akses pada 10 Mei 2011.

“The Growing Importance of Corporate Social Responsibility,” <http://ethisphere.com/the-growing-importance-of-corporate-social-responsibility/>, akses pada 2 Jun 2009.

“Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin”,
<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2009/tabung-kemanusiaan.html>, akses pada 14 Disember 2011.

“Tanggungjawab Sosial Korporat”,
<http://www.ambg.com.my/download/general/investorrelations/annualreport/2007>, akses pada 10 Julai 2009.

“Ucapan Bajet 2007”, <http://www.epu.jpm.my/bajet/bmbajet2007.pdf>, 22 Julai 2009.

“Ucapan Bajet Tahun 2008”,
http://www.pmo.gov.my/WebnotesApp/abdullah.nsf/hr_PMKiniSemasaNew/, akses pada 11 Julai 2009

“Ucapan bajet 2009”, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub09.pdf>, 16 Jun 2009.

“Ucapan bajet 2010”, www.lawnet.com.my/lawnetpublic/2010Bajet.pdf, akses pada 9 Mei 2010.

“Ucaptama YB Menteri Majlis Perasmian Pelancaran Infosti@Mosti 22 Februari 2009 Di Kota Marudu, Sabah”
<http://www.mosti.gov.my/mosti/speech/minister/%20Ucapan%20Menteri%20infosti.pdf>, akses pada 11 Oktober 2010.

“Understanding and Developing Strategic Corporate Social Responsibility”, http://pheslin.cox.smu.edu/documents/Understanding_and_Developing_Strategic_Corporate_Social_Responsibility.pdf, akses pada 20 Oktober 2009.

[http://en.wikipedia.org/wiki/Stakeholder_\(corporate\)](http://en.wikipedia.org/wiki/Stakeholder_(corporate)), akses pada 1 September 2010.

<http://images.photogallery.indiatimes.com/photo.cms?msid=4620277>, akses pada 18 Ogos 2010.

<http://www.sciencedirect.com/science/article/B6W45-4NB7DRV-C/2/dafab0ed3dc5d5924411fc8c6846039b>, akses pada 11 Jun 2009.

<http://www.affinbank.com.my/corporate/history.html>, akses pada 8 Julai 2009.

<http://www.businessdictionary.com/definition/stakeholder.html>, akses pada 1 September 2010.

http://www.muamalat.com.my/index.php?pg=corporate_information&ac=12, akses pada 9 Julai 2009.

http://www.muamalat.com.my/index.php?pg=corporate_information&ac=14, akses pada 14 Julai 2009.

http://www.pcg.gov.my/tran_manual.asp, akses pada 2 Disember 2010.

<http://iss2.etal.com.my/visitors/budgetHighlight.nsf/c3517afc4934105d482571ca000b210d/7b243909de1237f5482571d9000f61ac?OpenDocument>, akses pada 22 Julai 2009.

<http://www.affinbank.com.my/ar09/Islamic/Financial.pdf>, akses pada 29 Julai 2010

http://www.anugerahCSRmalaysia.org/2007/11/20/pm_mahu_swasta_tingkat_tan_ggungjawab_sosial/, akses pada 11 Julai 2009.

<http://www.cipd.co.uk/subjects/corpstrtg/corpsocres/CSRfact.htm>, akses pada 30 Mei 2009

http://www.csmworld.org/public/pdf/social_respons.pdf, akses pada 15 Jun 2009.

<http://www.imanet.org/pdf/8ethics.pdf>, akses pada 3 Jun 2009

http://www.muamalat.com.my/v2/downloads/audited/Audited_Account_2010.pdf
akses pada 29 Julai 2010

http://www.pmo.gov.my/WebnotesApp/abdullah.nsf/hr_PMKiniSemasaNew/,
akses pada 11 Julai 2009

http://www.pmo.gov.my/WebnotesApp/abdullah.nsf/hr_PMKiniSemasaNew/,
akses pada 11 Julai 2009.

http://www.treasury.gov.my/view.php?dbIndex=0&website_id=1&id=2682,
akses pada 22 Julai 2009.

<http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Peruntukan1.pdf>, akses pada 16 Jun 2009.

<http://www.ambg.com.my/download/general/investorrelations/annualreport/2007>,
akses pada 10 Julai 2009

www.apec.org/apec/publications.MedialibDownload.v1.html, akses pada 29 November 2010.

www.muamalat.com.my/downloads/corporate-overview/audited/Audited_Account_2010.pdf, akses pada 11 Mei 2011.

<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2011.html>, akses pada 15 November 2011.

<http://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate-responsibility/community/2011.html>, akses pada 15 November 2011.

Temubual

Temubual bersama Pegawai Jabatan Komunikasi Korporat Bank Muamalat Malaysia Berhad Encik Hanif bin Adha pada 11 Disember 2009.

Temubual bersama Presiden Affin Care Affin Bank Berhad Puan Faizah binti Isa pada 18 Disember 2009.